APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN 2026

JILID 2: ZON PANTAI TIMUR

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 2: Zon Pantai Timur)

Disunting Oleh:
Siti Nur Ain Zakinuddin
Teo Lee Ken
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Laporan Disediakan Oleh:
Siti Nur Ain Zakinuddin
Nur Syadhira Mohd Razali

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-53-2

Sidang Editorial	
Penyunting	Siti Nur Ain Zakinuddin Teo Lee Ken Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Penulis	Siti Nur Ain Zakinuddin Nur Syadhira Mohd Razali
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Isi Kandungan


















Kata Aluan



YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Rantau Panjang (P.023)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera.

Saya mewakili barisan Ahli Parlimen di Zon Pantai Timur serta sebagai Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran dan tahniah atas *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 2: Zon Pantai Timur)* ini. Zon Pantai Timur merupakan zon yang unik dengan kepelbagaian geografi, warisan budaya, dan potensi ekonomi tempatan. Pada tahun 2026, kawasan yang terlibat dengan pemetaan isu merangkumi landskap bandar dan pinggir bandar, dataran pertanian, kawasan pesisir pantai, penempatan FELDA, sehingga ke pedalaman dan perkampungan Orang Asli. Penerbitan *Kompilasi ini yang merangkumi* lima kawasan parlimen menjadi manifestasi iltizam bersama dalam memacu pembangunan yang seimbang serta inklusif.

Penerbitan *Kompilasi* ini memberikan impak yang positif dalam usaha menyusun arah tuju pembangunan kawasan secara terancang dan bersasar. Sebagai penerbitan kajian lapangan, ia berfungsi sebagai panduan berasaskan bukti yang membolehkan perancangan dasar dilaksanakan secara lebih cekap. Segala maklumat yang dihimpunkan membantu memperkukuh kerjasama berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals,* SDG) di peringkat tempatan. Hasil dapatan ini seterusnya membuka ruang kepada pelaksanaan pelbagai program yang memberi nilai tambah tinggi kepada sosioekonomi masyarakat.

Manfaat daripada kajian yang dijalankan akan dirasai secara langsung oleh pelbagai pihak berkepentingan. Komuniti akar umbi bakal menikmati kualiti hidup yang lebih baik menerusi perancangan kemajuan yang fokus. Pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, dan penggubal dasar memperoleh rujukan strategik dalam menyalurkan peruntukan serta merangka projek berimpak tinggi. Semoga penerbitan berharga ini menjadi pemangkin kepada kemakmuran dan kesejahteraan berterusan di seluruh Zon Pantai Timur.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan tahniah dan syabas kepada kumpulan penyelidik yang telah bekerja keras dalam mendapatkan isu realiti di peringkat akar umbi serta meneliti dan menyampaikan isu-isu terkumpul kepada agensi berkaitan. Saya juga ingin menekankan peranan penting APPGM-SDG dalam menyuarakan realiti kehidupan masyarakat. Usaha ini berjaya mengangkat isu tempatan daripada komuniti akar umbi terus ke peringkat pembuatan dasar. Pendekatan *bottom-up* ini memastikan setiap suara rakyat didengari dengan teliti oleh penggubal dasar bagi tujuan tindakan. Semoga kerjasama strategik ini terus kukuh demi merealisasikan agenda pembangunan mampan yang saksama untuk semua.

Prakata



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) bermula dengan memahami bagaimana keutamaan pembangunan nasional dirasai oleh masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Walaupun dasar-dasar nasional yang menetapkan hala tuju untuk pembangunan, ia adalah di peringkat-peringkat komuniti, daerah dan kawasan parlimen di mana realiti cabaran-cabaran ketaksamaan, akses kepada perkhidmatan, mata pencarian kehidupan dan alam sekitar dihadapi secara langsung. Di sini dasar-dasar pembangunan bertemu dengan realiti-realiti masyarakat dan komuniti, dan di mana jurang antara niat dasar dan pengalaman hidup kerap kali paling terlihat.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (*All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs, APPGM-SDG)* telah berusaha untuk memahami realiti-realiti ini dengan lebih baik menerusi pemetaan isu di peringkat kawasan parlimen. Dari tahun ke tahun, kita telah mempunyai peluang untuk berjumpa komuniti, mendengar suara akar umbi, menjalankan proses libaturus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan mencatatkan isu-isu yang memberi kesan kepada masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Pengalaman-pengalaman ini telah mengingatkan kita bahawa pembangunan mampan tidak dapat digerakkan dari atas ke bawah semata. Ia harus bermula dengan pemahaman yang benar tentang masyarakat, tempat dan keadaan yang ingin kita menyokong.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) yang meliputi 16 kawasan parlimen adalah sebahagian daripada proses yang berterusan ini. Dengan membawa bersama dapatan daripada kawasan parlimen yang berlainan, ia membolehkan kita untuk melihat menjangkaui kes-kes individu dan mengenalpasti corak-corak pola yang lebih umum dan luas, cabaran-cabaran bersama dan realiti yang unik di kawasan-kawasan yang berlainan. Terdapat isu yang sama merentasi kawasan-kawasan parlimen, manakala ada yang akan dibentuk oleh faktor-faktor geografi, ekonomi tempatan, akses kepada infrastruktur, keperluan-keperluan komuniti dan kapasiti institusi-institusi tempatan.

Untuk APPGM-SDG, proses pemetaan isu bukan sekadar mendokumentasikan masalah. Ia adalah untuk memahami mengapa terdapat isu-isu yang masih berterusan, mengenali apa yang sudah dilakukan oleh komuniti-komuniti untuk menangani isu-isu ini, dan mengenalpasti di mana penyelarasan atau sokongan yang lebih baik diperlukan. Dapatan-dapatan ini dapat membantu mengukuhkan perbincangan dan kerjasama antara Ahli-ahli Parlimen, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, dan lebih penting lagi, komuniti itu sendiri.

Seiring dengan berlangsungnya perjalanan penyetempatan APPGM-SDG, peranan bukti dan dapatan di peringkat lapangan menjadi kian mustahak. Dapatan-dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat memberikan perspektif-perspektif yang berguna untuk perbincangan dasar, pembangunan program dan agihan peruntukan sumber, sambil membantu pembuat keputusan menghargai dengan lebih baik keperluan dan keutamaan merentasi kawasan-kawasan yang berlainan.

Dapatan-dapatan ini seharusnya mendorong kita untuk bertanya apa lagi yang boleh dilakukan di peringkat dasar dan institusi. Kebanyakan isu yang ditemui bukan sesuatu yang baru, dan ada antaranya yang memerlukan tindakan yang menjangkaui kapasiti komuniti-komuniti atau pihak-pihak tempatan secara sendirinya. Kita berharap yang dapatan yang diperolehi menerusi proses ini akan dipertimbangkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan, khususnya dalam menyemak semula program-program sedia ada, menguatkan lagi pelaksanaan dan menggerakkan sumber-sumber ke tempat mana yang paling diperlukan. Pemetaan isu tidak seharusnya berakhir dengan mengenal pasti masalah sahaja; ia harus membantu membentuk suatu hala tuju yang lebih jelas bagi mencapai tindakan dan akauntabiliti.

Saya berharap *Kompilasi* ini akan dilihat sebagai lebih daripada pengumpulan dapatan semata. Di sebalik setiap isu yang dicatat adalah masyarakat, komuniti dan pengalaman hidup yang sebenar. Suara mereka harus terus membimbing kita dalam cara kita berfikir tentang pembangunan dan di mana kita menghalakan usaha-usaha kolektif kita.

Semoga *Kompilasi* ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang komuniti-komuniti kita, dan akhirnya, untuk mencapai suatu perjalanan pembangunan yang lebih terangkum di mana tiada kawasan, komuniti atau individu yang ditinggalkan.

Pengenalan



DR. SITI NUR AIN ZAKINUDDIN
Ketua Zon Pantai Timur

Pemetaan isu tahun 2026 di Zon Pantai Timur melibatkan lima kawasan parlimen, iaitu Pengkalan Chepa (P.020), Kubang Kerian (P.024), Kuala Terengganu (P.036), Jerantut (P.081), dan Rompin (P.091). Ini sebahagian daripada 16 kawasan parlimen baru yang terlibat dalam gerak kerja 2026. Taburan kawasan merentas enam zon dan wilayah ditunjukkan di *Rajah 1* dan *Jadual 1*.

Rajah 1. 16 Kawasan parlimen yang terlibat dengan APPGM-SDG pada tahun 2026



Zon Pantai Timur menampilkan keunikan geografi dan sosioekonomi yang pelbagai. Keunikan ini merangkumi dataran pertanian yang subur, perkampungan nelayan pesisir dan darat, penempatan FELDA serta Skim Tanah Rakyat (STR). Struktur sosioekonomi tempatan dipandu oleh sektor pertanian, perladangan kelapa sawit dan getah, perikanan marin dan akuakultur, perusahaan kecil dan sederhana (IKS), pelancongan, sektor perkhidmatan dan pendidikan tinggi. Di sebalik potensi ekonomi yang besar, wujud jurang pembangunan yang nyata serta cabaran sosioekonomi rentas komuniti yang mendalam mengikut dimensi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Hasil pemetaan dirumuskan kepada empat dimensi utama, iaitu dimensi ekonomi dan keterjaminan

makanan, dimensi infrastruktur asas dan ketahanan iklim, dimensi pembangunan dan keterangkuman sosial dan dimensi tadbir urus dan kebajikan.

Bagi dimensi ekonomi dan keterjaminan makanan, kelangsungan hidup komuniti tani dan nelayan terancam akibat lonjakan kos input serta gangguan rantaian nilai. Di sektor pertanian, pesawah di Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Jerantut, dan Rompin terbeban dengan kenaikan harga benih, baja, dan racun. Sektor perikanan menyaksikan nelayan pantai di Chendering, Pengkalan Chepa, dan Rompin dihimpit pencerobohan bot zon laut dalam dan penggunaan pukat tunda.

Menerusi dimensi infrastruktur asas dan ketahanan iklim, krisis bekalan air terawat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) memberi impak kehidupan seharian penduduk di Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Kuala Terengganu, Jerantut, serta Rompin akibat tekanan rendah, gangguan kerap, dan kualiti air yang keruh serta berkarat. Keadaan ini memaksa komuniti menanggung kos tambahan sistem penapisan bagi sumber alternatif seperti air bawah tanah (*boring*), perigi, atau graviti bukit. Bagi penempatan STR Perwira Jaya serta generasi kedua FELDA di Rompin dan Jerantut, sebilangan komuniti tiada akses utiliti asas berikutan isu status pemilikan tanah. Tambahan pula, cabaran iklim dan infrastruktur fizikal kian meruncing. Contohnya, ketiadaan sistem perparitan utama yang mencetuskan banjir termenung kronik di Kampung Wakaf Stan. Hakisan pantai kritikal di Pantai Dasar, Pantai Cahaya Bulan, Chendering, dan Rompin telah meruntuhkan benteng serta jeti nelayan.

Untuk dimensi pembangunan dan keterangkuman sosial, jurang peluang pekerjaan berkualiti dan kadar upah rendah menjadi faktor utama penghijrahan belia luar bandar ke luar negeri. Keadaan ini diburukkan promosi TVET seperti ADTEC, GIATMARA dan Kolej Vokasional yang terhad di kawasan pedalaman, FELDA, dan perkampungan Orang Asli. Ketiadaan ruang rekreasi awam di kawasan padat seperti Gong Dermin dan Kuala Terengganu membuka ruang kepada penularan gejala sosial seperti penggunaan vape, ketum, dan dadah (*mushroom*) seawal usia sekolah rendah di Kedai Lalat, Pengkalan Chepa, dan kawasan FELDA. Krisis kesihatan mental berlaku dalam kalangan pelajar di Kuala Terengganu. Kelompok rentan terus terpinggir daripada ekosistem sokongan. Contohnya, komuniti OKU pekak di Kuala Terengganu tiada akses perkhidmatan awam yang inklusif serta kuota pekerjaan terhad kepada 1 peratus. Manakala Orang Asli di Kampung Tanam (Rompin) dan Kampung Sungai Koi (Jerantut) dihimpit isu pengecilan tanah adat, keciciran akademik, dan diskriminasi.

Bagi dimensi tadbir urus dan kebajikan, kekangan birokrasi dan ketidaktentuan hak milik tanah menjadi halangan utama kepada kemajuan sosioekonomi akar umbi. Isu tanah

tidak berwarta, permohonan geran yang tergantung puluhan tahun, serta status Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau STR di Jerantut, Rompin, dan Pengkalan Chepa bukan sahaja menyekat petani daripada meraih bantuan modal Jabatan Pertanian, malah merumitkan pemilikan kediaman generasi kedua FELDA. Beban ini turut dirasai pekebun Orang Asli di Rompin dan Jerantut ekoran caj komisen serta sewaan lesen sawit oleh syarikat ORACO yang menjejaskan pendapatan mereka. Di peringkat kebajikan keluarga, isu perkahwinan tidak berdaftar di Pengkalan Chepa serta keberadaan penduduk tanpa dokumen di rizab sungai Kubang Kerian mencetuskan masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri (sijil lahir/MyKad) dalam kalangan anak-anak, lantas menafikan hak asas mereka terhadap pendidikan formal.

Dapatan ini membuktikan bahawa cabaran sosioekonomi di Zon Pantai Timur saling berkait merangkumi tekanan agromakanan, krisis air dan bencana iklim, jurang modal insan, serta kepincangan tadbir urus dan isu tanah. Kerentanan yang berakar umbi di kelima-lima kawasan ini menegaskan bahawa pendekatan *top-down* tidak lagi memadai tanpa menyelami realiti setempat. Justeru, pemetaan isu berasaskan bukti (*evidence-based issue mapping*) penting bagi membolehkan penggubal dasar, agensi kerajaan, dan pimpinan tempatan merangka strategi intervensi yang menyeluruh, berkesan, dan bersasar.

Jadual 1. Senarai 16 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2026

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Pokok Sena	P.008	YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	Dr. Thanaraj Murudi
2.	Utara	Padang Serai	P.017	YB Dato' Azman bin Nasrudin	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	Dr. Thanaraj Murudi
3.	Utara	Batu Gajah	P.066	YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	Dr. Thanaraj Murudi
4.	Pantai Timur	Pengkalan Chepa	P.020	YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Nur Syadhira Mohd Razali
5.	Pantai Timur	Kubang Kerian	P.024	YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
6.	Pantai Timur	Kuala Terengganu	P.036	YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu	Nur Syadhira Mohd Razali
7.	Pantai Timur	Jerantut	P.081	YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	Nur Syadhira Mohd Razali
8.	Pantai Timur	Rompin	P.091	YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	Nur Syadhira Mohd Razali
9.	Tengah	Puchong	P.103	YB Puan Yeo Bee Yin	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Dr. Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10.	Tengah	Putrajaya	P.125	YB Dr. Radzi Jidin	PN-BERSATU	Jabatan Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya (PPj)	Nurul Syaza Mazelan
11.	Selatan	Kota Melaka	P.138	YB Tuan Khoo Poay Tiong	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	Siti Noraiysah Rohim
12.	Sabah	Sepanggar	P.171	YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud	PH-PKR	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
13.	Sabah	Batu Sapi	P.185	YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan	GRS	Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
14.	Sarawak	Petra Jaya	P.194	YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof	GPS-PBB	Pejabat Residen Bahagian Kuching; Pejabat Daerah Kuching; Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Raine Melissa Riman
15.	Sarawak	Sri Aman	P.202	YB Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi	GPS-PRS	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman; Pejabat Daerah Sri Aman; Pejabat Daerah Pantu; Pejabat Daerah Lingga; Majlis Daerah Sri Aman	Raine Melissa Riman
16.	Sarawak	Sibu	P.212	YB Tuan Oscar Ling Chai Yew	PH-DAP	Pejabat Residen Bahagian Sibu; Pejabat Daerah Sibu; Majlis Perbandaran Sibu; Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **1 – 13**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **17– 21**

1.1 Geografi/Topografi 17

1.2 Komposisi Penduduk 18

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 18

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 19

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **22 – 25**

2.1 Pendekatan Kajian 22

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 23

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 24

2.4 Keterbatasan Kajian 25

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **26 – 31**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **32 – 81**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 32

4.2 Pengutamaan Isu 71

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **82**

6.0 RUJUKAN **84**

P.020
Pengkalan Chepa

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.020 Pengkalan Chepa

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - PENGKALAN CHEPA

7 - 9 APRIL 2026
(SELASA - KHAMIS)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PENGKALAN CHEPA, YB DATUK HAJI AHMAD MARZUK SHAARY



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 7 APRIL 2026

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Penjaja Pantai Cahaya Bulan (PCB)
2. Lawatan Tapak 1: Tempat Mencanting Batik Kg Kedai Buloh
3. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Pencinta Warisan
4. Lawatan Tapak 2: Galeri Wau Pak Sopie & Sons


HARI 2 | 8 APRIL 2026

5. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai
6. Lawatan Tapak 3: Muara Kg Pulau Gajah
7. FGD 4: Sesi Dialog bersama Pengusaha IKS
8. Lawatan Tapak 4: Kilang Keropok Ikan Parang 3
9. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Pulau Gajah
10. Lawatan Tapak 5: Jalan Sekitar Kg Pulau Gajah

HARI 3 | 9 APRIL 2026

11. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Pantai Dasar
12. Lawatan Tapak 6: Galeri Produk Penjara Pengkalan Chepa
13. FGD 7: Sesi Dialog bersama Pelajar Universiti Malaysia Kelantan
14. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti KRT Taman Desa Kemumim
15. Lawatan Tapak 7: Sekitar Taman Desa Kemumim

PASUKAN PENYELIDIK



Nur Syadhira Mohd Razali
Ketua Penyelidik



Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin



Dr. Teo Sue Ann



Jeremiah Nathan Raj K. Eruthaiaraj

Dr. Teo Sue Ann

7 - 9 APRIL 2026 (SELASA - KHAMIS)

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU PENGKALAN CHEPA

01



20 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02



27 Januari 2026
Lawatan Kunjungan Hormat & Mesyuarat Pra-lawatan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu

03



7 April 2026
FGD 1: Sesi Dialog bersama Penjaja Pantai Cahaya Bulan (PCB)

04



7 April 2026
Lawatan Tapak 1: Tempat Mencanting Batik Kg Kedai Buloh

05



7 April 2026
FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Pencinta Warisan

06



7 April 2026
Lawatan Tapak 2:
Galeri Wau Pak Sopie & Sons

07



8 April 2026
FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai

08



8 April 2026
Lawatan Tapak 3:
Muara Kg Pulau Gajah

09



8 April 2026
FGD 4: Sesi Dialog bersama Pengusaha IKS

10



8 April 2026
Lawatan Tapak 4:
Kilang Keropok Ikan Parang 3

11



8 April 2026
FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Pulau Gajah

12



8 April 2026
Lawatan Tapak 5:
Jalan Sekitar Kg Pulau Gajah

13



9 April 2026
FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Pantai Dasar

14



9 April 2026
Lawatan Tapak 6: Galeri Produk Penjara Pengkalan Chepa

15



9 April 2026
FGD 7: Sesi Dialog bersama Pelajar Universiti Malaysia Kelantan

16



9 April 2026
FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti KRT Taman Desa Kemumim

17



9 April 2026
Lawatan Tapak 7: Sekitar Taman Desa Kemumim

20/01/2026 MESYUARAT AWALAN



Satu mesyuarat awalan bagi tujuan pemetaan isu di Parlimen Pengkalan Chepa telah diadakan bersama YB Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk Shaary, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa bersama bersama-sama Pegawai Khas, Pn Mashitah. Dalam pertemuan ini, agenda yang dibincangkan termasuk gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan pemetaan isu dan pelaksanaan projek, keadaan sosial di parlimen Pengkalan Chepa, serta kumpulan sasar yang utama di Pengkalan Chepa. Pasukan APPGM-SDG diwakili Nur Syadhira, Dr. Siti Nur Ain, Nur Farah Ezzaty dan Muhammad Noraiman Hakim.

27/01/2026 LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT & MESYUARAT PRA-LAWATAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi pra-lawatan ke Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu bagi memberikan taklimat terperinci mengenai gerak kerja serta kajian lapangan yang dijadualkan berlangsung di Parlimen Kubang Kerian pada bulan Februari dan Parlimen Pengkalan Chepa pada bulan April. Pertemuan yang dihadiri oleh Ketua Jajahan, Tn. Haji Rusydee Abdullah, bersama wakil Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan ini bertujuan mengumpul maklumat strategik merangkumi data demografi, isu semasa, serta mengenal pasti lokasi unik dan komuniti sasar yang memerlukan perhatian khusus di kedua-dua parlimen tersebut. Selain itu, perbincangan turut memfokuskan kepada penyelarasan sokongan daripada pihak pejabat daerah dan penggawa bagi memastikan kelancaran program susulan yang dirancang oleh pihak APPGM-SDG.

07/04/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA PENJAJA PANTAI CAHAYA BULAN (PCB)





FGD 1 bersama komuniti penjaja Pantai Cahaya Bulan (PCB) telah diadakan di Pejabat Penggawa Daerah Badang bagi membincangkan potensi dan cabaran kawasan tersebut. Meskipun Daerah Badang memiliki keunikan warisan yang tinggi melalui penghasilan Batik Kelantan dan Wau, komuniti berdepan dengan tekanan ekonomi yang ketara, terutamanya **(1)** persaingan sengit antara penjaja luar dan penjaja pasar tempatan. Sektor kraf turut terkesan apabila **(2)** kos pembuatan batik semakin meningkat, yang diburukkan lagi dengan **(3)** persaingan daripada produk batik luar negara yang menjejaskan pasaran batik tempatan.

07/04/2026 LAWATAN TAPAK 1: TEMPAT MENCANTING BATIK KG KEDAI BULOH





Pasukan APPGM-SDG telah dibawa melawat ke pusat mencanting batik oleh Penghulu kawasan. Batik-batik yang dihasilkan bukan sekadar pakaian, tetapi juga merupakan satu bentuk seni warisan yang mempunyai potensi besar untuk terus dikembangkan dan diperkasakan, khususnya dalam industri kreatif dan pasaran antarabangsa. Menurut Penghulu, hasil batik ini mendapat permintaan yang tinggi, termasuk tempahan daripada pembeli luar negara seperti Amerika Syarikat. Selain itu, pengusaha batik di sini juga aktif menyertai pelbagai pertunjukan fesyen, sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

07/04/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PENCINTA WARISAN





FGD 2 bersama komuniti pencinta warisan telah diadakan di Pejabat Penggawa Daerah Badang. Antara keunikan di Daerah Badang adalah Silat, Wau, dan Dikir Barat. Sesi ini mendedahkan beberapa cabaran utama dalam pemeliharaan warisan, khususnya **(1)** kekurangan peruntukan kerajaan bagi menyokong aktiviti penggiat seni serta wujudnya **(2)** persepsi bias dalam proses pemilihan individu untuk mewakili negara ke pameran wau di peringkat antarabangsa. Selain itu, komuniti melahirkan kebimbangan terhadap masa depan seni tradisional ini ekoran **(3)** ketiadaan pelapis atau pewaris yang benar-benar berminat untuk mendalami kepakaran dalam seni pembuatan wau.

07/04/2026 LAWATAN TAPAK 2: GALERI WAU PAK SOPIE & SONS





Pasukan APPGM-SDG telah dibawa melawat ke Galeri Wau Pak Sopie & Sons oleh En. Wan Anuar, anak kepada Allahyarham Pak Sopie, bagi menyaksikan sendiri keindahan wau-wau yang dihasilkan. Lawatan ini turut disertai oleh generasi kedua keluarga tersebut, yang meneruskan legasi pembuatan wau warisan turun-temurun. Di galeri ini, pelbagai jenis wau dihasilkan dengan penuh ketelitian dan nilai seni yang tinggi, antaranya wau bulan dan wau kucing, yang mencerminkan kehalusan kraftangan tradisional serta identiti budaya tempatan.

08/04/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI NELAYAN PANTAI





FGD 3 bersama komuniti nelayan pantai telah diadakan di sebuah kedai makan di Kampung Sabak bagi membincangkan isu-isu kritikal yang menjejaskan mata pencarian mereka. Sesi ini mengenal pasti beberapa cabaran utama, terutamanya **(1)** keadaan muara sungai yang semakin cetek sehingga menyukarkan pergerakan bot nelayan untuk keluar masuk ke laut. Selain itu, komuniti melahirkan kegusaran terhadap isu keselamatan dan sumber ekoran **(2)** pencerobohan bot asing dari Vietnam serta **(3)** pencerobohan kawasan tangkapan oleh bot C2 ke zon B dan A yang menjejaskan hasil nelayan kecil. Malah, terdapat juga isu apabila ada **(4)** pembekuan lesen nelayan bot A dan ia menyekat peluang penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti perikanan secara sah.

08/04/2026 LAWATAN TAPAK 3: MUARA KG PULAU GAJAH





Pasukan APPGM-SDG dibawa melawat ke kawasan muara cetek yang terjejas akibat hakisan. Ketika lawatan, keadaan air adalah air pasang dan membolehkan bot terapung, tetapi jika keadaan air adalah air surut, bot akan berada diatas selut dan nelayan tidak mampu keluar menangkap ikan. Nelayan turut menyatakan bahawa waktu yang sepatutnya mereka keluar ke laut adalah 6 - 7 pagi namun disebabkan muara yang cetek, mereka boleh keluar ke laut pada jam 8 pagi dan ke atas. Hal ini menyebabkan nelayan tidak mahu ke laut kerana cuaca dan waktu yang telah lewat.

08/04/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA PENGUSAHA IKS



FGD 4 bersama pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah diadakan di Masjid Lama Kampung Pantai Sabak bagi membincangkan potensi warisan dan cabaran ekonomi setempat. Sesi ini menyerlahkan nilai sejarah kawasan tersebut yang amat tinggi sebagai lokasi pendaratan tentera Jepun, di mana kewujudan kubu serta kapal Jepun yang ditenggelamkan di perairan Pantai Sabak dilihat mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan dan pusat selam skuba (*dive centre*). Walau bagaimanapun, sektor ekonomi tempatan kini sedang merosot ekoran **(1)** jumlah pengusaha IKS yang semakin berkurangan serta cabaran **(2)** sumber bahan mentah yang tidak menentu. Masalah ini diburukkan lagi dengan persepsi penduduk mengenai **(3)** perpindahan peruntukan pembangunan ke kawasan lain, yang menjejaskan usaha untuk memperkasakan semula industri di Pantai Sabak.

08/04/2026 LAWATAN TAPAK 4: KILANG KEROPOK IKAN PARANG 3





Pasukan APPGM-SDG dibawa melawat ke Kilang Keropok Ikan Parang 3 dan tempat memproses santan segar. Kilang Keropok Ikan Parang 3 sudah 50 tahun dalam industri dan merupakan salah-satu contoh pengusaha IKS yang berjaya. Beliau juga telah menghantar produknya keseluruh Malaysia melalui rangkaian strategik bersama MYDIN. Kami juga berkesempatan melawat tempat memproses santan segera, yang mana telah menjual dan membuat santan selama 25 tahun.

08/04/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PULAU GAJAH





FGD 5 bersama penduduk Pulau Gajah telah diadakan di belakang rumah Penghulu Kampung Pulau Gajah bagi meneroka sejarah serta cabaran semasa komuniti tersebut. Sesi ini menyerlahkan identiti kampung yang kaya dengan legenda asal-usul namanya daripada kisah gajah dua beranak yang tertarik dengan bunyi merdu buluh perindu, serta kewujudan tapak warisan di tepi perigi yang dahulunya menjadi pusat persembahan silat dan wayang kulit namun kini telah pupus tanpa pewaris. Di sebalik keunikan ini, penduduk menghadapi hambatan ekonomi yang nyata apabila **(1)** sukar untuk memohon pekerjaan di kilang-kilang kawasan sekitar dan berdepan dengan **(2)** syarat kemasukan yang terlalu ketat bagi mengikuti Kolej Kemahiran. Selain itu, faktor geografi sebagahagian tempat turut memberikan kesan kepada kesejahteraan penduduk melalui **(3)** kejadian banjir yang kerap berlaku akibat fenomena air pasang.

08/04/2026 LAWATAN TAPAK 5: JALAN SEKITAR KG PULAU GAJAH





Pasukan APPGM-SDG dibawa melawat ke kawasan jalan disekitar Kg Pulau Gajah yang dikatakan berlubang dan tidak diturap. Keadaan jalan ini mencetus kerisauan penduduk, kerana khawatir akan keselamatan pengguna jalan raya. Menurut penghulu, jalan ini menjadi jalan utama untuk ke Pasar Ikan Pulau Gajah.

09/04/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PANTAI DASAR





FGD 6 bersama penduduk Pantai Dasar telah diadakan di sebuah kedai makan tempatan bagi membincangkan potensi kawasan dan kebimbangan penduduk. Sesi ini mengetengahkan keunikan lokasi tersebut sebagai pusat perkelahan tumpuan ramai kerana kedudukannya yang bersebelahan dengan pantai, di samping kepelbagaian tarikan makanan tempatan seperti mee celup, satar, dan mee udang. Walau bagaimanapun, komuniti kini berdepan dengan beberapa isu keselamatan dan kebajikan, terutamanya **(1)** kerosakan struktur rumah seperti bumbung dan pintu yang tercabut akibat angin kencang semasa musim tengkujuh serta **(2)** gangguan haiwan liar seperti anjing yang mengancam keselamatan setempat. Selain itu, penduduk turut menyuarakan kekangan dalam aspek pendidikan ekoran **(3)** proses permohonan ke Kolej Kemahiran yang sukar dan rumit, sekali gus mengehadkan peluang latihan bagi generasi muda di kawasan tersebut.

09/04/2026 LAWATAN TAPAK 6: GALERI PRODUK PENJARA PENGKALAN CHEPA





Pasukan APPGM-SDG telah melawat Galeri Produk Penjara Pengkalan Chepa. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada hasil kerja dan kemahiran yang dibangunkan sepanjang tempoh pemulihan mereka, di samping membuka ruang kepada peluang ekonomi yang lebih luas.

09/04/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





FGD 7 bersama pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diadakan di IR4.0 Competence Centre bagi membincangkan kualiti kehidupan dan kemudahan kampus. Sesi ini mendedahkan beberapa kekangan infrastruktur yang kritikal, terutamanya **(1)** saiz kampus yang kecil sehingga memaksa pelajar mengikuti sesi pembelajaran secara atas talian bagi menampung kapasiti ruang yang terhad. Selain itu, pelajar turut menyuarakan kekurangan kemudahan sokongan seperti **(2)** ketiadaan padang untuk aktiviti sukan dan rekreasi. Kebajikan pelajar juga terjejas ekoran **(3)** perkhidmatan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) yang hanya beroperasi mengikut waktu pejabat, sekali gus menyukarkan akses kepada rawatan perubatan segera sekiranya berlaku sebarang kecemasan di luar waktu tersebut.

09/04/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KRT TAMAN DESA KEMUMIM





FGD 8 bersama komuniti KRT Taman Desa Kemumim telah diadakan di Pos KRT setempat membincangkan kesejahteraan penduduk. Sesi ini menyerlahkan kekuatan komuniti melalui penglibatan KRT yang sangat aktif dalam menganjurkan program serta menjalinkan kolaborasi strategik bersama agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun, penduduk masih dibebani oleh beberapa isu infrastruktur dan sosioekonomi, terutamanya **(1)** kejadian banjir kilat yang berpunca daripada sistem saliran yang tidak efisien serta **(2)** masalah jalan berlubang akibat kesan pengorekan terdahulu bagi kerja-kerja pembaikan paip yang tidak diselenggara dengan sempurna. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai masa depan generasi muda ekoran **(3)** kesukaran belia untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh peluang pekerjaan yang amat terhad di kawasan tersebut.

09/04/2026

LAWATAN TAPAK 7: SEKITAR TAMAN DESA KEMUMIM





Pasukan APPGM-SDG dibawa melawat ke kawasan sekitar Taman Desa Kemumin iaitu ke parit yang dikatakan sempit dan menyebabkan banjir kilat. Seterusnya kami dibawa melawat ke taman permainan yang baharu sahaja siap dibina yang memberi manfaat kepada penduduk sekitar. Akhirnya kami dibawa melihat jalan yang berlubang akibat pembaikian paip air.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.020 Pengkalan Chepa

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Pengkalan Chepa (P.020).....18
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Pengkalan Chepa 23
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....26
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1.....32
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2.....39
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3.....42
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4.....48
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5.....52
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6.....56
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7.....60
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8.....66
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 72
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 76
Jadual 14. Ringkasan Isu 3 79

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AKSB	Air Kelantan Sdn Bhd
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ATM	*Automated Teller Machine*
BOD	*Biochemical Oxygen Demand*
CDM	*Cash Deposit Machine*
DUN	Dewan Undangan Negeri
FGD	*Focus Group Discussion*
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLH	Juta Liter Sehari
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MPKB	Majlis Perbandaran Kota Bharu
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LRA	Logi Rawatan Air
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MARRIS	*Malaysia Road Record Information System*
MOF	*Ministry of Finance*
PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPM	Pasukan Polis Marin
SDG	*Sustainable Development Goals*
VMS	*Vehicle Management System*

1.0 PENGENALAN

Parlimen Pengkalan Chepa terletak di negeri Kelantan yang merangkumi tiga (3) DUN iaitu DUN Kijang, DUN Chempaka dan DUN Panchor. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 85 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 159,674 orang. Parlimen Pengkalan Chepa mempunyai kepadatan penduduk 1,879 orang per satu kilometer persegi.[1]



YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary

Pada tahun 2022, YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary daripada Parti Islam Se-Malaysia telah memenangi kerusi bagi Parlimen Pengkalan Chepa. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Pengkalan Chepa ini dijalankan dengan usahasama daripada YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Pengkalan Chepa terletak di Daerah Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Ia merupakan salah satu kawasan parlimen yang mempunyai pembangunan yang pesat kerana kedudukannya yang berhampiran dengan pusat bandar Kota Bharu. Komuniti tempatan di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ini terdiri daripada kepelbagaian budaya dan etnik. Parlimen yang bersempadan dengan Parlimen Pengkalan Chepa adalah Parlimen Kota Bharu, Tumpat dan Kubang Kerian. Parlimen Pengkalan Chepa mempunyai populasi yang sederhana tinggi, terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, dan India. Secara umumnya, Parlimen Pengkalan Chepa merupakan kawasan pinggir bandar yang dipenuhi dengan kawasan perumahan, institusi pendidikan, serta aktiviti perniagaan tempatan dan perusahaan kecil. Pengkalan Chepa juga mempunyai elemen semula jadi utama iaitu Sungai Kelantan yang memainkan peranan penting dalam sistem saliran serta menyokong aktiviti perikanan dan kehidupan komuniti setempat. Selain itu, kawasan ini turut mempunyai lapangan terbang, kawasan perindustrian dan pusat pendidikan yang menjadi pemacu utama kepada pembangunan ekonomi dan sosial setempat. Kedudukan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai pintu masuk utama ke negeri Kelantan turut menyumbang kepada peningkatan mobiliti dan aktiviti ekonomi di kawasan ini.

[1] Department of Statistics Malaysia, "P.020 Pengkalan Chepa Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kelantan/parlimen/P.020%20Pengkalan%20Chepa

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Pengkalan Chepa (P.020) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Pengkalan Chepa (P.020)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera (Melayu)	155,363	97.3
2.	Cina	3,353	2.1
3.	India	479	0.3
4.	Lain-lain	479	0.3
	Jumlah Keseluruhan	**159,674**	100

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Parlimen Pengkalan Chepa mempunyai jumlah penduduk seramai 159,674 orang, menjadikannya antara kawasan yang mempunyai taburan penduduk yang padat di negeri Kelantan. Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, masyarakat etnik Melayu merupakan kumpulan majoriti dengan 97.3 peratus, mencerminkan dominasi komuniti ini dalam struktur sosial dan ekonomi tempatan. Masyarakat etnik Cina merangkumi 2.1 peratus, menunjukkan kehadiran komuniti Cina dalam skala yang lebih kecil. Kaum India pula membentuk 0.3 peratus, manakala lain-lain etnik turut mencatatkan 0.3 peratus, menunjukkan bilangan yang sangat kecil bagi kumpulan etnik lain di kawasan ini. Kesimpulannya, Pengkalan Chepa merupakan kawasan yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu, dengan kehadiran komuniti etnik lain dalam peratusan yang kecil. Struktur demografi ini membentuk landskap sosial yang lebih homogen, namun masih mempunyai elemen kepelbagaian yang menyumbang kepada interaksi sosial dan ekonomi setempat.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Pengkalan Chepa, yang terletak di bahagian utara negeri Kelantan dan berhampiran dengan pusat bandar Kota Bharu, merupakan kawasan pinggir bandar dan kampung membangun dengan pelbagai aktiviti ekonomi. Berdasarkan pemerhatian di tapak dan data sedia ada, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

Perkhidmatan dan Perdagangan

Sektor perkhidmatan dan perdagangan merupakan antara penyumbang utama ekonomi di Pengkalan Chepa. Kedudukannya yang strategik berhampiran pusat bandar Kota Bharu serta kewujudan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra menjadikan kawasan ini aktif dengan pergerakan manusia dan barangan. Terdapat pelbagai premis perniagaan,

pasar tempatan, kedai runcit, restoran serta perkhidmatan logistik yang menyokong aktiviti ekonomi harian penduduk. Aktiviti ini bukan sahaja memenuhi keperluan komuniti setempat malah turut menyumbang kepada ekonomi negeri Kelantan secara keseluruhan.

Perindustrian Kecil & Sederhana

Perindustrian ringan turut memainkan peranan penting dalam ekonomi Pengkalan Chepa. Kawasan perindustrian di sekitar Pengkalan Chepa menempatkan pelbagai kilang dan bengkel yang terlibat dalam pembuatan produk makanan, tekstil, perabot serta produk berasaskan sumber tempatan. Aktiviti ini membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan menyokong rantaian bekalan industri di sekitar Kota Bharu.

Perikanan dan Aktiviti Berasaskan Sumber Semula Jadi

Selain itu, aktiviti perikanan juga menjadi salah satu sumber ekonomi bagi sebahagian komuniti di kawasan ini, terutamanya yang berhampiran dengan Sungai Kelantan dan kawasan pesisir pantai. Aktiviti ini merangkumi penangkapan ikan, penternakan ikan air tawar serta pemprosesan hasil laut secara kecil-kecilan yang menyumbang kepada pendapatan penduduk tempatan.

Secara keseluruhannya, ekonomi Parlimen Pengkalan Chepa adalah berteraskan sektor perkhidmatan dan perdagangan, disokong oleh perindustrian kecil dan sederhana serta aktiviti perikanan. Gabungan aktiviti ekonomi ini bukan sahaja memperkukuhkan ekonomi tempatan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan. Kedudukan yang strategik serta kemudahan infrastruktur seperti lapangan terbang menjadikan Pengkalan Chepa terus berkembang sebagai salah satu kawasan ekonomi penting di negeri ini.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Pengkalan Chepa merupakan kawasan yang membangun dalam sektor perkhidmatan, perdagangan, serta perindustrian kecil dan sederhana. Kewujudan kawasan perniagaan tempatan, pusat komersial serta kawasan perindustrian di sekitar Pengkalan Chepa memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain itu, peranan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai pintu masuk utama ke Kelantan turut merancakkan aktiviti ekonomi dan mobiliti. Hal ini secara langsung memberi impak kepada pencapaian ***Matlamat SDG 8*: *Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi*.** Manakala sasaran yang berkait adalah seperti:

> **Sasaran 8.2:** Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, pengiktirafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

> **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, perwujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Bekalan air merupakan antara aspek penting yang perlu diberi perhatian di Parlimen Pengkalan Chepa, khususnya dalam memastikan penduduk mendapat bekalan air terawat yang mencukupi dan berterusan. Keperluan untuk meningkatkan kapasiti bekalan air serta memastikan kualiti sumber air terpelihara adalah penting bagi menjamin kesejahteraan penduduk dan menyokong keperluan domestik serta aktiviti ekonomi setempat. Usaha menangani isu pencemaran sumber air dan meningkatkan kecekapan pengurusan bekalan air juga penting bagi memastikan sumber air dapat digunakan secara mampan. Hal ini berkaitan dengan ***Matlamat SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi***, khususnya:

> **Sasaran 6.1**: Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.

> **Sasaran 6.3**: Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pelepasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh kadar air kumbahan tidak terawat serta meningkatkan dengan ketara kadar kitar semula dan penggunaan semula yang selamat di seluruh dunia.

Selain isu bekalan air, sektor perikanan turut mempunyai kaitan dengan kehidupan dan sumber pendapatan komuniti di Parlimen Pengkalan Chepa. Pengurusan sumber perikanan secara mampan penting bagi memastikan aktiviti perikanan dapat terus menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat. Pada masa yang sama, pemeliharaan ekosistem marin dan pengurusan sumber perikanan yang berkesan diperlukan bagi mengelakkan kemerosotan sumber semula jadi serta memastikan kelangsungan sektor perikanan pada masa hadapan. Hal ini berkaitan dengan ***Matlamat SDG 14: Kehidupan di Bawah Air***, iaitu:

> **Sasaran 14.2**: Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara lestari untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh daya tahan ekosistem, dan bertindak ke arah pemulihannya demi lautan yang sihat dan produktif.

> **Sasaran 14.4**: Menjelang 2020, mengawal selia aktiviti penangkapan dengan berkesan dan menghentikan tangkapan ikan secara berlebihan, perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia serta amalan perikanan yang bersifat merosak, dan melaksanakan rancangan pengurusan berasaskan sains untuk memulihkan bekalan ikan dalam masa yang singkat dan munasabah, sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan pengeluaran hasil maksimum yang lestari seperti yang ditentukan menurut ciri biologi ikan.

Daripada segi infrastruktur asas, isu banjir dan sistem saliran juga perlu diberi perhatian di Parlimen Pengkalan Chepa. Keadaan sistem saliran yang kurang berkesan boleh meningkatkan risiko banjir, khususnya ketika hujan lebat, dan seterusnya menjejaskan kediaman, aktiviti ekonomi serta pergerakan harian penduduk. Oleh itu, penambahbaikan dan penyelenggaraan sistem saliran serta pengurusan risiko banjir yang lebih berkesan adalah penting bagi meningkatkan daya tahan komuniti terhadap bencana berkaitan air. Hal ini berkaitan dengan ***Matlamat SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan*****,** khususnya:

> **Sasaran 11.5**: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

> **Sasaran 11.b**: Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015−2030.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dilakukan oleh penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen serta mengenal pasti isu awalan yang terdapat di Parlimen Pengkalan Chepa. Kajian awalan ini dilakukan dengan merujuk kepada data sekunder seperti Draf Rancangan Tempatan Majlis Pembandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam Kelantan 2036, statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian sedia ada, carian internet dan keratan akhbar.

Mesyuarat Awalan bersama YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary telah dijalankan pada 20 Januari 2026 di Pejabat Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian pemetaan isu di Parlimen Pengkalan Chepa. Ketua Penyelidik telah hadir ke Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu bagi kunjungan hormat untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG pada 27 Januari 2026.

Seterusnya, kajian lapantan di Parlimen Pengkalan Chepa telah dijalankan seperti mana yang telah dibincangkan bersama pihak Ahli Parlimen, pihak Pejabat Daerah dan APPGM-SDG, iaitu pada 7 hingga 9 April 2026. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama lapan (8) kumpulan komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Pengkalan Chepa adalah seperti berikut:

1. Nur Syadhira Razali : Ketua Penyelidik
2. Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin : Ketua Zon Pantai Timur
3. Dr Teo Sue Ann : Pengarah Jabatan Advokasi Dasar Parlimen
4. Jeremiah Nathan Raj : Pegawai Korporat Komunikasi

Terdapat lapan (8) FGD dan enam (6) lawatan tapak yang telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga (3) hari di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa. Tentatif ringkas lawatan tapak adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Pengkalan Chepa (P.020)

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
07 April 2026 (Selasa)	• **Sesi Dialog 1**: Dialog bersama Penjaja Pantai Cahaya Bulan (PCB) • **Lawatan tapak 1**: Tempat Mencanting Batik Kg Kedai Buloh • **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Komuniti Pencinta Warisan • **Lawatan tapak 2**: Galeri Wau Pak Sopie & Sons
08 April 2026 (Rabu)	• **Sesi Dialog 3**: Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai • **Lawatan tapak 3**: Muara Kg Pulau Gajah • **Sesi Dialog 4**: Dialog bersama Pengusaha IKS • **Lawatan Tapak 4**: Kilang Keropok Ikan Parang 3 • **Sesi Dialog 5**: Dialog bersama Komuniti Pulau Gajah • **Lawatan Tapak 5**: Jalan Sekitar Kg Pulau Gajah
09 April 2026 (Khamis)	• **Sesi Dialog 6**: Dialog bersama Komuniti Pantai Dasar • **Lawatan Tapak 6**: Galeri Produk Penjara Pengkalan Chepa • **Sesi Dialog 7**: Dialog bersama Pelajar Universiti Malaysia Kelantan • **Sesi Dialog 8**: Dialog bersama Komuniti KRT Taman Desa Kemumim • **Lawatan Tapak 7**: Sekitar Taman Desa Kemumim

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Aspek etika turut diberi perhatian sepanjang pelaksanaan kajian lapangan bagi memastikan proses pengumpulan data dilaksanakan secara beretika serta menghormati hak, privasi dan keselesaan peserta. Pada permulaan setiap sesi, ketua penyelidik menerangkan tujuan kajian, pendekatan yang digunakan serta matlamat penglibatan peserta dalam sesi perbincangan. Peserta turut dimaklumkan bahawa kajian ini

menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan mendapatkan pemahaman terhadap isu dan pengalaman sebenar yang dihadapi oleh komuniti setempat. Sebelum sesi dimulakan, persetujuan peserta turut diperoleh, khususnya berkaitan dengan penggunaan rakaman audio, pengambilan gambar dan rakaman video bagi tujuan dokumentasi serta analisis kajian. Peserta diberikan kebebasan untuk tidak memberikan persetujuan terhadap mana-mana bentuk rakaman, dan sebarang maklumat yang tidak mendapat persetujuan tidak akan direkodkan atau digunakan dalam penyediaan laporan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan proses pengumpulan data dilaksanakan dengan menghormati hak peserta serta menjaga kerahsiaan dan keselesaan mereka. Bagi kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Pengkalan Chepa, tiada sebarang halangan atau bantahan diterima daripada peserta berkaitan pengambilan rakaman audio, gambar dan video sepanjang sesi berlangsung. Kesemua proses dokumentasi dapat dilaksanakan dengan persetujuan peserta dan tidak menimbulkan sebarang isu etika yang menjejaskan pelaksanaan kajian.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Pengkalan Chepa. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

Kekurangan kakitangan daripada pihak YB

Pihak YB tidak cukup kakitangan untuk membantu pihak APPGM-SDG dalam membantu menyediakan tentatif dan membantu dalam mendapatkan peserta FGD. Semasa mesyuarat awalan bersama YB, YB telah mencadangkan beberapa kumpulan yang perlu dikaji dengan lebih teliti dan menggunakan cadangan yang diberikan oleh YB, pihak APPGM-SDG bekerjasama dengan pejabat daerah serta penggawa daerah untuk membantu mengumpulkan peserta dan menguruskan perincian kajian seperti lokasi FGD.

Kekangan komuniti sasaran

Semasa perbincangan bersama penghulu/penggawa daerah, pihak APPGM-SDG telah memaklumkan kumpulan sasaran yang perlu dijemput serta memohon kerjasama untuk mengenal pasti peserta yang bersesuaian. Namun begitu, peserta yang hadir didapati tidak menepati fokus utama, khususnya bagi sesi *focus group discussion* bersama pengusaha IKS. Kebanyakan peserta yang hadir merupakan pengusaha IKS yang telah berjaya dan tidak berdepan dengan cabaran ketara, sebaliknya hanya menyuarakan keperluan seperti penambahan mesin bagi mengembangkan operasi. Selain itu, terdapat juga peserta yang menjalankan IKS secara sambilan dan bukan sebagai sumber pendapatan utama. Sehubungan itu, dapatan yang diperoleh kurang memenuhi objektif

kajian kerana tidak mencerminkan cabaran sebenar yang dihadapi oleh kumpulan sasaran yang ingin dikenal pasti.

2.4 Keterbatasan Kajian

Antara batasan yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah tahap penyertaan sebahagian komuniti sasaran yang kurang memberangsangkan. Terdapat beberapa peserta yang kurang memberikan pandangan atau tidak bersuara sepanjang sesi perbincangan, termasuk dalam memberikan komen berkaitan isu yang dibincangkan dan permasalahan di kawasan sekitar mereka. Keadaan ini sedikit sebanyak mengehadkan kepelbagaian pandangan yang dapat diperoleh daripada peserta. Selain itu, berlaku juga pertindihan perbualan semasa sesi FGD, apabila perbincangan yang pada awalnya berlangsung dalam satu kumpulan menjadi terbahagi kepada dua atau tiga kelompok kecil. Keadaan ini menyukarkan proses mengenal pasti dan merekodkan pandangan setiap peserta secara menyeluruh. Selain itu, kualiti audio rakaman yang kurang memuaskan turut menjadi salah satu batasan dalam kajian ini. Terdapat beberapa pernyataan peserta yang tidak dapat didengar dengan jelas, sekali gus menyukarkan proses transkripsi dan menyebabkan sebahagian isu yang dibangkitkan tidak dapat disokong sepenuhnya melalui transkrip rakaman. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh lokasi pelaksanaan sesi FGD di Parlimen Pengkalan Chepa yang berhampiran dengan lapangan terbang. Bunyi pesawat yang kerap berlepas dan mendarat telah menyebabkan gangguan bunyi latar dan menjejaskan kejelasan rakaman sepanjang sesi berlangsung.

Walau bagaimanapun, kekangan tersebut telah diminimumkan melalui rujukan silang dengan catatan lapangan yang direkodkan oleh ketua penyelidik dan pembantu penyelidik sepanjang sesi perbincangan bersama peserta FGD. Catatan lapangan ini digunakan bagi membantu mengenal pasti semula konteks perbincangan, mengesahkan isu yang dibangkitkan serta melengkapkan maklumat yang tidak dapat diperoleh dengan jelas daripada rakaman audio.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Penyalahgunaan dadah, jenayah dan gejala sosial	Penyalahgunaan dadah dan masalah sosial merupakan isu yang berulang di beberapa kawasan Pengkalan Chepa. Peningkatan penagihan dadah dilaporkan mempunyai kaitan dengan kes kecurian kecil, perjudian dan gangguan keselamatan komuniti. Dalam kalangan remaja pula, isu seperti lumba haram, ponteng sekolah, buli, kecurian dan penyalahgunaan vape turut dibangkitkan. Kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan yang dilihat tidak berterusan	Sosial	Belia, Penduduk Kampung	Pantai Cahaya Bulan, Lorong Mait Toji, Kg. Pauh, Pulau Gajah, Badang, Kedai Buloh, Kg. Kijang	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.5** – Memperkukuh pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan. **SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.1** – Mengurangkan secara signifikan semua bentuk keganasan dan kadar kematian yang berkaitan di seluruh dunia.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		menyebabkan sebahagian masalah ini terus berulang dan memberi kesan kepada keselamatan serta keharmonian komuniti.				
2.	Ketidakstabilan ekonomi, kos sara hidup dan pasaran tempatan	Peniaga kecil, pengusaha IKS dan pengeluar tempatan berdepan tekanan ekonomi akibat peningkatan kos bahan mentah, kos operasi serta ketidaktentuan pasaran. Lambakan hasil pertanian dan persaingan daripada produk import turut menyebabkan harga jualan menurun, manakala peniaga berdepan kesukaran mendapatkan pelanggan dan mengekalkan keuntungan. Dalam sektor IKS, kelemahan pemasaran, literasi perniagaan serta kekangan akses kepada sokongan pembangunan turut	Ekonomi & Alam Sekitar	Peniaga, Pengusaha IKS	Pantai Cahaya Bulan, Badang, Kg. Sabak, Pengkalan Chepa, Pulau Gajah, Kijang, Mukim Dal, Mukim Che Beris	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3** – Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab**

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		mengehadkan keupayaan pengusaha untuk mengembangkan perniagaan.				**Sasaran 12.3** – Menjelang 2030, mengurangkan sisa makanan global per kapita pada peringkat runcit dan pengguna serta mengurangkan kerugian makanan sepanjang rantaian pengeluaran dan bekalan, termasuk kerugian pascapenuaian.
3.	Kemerosotan sumber perikanan dan cabaran ekonomi nelayan	Nelayan tempatan berdepan cabaran yang saling berkaitan termasuk pencerobohan zon perikanan, kemerosotan sumber ikan, peningkatan kos operasi, kelemahan rantaian pasaran serta kekangan sistem perlesenan. Pencerobohan oleh bot dari zon lain dan nelayan asing dilaporkan menjejaskan sumber perikanan serta aset nelayan tempatan. Pada masa yang sama, nelayan perlu bergerak lebih jauh	Ekonomi & Alam Sekitar	Nelayan Pantai, Penduduk Sekitar	Pulau Gajah, kawasan muara dan pesisir Pengkalan Chepa	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3** – Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		untuk mendapatkan hasil tangkapan yang sama, menyebabkan kos bahan api dan operasi meningkat. Kebergantungan kepada orang tengah serta kekurangan sokongan dan infrastruktur turut menjejaskan pendapatan dan kelangsungan ekonomi nelayan.				**SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** **Sasaran 12.3** – Menjelang 2030, mengurangkan separuh sisa makanan global per kapita pada peringkat runcit dan pengguna serta mengurangkan kerugian makanan sepanjang rantaian pengeluaran dan bekalan, termasuk kerugian pascapenuaian.
4.	Kekurangan dan kelemahan infrastruktur asas serta risiko bencana	Kekurangan dan kelemahan infrastruktur asas dilaporkan dalam beberapa komuniti, khususnya melibatkan bekalan air, jalan raya, sistem perparitan, pengurusan sisa dan kemudahan sokongan. Penduduk di beberapa kawasan berdepan masalah kualiti air dan terpaksa menggunakan sumber alternatif, manakala sistem	Alam Sekitar	Penduduk Sekitar	Pulau Gajah, Pulau Gajah Kecil, Pantai Dasar, Teluk Buaya, kawasan perumahan dan jalan komuniti Pengkalan Chepa	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** – Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** – Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		perparitan yang tidak mencukupi meningkatkan risiko banjir ketika air pasang. Kerosakan jalan dan kekurangan kemudahan sokongan turut menjejaskan keselamatan serta keselesaan penduduk.				tahan termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempaddan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.5** – Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
5.	Keciciran akses kepada bantuan dan perlindungan sosial	Terdapat golongan berpendapatan rendah, pengusaha kecil, ibu tunggal dan penduduk komuniti yang tidak menerima bantuan kebajikan walaupun berdepan kekangan ekonomi. Antara faktor yang dikenal pasti ialah kurangnya maklumat mengenai skim bantuan, tidak berdaftar dalam sistem berkaitan serta ketiadaan tindakan susulan terhadap permohonan. Keadaan ini menunjukkan masih terdapat jurang dalam penyampaian maklumat dan akses kepada sistem sokongan kerajaan, menyebabkan sebahagian golongan yang berpotensi layak tidak menerima bantuan yang sewajarnya.	Sosial & Tadbir Urus	Penduduk Sekitar	Pantai Cahaya Bulan, Badang, Kg. Sabak, Pulau Gajah, Pantai Dasar	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.3** – Melaksanakan sistem perlindungan sosial dan langkah yang sesuai pada peringkat kebangsaan untuk semua, termasuk rakyat jelata, serta meliputi sebahagian besar golongan miskin dan berisiko menjelang 2030. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2** – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul. Agama atau status ekonomi atau status lain.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog bersama Penjaja Pantai Cahaya Bulan (PCB) **Tarikh:** 07 April 2026 **Bilangan Peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• AADK • MPKB • Jabatan Imigresen
1.	Peningkatan penyalahgunaan dadah dan ketum	Jumlah penagih dadah dilaporkan semakin meningkat dan dikaitkan dengan kejadian kecurian dalam komuniti. Walaupun KRT aktif menjalankan pemantauan, pelaksanaannya tidak berterusan dan masih kurang berkesan dalam membendung jenayah, sekali gus menjejaskan keselamatan penduduk. Pil kuda dikenal pasti sebagai dadah yang paling banyak digunakan dan dipercayai diseludup dari Siam melalui laluan air menggunakan bot, sebelum memasuki kawasan tempatan melalui Kuala Besar.	**AADK** memaklumkan bahawa isu tersebut telah dibangkitkan di peringkat Parlimen oleh Menteri Dalam Negeri, khususnya berkaitan data mengenai kawasan Kota Bharu.
2.	Ketiadaan dokumen pengenalan diri rasmi dalam kalangan belia	Sebahagian golongan muda tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah akibat kegagalan ibu bapa mendaftarkan perkahwinan secara rasmi. Keadaan ini turut dipengaruhi faktor pekerjaan, khususnya lelaki yang bekerja di laut dan wanita yang tinggal di rumah,	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menyebabkan urusan pendaftaran bayi tertangguh atau tidak dilaksanakan. Kesannya, golongan ini berisiko terpinggir daripada perkhidmatan asas dan bantuan kerajaan yang memerlukan dokumen rasmi.	
3.	Keaslian dan pasaran batik	Industri batik tempatan berdepan persaingan akibat lambakan batik cetak dari luar negara yang menjejaskan kedudukan batik asli. Keadaan ini memerlukan kawalan harga dan usaha berterusan untuk mengangkat batik asli sebagai produk warisan. Pemakaian batik yang masih terhad pada hari tertentu turut mengehadkan permintaan pasaran, sekali gus menjejaskan daya saing dan kelangsungan pengusaha batik tempatan di Kijang, Mukim Che Beris dan Mukim Dal.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
4.	Peningkatan kos pengeluaran	Pengusaha batik berdepan peningkatan kos pengeluaran, khususnya bahan mentah seperti kain putih dan ubat pewarna (Romazol). Harga kain putih meningkat daripada RM20 kepada RM35 semeter, manakala faktor geopolitik turut mempengaruhi kenaikan harga bahan mentah. Keadaan ini mengurangkan margin keuntungan dan memberi tekanan kepada kelangsungan operasi industri batik.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
5.	Kebajikan pengusaha kecil	Kebajikan pengusaha batik kecil kurang mendapat perhatian, khususnya semasa musim tengkujuh apabila aktiviti membatik terpaksa dihentikan dan sumber pendapatan terjejas. Walaupun terdapat sokongan daripada agensi seperti Kraftangan, bantuan	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dilihat lebih tertumpu kepada kilang besar yang telah berjaya dan kurang menyeluruh kepada pengusaha kecil. Keadaan ini menyebabkan pengusaha kecil terus berdepan kesukaran tanpa sokongan yang mencukupi.	
6.	Persaingan produk luar negara	Persaingan daripada batik import seperti Indonesia, China dan Singapura menjejaskan motivasi serta daya saing pengusaha tempatan. Batik import dijual lebih murah kerana dihasilkan secara mesin berskala besar, berbanding batik asli tempatan yang menggunakan kaedah lukisan tangan. Perbezaan kos pengeluaran ini menyukarkan batik tempatan bersaing dari segi harga dan menjejaskan permintaan terhadap produk tempatan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
7.	Pengurusan koperasi dan bantuan	Pengurusan koperasi batik dan penyaluran bantuan dilihat tidak menyeluruh dan kurang inklusif. Ramai pengusaha batik tidak berdaftar sebagai ahli koperasi, manakala ahli yang berdaftar pula jarang dipanggil menghadiri mesyuarat, yang kebanyakannya hanya melibatkan pengusaha besar. Selain itu, bantuan terakhir dalam bentuk kain dan ubat dilaporkan diterima pada tahun 2014, menunjukkan jurang yang besar dalam sokongan berterusan. Keadaan ini memberi kesan kepada akses pengusaha kecil terhadap maklumat, sokongan dan peluang pembangunan industri.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Kenaikan harga barangan dapur	Kenaikan harga barangan dapur yang tidak terkawal memberi tekanan kepada peniaga dan pengguna. Barangan seperti gandum meningkat daripada RM26 kepada RM30, manakala bahan pembungkusan seperti plastik turut mengalami kenaikan daripada RM8 kepada RM14 bagi setengah kilogram. Selain itu, barangan dari Thailand seperti Nescafe, susu dan Milo dilaporkan lebih murah berbanding produk tempatan. Keadaan ini menunjukkan ketidakseimbangan harga pasaran yang memberi kesan kepada kos operasi peniaga dan corak pembelian pengguna.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
9.	Lambakan hasil dan produk import	Lambakan sayur sering berlaku terutamanya semasa musim perayaan dan cuti sekolah, menyebabkan ketidakseimbangan penawaran dalam pasaran. Dalam masa yang sama, tindakan mengimport kelapa dari Indonesia secara berlebihan dilihat menjejaskan peniaga tempatan. Produk sayuran dari Thailand dan Vietnam juga semakin mendominasi pasaran tempatan. Keadaan ini memberi tekanan kepada pengeluar tempatan yang berdepan persaingan tinggi serta ketidaktentuan harga akibat lebihan bekalan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
10.	Penurunan harga jualan hasil pertanian	Lambakan hasil pertanian menyebabkan peniaga terpaksa menurunkan harga jualan secara mendadak untuk mengelakkan kerugian. Sebagai contoh, harga lada jatuh daripada RM20/kg	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kepada RM8/kg, manakala bendi daripada RM20/kg kepada RM10/kg. Penurunan harga ini memberi kesan langsung kepada pendapatan peniaga dan petani, khususnya di kawasan Pengkalan Chepa, serta menjejaskan kestabilan ekonomi sektor pertanian tempatan.	
11.	Sistem pemasaran dan lesen penjaja	Pasar Segar dilaporkan kurang mendapat sambutan akibat persaingan daripada penjaja tepi jalan yang diberikan kelulusan oleh pihak MPKB secara tidak sistematik. Keadaan ini mewujudkan persaingan tidak seimbang antara peniaga berlesen di pasar dan penjaja di luar kawasan pasar. Ketidakteraturan dalam sistem pemberian lesen ini menjejaskan daya tarikan pasar serta aliran pelanggan, khususnya di kawasan Badang.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
12.	Kekurangan kemudahan infrastruktur pasar	Kemudahan infrastruktur di kawasan pasar didapati tidak mencukupi untuk menarik kehadiran pembeli. Antaranya ialah ketiadaan mesin ATM yang menyukarkan urusan transaksi, serta kekurangan kemudahan sokongan di sekitar pasar. Keadaan ini mengurangkan daya tarikan pasar sebagai destinasi membeli-belah, khususnya di kawasan Badang, dan memberi kesan kepada jumlah pengunjung serta jualan peniaga.	**MPKB** memaklumkan bahawa penyediaan mesin ATM bergantung kepada permohonan dan pertimbangan pihak bank. Bagi lokasi Kedai Buluh, kedudukannya yang kurang strategik menyukarkan penyediaan ATM, manakala kawasan perumahan dan kampung seperti Taman Kemumin

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			kurang menjadi pilihan pihak bank berikutan jumlah transaksi yang rendah.
13.	Gejala sosial dalam kalangan remaja	Gejala sosial seperti lumba haram serta kurangnya rasa hormat anak-anak terhadap ibu bapa dilaporkan semakin membimbangkan. Permasalahan ini dilihat berpunca dari persekitaran rumah dan memberi kesan kepada pembentukan sahsiah remaja. Keadaan ini menjejaskan keharmonian sosial dalam komuniti, khususnya di kawasan Pengkalan Chepa.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
14.	Aktiviti perjudian dan kecurian kecil	Aktiviti perjudian dilaporkan berlaku secara berterusan di lorong-lorong tertentu sejak sekian lama. Selain itu, terdapat juga kes kecurian kecil seperti buah kelapa dan motosikal yang dipercayai dilakukan untuk mendapatkan wang, termasuk bagi tujuan membeli dadah. Keadaan ini menunjukkan wujudnya kaitan antara masalah sosial dan jenayah kecil dalam komuniti, khususnya di Lorong Mait Toji dan Kg. Pauh, Mukim Dal.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
15.	Penyeludupan PATI dan gangguan keselamatan komuniti	Aktiviti penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) dilaporkan berlaku melalui laluan air menggunakan bot atau kapal, didorong oleh permintaan tenaga buruh tempatan. Kemasukan PATI secara tidak terkawal menjejaskan rasa selamat penduduk.	**Jabatan Imigresen** memaklumkan bahawa kegiatan kemasukan pendatang tanpa izin kini turut berlaku melalui laluan sungai dan laut, termasuk Sungai Kelantan hingga ke kawasan pesisir Pantai Cahaya Bulan. Kewujudan rumah

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Insiden kejar-mengejar dan tembak-menembak antara pihak polis dan PATI turut dilaporkan berlaku di Kedai Buloh dan Kampung Kijang, menimbulkan kebimbangan dalam komuniti.	transit serta penglibatan komuniti tempatan sebagai pengangkut turut menyukarkan usaha penguatkuasaan dan menimbulkan isu keselamatan negara.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog bersama Komuniti Pencinta Warisan dan Penternak **Tarikh**: 07 April 2026 **Bilangan Peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• AKSB • MPKB
1.	Kekangan sokongan institusi dan agihan dana warisan	Penggiat seni dan warisan dilaporkan berdepan kekangan sokongan daripada pihak berkaitan seperti Jabatan Warisan dan agensi pelancongan, khususnya dari segi akses kepada dana dan penganjuran. Peserta menyatakan bahawa mereka terpaksa mencari dana serta penganjur sendiri untuk menyertai pertandingan di luar negeri walaupun mewakili negeri Kelantan, manakala hanya pihak tertentu yang terpilih menerima sokongan kerajaan. Selain itu, maklumat berkaitan dana kerajaan juga tidak disalurkan secara menyeluruh kepada penggiat seni. Isu agihan dana turut dikaitkan dengan amalan yang tidak seimbang, di mana dana pelancongan dan bajet kejohanan lebih tertumpu kepada kelompok atau individu tertentu yang lebih dikenali.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
2.	Bebanan kos dalam aktiviti seni dan latihan	Penggiat seni turut berdepan bebanan kos dalam menjalankan aktiviti seni, khususnya melibatkan latihan dan persediaan. Walaupun peralatan bagi aktiviti seperti Dikir Barat boleh digunakan dalam tempoh yang panjang sehingga lima tahun, kos	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		harian seperti makan dan minum semasa latihan menjadi beban utama kepada kumpulan seni. Kekangan kewangan ini menjejaskan konsistensi latihan dan penyertaan dalam aktiviti seni, seperti yang dilaporkan oleh Kumpulan Dikir Barat Pantai Mek Mas.	
3.	Kekurangan akses kepada kemudahan asas	Penduduk di kawasan Teluk Buaya dilaporkan tidak mendapat bekalan air bersih dan terpaksa bergantung kepada sumber alternatif seperti air perigi, telaga dan boring untuk kegunaan harian termasuk memasak dan mencuci. Walaupun tidak menerima bekalan air bersih yang mencukupi, penduduk masih perlu membayar bil air. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang dalam penyediaan perkhidmatan asas yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup penduduk setempat.	**AKSB** memaklumkan bahawa isu bekalan air terawat di Parlimen Pengkalan Chepa akan ditangani secara berperingkat melalui pembinaan LRA Tok Jaafar berkapasiti 30 JLH yang dijangka siap pada 2029 serta projek penggantian paip lama di beberapa lokasi. Pakej pembinaan yang melibatkan kawasan Kuala Besar dijangka ditender pada 2026.
4.	Cabaran dalam aktiviti penternakan ikan	Aktiviti penternakan ikan semakin mencabar akibat beberapa faktor yang menjejaskan operasi penternak. Antaranya ialah kerosakan jaring yang disebabkan oleh haiwan seperti memerang yang semakin banyak, selain keadaan muara sungai yang semakin cetek sehingga menyukarkan aktiviti penternakan. Terdapat juga kes kecurian yang melibatkan pembukaan kawasan ternakan. Gabungan faktor ini memberi kesan kepada	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		hasil penternakan serta meningkatkan risiko kerugian dalam kalangan pengusaha.	
5.	Cadangan pemeliharaan memori sejarah tempatan melalui infrastruktur	Terdapat cadangan untuk menamakan semula Jalan Pulau Kundur sebagai "Raja Kundur" serta menukar nama Jalan Long Yunus kepada "Hulu Balang" sebagai usaha memelihara memori dan sejarah tempatan. Selain itu, turut dicadangkan pembinaan memorial, seperti makam atau tugu memperingati tokoh Hulu Balang, sebagai penghargaan terhadap jasanya menghantar ufti bunga emas kepada Siam.	**MPKB** memaklumkan bahawa permohonan penukaran nama jalan perlu dikemukakan dengan menyatakan lokasi jalan serta sejarah atau justifikasi penukaran nama tersebut.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai **Tarikh:** 08 April 2026 **Bilangan Peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Jabatan Perikanan • LKIM
1.	Kemerosotan fungsi muara sungai dan infrastruktur sokongan	Muara sungai dilaporkan semakin cetek akibat hakisan tebing serta mendapan lumpur yang berterusan, sekali gus menjejaskan kelancaran aktiviti nelayan. Keadaan ini menyukarkan nelayan untuk meletakkan bot dan keluar ke laut, khususnya pada waktu pagi apabila hasil tangkapan biasanya lebih banyak, sehingga memaksa mereka menunggu sehingga tengah hari untuk beroperasi. Walaupun kerja penggalian telah dijalankan oleh pihak berkuasa, lumpur dan pasir yang diletakkan di tepi sungai dilaporkan mengalir semula ke dalam sungai, menyebabkan masalah berulang. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada produktiviti nelayan serta hasil tangkapan harian, khususnya di kawasan muara yang digunakan sebagai lokasi parkir bot.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Pencerobohan zon perikanan dan kemerosotan sumber perikanan	Pencerobohan bot nelayan dari zon perikanan lain, negeri lain dan bot warga asing semakin berleluasa di perairan tempatan, termasuk penggunaan peralatan tidak dibenarkan seperti pukat tunda ganding yang merosakkan benih ikan dan ekosistem marin. Bot dari Zon C, C2 dan B dilaporkan menceroboh Zon A, manakala bot dari Pahang dan Johor turut memasuki perairan tempatan secara tidak sah. Keadaan ini mengurangkan hasil tangkapan nelayan tempatan dan memaksa mereka pergi lebih jauh, sehingga meningkatkan kos bahan api daripada sekitar RM300 kepada RM1,000. Penguatkuasaan dan kawalan kawasan perikanan perlu diperkukuh bagi melindungi sumber marin serta menjamin pendapatan nelayan tempatan.	**Jabatan Perikanan Negeri Kelantan** memaklumkan bahawa penguatkuasaan terhadap pencerobohan kawasan perikanan, nelayan asing dan penggunaan peralatan menangkap ikan yang dilarang dilaksanakan secara berterusan melalui rondaan, pemeriksaan vesel, pemantauan VMS serta operasi bersepadu bersama APMM dan PPM. Sehingga Julai 2026, sebanyak 23 operasi telah dijalankan, melibatkan pemeriksaan 787 vesel dan 18 kes kesalahan telah direkodkan. Tindakan penguatkuasaan turut melibatkan penyitaan peralatan dan tindakan perundangan mengikut Akta Perikanan 1985.
3.	Peningkatan kos operasi dan kekangan ekonomi nelayan	Nelayan berdepan peningkatan kos operasi yang ketara melibatkan pembelian serta pembaikan jaring, pukat dan bot, termasuk kenaikan harga bahan seperti kayu cengal. Dalam masa yang sama, subsidi bahan api yang disediakan dilaporkan tidak mencukupi berbanding penggunaan sebenar, manakala harga diesel yang meningkat turut menambah tekanan kos.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menjejaskan keupayaan nelayan untuk meneruskan operasi secara mampan. Selain itu, kos pelesenan bagi aktiviti tertentu seperti pelancongan memancing yang mencecah RM1,000 berbanding lesen nelayan RM9 setahun turut dilihat sebagai beban tambahan yang mengehadkan potensi diversifikasi pendapatan.	
4.	Ketidakseimbangan rantaian pasaran dan kebergantungan kepada orang tengah	Nelayan didapati bergantung kepada orang tengah (peraih atau tauke) dalam urusan pemasaran hasil tangkapan, yang mewujudkan ketidakseimbangan dalam rantaian nilai. Hubungan ini terbentuk melalui pinjaman tidak formal yang diberikan oleh peraih untuk pembelian bot, enjin atau peralatan, tanpa faedah tetapi dengan syarat nelayan perlu menjual hasil tangkapan kepada mereka dalam tempoh tertentu, lazimnya sekitar dua tahun. Keadaan ini menyebabkan nelayan tidak mempunyai pilihan pasaran dan terpaksa menerima harga yang lebih rendah, walaupun hasil tangkapan tersebut dijual semula oleh peraih pada harga yang jauh lebih tinggi di pasaran seperti di Pasar Pulau Gajah. Ketiadaan kawalan harga lantai turut memburukkan keadaan dan menjejaskan pendapatan nelayan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
5.	Kelemahan sistem pelesenan dan birokrasi	Terdapat isu kelewatan dalam proses pelesenan sektor perikanan yang dilaporkan menjejaskan operasi nelayan tempatan. Proses kelulusan lesen, khususnya bagi bot kayu atau fiber, didapati mengambil masa yang terlalu lama sehingga	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mencecah belasan tahun. Selain itu, nelayan juga berdepan kesukaran dalam urusan pertukaran nama lesen, terutamanya apabila melibatkan kategori lesen yang berbeza. Di samping itu, status semasa pelesenan menunjukkan bahawa lesen bot Kelas A telah dibekukan, sedangkan masih terdapat ramai nelayan yang belum memiliki lesen sah. Menurut peserta, hanya sekitar 60% nelayan mempunyai lesen, manakala selebihnya tidak dibenarkan turun ke laut dan diarahkan berpatah balik sekiranya tidak mempunyai lesen. Keadaan ini menunjukkan wujudnya kekangan birokrasi yang menjejaskan kecekapan pengurusan sektor perikanan serta menyukarkan nelayan untuk menjalankan operasi secara sah dan teratur.	
6.	Ketidaktentuan cuaca dan kesan terhadap aktiviti perikanan	Faktor cuaca yang semakin tidak menentu, termasuk musim tengkujuh dan angin ribut yang berpanjangan, telah mengehadkan hari nelayan turun ke laut. Terdapat laporan bahawa dalam tempoh tertentu, nelayan hanya dapat ke laut beberapa hari sahaja dalam sebulan. Keadaan ini menyebabkan penurunan hasil tangkapan dan pendapatan, sekali gus meningkatkan kebergantungan kepada bantuan sara hidup bulanan yang dilaporkan tidak mencukupi.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Ketidaktentuan ini memberi kesan besar kepada kestabilan ekonomi nelayan di kawasan perairan Kelantan.	
7.	Ketidakcukupan sokongan dan subsidi sara hidup nelayan	Terdapat isu ketidakcukupan subsidi bahan api yang menjejaskan kelangsungan operasi nelayan dalam konteks peningkatan kos dan cabaran semasa sektor perikanan. Dalam keadaan kos operasi yang tinggi, hasil tangkapan yang semakin berkurang serta cuaca yang tidak menentu, jumlah subsidi petrol sebanyak 50 liter dan permit minyak daripada KPKM sebanyak 100 liter dilaporkan tidak mencukupi. Menurut maklum balas peserta, bot dengan enjin berkuasa 150 kuasa kuda memerlukan kira-kira 200 liter petrol sehari untuk menjalankan operasi di laut. Sehubungan itu, peserta mencadangkan agar kadar permit petrol dinaikkan sekurang-kurangnya kepada 150 liter bagi menampung keperluan sebenar nelayan. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk penyelarasan semula kadar subsidi dan permit bahan api agar lebih responsif terhadap realiti semasa serta keperluan operasi sektor perikanan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
8.	Perumahan nelayan dan sekatan pemilikan	Nelayan di kawasan tertentu dilaporkan berdepan kekangan dalam pengurusan perumahan apabila geran rumah tidak boleh ditukar milik atau diuruskan dengan fleksibel.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menyukarkan pemilikan dan perancangan jangka panjang berkaitan aset perumahan, serta memberi kesan kepada kestabilan sosial dan ekonomi isi rumah nelayan, khususnya di kawasan perumahan nelayan seperti di Tok Bali.	
9.	Kekurangan sokongan dan infrastruktur nelayan setempat	Terdapat isu kekurangan sokongan daripada agensi kerajaan terhadap nelayan laut di Kampung Pulau Gajah. Kawasan ini merupakan salah satu daripada empat Persatuan Nelayan Kawasan di Kota Bharu, namun dilaporkan berada pada kedudukan terakhir daripada segi akses kepada bantuan dan sokongan. Maklumat serta hebahan berkaitan program atau inisiatif kerajaan juga didapati lambat diterima berbanding PNK lain. Daripada aspek infrastruktur, kemudahan yang disediakan adalah tidak mencukupi dan dalam keadaan kurang memuaskan. Ramai nelayan di kawasan ini tidak mempunyai jeti yang sempurna, manakala kebanyakan jeti sedia ada berada dalam keadaan uzur dan hanya dibina menggunakan bahan asas seperti daun nipah. Keadaan ini menjejaskan kelancaran operasi harian serta tahap keselamatan nelayan tempatan.	**LKIM** memaklumkan bahawa permohonan peruntukan bagi pembinaan atau penyelenggaraan jeti boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat peruntukan. Permohonan jeti tambatan perlu disertakan justifikasi mengenai jumlah pengguna bagi memastikan kemudahan tersebut memberi manfaat kepada komuniti nelayan..

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog bersama Pengusaha IKS **Tarikh:** 08 April 2026 **Bilangan Peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• JKM
1.	Kekangan pengeluaran dan pendapatan rendah dalam industri ikan kering	Pengusaha ikan kering, khususnya dalam kalangan ibu tunggal berusia, berdepan kekangan pengeluaran akibat kapasiti operasi yang kecil dan kaedah pemprosesan yang masih manual. Mereka hanya mampu menghasilkan kuantiti yang terhad setiap hari, sekali gus menyumbang kepada pendapatan harian yang rendah, sekitar RM14 sehari. Pada masa yang sama, peningkatan kos bahan mentah seperti ikan memberi tekanan tambahan kepada operasi, namun pengusaha tidak menaikkan harga produk kerana bimbang kehilangan pelanggan. Kekangan ini menunjukkan ketidakupayaan untuk meningkatkan skala pengeluaran dan pendapatan. Ia menjejaskan kelangsungan industri kecil ini di peringkat komuniti.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
2.	Kenaikan kos bahan mentah dan kekurangan bekalan	Peningkatan harga bahan mentah seperti ikan dan santan meningkatkan kos pengeluaran produk berasaskan hasil laut dan makanan. Harga ikan naik daripada RM4-5 kepada RM8-10, manakala santan meningkat daripada RM8 kepada RM14,	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menyebabkan kos pengeluaran seperti karipap meningkat daripada RM400 kepada RM800 bagi kuantiti yang sama. Pengusaha turut menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan ikan, terutama ketika musim tengkujuh, yang menjejaskan kesinambungan pengeluaran, margin keuntungan dan kelangsungan operasi.	
3.	Potensi hasil laut yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya	Terdapat potensi besar dalam hasil laut tempatan seperti obor-obor yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di peringkat tempatan, apabila sebahagian besar hasil dijual ke negara jiran seperti Thailand. Selain itu, ketiadaan pusat sehenti (One Stop Center) bagi pemasaran produk kering menyukarkan pengusaha untuk memasarkan produk secara lebih sistematik. Keadaan ini menunjukkan kekangan dalam rantaian nilai yang menghalang pengoptimuman potensi ekonomi hasil laut tempatan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
4.	Keciciran akses kepada bantuan kebajikan	Sebahagian komuniti, khususnya pengusaha kecil dan golongan berpendapatan rendah, didapati tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada bantuan kebajikan kerajaan. Terdapat individu yang tidak mengetahui tentang skim seperti e-Kasih dan tidak berdaftar, manakala ada juga permohonan bantuan seperti JKM yang tidak menerima maklum balas sejak tahun 2020.	**JKM** memaklumkan bahawa isu utama adalah kesukaran penduduk memahami saluran permohonan serta melengkapkan borang dan dokumen yang diperlukan. Hebahan skim bantuan dilaksanakan melalui laman sesawang, media sosial serta kerjasama penggawa dan penghulu. JKM turut membantu

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, terdapat kes di mana permohonan tidak diluluskan atas faktor tertentu walaupun pendapatan tidak mencukupi. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang daripada segi maklumat dan akses kepada bantuan.	penduduk dalam proses pengisian borang dan penyediaan dokumen. Terdapat juga kekeliruan mengenai syarat kelayakan bantuan, manakala Parlimen Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa merupakan antara kawasan yang mencatatkan jumlah penerima bantuan JKM yang tinggi.
5.	Perpindahan peruntukan projek pembangunan IKS	Peruntukan Program Kampung Angkat MADANI yang asalnya diluluskan untuk pembangunan pengusaha IKS di Kg Sabak telah dipindahkan ke Pengkalan Datu atas alasan pertindihan dengan projek pembinaan jambatan. Perubahan ini menimbulkan persoalan dalam kalangan penduduk kerana projek IKS merupakan inisiatif pembangunan ekonomi masyarakat yang berbeza skop daripada projek infrastruktur. Keadaan ini menunjukkan keperluan penilaian semula keutamaan dan penyelarasan projek agar pembangunan sosioekonomi komuniti tidak terjejas.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
6.	Kelemahan sistem perparitan dan risiko banjir berkala	Sistem perparitan di kawasan perumahan tidak teratur dan tidak mencukupi, ditambah dengan keadaan topografi tanah yang tidak sekata, menyebabkan aliran air tidak dapat disalirkan dengan baik.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini mengakibatkan banjir besar kira-kira sekali setahun, terutama ketika air pasang besar. Kelemahan serta kekurangan saliran yang berfungsi dengan baik turut meningkatkan risiko banjir berulang dan memerlukan penambahbaikan sistem perparitan secara menyeluruh.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog bersama Komuniti Pulau Gajah **Tarikh:** 08 April 2026 **Bilangan Peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• AKSB • JKR • Pejabat Tanah • AADK • JAS • SKMM
1.	Kualiti bekalan air dan beban kos isi rumah	Penduduk berdepan masalah bekalan air yang tidak bersih apabila air yang diterima berwarna kemerahan, berbau dan tidak sesuai untuk kegunaan harian. Keadaan ini memaksa penduduk menggunakan sumber alternatif seperti air telaga yang disedut menggunakan enjin, sekali gus meningkatkan kos elektrik. Selain itu, penggunaan enjin berkualiti bagi tujuan tersebut memerlukan kos sekurang-kurangnya RM500, menambah beban kewangan isi rumah. Walaupun kualiti air rendah, penduduk masih perlu membayar bil air, menunjukkan ketidaksepadanan antara perkhidmatan yang diterima dan kos yang ditanggung, khususnya di kawasan seperti Pulau Gajah.	**AKSB** memaklumkan bahawa pembinaan LRA Tanjung Mas berkapasiti 25 JLH dan LRA Tok Jaafar berkapasiti 30 JLH, yang dijangka siap pada 2029, akan meningkatkan bekalan air terawat ke kawasan Parlimen Pengkalan Chepa. Isu bekalan air di Teluk Buaya juga akan ditangani secara berperingkat melalui pembinaan LRA Tok Jaafar serta projek penggantian paip lama di Semut Api, Kijang, Kuala Besar dan Kubang Kerian. Pakej penggantian paip di sebahagian Kuala Besar dijangka ditender pada 2026.
2.	Kelemahan infrastruktur	Keadaan jalan yang sempit menyebabkan kesesakan yang ketara terutama pada waktu persekolahan. Keadaan ini menjadi lebih	**JKR** memaklumkan bahawa kelebaran jalan yang sedia ada sukar diperluaskan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kritikal apabila melibatkan pelajar yang menggunakan motosikal secara berbahaya. Ini meningkatkan risiko kemalangan. Keperluan untuk menaik taraf jalan seperti melebarkan laluan dan memperbaiki kemudahan keselamatan seperti bonggol jalan dikenal pasti sebagai keperluan mendesak, khususnya di kawasan berhampiran sekolah seperti SMK Kemumin.	kerana terdapat kekangan pemilikan tanah persendirian di kiri dan kanan jalan. **Pejabat Tanah** pula memaklumkan bahawa aduan kerosakan jalan kampung boleh dikemukakan untuk tindakan melalui peruntukan MARRIS, namun kelebaran jalan adat yang telah lama sedia ada sukar diubah berdasarkan keadaan dan pelan tanah semasa.
3.	Keselamatan jalan raya terjejas	Keselamatan jalan raya terjejas akibat penglibatan remaja bawah umur yang menunggang motosikal tanpa lesen serta tidak memakai topi keledar. Selain itu, terdapat juga tingkah laku menunggang secara berbahaya yang dilaporkan berlaku, termasuk aktiviti lumba haram di kawasan perindustrian. Aktiviti ini kebiasaannya melibatkan pelajar sekolah menengah dan individu yang telah bekerja. Kegiatan tersebut lazimnya bermula pada waktu petang, iaitu selepas waktu Asar, dan berlarutan hingga lewat malam antara jam 11.00 malam hingga 3.00 pagi. Keadaan ini telah mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Keadaan tersebut bukan sahaja membahayakan keselamatan pelaku, malah turut mengancam pengguna jalan	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		raya yang lain, serta menyumbang kepada peningkatan kes kemalangan di kawasan komuniti seperti Pulau Gajah.	
4.	Gejala sosial dan disiplin pelajar yang membimbangkan	Masalah disiplin dalam kalangan pelajar semakin ketara apabila wujud kes buli dan penyalahgunaan bahan seperti vape dalam persekitaran sekolah. Terdapat laporan bahawa ketidakhadiran pelajar boleh mencecah jumlah yang tinggi dalam satu masa, menunjukkan isu ponteng yang berleluasa. Pada masa yang sama, guru dilihat berhadapan kekangan dalam mengawal disiplin pelajar dan hanya mampu memberi nasihat tanpa tindakan tegas, menyebabkan masalah seperti kehilangan wang dan barangan pelajar terus berlaku. Keadaan ini mencerminkan cabaran serius dalam pengurusan disiplin di sekolah rendah dan menengah.	**AADK** memaklumkan bahawa isu vape, ketum dan penyalahgunaan dadah memerlukan penguatkuasaan serta kerjasama antara agensi dan komuniti. Bagi isu vape, walaupun PBT tidak mengeluarkan lesen penjualan vape, tindakan penguatkuasaan mempunyai kekangan dari segi punca kuasa. AADK turut mengesan penyalahgunaan vape yang dicampur bahan terlarang serta penjualan bahan terlarang melalui platform dalam talian. Bagi isu ketum, kelewatan keputusan ujian makmal menyukarkan tindakan penguatkuasaan kerana tempoh reman yang terhad. AADK turut menekankan keperluan penglibatan komuniti dalam membantu mencegah pengulangan kes penyalahgunaan dadah selepas individu kembali ke komuniti. **SKMM** memaklumkan bahawa tindakan terhadap laman sesawang atau platform dalam talian yang menjual bahan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			terlarang diambil berdasarkan aduan atau laporan daripada agensi berkaitan.
5.	Pencemaran alam sekitar	Komuniti berdepan pencemaran bau yang serius akibat operasi kilang ayam, termasuk laporan pembuangan bangkai ayam ke dalam sungai. Keadaan ini menarik haiwan perosak seperti lalat, biawak, nyamuk dan anjing liar. Ia menjejaskan kualiti persekitaran serta berpotensi memberi kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk berhampiran.	**JAS** memaklumkan bahawa tindakan terhadap premis atau kilang bergantung kepada penggunaan air, kadar pelepasan efluen dan kandungan BOD, bukannya berdasarkan saiz premis semata-mata. Premis yang tidak memenuhi skop penguatkuasaan JAS, seperti aktiviti berskala kecil, boleh dirujuk kepada pihak berkuasa tempatan untuk tindakan berkaitan permit atau lesen.
6.	Pengurusan sisa pepejal yang tidak sistematik	Ketiadaan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang mencukupi menyebabkan penduduk terpaksa menguruskan sampah secara tidak sistematik, termasuk membakar sampah di kawasan. Tong sampah besar tidak disediakan di kawasan berhampiran, manakala lokasi tong sampah terdekat yang sejauh kira-kira 2 kilometer menyukarkan akses penduduk. Keadaan ini menyumbang kepada pencemaran alam sekitar serta risiko kesihatan awam, khususnya di kawasan Kg. Pulau Gajah.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
7.	Kelemahan akses kepada infrastruktur digital	Capaian internet di kawasan komuniti dilaporkan perlahan dan tidak stabil. Ia menjejaskan urusan harian penduduk yang bergantung kepada perkhidmatan digital.	**SKMM** memaklumkan bahawa aduan berkaitan masalah liputan atau kelajuan internet perlu dikemukakan secara

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kekangan ini memberi kesan kepada akses maklumat, komunikasi serta potensi aktiviti ekonomi yang memerlukan capaian internet yang baik, khususnya di kawasan seperti Pulau Gajah.	terperinci melalui portal aduan dalam talian. Maklumat seperti lokasi atau koordinat, jenis masalah, pihak yang terlibat serta penyedia perkhidmatan seperti Maxis atau Digi diperlukan bagi membolehkan tindakan susulan diambil.
8.	Kekurangan peluang pekerjaan dan akses latihan kemahiran	Peluang pekerjaan masih terhad walaupun terdapat kawasan perindustrian dan banyak kilang. Syarat kelayakan yang rumit turut menyukarkan penduduk mendapatkan pekerjaan. Golongan muda dengan kelayakan SPM masih menghadapi kesukaran bekerja di kilang. Manakala peluang melanjutkan kemahiran melalui institusi seperti GIATMARA juga terhad, termasuk kegagalan mendapatkan tempat dalam kursus yang dipohon.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
9.	Banjir pasang air laut dan gangguan kediaman penduduk	Penduduk berhampiran sungai, khususnya di Pulau Gajah Kecil, kerap mengalami banjir akibat fenomena air pasang. Kejadian biasanya berlaku pada waktu malam apabila paras air meningkat dan surut semula pada waktu pagi, menyebabkan penduduk bimbang air memasuki rumah serta mengganggu ketenteraman. Penduduk turut memaklumkan bahawa mereka tidak menerima bantuan berkaitan banjir.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Pantai Dasar **Tarikh:** 09 April 2026 **Bilangan Peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• AKSB • JKM
1.	Hakisan pantai dan kehilangan kawasan darat	Kawasan pesisir pantai dilaporkan mengalami hakisan yang serius sejak tahun 1995 dengan kadar sekitar 100 meter setahun, sehingga menyebabkan benteng batu sedia ada hilang dan daratan menyusut antara 1 hingga 2 kilometer. Keadaan ini telah memberi kesan langsung kepada penempatan penduduk apabila kediaman terjejas dan memaksa sebahagian penduduk berhijrah ke kawasan lain. Ancaman hakisan ini menunjukkan tekanan berterusan terhadap keselamatan fizikal dan kelangsungan komuniti, khususnya di kawasan Pantai Sabak hingga Pantai Dasar serta Kg. Pantai Dasar.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
2.	Kualiti bekalan air yang rendah dan kebergantungan kepada sumber alternatif	Penduduk berdepan masalah kualiti bekalan air yang rendah apabila air yang diterima berwarna merah, berbau dan kadangkala berasa payau. Keadaan ini memaksa penduduk menggunakan penapis air di rumah serta membeli air minuman untuk kegunaan harian. Di kawasan pesisir, kebergantungan kepada bekalan air terawat adalah tinggi, menjadikan isu kualiti air ini lebih kritikal. Keadaan	**AKSB** memaklumkan bahawa pembinaan LRA Tok Jaafar berkapasiti 30 JLH yang dijangka siap pada 2029 akan membantu meningkatkan bekalan air terawat ke Parlimen Pengkalan Chepa, khususnya DUN Kijang. Isu bekalan air di Teluk Buaya pula akan ditangani secara berperingkat melalui pembinaan LRA

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		ini memberi kesan kepada kos sara hidup dan kesejahteraan penduduk, khususnya di Kg. Pantai Dasar.	tersebut dan projek penggantian paip lama di Semut Api, Kijang, Kuala Besar dan Kubang Kerian.
3.	Kekurangan pendedahan dan peluang kemahiran belia	Terdapat kekurangan pendedahan kepada ibu bapa dan belia mengenai laluan pendidikan berasaskan kemahiran, yang menjejaskan peluang melanjutkan pelajaran. Peningkatan syarat kelayakan turut menyukarkan belia untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Akibatnya, pilihan kerjaya menjadi terhad dan tidak pelbagai, memberi kesan kepada mobiliti sosial belia di kawasan tersebut.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
4.	Kebajikan pekerja buruh tidak terjamin	Sebahagian besar belia dilaporkan bekerja sebagai buruh binaan dengan kadar upah sekitar RM60 sehari tanpa perlindungan sosial seperti KWSP atau PERKESO. Keadaan ini menunjukkan tahap keselamatan pekerjaan yang rendah serta ketiadaan jaminan sosial untuk masa hadapan. Keadaan ini memberi kesan kepada kestabilan ekonomi individu dan meningkatkan kerentanan golongan belia terhadap risiko kewangan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
5.	Kecicirian akses kepada bantuan kebajikan	Terdapat penduduk yang tidak menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sama ada kerana tidak membuat permohonan atau kurang maklumat mengenai bantuan yang tersedia.	**JKM** memaklumkan bahawa isu utama adalah kesukaran penduduk memahami saluran permohonan serta melengkapkan borang dan dokumen

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Walaupun terdapat bantuan lain seperti zakat, ketiadaan akses kepada bantuan kebajikan formal menunjukkan jurang dalam penyampaian maklumat dan capaian kepada sistem sokongan kerajaan. Keadaan ini menjejaskan kebajikan golongan yang berpotensi layak tetapi tidak menerima bantuan sewajarnya.	yang diperlukan. Hebahan skim bantuan dilaksanakan melalui laman sesawang, media sosial serta kerjasama penggawa dan penghulu. JKM turut membantu penduduk dalam proses pengisian borang dan penyediaan dokumen. Terdapat juga kekeliruan mengenai syarat kelayakan bantuan, manakala Parlimen Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa merupakan antara kawasan yang mencatatkan jumlah penerima bantuan JKM yang tinggi.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog bersama Pelajar Universiti Malaysia Kelantan **Tarikh:** 09 April 2026 **Bilangan Peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			• UMK
1.	Kekurangan prasarana akademik	Kekurangan bilik kuliah menyebabkan pelajar terpaksa mengikuti pembelajaran secara dalam talian walaupun berada di kampus, sedangkan jumlah pelajar dianggarkan 7,000 orang. Pertindihan penggunaan bilik kuliah turut berlaku apabila dua kelas dijadualkan pada waktu yang sama, menjejaskan kelancaran dan kualiti pembelajaran. Selain itu, projek pembinaan fakulti dan asrama bagi pemindahan pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan ke UMK Kampus Bachok masih belum siap selepas dua tahun dan dikategorikan sebagai projek sakit.	**UMK** memaklumkan bahawa kekurangan bilik kuliah masih berlaku disebabkan keterbatasan ruang. Bagi mengatasi isu tersebut, sebahagian kelas dijalankan pada waktu malam dan secara hibrid. Berhubung projek fakulti dan asrama yang terbengkalai, UMK sedang bekerjasama dengan JKR, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Ekonomi bagi mendapatkan peruntukan untuk meneruskan projek berkenaan. Projek Fakulti Keusahawanan pula sedang dalam pembinaan dan dijangka mengambil masa satu hingga dua tahun untuk disiapkan.
2.	Keselamatan dan kualiti kediaman pelajar yang tidak memuaskan	Tahap keselamatan dan kualiti kediaman pelajar, sama ada di kolej kediaman mahupun rumah sewa, dilaporkan berada pada tahap yang membimbangkan. Terdapat kes kemasukan orang luar ke	**UMK** memaklumkan bahawa kawalan keselamatan di asrama UMK Kampus Kota dilaksanakan selama 24 jam melalui rondaan pengawal keselamatan. Bagi

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kawasan asrama serta percampuran tidak terkawal antara pelajar lelaki dan wanita, yang menimbulkan isu keselamatan dan privasi. Selain itu, rumah sewa yang ditawarkan pada kadar lebih rendah didapati tidak bersih dan tidak selamat, dengan laporan kes pecah masuk, samun dan kecurian. Di kolej kediaman, susun atur blok lelaki dan wanita yang terlalu dekat serta kualiti bilik yang rendah berbanding kos sara hidup turut menjadi isu. Keadaan ini memberi kesan kepada kesejahteraan dan keselamatan pelajar, khususnya di kawasan sekitar kampus seperti Kg. Gong Tengah dan Padang Tembak.	meningkatkan kawalan di kawasan sempadan asrama lelaki dan perempuan, UMK bercadang untuk memasang CCTV selain papan tanda amaran dan hebahan berkaitan larangan memasuki kawasan tersebut.
3.	Kelemahan infrastruktur di sekitar kampus	Infrastruktur fizikal sekitar kampus, khususnya jalan raya, dilaporkan tidak memuaskan dengan keadaan jalan berlubang yang membahayakan pengguna, terutama pelajar motosikal. Ketiadaan padang turut mengehadkan aktiviti riadah dan sukan, menyebabkan pelajar berjoging di luar kampus termasuk kawasan lapangan terbang walaupun terdapat larangan atas faktor keselamatan. Universiti juga terpaksa meminjam padang sekolah untuk aktiviti sukan berskala besar, menunjukkan keperluan penambahbaikan kemudahan sukan dalam kampus.	**UMK** memaklumkan bahawa Kampus Kota di Pengkalan Chepa tidak mempunyai kemudahan sukan di kawasan asrama Kemumin kerana bangunan tersebut merupakan premis sewaan. Namun, kemudahan sukan seperti padang bola dan futsal tersedia di Taman Bendahara dan boleh digunakan oleh pelajar. Bagi aktiviti sukan dan pertandingan antara IPT, pelajar turut dibawa ke kemudahan sukan di sekitar Kota Bharu. UMK sedang berusaha membangunkan kemudahan sukan di

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Bachok, namun kekangan tanah dan peruntukan menjadi antara cabaran utama.
4.	Kekangan latihan industri dan kebimbangan kebolehpasaran graduan	Pelajar melaporkan ketiadaan peluang latihan industri (*internship*) dalam struktur pengajian semasa, di mana mereka hanya terlibat dalam aktiviti lapangan bagi tujuan kajian. Kekurangan pendedahan praktikal ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pelajar terhadap tahap kesiapsiagaan mereka untuk memasuki pasaran kerja. Keadaan ini memberi implikasi kepada kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian.	**UMK** memaklumkan bahawa berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), kadar kebolehpasaran graduan bagi kebanyakan bidang pengajian melebihi 90%, termasuk bidang Keusahawanan. UMK turut menetapkan sasaran kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 95% dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi.
5.	Kualiti bekalan air dan utiliti di kediaman pelajar	Masalah bekalan air yang berkarat dan berbau turut dilaporkan berlaku di kawasan kediaman pelajar, termasuk rumah sewa. Keadaan ini menjejaskan kualiti hidup pelajar serta memerlukan mereka mencari alternatif bagi kegunaan harian dan menambah beban kos kehidupan.	**AKSB** memaklumkan bahawa pembinaan LRA Tanjung Mas berkapasiti 25 JLH dan LRA Tok Jaafar berkapasiti 30 JLH, yang dijangka siap pada 2029, akan meningkatkan bekalan air terawat ke Parlimen Pengkalan Chepa, khususnya DUN Kijang. Isu bekalan air di Teluk Buaya pula akan ditangani secara berperingkat melalui pembinaan LRA Tok Jaafar serta projek penggantian paip lama di Semut Api, Kijang, Kuala Besar dan Kubang Kerian. Pakej pembinaan di

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			sebahagian Kuala Besar dijangka ditender pada 2026.
6.	Kekangan capaian internet dan pembelajaran dalam talian	Kekangan dalam mengikuti kelas secara dalam talian dilaporkan. Ia berpunca daripada beberapa faktor seperti capaian internet yang tidak stabil. Seorang peserta memaklumkan bahawa beliau tinggal di kawasan berhampiran lapangan terbang dan menggunakan perkhidmatan telekomunikasi Maxis/Hotlink. Walau bagaimanapun, kualiti capaian yang sebelum ini memuaskan kini dilaporkan semakin tidak stabil. Selain itu, pembelajaran secara dalam talian juga dikatakan menyukarkan pelajar untuk memberi tumpuan semasa kelas, terutamanya bagi subjek yang melibatkan pengiraan dan kalkulus. Sehubungan itu, majoriti pelajar menyatakan keutamaan terhadap pelaksanaan kelas secara fizikal bagi meningkatkan kefahaman dan keberkesanan pembelajaran.	**SKMM** memaklumkan bahawa aduan berkaitan masalah liputan atau kelajuan internet perlu dikemukakan secara terperinci melalui portal aduan dalam talian. Maklumat seperti lokasi atau koordinat, jenis masalah, pihak yang terlibat serta penyedia perkhidmatan seperti Maxis atau Digi diperlukan bagi membolehkan tindakan susulan diambil.
7.	Kekurangan kemudahan parkir di UMK	Kekangan kemudahan tempat letak kenderaan di sekitar UMK turut dikenal pasti sebagai isu utama. Hal ini sebahagiannya berpunca daripada status penggunaan bangunan universiti yang disewa daripada pihak MPKB. Bagi kemudahan parkir pelajar, mereka diwajibkan memiliki pelekat kenderaan dan tidak dikenakan bayaran oleh pihak MPKB. Walau bagaimanapun, jumlah ruang parkir yang disediakan adalah terhad. Pensyarah dibenarkan meletakkan kenderaan di	**UMK** memaklumkan bahawa isu kekurangan parkir turut berlaku, khususnya di kawasan PC, berikutan jumlah pelajar yang membawa kenderaan sendiri. Walaupun terdapat kemudahan parkir berbayar di bawah MPKB, penggunaan parkir tersebut masih bergantung kepada kemampuan pelajar untuk membayar.

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kawasan kolej kediaman, manakala pelajar tidak diberikan kebenaran tersebut. Keadaan ini menyebabkan berlakunya persaingan dalam mendapatkan tempat letak kenderaan, terutamanya pada waktu puncak. Pelajar yang tiba lewat terpaksa meletakkan kenderaan di kawasan yang lebih jauh, seperti di sekitar premis berhampiran termasuk McDonald's.	
8.	Banjir kilat akibat sistem saliran	Banjir kilat yang berlaku di kawasan UMK dilaporkan berpunca daripada sistem saliran yang tersumbat serta kedudukan kawasan yang rendah. Apabila berlaku hujan lebat dalam tempoh kira-kira satu jam, paras air boleh naik sehingga ke paras buku lali. Sekiranya hujan berterusan sepanjang malam, paras air boleh meningkat sehingga ke paras dada. Keadaan ini mengambil masa sekitar 2 hingga 3 hari untuk surut sepenuhnya. Pihak pengurusan kawasan telah melaksanakan sistem saliran berpusat yang menggunakan pintu kawalan air bagi mengawal aliran keluar air. Walau bagaimanapun, apabila pintu tersebut dibuka, ia masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah air yang banyak. Akibatnya, proses banjir berlaku berterusan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
9.	Operasi PKU terhad	Pusat Kesihatan Universiti (PKU) hanya beroperasi mengikut waktu pejabat. Jika berlaku kes kecemasan atau kemalangan,	**UMK** memaklumkan bahawa kekurangan doktor di pusat kesihatan universiti menyebabkan perkhidmatan

Bil.	Isu	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mangsa terpaksa pergi sendiri ke klinik, telefon ambulans atau minta bantuan felo. Perkhidmatan 24 jam diperlukan untuk menangani kes-kes begini. Terdapat juga laporan bahawa ada kes cubaan bunuh diri sebelum ini. Perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan sepenuh masa diperlukan.	hanya beroperasi pada waktu pejabat. Bagi menangani keperluan pelajar di luar waktu operasi, felo dan penolong felo disediakan secara on-call sehingga waktu malam, manakala pelajar turut dirujuk ke klinik kerajaan dengan sokongan KKM.
10.	Pembulian siber dan tekanan emosi pengguna	Pembulian siber dalam kalangan pengguna media sosial melibatkan penghinaan fizikal, komen kecaman dan penciptaan akaun palsu untuk menyerang mangsa. Ini termasuk akibat perasaan cemburu. Kecaman turut berlaku melalui platform seperti *group confession*. Keadaan ini boleh menyebabkan mangsa mengalami tekanan emosi yang serius dan berisiko mengalami kemurungan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog bersama KRT Taman Desa Kemumim Fasa II **Tarikh:** 09 April 2026 **Bilangan Peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			• AKSB • MPKB • JAS • SKMM
1.	Banjir kilat dan sistem perparitan yang tidak memadai	Kawasan perumahan berdepan masalah banjir kilat yang kerap berlaku terutamanya semasa hujan lebat, khususnya pada bulan Disember. Puncanya adalah sistem perparitan yang tidak memadai dan tidak terancang, termasuk longkang yang kecil serta saliran yang ditutup atau terjejas akibat pembangunan perumahan. Terdapat juga rumah yang dibina tanpa sistem saliran yang baik, menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir keluar dengan lancar dan akhirnya bertakung di kawasan kediaman. Keadaan ini memberi kesan kepada keselamatan dan keselesaan penduduk, khususnya di Taman Desa Kemumin.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
2.	Kelemahan penyelenggaraan infrastruktur	Penduduk melaporkan kelemahan dalam aspek penyelenggaraan infrastruktur serta tindakan yang lambat daripada pihak berkaitan. Jalan perumahan didapati rosak dan beralun akibat kerja pembaikan utiliti oleh kontraktor yang tidak diselenggara dengan sempurna selepas kerja pengorekan paip.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, keperluan asas komuniti seperti jalan yang lebih baik dan kemudahan rekreasi tidak diberi perhatian sewajarnya, sehingga penduduk terpaksa mengeluarkan kos sendiri untuk membina kemudahan seperti gelanggang sukan. Keadaan ini mencerminkan jurang dalam penyampaian perkhidmatan dan respons terhadap keperluan komuniti setempat.	
3.	Kekurangan kemudahan awam dan prasarana komuniti	Kawasan komuniti menghadapi kekurangan kemudahan awam apabila peruntukan bagi pembinaan dewan serbaguna dilaporkan ditarik balik atau dialihkan tanpa makluman kepada penduduk. Ketiadaan dewan ini menjejaskan pelaksanaan aktiviti komuniti serta potensi menjana pendapatan melalui program setempat. Pada masa yang sama, kemudahan rekreasi juga tidak mencukupi sehingga komuniti terpaksa mengumpul dana sendiri bagi membina gelanggang sukan. Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap penyediaan prasarana komuniti yang lebih menyeluruh.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
4.	Kualiti bekalan air dan tekanan air rendah	Penduduk berdepan masalah bekalan air yang berwarna gelap, berbau serta mempunyai tekanan yang rendah. Keadaan ini memaksa penggunaan penapis air di rumah yang perlu ditukar secara kerap. Akibatnya, kos perbelanjaan isi rumah meningkat.	**AKSB** memaklumkan bahawa pembinaan LRA Tanjung Mas berkapasiti 25 JLH dan LRA Tok Jaafar berkapasiti 30 JLH, yang dijangka siap pada 2029, akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kualiti air yang tidak memuaskan ini menjejaskan kegunaan harian penduduk dan mencerminkan isu dalam penyediaan utiliti asas di kawasan perumahan.	meningkatkan bekalan air terawat ke Parlimen Pengkalan Chepa, khususnya DUN Kijang. Isu bekalan air di Teluk Buaya pula akan ditangani secara berperingkat melalui pembinaan LRA Tok Jaafar serta projek penggantian paip lama di Semut Api, Kijang, Kuala Besar dan Kubang Kerian. Pakej pembinaan di sebahagian Kuala Besar dijangka ditender pada 2026.
5.	Keselamatan jalan raya dan kekurangan kemudahan sokongan	Keselamatan jalan raya menjadi kebimbangan apabila terdapat kekurangan lampu jalan di kawasan berisiko seperti simpang tiga dan simpang empat, manakala pemasangan lampu tidak disasarkan secara strategik. Penduduk juga terpaksa membina bonggol jalan sendiri bagi mengurangkan risiko kemalangan. Keadaan ini menunjukkan kekurangan perancangan dalam penyediaan kemudahan keselamatan jalan yang memberi kesan kepada pengguna, khususnya di kawasan perumahan.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
6.	Kekurangan akses kepada kemudahan perbankan	Penduduk menghadapi kesukaran dalam urusan kewangan harian apabila kemudahan perbankan seperti mesin ATM dan CDM semakin berkurangan di kawasan sekitar. Kekurangan akses ini menjejaskan keupayaan penduduk untuk menjalankan transaksi dengan mudah dan menunjukkan jurang dalam penyediaan kemudahan asas kewangan di peringkat komuniti.	**MPKB** memaklumkan bahawa penyediaan mesin ATM bergantung kepada permohonan dan pertimbangan pihak bank. Bagi lokasi Kedai Buluh, kedudukannya yang kurang strategik menyukarkan penyediaan ATM,

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			manakala kawasan perumahan dan kampung seperti Taman Kemumin kurang menjadi pilihan pihak bank berikutan jumlah transaksi yang rendah.
7.	Kekurangan peluang pekerjaan belia	Komuniti belia menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan walaupun Pengkalan Chepa dan Taman Kemumin berhampiran kawasan perindustrian yang mempunyai banyak kilang. Kekosongan pekerjaan yang terhad berbanding jumlah pencari kerja menyebabkan peluang pekerjaan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Antara kumpulan yang terkesan adalah golongan belia yang memiliki sijil kemahiran.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*
8.	Pencemaran udara dan aktiviti perindustrian	Pencemaran udara dibangkitkan oleh penduduk, khususnya akibat aktiviti perindustrian termasuk kilang Top Glove. Pemantauan KRT dan JAS menunjukkan bacaan indeks pencemaran masih pada tahap tidak membimbangkan. Namun, pelepasan asap dari kawasan perindustrian dilaporlan mengganggu keselesaan dan kesejahteraan penduduk sekitar.	**JAS** memaklumkan bahawa kes Top Glove merupakan kes lama yang telah diambil tindakan beberapa kali. Selepas pertukaran pengurusan, penambahbaikan telah dilakukan dan pemantauan serta pemeriksaan berkala oleh JAS mendapati kilang tersebut kini mematuhi keperluan minimum yang ditetapkan. Pemeriksaan turut melibatkan penggunaan peralatan pemantauan JAS sekiranya diperlukan. Isu ketidakselesaan yang masih berlaku

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			berkemungkinan berpunca daripada faktor lain.
9.	Gangguan pembelajaran dan internet tidak stabil	Sesi pembelajaran dalam talian dilaporkan menimbulkan gangguan kepada proses pengajaran dan pembelajaran, antaranya disebabkan oleh penggunaan rangkaian Wi-Fi di UMK yang tidak stabil. Keadaan ini menyebabkan pensyarah kerap keluar masuk kelas atas talian akibat gangguan internet. Keadaan tersebut menjejaskan kelancaran sesi pembelajaran serta mengganggu pemahaman pelajar. Ini terutamanya bagi subjek yang melibatkan pengiraan dan kalkulus.	**SKMM** memaklumkan bahawa aduan berkaitan masalah liputan atau kelajuan internet perlu dikemukakan secara terperinci melalui portal aduan dalam talian. Maklumat seperti lokasi atau koordinat, jenis masalah, pihak yang terlibat serta penyedia perkhidmatan seperti Maxis atau Digi diperlukan bagi membolehkan tindakan susulan diambil.
10.	Lumba haram dan penyalahgunaan dadah	Masalah lumba haram dalam kalangan belia berlaku di kawasan seperti di hadapan kilang dan Padang Tembak. Belia yang terlibat termasuk remaja berusia sekitar 12 tahun ke atas. Penggunaan motosikal tanpa lampu dan tidak mematuhi peraturan keselamatan meningkatkan risiko kemalangan. Kes kematian berlaku setiap tahun. Aktiviti ini turut dikaitkan dengan penyalahgunaan pil kuda yang dipercayai menyebabkan penunggang lebih berani melakukan aksi berbahaya.	*Tiada maklumbalas diterima untuk isu ini*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekangan Kelangsungan Ekonomi dan Operasi Sektor Perikanan

Sektor perikanan di Parlimen Pengkalan Chepa berdepan pelbagai cabaran yang menjejaskan kelancaran operasi dan pendapatan komuniti nelayan serta pengusaha akuakultur. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah pendangkalan muara sungai, peningkatan kos operasi, ketidakcukupan subsidi bahan api, pencerobohan kawasan perikanan, kekangan pelesenan, kebergantungan kepada orang tengah serta ketidakstabilan cuaca. Kekurangan infrastruktur dan sokongan agensi kerajaan turut membataskan keupayaan komuniti untuk menjalankan aktiviti perikanan secara berterusan dan mampan.

Kemerosotan Keadaan Muara dan Sungai

Muara sungai yang semakin cetek akibat mendapan lumpur dan hakisan tebing menyukarkan nelayan untuk keluar masuk ke laut serta menjejaskan produktiviti harian. Keadaan ini turut memberi kesan kepada pengusaha penternakan ikan melalui kesukaran mengurus kawasan ternakan, kerosakan jaring akibat haiwan seperti memerang serta risiko kecurian. Dapatan ini selari dengan keadaan di kawasan Pulau Gajah apabila lebih 72 bot dan perahu milik kira-kira 300 nelayan pernah dilaporkan terkandas akibat masalah sungai cetek, sehingga pendapatan nelayan terjejas sehingga 50 peratus (Sinar Harian, 2022). Masalah pendangkalan tersebut dikaitkan dengan pemendapan pasir dan kelodak yang berlaku secara berterusan. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengurusan pendangkalan muara dan penyediaan infrastruktur perikanan yang sesuai merupakan keperluan penting bagi memastikan kelancaran operasi nelayan.

Peningkatan Kos Operasi dan Ketidakcukupan Subsidi Bahan Api

Nelayan berdepan peningkatan kos operasi melibatkan bahan api, pembelian dan pembaikan bot, jaring serta peralatan menangkap ikan. Pada masa yang sama, jumlah subsidi dan permit bahan api yang diterima dilaporkan tidak mencukupi berbanding keperluan sebenar operasi. Kajian terhadap komuniti nelayan skala kecil menunjukkan bahawa harga bahan api merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi pendapatan nelayan, khususnya ketika keadaan cuaca ekstrem apabila hasil tangkapan menurun dan kos operasi meningkat (Rahim, Malik, & Hastuti, 2025). Dapatan ini menyokong maklum balas komuniti bahawa kadar subsidi dan permit bahan api perlu lebih responsif terhadap keperluan sebenar operasi nelayan.

Kekangan Pengurusan Sumber, Pelesenan dan Akses Pasaran

Pencerobohan bot dari zon perikanan lain, negeri lain dan bot asing ke kawasan perairan tempatan dilaporkan mengurangkan hasil tangkapan nelayan tempatan serta meningkatkan jarak dan kos operasi. Jabatan Perikanan Malaysia turut mengenal pasti aktiviti perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia (IUU Fishing) sebagai antara cabaran dalam pengurusan sumber perikanan negara (Jabatan Perikanan Malaysia, 2024). Selain itu, kelewatan proses pelesenan dan kesukaran pertukaran nama lesen menjejaskan keupayaan nelayan untuk beroperasi secara sah dan teratur. Kebergantungan kepada orang tengah dalam pemasaran hasil tangkapan pula mengehadkan kuasa tawar-menawar nelayan dan berpotensi mengurangkan pendapatan yang diterima di peringkat pengeluar.

Ketidakstabilan Pendapatan dan Kerentanan Komuniti Nelayan

Faktor cuaca yang tidak menentu, termasuk musim tengkujuh dan keadaan laut bergelora, mengehadkan bilangan hari nelayan dapat turun ke laut dan seterusnya menjejaskan hasil tangkapan serta pendapatan. Kajian Rahim, Malik, dan Hastuti (2025) terhadap 209 isi rumah nelayan skala kecil mendapati bahawa pendapatan perikanan menurun dengan ketara ketika cuaca ekstrem, manakala harga bahan api merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi keuntungan nelayan. Kajian terhadap nelayan skala kecil di Terengganu turut menunjukkan bahawa sebahagian besar nelayan bergantung kepada perikanan sebagai sumber utama pendapatan isi rumah dan keadaan cuaca menjadi antara faktor yang mengehadkan aktiviti ke laut (Musa et al., 2025). Dalam konteks Pengkalan Chepa, kekurangan jeti yang sempurna serta akses yang terhad kepada bantuan dan maklumat agensi turut meningkatkan kerentanan komuniti nelayan. Oleh itu, pengukuhan infrastruktur, sokongan agensi dan strategi adaptasi ekonomi penting bagi meningkatkan daya tahan komuniti nelayan terhadap ketidakstabilan pendapatan.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Muara sungai semakin cetek akibat pendangkalan dan hakisan tebing sehingga menyukarkan nelayan keluar masuk ke laut serta menjejaskan hasil tangkapan. 2. Peningkatan kos operasi serta ketidakcukupan subsidi dan permit bahan api meningkatkan beban kewangan nelayan. 3. Pencerobohan bot dari zon perikanan lain dan penggunaan peralatan tidak dibenarkan

	menjejaskan sumber perikanan serta hasil tangkapan nelayan tempatan. 4. Kekangan proses pelesenan dan kebergantungan kepada orang tengah dalam pemasaran hasil tangkapan mengehadkan keupayaan nelayan untuk meningkatkan pendapatan. 5. Cuaca tidak menentu dan musim tengkujuh mengurangkan hari operasi nelayan serta menyebabkan pendapatan tidak stabil. 6. Kekurangan infrastruktur seperti jeti yang sempurna serta keterbatasan akses kepada bantuan dan maklumat agensi menjejaskan kelancaran operasi nelayan.
Cadangan Penyelesaian	1. Melaksanakan pengorekan dan penyelenggaraan muara secara berkala serta menambah baik pengurusan mendapan bagi memastikan laluan bot sentiasa berfungsi. 2. Menilai semula kadar subsidi dan permit bahan api berdasarkan keperluan sebenar operasi nelayan serta meningkatkan sokongan bagi kos penyelenggaraan peralatan. 3. Memperkukuh penguatkuasaan zon perikanan dan pemantauan perairan bagi membendung pencerobohan serta aktiviti penangkapan ikan yang tidak dibenarkan. 4. Memudah cara proses pelesenan dan memperkukuh saluran pemasaran langsung melalui PNK atau koperasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah. 5. Menaik taraf jeti dan infrastruktur pendaratan serta memperkukuh penyampaian maklumat dan bantuan agensi kepada komuniti nelayan.
Kumpulan Sasaran	Nelayan Laut, Penternak Akuakultur
Kawasan	Kg Sabak, Pengkalan Chepa
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	

SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana melalui akses kepada perkhidmatan kewangan dan integrasi rantaian nilai.
SDG 14: Kehidupan di bawah Air	Sasaran 14.4: Menjelang 2020, mengawal selia aktiviti penangkapan dengan berkesan dan menghentikan tangkapan ikan secara berlebihan, perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia serta amalan perikanan yang bersifat merosak, dan melaksanakan rancangan pengurusan berasaskan sains untuk memulihkan bekalan ikan dalam masa yang singkat dan munasabah, sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan pengeluaran hasil maksimum yang lestari seperti yang ditentukan menurut ciri biologi ikan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kemerosotan Pendapatan dan Daya Saing Peniaga Kecil

Isu kemerosotan pendapatan dan daya saing peniaga kecil serta penjaja di Parlimen Pengkalan Chepa menjadi antara cabaran utama dalam mengukuhkan aktiviti ekonomi setempat. Keadaan ini dipengaruhi oleh jumlah pengunjung yang rendah di tapak pasar, operasi pasar yang terhad pada hujung minggu, persaingan daripada penjaja tepi jalan serta peningkatan kos bahan mentah. Pada masa yang sama, lambakan hasil pertanian turut menyebabkan harga jualan menurun dan memberi kesan kepada pendapatan peniaga serta petani. Keadaan ini mengehadkan keupayaan peniaga untuk mengekalkan dan mengembangkan perniagaan, sekali gus menjejaskan pendapatan isi rumah dan kelangsungan aktiviti ekonomi setempat.

Kurang Sambutan terhadap Tapak Pasar

Penjaja di tapak pasar di Parlimen Pengkalan Chepa berdepan dengan jumlah pengunjung yang rendah, manakala operasi yang hanya dijalankan pada hujung minggu turut mengehadkan peluang perniagaan. Keadaan ini semakin ketara selepas PKP apabila penduduk kampung semakin banyak berniaga di tepi jalan, menyebabkan pelanggan lebih cenderung membeli di lokasi yang berhampiran. Keadaan ini menjejaskan pendapatan penjaja, khususnya peniaga wanita, serta melambatkan aktiviti ekonomi setempat. Dapatan ini selari dengan kajian Rahim, Zainal Abidin dan Basri (2024) yang mendapati bahawa peningkatan kos sara hidup dan perubahan corak perniagaan selepas pandemik memberi cabaran kepada peniaga kecil. Kajian Mustapha dan Awang Kader (2024) pula menunjukkan bahawa daya tarikan dan kebolehcapaian pasar merupakan antara aspek penting bagi memastikan pasar terus berfungsi sebagai saluran

pemasaran kepada peniaga kecil (Rahim, Zainal Abidin dan Basri, 2024; Mustapha dan Awang Kader, 2024).

Peningkatan Kos Operasi dan Kekangan Peniaga Kecil

Peniaga kecil mengalami penurunan keuntungan akibat kenaikan kos bahan mentah yang mengurangkan margin keuntungan. Skim pembiayaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pula kurang mendapat sambutan kerana kebimbangan terhadap beban pembayaran balik pinjaman. Keadaan ini mengehadkan keupayaan peniaga untuk mengekalkan dan mengembangkan perniagaan, sekali gus menjejaskan pendapatan isi rumah. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Rahim, Zainal Abidin dan Basri (2024) yang mengenal pasti kenaikan harga barang sebagai antara cabaran utama kepada peniaga kecil. Peningkatan kos bahan mentah dan operasi boleh mengurangkan margin keuntungan apabila peniaga tidak dapat menaikkan harga jualan seiring dengan peningkatan kos (Rahim, Zainal Abidin dan Basri, 2024). Kekangan akses kepada pembiayaan yang bersesuaian turut boleh mengehadkan keupayaan perusahaan mikro mendapatkan modal kerja untuk mengekalkan operasi dan mengembangkan perniagaan.

Persaingan Tidak Seimbang antara Peniaga Tapak Pasar dan Penjaja Tepi Jalan

Sistem pemasaran dan pengurusan lesen penjaja turut menjadi cabaran kepada peniaga di pasar. Pasar Segar kurang mendapat sambutan akibat persaingan daripada penjaja tepi jalan yang diberikan kelulusan secara tidak sistematik. Keadaan ini mewujudkan persaingan tidak seimbang antara peniaga berlesen di pasar dengan penjaja di luar kawasan pasar, sekali gus menjejaskan aliran pelanggan dan pendapatan peniaga pasar. Dapatan ini selari dengan kajian Sarok, Ramlee dan Amir yang mendapati bahawa faktor lokasi strategik dan kemudahan kepada pelanggan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kewujudan penjaja tanpa lesen. Lokasi yang mudah diakses boleh memberikan kelebihan kepada penjaja dalam menarik pelanggan berbanding peniaga yang beroperasi di lokasi yang telah ditetapkan (Sarok, Ramlee dan Amir, n.d.). Oleh itu, penyelarasan sistem pelesenan dan penempatan penjaja penting bagi memastikan persaingan yang lebih seimbang antara peniaga di dalam dan di luar kawasan pasar.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Jumlah pengunjung yang rendah di tapak pasar menyebabkan jualan dan pendapatan penjaja semakin berkurangan. 2. Operasi pasar yang terhad pada hujung minggu mengehadkan peluang peniaga untuk mendapatkan pendapatan secara konsisten. 3. Persaingan daripada penjaja tepi jalan yang beroperasi di lokasi lebih mudah diakses menyebabkan persaingan tidak seimbang dengan peniaga berlesen di pasar. 4. Kenaikan kos bahan mentah mengurangkan margin keuntungan dan meningkatkan beban operasi peniaga kecil. 5. Kekangan akses dan kebimbangan terhadap komitmen pembayaran balik pembiayaan mengehadkan keupayaan peniaga mendapatkan modal untuk mengembangkan perniagaan.
Cadangan	1. Meningkatkan promosi dan aktiviti tarikan pelanggan di tapak pasar melalui program jualan, karnival makanan dan aktiviti komuniti secara berkala. 2. Memperluas hari dan waktu operasi pasar berdasarkan pola kehadiran pelanggan serta menggalakkan aktiviti pasar pada hari bekerja. 3. Menyusun semula sistem pelesenan dan penempatan penjaja bagi memastikan persaingan yang lebih adil antara peniaga berlesen dan penjaja tepi jalan. 4. Menyediakan program pembelian bahan mentah secara berkumpulan atau jaringan pembekalan bagi membantu peniaga mendapatkan bahan pada harga yang lebih kompetitif. 5. Memperluas akses kepada pembiayaan mikro, geran perniagaan dan bimbingan kewangan yang bersesuaian dengan kemampuan peniaga kecil.

Kumpulan Terjejas	Komuniti Tempatan/Peniaga/Penjaja
Kawasan	Kg Kijang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrasruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Cabaran Kelangsungan Industri Batik

Industri batik di Parlimen Pengkalan Chepa berdepan beberapa cabaran yang menjejaskan kelangsungan dan daya saing pengusaha tempatan, khususnya dalam kalangan pengusaha batik kecil. Peningkatan kos bahan mentah, keterbatasan sokongan kepada pengusaha kecil serta persaingan daripada produk batik import telah memberi tekanan kepada operasi dan pendapatan pengusaha. Keadaan ini turut menjadi lebih mencabar apabila aktiviti pengeluaran terjejas oleh faktor bermusim seperti musim hujan dan tengkujuh. Oleh itu, isu ini memerlukan perhatian bagi memastikan pengusaha batik tempatan dapat mengekalkan operasi, menjana pendapatan serta meneruskan kelangsungan industri batik sebagai salah satu warisan dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat.

Peningkatan Kos Pengeluaran Batik

Pengusaha batik di Parlimen Pengkalan Chepa berdepan peningkatan kos pengeluaran, khususnya melibatkan bahan mentah seperti kain putih dan ubat pewarna (Romazol). Harga kain putih dilaporkan meningkat daripada sekitar RM20 kepada RM35 semeter, manakala peningkatan kos diesel turut memberi kesan kepada kos pengangkutan dan pengeluaran. Keadaan ini meningkatkan beban pengusaha dan mengurangkan margin keuntungan, khususnya bagi pengusaha kecil yang mempunyai modal operasi terhad. Dapatan ini selaras dengan kajian Abdullah et al. (2008) terhadap pengusaha batik di

Terengganu yang mendapati bahawa harga bahan mentah yang tinggi merupakan antara masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha batik. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa ketidakstabilan harga batik dan kesukaran mendapatkan modal menjadi antara kekangan dalam menguruskan perniagaan batik. Selain itu, Syed Shaharuddin et al. (2021) mendapati bahawa pengusaha batik Malaysia bergantung kepada bahan mentah seperti kain kapas yang diimport dari negara seperti China, India dan Amerika Syarikat, manakala bahan pewarna kimia turut diperoleh dari luar negara. Kebergantungan ini menyebabkan pengusaha terdedah kepada perubahan harga bahan mentah dan keadaan pasaran global, sekali gus memberi tekanan kepada kos pengeluaran (Syed Shaharuddin et al., 2021).

Kekangan Kebajikan dan Sokongan kepada Pengusaha Batik Kecil

Pengusaha batik kecil turut berdepan kekangan dari segi sokongan dan pendapatan, khususnya ketika musim hujan dan tengkujuh apabila aktiviti membatik terpaksa dihentikan selama sekitar dua hingga tiga bulan. Keadaan ini menyebabkan sumber pendapatan pengusaha kecil terjejas kerana proses pengeringan kain batik tidak dapat dijalankan seperti biasa. Walaupun terdapat sokongan daripada agensi seperti Kraftangan, bantuan yang diterima dilihat lebih tertumpu kepada kilang atau pengusaha yang telah berjaya dan kurang menyeluruh kepada pengusaha kecil. Dapatan ini selaras dengan kajian Abdullah et al. (2008) yang melibatkan 30 orang pengusaha batik di Terengganu dan mendapati bahawa kesukaran mendapatkan pinjaman modal, kekurangan pengalaman perniagaan serta masalah mengeringkan kain batik ketika musim hujan merupakan antara cabaran utama yang dihadapi pengusaha. Kajian tersebut turut mencadangkan penggunaan kemudahan pengeringan bagi mengurangkan kebergantungan kepada keadaan cuaca. Selain itu, kajian oleh Abdullah et al. (2015) terhadap pengusaha batik di Kuala Terengganu turut mengenal pasti kekangan bahan mentah, tenaga kerja, modal dan kemudahan kredit sebagai antara faktor yang mempengaruhi prestasi pengusaha batik. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengusaha kecil memerlukan sokongan yang lebih menyeluruh dari segi kewangan, kemudahan pengeluaran dan pembangunan kapasiti bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

Persaingan Batik Import

Pengusaha batik tempatan turut berdepan persaingan daripada produk batik import seperti dari Indonesia, China dan Singapura. Produk import boleh dijual pada harga lebih rendah kerana dihasilkan menggunakan kaedah mesin seperti *stamping* secara berskala besar, berbanding batik asli tempatan yang dihasilkan melalui proses lukisan tangan yang memerlukan lebih banyak masa dan tenaga kerja. Perbezaan kos pengeluaran ini menyukarkan batik tempatan bersaing dari segi harga, seterusnya menjejaskan permintaan terhadap produk tempatan serta daya saing pengusaha. Dapatan ini selaras

dengan kajian Syed Shaharuddin et al. (2021) yang mendapati bahawa kemasukan tekstil batik bercetak yang lebih murah ke pasaran domestik telah memberi tekanan kepada pengusaha batik tempatan dan menyebabkan permintaan terhadap batik tradisional semakin menurun. Kajian tersebut turut melaporkan bahawa kemasukan batik bercetak pernah dianggarkan menyebabkan kerugian sekitar RM3 juta setahun kepada hampir 200 pengusaha batik Malaysia (Syed Shaharuddin et al., 2021). Selain itu, kajian terkini oleh Ghosh et al. (2025) menunjukkan bahawa prestasi perusahaan batik di Malaysia bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor kos dan bekalan, tetapi turut bergantung kepada kekuatan permintaan terhadap produk batik. Oleh itu, persaingan daripada produk import berharga rendah boleh memberi tekanan tambahan kepada pengusaha tempatan untuk mengekalkan permintaan dan daya saing produk mereka.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Peningkatan harga bahan mentah seperti kain putih dan ubat pewarna (Romazol) meningkatkan kos pengeluaran dan mengurangkan margin keuntungan pengusaha batik. 2. Peningkatan kos diesel dan pengangkutan turut menambah beban operasi, khususnya kepada pengusaha batik kecil yang mempunyai modal dan kapasiti pengeluaran yang terhad. 3. Aktiviti pengeluaran yang terjejas selama sekitar dua hingga tiga bulan ketika musim hujan dan tengkujuh menyebabkan pendapatan pengusaha batik kecil berkurangan. 4. Sokongan dan bantuan yang diterima oleh pengusaha batik kecil dilihat kurang menyeluruh, dengan sebahagian bantuan lebih tertumpu kepada kilang atau pengusaha batik yang telah berkembang. 5. Persaingan daripada produk batik import yang ditawarkan pada harga lebih rendah menyukarkan batik tempatan bersaing dari segi harga serta menjejaskan permintaan terhadap produk batik asli.

Cadangan	1. Mewujudkan bantuan atau insentif khusus bagi mengurangkan beban kos bahan mentah, khususnya kepada pengusaha batik mikro dan kecil. 2. Memperluas akses pengusaha batik kecil kepada kemudahan pembelian bahan mentah secara berkumpulan, jaringan pembekalan dan bantuan pengangkutan bagi mengurangkan kos operasi. 3. Menyediakan kemudahan pengeringan atau teknologi pengeluaran yang bersesuaian bagi membolehkan aktiviti membatik diteruskan ketika musim hujan dan tengkujuh. 4. Memperluas bentuk bantuan dan program pembangunan yang bersasar kepada pengusaha batik kecil, termasuk bantuan kewangan, peralatan, pemasaran dan peningkatan kapasiti. 5. Memperkukuh promosi dan pemasaran batik tempatan melalui kempen produk batik asli, platform digital, program pelancongan dan pasaran tempatan bagi meningkatkan permintaan serta daya saing produk batik tempatan.
Kumpulan Terjejas	Pengusaha Batik
Kawasan	Kg Kijang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrasruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan,

	termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.2: Menjelang 2030, mencapai pengurusan mampan dan penggunaan cekap sumber asli.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Pengkalan Chepa bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Ternakan Ikan Air Tawar Secara Bioflok Komuniti Pengkalan Chepa	Projek Ternakan Ikan Air Tawar Secara Bioflok Komuniti Pengkalan Chepa	Projek Ternakan Ikan Air Tawar Secara Bioflok Komuniti Pengkalan Chepa
SDG Berkaitan	SDG 1,2,8,12	SDG 1,2,8,12	SDG 1,2,8,12
Objektif	Matlamat projek ini ialah mewujudkan sumber pendapatan baharu, memperkasa ekonomi komuniti serta melahirkan usahawan akuakultur yang mampu menjana pendapatan secara berterusan.	Matlamat projek ini ialah mewujudkan sumber pendapatan baharu, memperkasa ekonomi komuniti serta melahirkan usahawan akuakultur yang mampu menjana pendapatan secara berterusan.	Matlamat projek ini ialah mewujudkan sumber pendapatan baharu, memperkasa ekonomi komuniti serta melahirkan usahawan akuakultur yang mampu menjana pendapatan secara berterusan.
Hasil Jangkaan	Projek ini disasarkan akan melatih 20 orang peserta, mewujudkan lapan unit sistem bioflok komuniti, melepaskan 8,000 ekor benih tilapia serta membentuk kumpulan usahawan akuakultur komuniti di Pengkalan Chepa. Projek ini dijangka meningkatkan kemahiran peserta dan	Projek ini disasarkan akan melatih 20 orang peserta, mewujudkan lapan unit sistem bioflok komuniti, melepaskan 8,000 ekor benih tilapia serta membentuk kumpulan usahawan akuakultur komuniti di Pengkalan Chepa. Projek ini dijangka meningkatkan kemahiran peserta dan	Projek ini disasarkan akan melatih 20 orang peserta, mewujudkan lapan unit sistem bioflok komuniti, melepaskan 8,000 ekor benih tilapia serta membentuk kumpulan usahawan akuakultur komuniti di Pengkalan Chepa. Projek ini

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	membuka peluang pendapatan melalui aktiviti penternakan ikan tilapia secara moden dan mampan.	membuka peluang pendapatan melalui aktiviti penternakan ikan tilapia secara moden dan mampan.	dijangka meningkatkan kemahiran peserta dan membuka peluang pendapatan melalui aktiviti penternakan ikan tilapia secara moden dan mampan.
Organisasi	Pertubuhan Rakan Komuniti Kota Bharu	Kelab Rekreasi Pencinta Warisan Kelantan	Pertubuhan Prihatin Insani Kota Bharu
Aktiviti	Peserta akan mengikuti latihan teori dan praktikal berkaitan pengurusan sistem bioflok, penyediaan air, pengurusan makanan, kawalan penyakit, pengurusan kos serta pemasaran hasil ternakan.	Peserta akan mengikuti latihan teori dan praktikal berkaitan pengurusan sistem bioflok, penyediaan air, pengurusan makanan, kawalan penyakit, pengurusan kos serta pemasaran hasil ternakan.	Peserta akan mengikuti latihan teori dan praktikal berkaitan pengurusan sistem bioflok, penyediaan air, pengurusan makanan, kawalan penyakit, pengurusan kos serta pemasaran hasil ternakan.
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Taman Bendahara, Sabak	Kampung Pulau Kundor, Kedai Buluh, Kijang	Pantai Sabak, Taman Bendahara
Tempoh	12 Minggu	12 Minggu	12 Minggu

6.0 RUJUKAN

Abdullah, A. N., N. H. Ahmad, and N. A. Md. Isa. 2008. *Perception of Problems and Challenges Faced by Batik Industry Woman Entrepreneurs in Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

Jabatan Perikanan Malaysia. 2024. *Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perikanan Malaysia.

Mohamad Akhir, N. H., N. W. Ismail, S. R. Kaliappan, and R. Said. 2017. "Intersectoral Linkages of Malaysian Batik Industry: An Application of Input-Output Analysis." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51 (1): 55–66. https://doi.org/10.17576/JEM-2017-5101-5.

Musa, N., et al. 2025. "Interplay of Traditional Knowledge and Adaptive Capacity in Climate Change Adaptation of Small-Scale Fishers in Central Terengganu, Malaysia." *Frontiers in Marine Science*.

Rahim, A., A. Malik, and D. R. D. Hastuti. 2025. "The Response to Fishing Decisions and Changes in Fishing Income during Extreme Weather: A Behavioural Economy Study of Small-Scale Coastal Fisher Households." *Jurnal Ilmiah Perikanan dan Kelautan* 17 (1): 190–206. https://doi.org/10.20473/jipk.vi.55892.

Rahim, Kamal Fahrulrazy, Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin, and Basaruddin Shah Basri. 2024. "Kenaikan Harga Barang Menjadi Cabaran kepada Peniaga-Peniaga Kecil." *Paradigma Johor* 11: 1–6.

Sarok, Ahi, Ajing Kartini Mohd Ramlee, and Jeniri Amir. n.d. "Faktor-Faktor Penyumbang Kewujudan Penjaja Tanpa Lesen di Kawasan Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara, Kuching, Sarawak." *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*.

Sinar Harian. 2022. "Sungai Pengkalan Datu Cetek, Jangka Selesai Jun Tahun Depan." *Sinar Harian*.

Syed Shaharuddin, S. I., M. S. Shamsuddin, M. H. Drahman, Z. Hasan, N. A. Mohd Asri, A. A. Nordin, and N. M. Shaffiar. 2021. "A Review on the Malaysian and Indonesian Batik Production, Challenges, and Innovations in the 21st Century." *SAGE Open*. https://doi.org/10.1177/21582440211040128.

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **86 – 96**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **101 – 106**

1.1 Geografi/Topografi 101

1.2 Komposisi Penduduk 103

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 103

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 104

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **107 – 110**

2.1 Pendekatan Kajian 107

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 109

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 109

2.4 Keterbatasan Kajian 110

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **111 – 117**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **118 – 153**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 118

4.2 Pengutamaan Isu 147

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **154**

6.0 RUJUKAN **157**

P.024
Kubang Kerian

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.024 Kubang Kerian

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - KUBANG KERIAN

11 - 13 FEBRUARI 2026
(RABU - JUMAAT)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KUBANG KERIAN, YB DATO' SRI TUAN IBHARIM TUAN MAN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. FGD 1: Sesi Dialog 1 bersama Komuniti Cina Kg. Cina Chepa| 11 Februari 2026
2. FGD 2: Sesi Dialog 2 bersama Komuniti Kg Wakaf Stan | 11 Februari 2026
3. FGD 3: Sesi Dialog 3 bersama Komuniti Belia Gong Dermin | 11 Februari 2026
4. Lawatan Tapak 1: Denai Sungai Pengkalan Datu | 11 Februari 2026

HARI 2

5. FGD 4: Sesi Dialog 4 bersama Komuniti Pesawah Padi Kg Langgut | 12 Februari 2026
6. FGD 5: Sesi Dialog 5 bersama Komuniti Petani | 12 Februari 2026
7. FGD 6: Sesi Dialog 6 bersama Persatuan Veteran ATM | 12 Februari 2026
8. Lawatan Tapak 2: Makam Raja Salor | 12 Februari 2026

HARI 3

9. FGD 7: Sesi Dialog 7 bersama Komuniti Penternak Ikan Sangkar | 13 Februari 2026
10. FGD 8: Sesi Dialog 8 bersama Penghulu Mukim| 13 Februari 2026
11. Lawatan Tapak 3: Padang Awam Gong Dermin | 13 Februari 2026

PASUKAN PENYELIDIK



Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
Ketua Penyelidik




Nur Syafiqah
Che Mohamad Zulkifli



Rozlan Daud



Nor Syahida
Zol @ Muhammad Zol



Iman Nur Wahidah Saidi

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU KUBANG KERIAN

01



15 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02



27 Januari 2026
Lawatan Kunjungan Hormat & Mesyuarat Pra-Lawatan

03



11 Februari 2026
FGD 1: Sesi Dialog bersama komuniti Kg Cina Chepa

04



11 Februari 2026
FGD 2: Sesi Dialog bersama komuniti Kg Wakaf Stan

05



11 Februari 2026
FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Belia Gong Dermin

06



11 Februari 2026
Lawatan Tapak 1: Denai Sungai Pengkalan Datu

07



12 Februari 2026
FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Pesawah Padi Kg Langgut

08



12 Februari 2026
FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Petani Salor

09



12 Februari 2026
FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Persatuan Veteran ATM

10



12 Februari 2026
Lawatan Tapak 2: Makam Raja Salor

11



13 Februari 2026
FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Penternak Ikan Sangkar

12



13 Februari 2026
FGD 8: Sesi Dialog bersama Penghulu Mukim

13



13 Februari 2026
Lawatan Tapak 3:
Padang Awam Gong Dermin

15/01/2026 MESYUARAT AWALAN DI PARLIMEN KUBANG KERIAN





Satu mesyuarat awalan dan sesi pemprofilan bagi Parlimen Kubang Kerian telah diadakan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen, yang dihadiri oleh pihak APPGM-SDG bersama Ahli Parlimen, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man. Pertemuan yang turut disertai oleh pegawai pusat khidmat serta penyelaras tempatan dari Rantau Panjang dan Jeli ini bertujuan menetapkan tarikh pemetaan isu yang melibatkan lapan kumpulan sasaran. Dalam sesi tersebut, YB Dato' Sri telah menggariskan beberapa isu utama termasuklah **(1)** kegagalan infrastruktur jalan untuk menampung pertambahan populasi sehingga mencetuskan kesesakan lalu lintas yang teruk; **(2)** kekangan akses PBT bagi kutipan sampah; **(3)** masalah jambatan sempit, serta **(4)** kekurangan kawasan riadah dan **(5)** kegagalan menguruskan potensi pelancongan di kawasan tersebut secara efektif.

27/01/2026 LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT & MESYUARAT PRA-LAWATAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi pra-lawatan ke Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu bagi memberikan taklimat terperinci mengenai gerak kerja serta kajian lapangan yang dijadualkan berlangsung di Parlimen Kubang Kerian pada Februari dan Parlimen Pengkalan Chepa pada April akan datang. Pertemuan yang dihadiri oleh Ketua Jajahan, Tn. Haji Rusydee Abdullah, bersama wakil Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan ini bertujuan mengumpul maklumat strategik merangkumi data demografi, isu semasa, serta mengenal pasti lokasi unik dan komuniti sasar yang memerlukan perhatian khusus di kedua-dua parlimen tersebut. Selain itu, perbincangan turut memfokuskan kepada penyelarasan sokongan daripada pihak pejabat daerah dan penggawa bagi memastikan kelancaran program susulan yang dirancang oleh pihak APPGM-SDG.

11/02/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI CINA KG. CINA CHEPA





FGD 1 di kediaman En. Tan, Kg. Cina Chepa, dengan kehadiran 19 orang penduduk daripada komuniti Tionghua yang telah lama menetap di pesisir Sungai Pangkalan Datu. Walaupun komuniti ini aktif dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan awam, mereka masih berdepan cabaran infrastruktur yang kritikal termasuk **(1)** ketiadaan akses air terawat yang memaksa penggunaan telaga tiub, serta risiko banjir kilat akibat ketiadaan sistem perparitan yang sempurna. Selain itu, **(2)** isu jalan perhubungan yang tidak diselenggara kerana statusnya sebagai jalan persendirian hasil inisiatif penduduk turut menjadi antara kebimbangan utama yang dibangkitkan dalam sesi tersebut.

11/02/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG WAKAF STAN





FGD 2 bersama Komuniti Kampung Wakaf Stan di perkarangan rumah penduduk Kg. Wakaf Stan dengan kehadiran 19 orang peserta bagi membincangkan isu risiko bencana banjir. Sejak tahun 2022, kampung yang mempunyai bentuk muka bumi seakan "kawah" ini mula mengalami banjir tahunan yang serius akibat **(1)** ketiadaan sistem saliran untuk mengalirkan air keluar, sehingga menyebabkan beberapa rumah terkepung. Penduduk terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan menyediakan enjin pam sedut air dan sistem alternatif lain kerana **(2)** kekurangan bantuan infrastruktur saliran daripada pihak berkuasa, selain turut berdepan **(3)** masalah keselamatan akibat ketiadaan lampu jalan yang mencukupi di kawasan kampung tersebut.

11/02/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI BELIA GONG DERMIN





FGD 3 bersama 18 orang wakil komuniti belia Gong Dermin di perkarangan Pasar Tok Kenali yang rata-ratanya berpendidikan tinggi serta aktif dalam aktiviti kesukarelawanan, pertanian, dan perniagaan. Walaupun mempunyai penggerak komuniti yang dinamik, para belia telah membangkitkan kebimbangan mengenai isu sosial seperti **(1)** penyalahgunaan ketum, *vape*, dan *airpump* dalam kalangan remaja, selain **(2)** kekurangan kawasan rekreasi yang mempunyai fasiliti lengkap untuk penduduk Kubang Kerian. Di samping itu, **(3)** keadaan infrastruktur jalan yang berlubang dan tidak diturap dengan sempurna selepas kerja baik pulih turut menjadi isu kritikal kerana mendatangkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya di kawasan tersebut.

11/02/2026 LAWATAN TAPAK 1: DENAI SUNGAI PENGKALAN DATU





Lawatan Tapak 1 di Denai Sungai Pengkalan Datu telah mendedahkan potensi besar kawasan tersebut yang pernah menjadi tarikan pelancong utama serta sumber pendapatan penduduk melalui *floating market* dan kawasan rekreasi sebelum pandemik melanda. Walaupun pembangunan asal hasil kerjasama JPS, PBT, dan komuniti setempat telah berjaya menarik pelancong domestik serta antarabangsa, namun pasca-COVID-19 menyaksikan kawasan ini terbiar dan mengalami kerosakan infrastruktur yang memerlukan kos baik pulih yang tinggi. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, keindahan semula jadi sungai ini masih mempunyai potensi besar untuk dihidupkan semula melalui jalinan kerjasama strategik antara MOTAC, pemegang taruh, usahawan tempatan, serta badan bukan kerajaan (NGO).

12/02/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PESAWAH PADI KG LANGGUT





FGD 4 bersama Komuniti Pesawah Padi Kampung Langgut di Warung Tepi Bendang, Kg. Langgut, yang melibatkan 13 orang pesawah padi bagi membincangkan cabaran sektor pertanian berskala besar di kawasan tersebut. Walaupun mengusahakan penanaman secara meluas, komuniti pesawah telah menyuarakan kekecewaan terhadap **(1)** kegagalan sistem pengairan Pam Kemubu yang memaksa mereka bergantung kepada sistem penggiliran air yang tidak efisien, selain **(2)** isu penyelenggaraan jalan serta parit oleh pihak KADA yang terabai. Masalah ini, ditambah pula dengan **(3)** kemerosotan kualiti benih, telah menyebabkan hasil padi mereka sekadar mencapai gred rendah (C, D, dan E), sekali gus gagal bersaing dengan kualiti gred A dan B dari kawasan jelapang padi lain seperti Sekinchan dan Kedah.

12/02/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PETANI





FGD 5 bersama Komuniti Petani di Kedai Piah, Salor, dengan kehadiran 12 orang wakil komuniti petani setempat. Antara kekangan utama yang dihadapi oleh para petani termasuklah **(1)** keciciran maklumat mengenai bantuan input pertanian, **(2)** ancaman haiwan perosak seperti babi hutan, kera, dan tupai, serta **(3)** kesukaran menembusi pasaran yang mengakibatkan masalah lambakan hasil tanaman. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, komuniti ini amat memerlukan bimbingan intensif bagi meningkatkan kemahiran teori dan teknikal dalam penjagaan tanaman moden, sekali gus membantu mereka mengembangkan asas pertanian ke tahap yang lebih kompetitif.

12/02/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN VETERAN ATM





FGD 6 bersama 12 orang ahli Persatuan Veteran ATM Cawangan Salor di Dewan Serbaguna Masjid Mukim Salor. Antara isu utama yang dibangkitkan ialah **(1)** keperluan penyelarasan pencen bagi veteran yang bersara sebelum dan selepas tahun 2013, serta **(2)** prosedur permohonan bantuan yang dianggap rumit, terutamanya bagi golongan yang mengalami kecacatan fizikal. Selain itu, **(3)** ketiadaan dana persatuan dan pemansuhan 'Hari Pahlawan' telah menjejaskan sumber sumbangan daripada pihak awam dan kerajaan. Situasi ini amat dirasai oleh veteran warga emas, seperti seorang peserta berusia 76 tahun yang pernah berkhidmat sewaktu zaman komunis, yang kini terpaksa bergantung sepenuhnya kepada elaun persaraan, bantuan SARA, dan bayaran *one-off* Pingat Jasa Malaysia (PJM) sebagai sumber kelangsungan hidup.

12/02/2026 LAWATAN TAPAK 2: MAKAM RAJA SALOR





Lawatan tapak 2 ke Makam Raja Salor menyingkap sejarah pemerintahan Long Muda, anak sulung Long Yunos, yang mentadbir Salor pada abad ke-19 sebelum tercetusnya konflik berdarah dengan Sultan Muhammad II akibat peristiwa pembunuhan tragis melibatkan anakanda kedua-dua pihak. Serangan besar-besaran tersebut mengakibatkan kemangkatan Raja Salor serta seluruh pahlawannya, namun tapak sejarah ini masih mengekalkan ciri kesenian Melayu asli dan batu nisan yang utuh sehingga kini sebagai bukti warisan zaman tersebut. Walaupun kawasan ini telah diwartakan sebagai tanah perkuburan, usaha pemeliharaan lanjut amat diperlukan memandangkan cabaran kos dan masa bagi kerja-kerja pembersihan serta pembaikan akses jalan ke makam tersebut.

13/02/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PENTERNAK IKAN SANGKAR





FGD 7 di Kg. Seterpa, Pasir Tumboh bersama 10 orang penternak ikan sangkar. Isu utama yang dibangkitkan adalah **(1)** ketiadaan sistem perparitan khusus untuk penternakan ikan sangkar serta tindakan pihak KADA yang dijangka akan menutup tali air sedia ada tahun ini atas faktor teknikal pengairan sawah padi, meskipun pada awalnya aktiviti ini digalakkan oleh agensi tersebut. Selain itu, **(2)** para penternak menghadapi kesukaran mendapatkan benih berkualiti sehingga terpaksa mendapatkannya dari Perak, selain berdepan dengan **(3)** kekurangan permintaan pasaran yang memaksa mereka menjual hasil pada harga yang rendah. Penternakan sangkar menjadi sumber ekonomi penduduk yang tinggal berhampiran tali air.

13/02/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA PENGHULU MUKIM





FGD 8 di Pusat Khidmat DUN Pasir Tumboh bersama 14 orang Penghulu Mukim bagi membincangkan isu-isu kritikal di Parlimen Kubang Kerian. Para penghulu membangkitkan **(1)** masalah infrastruktur jalan yang sempit dan tidak diturap kerana status tanah persendirian; dan menekankan keperluan bagi **(2)** pembinaan jambatan besar merentas beberapa kawasan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang melampau di jalan utama. Selain itu, mereka turut membangkitkan **(3)** isu lampu jalan yang tidak berfungsi meskipun aduan telah dikemukakan kepada agensi terlibat sejak dua tahun yang lalu. Setiap penghulu mengusulkan isu yang berbeza namun isu tersebut juga berlaku di kawasan lain. Majoriti penghulu menyatakan keperluan membina jambatan besar penghubung kerana kesesakan hampir setiap masa berlaku di jalan utama.

13/02/2026 LAWATAN TAPAK 3: PADANG AWAM GONG DERMIN





Lawatan tapak 3 diadakan di Padang Awam Gong Dermin. Padang ini merupakan padang awam kedua dalam Jajahan Kota Bharu. Taman ini seringkali dipenuhi pengunjung dari dalam dan luar Daerah kerana kawasan rekreasi di Kota Bharu adalah sangat terhad. Namun begitu, kawasan ini juga mempunyai masalah hakisan tebing sungai yang semakin menghampiri trek pejalan kaki dan mempunyai risiko membahayakan pengunjung. Padang ini juga masih kurang fasiliti dari segi tempat bersenam dan fasiliti permainan kanak-kanak. Lampu limpah yang disediakan telah lama terpadam dan tidak dibaikpulih menyebabkan padang ini tidak sesuai digunakan pada waktu malam.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.024 Kubang Kerian

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Kubang Kerian (P.024) 103
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Kubang Kerian 108
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....111
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1.....118
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2.....122
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD.....124
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4.....128
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5.....132
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6.....136
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7.....139
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8.....143
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 148
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 149
Jadual 14. Ringkasan Isu 3 151
Jadual 15. Ringkasan Isu 4 153

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADTEC	*Advanced Technology Training Centre* (Pusat Latihan Teknologi Tinggi)
AKHAP	Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011
AKSB	Air Kelantan Sdn. Bhd.
AMANAH	Parti Amanah Negara
APPGM-SDG	All Party Parliamentary Group Malaysia-Sustainable Development Goals
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BN	Barisan Nasional
BSH	Bantuan Sara Hidup
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia)
DUN	Dewan Undangan Negeri
EPC	Elaun Pekerja Cacat
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Federal Agricultural Marketing Authority)
FGD	*Focus Group Discussion* (Perbincangan Kumpulan Berfokus)
HUSM	Hospital Universiti Sains Malaysia
IC	Kad Pengenalan (Identity Card)
ILWAN	Pertubuhan Ilmuan Wanita Negeri Kelantan
JALINAN	Kelab Jalinan Prihatin Kelantan
JHEV	Jabatan Hal Ehwal Veteran
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPP	Jabatan Pembangunan Persekutuan
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kemubu Agricultural Development Authority)
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPS	Lesen Pendudukan Sementara
LRA	Loji Rawatan Air

MARRIS	Malaysian Agricultural Road Information System
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia (*Malaysian Competition Commission*)
NPK	Nitrogen, Phosphorus, Potassium (Formula Baja)
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEJUANG	Parti Pejuang Tanah Air
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PH	Pakatan Harapan
PJM	Pingat Jasa Malaysia
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PN	Perikatan Nasional
PN-PAS	Perikatan Nasional-Parti Islam Se-Malaysia
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
PRU / PRU-15	Pilihan Raya Umum / Pilihan Raya Umum ke-15
RTC	Rural Transformation Centre (Pusat Transformasi Luar Bandar)
SDG	Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Mampan)
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SMU / SMU (A)	Sekolah Menengah Agama / Ugama
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
STR	Skim Tanah Rakyat
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	*Technical and Vocational Education and Training* (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organisation)
USM	Universiti Sains Malaysia
YB	Yang Berhormat
UNHCR	United Nations High Commissioner for Refugees

1.0 PENGENALAN

Parlimen Kubang Kerian (P.024) merupakan sebuah kawasan strategik di Negeri Kelantan yang terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) utama, iaitu DUN Salor (N.17), DUN Pasir Tumboh (N.18), dan DUN Demit (N.19). Kawasan parlimen ini mempunyai keluasan sekitar 141 kilometer persegi, yang merangkumi pusat pertumbuhan bandar satelit Kota Bharu serta kawasan pinggir bandar yang dinamik.[2] Berdasarkan data profil parlimen bagi tahun 2024, jumlah populasi penduduk di kawasan ini dianggarkan seramai 120,596 orang dengan jumlah pengundi berdaftar seramai 113,653 orang mengikut rekod Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada tahun 2022.[3]



YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang lalu, kerusi Parlimen Kubang Kerian menyaksikan persaingan sengit antara beberapa calon utama daripada parti-parti besar negara. Calon-calon yang bertanding adalah Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man daripada Perikatan Nasional (PN-PAS), Mohamad Rizal Razali daripada Barisan Nasional (BN-UMNO), Wan Ahmad Kamil Wan Abdullah daripada Pakatan Harapan (PH-AMANAH), dan Mohamad Mohsin Bin Yusoff daripada Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG).[4] Keputusan rasmi menyaksikan Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man berjaya mengekalkan mandat beliau dengan memenangi jumlah undian sebanyak 55,654 undi, sekali gus memperoleh majoriti besar sebanyak 40,847 undi.[5]

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Kubang Kerian (P.024) merupakan salah satu daripada empat Parlimen di bawah Jajahan Kota Bharu. Pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi parlimen ini adalah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Dari sudut geografi, Parlimen Kubang Kerian terletak di kawasan lembangan sungai yang rata dan rendah, menjadikannya sebahagian daripada dataran banjir Delta Kelantan yang subur. Kedudukan geografinya yang strategik di pinggir bandar raya Kota Bharu dipengaruhi oleh aliran Sungai Kelantan di sebelah barat dan Sungai Pengkalan Datu di sebelah timur.

---

[2] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *Laporan Statistik Subnasional Parlimen P.024 Kubang Kerian*, 2023, hlm. 12.

[3] Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Statistik Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum Ke-15*, 2022.

[4] Astro Awani, "Keputusan Rasmi PRU15: Senarai Calon dan Parti Bertanding P.024 Kubang Kerian," 20 November 2022.

[5] Berita Harian Online, "Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man Menang Besar di Kubang Kerian," 20 November 2022.

Ciri topografi yang mendatar ini telah memudahkan pembangunan infrastruktur berskala besar, termasuk rangkaian jalan raya utama yang menghubungkan pusat bandar ke kawasan pedalaman dan negeri jiran. Namun begitu, profil tanah rendah ini juga menyebabkan beberapa kawasan dalam DUN Salor dan DUN Demit terdedah kepada risiko banjir bermusim, terutamanya semasa musim tengkujuh akibat limpahan air sungai dan sistem saliran semula jadi yang meluas.[6]

Topografi kawasan ini secara keseluruhannya merangkumi tanah aluvium yang sesuai untuk aktiviti pertanian dan petempatan manusia. Di kawasan DUN Salor, landskap geografi masih mengekalkan ciri-ciri tradisional dengan kewujudan sawah padi yang luas dan beralun mengikut sistem pengairan, manakala di pusat bandar Kubang Kerian, topografi semula jadi telah diubah suai melalui proses urbanisasi yang pesat bagi menampung kompleks perubatan dan akademik yang padat.[7] Keseimbangan antara kawasan tadahan air semula jadi di bahagian pinggir dan pembangunan konkrit di bahagian pusat parlimen merupakan cabaran geografi utama dalam memastikan kelestarian alam sekitar selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang sedang dipetakan di kawasan tersebut.

Sistem pentadbiran di Parlimen Kubang Kerian mempunyai keunikan tersendiri di mana ia tertakluk di bawah sistem pentadbiran Jajahan Kota Bharu. Secara keseluruhannya, kawasan parlimen ini merangkumi lima daerah utama yang bertindak sebagai unit pentadbiran terbesar, iaitu Daerah Kubang Kerian, Daerah Demit, Daerah Salor, Daerah Pasir Tumboh, dan Daerah Limbat. Setiap daerah ini diketuai oleh seorang Penggawa, iaitu jawatan yang setaraf dengan Penghulu Mukim di negeri-negeri lain, yang berperanan menyelaras hal ehwal komuniti dan pembangunan setempat di bawah seliaan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.[8]

Di bawah kepimpinan para penggawa tersebut, Parlimen Kubang Kerian dibahagikan lagi kepada lebih 40 mukim kecil yang merupakan unit kampung tradisi. Antara mukim-mukim kecil yang signifikan termasuk Mukim Lundang, Mukim Kenali, Mukim Pasir Hor, Mukim Pulau Belanga, dan Mukim Belimbing. Struktur ini memastikan setiap lapisan masyarakat, dari pusat bandar yang padat ke kawasan pertanian di pinggir parlimen, mendapat capaian khidmat tadbir urus yang cekap.

---

[6] Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kelantan, *Laporan Pemetaan Kawasan Risiko Banjir Lembangan Sungai Kelantan*, 2022.

[7] Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), *Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2035*, 2020, hlm. 45-50.

[8] Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, *Manual Pengurusan Pentadbiran Penggawa dan Penghulu Negeri Kelantan*, 2023, hlm. 22-25.

1.2 Komposisi Penduduk

Penduduk di kawasan ini dianggarkan mencecah 121,000 orang. Lebih daripada 98 peratus adalah berbangsa Melayu, menjadikan kawasan ini salah satu kubu kuat demografi masyarakat Melayu di Malaysia. Kelompok minoriti yang terdiri daripada komuniti Cina, India, dan lain-lain membentuk peratusan yang sangat kecil dan sebahagian besarnya tertumpu di kawasan komersial atau pusat bandar. Faktor sejarah sebagai pusat petempatan tradisi serta statusnya sebagai hab pendidikan dan kesihatan telah menarik migrasi dalaman yang konsisten daripada penduduk berketurunan Melayu dari daerah-daerah sekitarnya. Komposisi penduduk yang tertinggi adalah etnik bumiputera, diikuti dengan etnik Cina, etnik India, bukan warganegara dan lain-lain. Berikut adalah jadual perincian komposisi penduduk mengikut etnik di Parlimen Kubang Kerian:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Kubang Kerian (P.024)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera (Melayu)	118,822	98.2
2.	Cina	1,452	1.2
3.	India	484	0.4
4.	Lain-lain	242	0.2
Jumlah Keseluruhan		**121,000**	**100**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2023). MyLocalStats: Parlimen P.024 Kubang Kerian. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Sektor Pertanian

Kegiatan ekonomi di Parlimen Kubang Kerian memperlihatkan gabungan unik antara sektor tradisional yang berakar umbi dengan pemodenan bandar satelit yang dinamik. Sebagai kawasan yang terletak dalam dataran banjir Delta Kelantan, sektor pertanian kekal menjadi tulang belakang ekonomi bagi sebahagian besar penduduk, terutamanya di kawasan yang masih mengekalkan landskap luar bandar seperti DUN Salor. Aktiviti utama dalam sektor ini adalah penanaman padi secara meluas yang memanfaatkan tanah aluvium subur, selain pengusahaan tanaman fertigasi seperti cili dan timun oleh petani moden yang kini menjadi trend ekonomi baharu di Kampung Langgut dan Seterpa. Namun, sektor ini menghadapi cabaran besar berkaitan kos input pertanian yang tinggi serta isu infrastruktur pengairan yang belum optimum.

Sektor Perikanan Darat dan Akuakultur

Sektor perikanan darat dan akuakultur juga merupakan komponen ekonomi yang signifikan bagi komuniti di lembangan sungai. Penternakan ikan dalam sangkar,

khususnya ikan patin dan keli, menjadi salah satu sumber pendapatan utama bagi belia di kawasan Gong Dermin dan sekitarnya. Walaupun mempunyai potensi pasaran yang luas kerana kualiti ikan yang tidak berbau lumpur, pengusaha dalam industri ini sering kali bergelut dengan manipulasi harga oleh orang tengah serta kenaikan harga dedak yang drastik.

Sektor Pendidikan dan Kesihatan

Selain itu, Kubang Kerian telah bertransformasi menjadi hab perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang utama di Pantai Timur Malaysia. Kehadiran institusi besar seperti Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) telah mencetuskan kesan pengganda ekonomi yang luas. Kehadiran ribuan pelajar, kakitangan profesional, dan pesakit dari luar daerah telah merancakkan sektor perniagaan runcit, perkhidmatan makanan, serta industri hartanah di pusat bandar. Proses urbanisasi ini mewujudkan ekosistem perniagaan yang dinamik, daripada pasar raya besar sehingga ke gerai makanan tempatan yang memenuhi keperluan penduduk bandar yang semakin padat. Walau bagaimanapun, terdapat jurang antara pertumbuhan sektor perkhidmatan ini dengan ketersediaan peluang pekerjaan tetap yang berkualiti bagi graduan tempatan, menyebabkan migrasi belia ke luar negeri tetap berlaku demi mencari pendapatan yang lebih kompetitif. Kesimpulannya, ekonomi Kubang Kerian adalah integrasi antara kekukuhan sumber alam dan kepesatan sektor perkhidmatan moden.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kubang Kerian merupakan sebuah kawasan yang mempunyai profil ekonomi yang kukuh dalam sektor pertanian, perikanan darat, dan aktiviti perniagaan tempatan. Walau bagaimanapun, penemuan pemetaan isu menunjukkan bahawa komuniti di sini berhadapan dengan cabaran besar yang berkait rapat dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu ***SDG 2 (Sifar Kebuluran)*** dan ***SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi)*.** Isu utama yang dibangkitkan oleh petani di Kampung Langgut dan pengusaha fertigasi merangkumi peningkatan kos input pertanian yang mendadak serta kekurangan akses air pengairan yang kronik, yang secara langsung menjejaskan produktiviti hasil makanan tempatan. Konteks ini menuntut sokongan yang lebih saksama dalam integrasi rantaian nilai dan akses kepada bantuan yang lebih telus bagi mencapai:

> **Sasaran 2.3**, Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.

> **Sasaran 8.3** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Daripada perspektif infrastruktur dan utiliti, Parlimen Kubang Kerian menghadapi isu bekalan air terawat yang tidak konsisten dan kualiti air yang rendah di beberapa kawasan seperti Kampung Cina Chepa dan Kampung Wakaf Stan. Masalah "membayar sewa meter untuk angin" dan kebergantungan tinggi kepada air bawah tanah mencerminkan jurang dalam pencapaian ***SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi).*** Selain itu, kegagalan sistem saliran dan longkang yang tidak sempurna sehingga mengakibatkan kejadian "banjir termenung" yang lama menunjukkan keperluan mendesak terhadap pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan di bawah ***SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur*** selaras dengan sasaran:

> **Sasaran 6.1** Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.

> **Sasaran 9.1**. Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

Seterusnya, pembangunan komuniti di Kubang Kerian turut berkait dengan ***SDG 3 (Kesihatan yang Baik dan Sejahtera)*** serta ***SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan).*** Isu sosial yang membimbangkan seperti penyalahgunaan bahan terlarang (vape dan ketum) dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di kawasan Kedai Lalat memerlukan intervensi pencegahan yang lebih kukuh. Kekurangan kemudahan rekreasi dan padang bola di kawasan padat penduduk seperti Gong Dermin juga menghalang komuniti daripada menikmati ruang awam yang berkualiti, yang merupakan komponen penting bagi menyediakan akses sejagat kepada ruang hijau dan awam yang inklusif. Perkara ini berkait dengan sasaran SDG berikut:

> **Sasaran 3.5** Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan.

> **Sasaran 11.7** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

Akhir sekali, kewujudan masalah dokumentasi bagi segelintir penduduk serta persepsi ketirisan dalam agihan bantuan agensi menekankan kepentingan ***SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan).*** Penubuhan sistem penyampaian maklumat yang lebih efektif dan telus adalah kritikal untuk memastikan golongan marginal tidak terpinggir daripada akses pendidikan dan bantuan sosial. Ini selaras dengan sasaran:

> **Sasaran 10.2** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

Secara keseluruhannya, penyelarasan antara keperluan konteks tempatan Kubang Kerian dengan sasaran SDG adalah kunci utama bagi memastikan pembangunan wilayah ini bersifat inklusif dan lestari.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Mesyuarat awalan dan sesi pemprofilan bagi Parlimen Kubang Kerian telah dilakukan serentak oleh pihak APPGM-SDG dan Ahli Parlimen Kubang Kerian, YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man pada 15 Januari 2026 di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kubang Kerian, Pasir Tumboh. APPGM-SDG yang diwakili oleh Dr. Siti Nur Ain bersama Penyelaras Tempatan Parlimen Rantau Panjang dan Parlimen Jeli telah memberi penerangan mengenai gerak kerja APPGM-SDG dan proses pemetaan isu serta keperluan kerjasama yang diperlukan bagi tempoh tiga hari pemetaan. Kehadiran En Amirudin, Pegawai Pusat Khidmat turut memberi input yang lebih menyeluruh berkaitan Parlimen Kubang Kerian yang melibatkan tiga DUN. Semasa sesi pemprofilan antara isu awalan yang dikongsi oleh YB Dato' Sri ialah infrastruktur jalan yang tidak dinaik taraf seiring dengan peningkatan populasi penduduk. Isu ini menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di kebanyakan kawasan Parlimen Kubang Kerian terutamanya kawasan bandar. Selain itu, jalan yang tidak dinaik taraf menyebabkan akses bagi PBT untuk pungutan sampah rumah ke rumah tidak dapat dilakukan. Isu awalan yang lain ialah jambatan penghubung yang sempit, kekurangan tempat riadah dan kawasan berpotensi pelancongan yang tidak terurus.

Pada 27 Januari 2026, kunjungan hormat dan pra-lawatan ke Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu telah dilakukan. Mesyuarat dijalankan bagi memberikan taklimat berkenaan dengan gerak kerja APPGM-SDG dan kajian lapangan yang akan berlangsung di Parlimen Kubang Kerian pada bulan Februari dan Parlimen Pengkalan Chepa yang dijadualkan berlangsung pada bulan April telah disampaikan kepada Tuan Haji Rusydee Abdullah, Ketua Jajahan, Encik Nik Mohamad Fahmi bin Nik Daud, Ketua Penolong Ketua Jajahan (Khidmat Pengurusan) dan Encik Wan Ahmad Shazrul bin Wan Abdul Rahim, Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan). Agenda lain termasuk pengumpulan maklumat berkenaan dengan demografi kawasan Pengkalan Chepa dan Kubang Kerian, isu-isu semasa, tempat-tempat menarik dan unik, kawasan-kawasan yang sesuai untuk lawatan kajian, komuniti yang perlu diberi perhatian, dan juga sokongan pejabat daerah dan penggawa untuk program-program susulan APPGM-SDG bagi kawasan parlimen Pengkalan Chepa dan Kubang Kerian.

Pemetaan Isu bagi Parlimen Kubang Kerian telah dilaksanakan pada 11 hingga 13 Februari 2026. Pemetaan Isu tiga hari berturut-turut dijalankan bertujuan mengenal pasti isu-isu dan masalah terdesak yang dihadapi oleh komuniti-komuniti di kawasan Parlimen Kubang Kerian.

Pasukan penyelidik bagi kawasan Parlimen Kubang Kerian adalah seperti berikut:

1. Ketua Penyelidik: Dr Siti Nur Ain Binti Zakinuddin
2. Pembantu Penyelidik: En Rozlan Daud (Penyelaras Tempatan Jeli)

3. Pembantu Penyelidik: Nor Syahida Binti Zol (Penyelaras Tempatan Tumpat)
4. Pembantu Penyelidik: Nur Syafiqah (Penyelaras Tempatan Tanah Merah)
5. Pembantu Penyelidik: Iman Wahidah (Penyelaras Tempatan Rantau Panjang)

Sebanyak lapan sesi FGD dan tiga lawatan tapak telah dijalankan bersama-sama komuniti tempatan selama tiga hari di Kubang Kerian. Tentatif bagi pemetaan isu tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Kubang Kerian

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
11 Februari 2026 (Rabu)	• **Sesi Dialog 1:** Komuniti Kg. Cina Chepa (Kaum Tionghua) • **Sesi Dialog 2**: Komuniti Kg. Wakaf Stan (Kawasan Risiko Bencana Banjir) • **Sesi Dialog 3**: Komuniti Belia • Lawatan Tapak 1:Denai Sungai Pengkalan Datu
12 Februari 2026 (Khamis)	• **Sesi Dialog 4**: Komuniti Petani (Pengusaha Tanaman Padi) • **Sesi Dialog 5:** Komuniti Petani (Pengusaha Tanaman Fertigasi) • **Sesi Dialog 6**: Komuniti Veteran Angkatan Tentera • **Lawatan Tapak 2**: Makam Raja Salor
13 Februari 2026 (Jumaat)	• **Lawatan Tapak 3** : Taman Rekreasi Gong Dermin • **Sesi Dialog 7**: Komuniti Penternak Ikan Sangkar • **Sesi Dialog 8**: Penghulu Mukim

Sesi libat urus bersama agensi daerah Kota Bharu telah dijalankan pada 16 Ogos 2026 di Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. Persediaan sesi ini telah mendapat sokongan dan bantuan sepenuhnya dari Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan telah melalui beberapa proses semakan isu iaitu bersama Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan Fizikal), Puan Nur Izzati binti Jamaludin dan Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan Masyarakat), Puan Wan Nursyazwani binti Wan Adzlan. Selain itu, pemurnian isu juga telah dilakukan bersama Penggawa-Penggawa bagi mengetahui dengan lebih jelas mengenai nama kampung, nama tempat yang terlibat, tanpa mengubah apa-apa isu yang

telah disuarakan oleh komuniti. Isu-isu juga telah dibentangkan kepada Ketua Jajahan sebelum sesi libat urus dilakukan. Sesi ini mengulas isu-isu bagi dua kawasan Parlimen iaitu Parlimen Kubang Kerian dan Parlimen Pengkalan Chepa. Sesi dipengerusikan oleh Encik Nik Mahmud bin Nik Jaffar, Timbalan Ketua Jajahan dan telah dihadiri oleh 30 pegawai dari 16 agensi terlibat.

1. Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu
2. Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)
3. Lembaga Kemajuan Kemubu (KADA)
4. Universiti Malaysia Kelantan
5. Jabatan Imigresen Malaysia
6. Angkatan Tentera Malaysia
7. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
8. Jabatan Pertanian
9. Agensi Antidadah Kebangsaan
10. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
11. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
12. Tenaga Nasional Berhad
13. Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Bharu
14. Jabatan Kerja Raya Kota Bharu
15. Jabatan Tenaga Manusia Kota Bharu
16. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Kubang Kerian, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Kekangan yang berlaku semasa tempoh pemetaan isu dijalankan ialah perubahan masa, kehadiran dan pertembungan jadual dengan perkara lain. Masalah komunikasi wujud apabila komuniti veteran terlepas pandang mengenai maklumat terkini berhubung jadual program. Perubahan masa yang berlaku secara mendadak gagal disampaikan secara menyeluruh, menyebabkan majoriti ahli komuniti hadir mengikut waktu asal yang telah ditetapkan sebelum ini. Situasi ini secara tidak langsung mewujudkan kekeliruan dalam kalangan peserta.

Penglibatan daripada golongan penternak ikan sangkar adalah amat terhad dan tidak mencapai sasaran yang dijangkakan. Hal ini berpunca daripada pertembungan jadual, di mana majoriti penternak perlu menghadiri program rasmi lain yang berlangsung pada masa yang sama.

Perjalanan program turut berdepan sedikit kelewatan akibat ketibaan Penghulu yang lewat berikutan penglibatan beliau dalam program lain sejak awal pagi, yang kemudiannya ditambah dengan perubahan masa program secara mengejut. Isu penundaan ini menyebabkan penyelidik menunggu lama, seterusnya mengehadkan tempoh perbincangan yang sedia ada, ditambah pula hari Jumaat merupakan waktu Solat Jumaat.

2.4 Keterbatasan Kajian

Kajian ini mengalami keterbatasan dari segi kepelbagaian demografi peserta, terutamanya jurang penyertaan yang ketara dalam kalangan wanita. Menerusi sesi Kumpulan Perbincangan Fokus (*Focus Group Discussion - FGD)* yang dijalankan bersama komuniti belia, kehadiran didominasi sepenuhnya oleh peserta lelaki. Implikasinya, perbincangan yang terhasil kurang mencerminkan perspektif, pengalaman, serta isu khusus yang dihadapi oleh golongan wanita di kawasan berkenaan.

Menerusi sesi FGD bersama komuniti di Wakaf Stan, perbincangan didapati tertumpu secara eksklusif kepada isu bencana banjir dan kelemahan sistem perparitan/saliran. Peserta menunjukkan kecenderungan yang rendah untuk berkongsi isu sosioekonomi atau infrastruktur lain berikutan persepsi bahawa masalah tiada saliran banjir merupakan krisis tunggal dan paling kritikal yang mendesak kehidupan harian mereka.

Bagi sesi FGD bersama komuniti petani, penglibatan aktif hanya melibatkan sebilangan kecil peserta iaitu sekitar lima hingga enam orang sahaja. Dinamik perbincangan yang kurang menyeluruh ini menyebabkan dapatan yang dikumpul lebih cenderung bersifat aduan spesifik individu berbanding analisis isu struktural atau cadangan penyelesaian yang lebih holistik.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Penyalahgunaan bahan terlarang	Peningkatan penggunaan vape, air ketum, dan dadah jenis *mushroom* dalam kalangan remaja. Murid seawal Tahun 5 terlibat apabila bekalan mudah didapati di premis vape dan pesanan dalam talian.	Sosial	Pelajar sekolah dan belia.	Kedai Lalat, Pasir Tumboh, Kg Panjang.	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.5** Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan
2.	Kekurangan kemudahan rekreasi	Ketiadaan padang bola atau pusat aktiviti sosial yang khusus untuk belia.	Sosial	Belia dan kanak-kanak.	Gong Dermin, Kg Kulim, Kg Tembusu.	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.7** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Keselamatan infrastruktur jalan	Keadaan jalan kampung yang sempit, rosak, dan tidak digazet. Tanah penuh dengan pembangunan perumahan; belia tiada tempat tumpuan hingga menjurus kepada aktiviti merempit.Ketiadaan lampu jalan dan bonggol menyebabkan kerap berlaku kemalangan maut; jalan sempit menyukarkan pergerakan .	Sosial	Pengguna jalan raya dan penduduk kampung.	Kg Kubang Siput, Pasir Hor, Flyover Wadi Sofia.	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.6** Menjelang 2020, mengurangkan separuh angka kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.2** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Kenaikan kos input pertanian	Bebanan kos yang tinggi bagi membeli benih, baja, racun, dan dedak ternakan. Harga benih melambung (RM56/beg); harga dedak naik mendadak (RM70/beg) menjejaskan margin keuntungan.	Ekonomi	Pesawah, petani fertigasi, dan penternak ikan.	Kg Langgut, Seterpa, Gong Dermin.	**SDG 2: Sifar Kebuluran** **Sasaran 2.3** Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. **Sasaran 2.c** Mengambil langkah untuk memastikan pasaran komoditi makanan dan terbitannya berfungsi dengan baik serta memudahkan akses tepat pada masanya kepada maklumat pasaran, termasuk simpanan makanan dalam usaha membantu

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mengehadkan turun naik harga makanan yang melampau.
5.	Kebergantungan kepada Orang Tengah	Manipulasi harga jualan hasil pertanian dan ternakan oleh peraih. Harga jualan rendah (cth: ikan patin RM5.30/kg); petani terpaksa berhutang semula untuk mulakan musim baru.	Ekonomi	Pesawah dan penternak ikan sangkar.	Gong Dermin, Seterpa, Kg Langgut.	**SDG 2: Sifar Kebuluran** **Sasaran 2.3** Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.
6.	Peluang pekerjaan terhad	Ketiadaan peluang pekerjaan tetap yang berkualiti dan isu gaji rendah. Belia terpaksa bekerja di luar Kelantan; kerja di dalam negeri tidak sepadan dengan kelulusan akademik.	Ekonomi	Belia dan graduan.	Keseluruhan Parlimen Kubang Kerian.	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.5** Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama
7.	Banjir termenung kronik	Kejadian air bertakung dalam tempoh yang sangat lama selepas hujan lebat atau musim tengkujuh. Air bertakung sehingga sebulan (paras dada); ketiadaan sistem saliran yang bersambung ke sungai.	Alam Sekitar	Penduduk setempat dan petugas kesihatan.	Kg Wakaf Stan, Kg Kebun Raja, Padang Kekabu.	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.5** Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negeri kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko
8.	Akses bekalan air bersih	Gangguan bekalan air AKSB yang kerap serta tekanan air yang sangat rendah. Penduduk membayar meter untuk "angin"; kualiti air berbau, berkarat, dan berminyak.	Alam Sekitar	Penduduk rumah domestik.	Salor, Kg Cina Chepa, Kg Kebun Raja.	**SDG 6: Air Bersih & Sanitasi** **Sasaran 6.1** Menjelang 2030, mencapai akses yang saksama dan sejagat kepada air minuman selamat dan mampu dimiliki oleh semua

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
9.	Pencemaran dan hakisan tebing	Hakisan tebing sungai yang serius akibat arus deras (air teba) dan pembangunan tanpa kawalan. Mengancam struktur bangunan berhampiran sungai; sisa racun sawah mengalir ke sungai menjejaskan ternakan.	Alam Sekitar	Penduduk tepi sungai dan penternak ikan.	Pulau Hilir, Sungai Gong Dermin, Sungai Binjai.	**SDG 15: Kehidupan di Darat** **Sasaran 15.1** Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar pedalaman dan perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung dan tanah kering, selaras dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa
10.	Ketirisan agihan bantuan	Dakwaan amalan pilih kasih (kroni) dalam pemberian bantuan peralatan dan modal. Petani sasaran yang layak tercicir; tiada hebahan rasmi dan proses permohonan terlalu lama.	Tadbir Urus	Petani dan golongan asnaf.	Kg Langgut dan sekitar Kubang Kerian.	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.6** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat
11.	Masalah dokumentasi (IC)	Penduduk lama (Contoh: keturunan Kemboja) yang menetap di rizab sungai tiada dokumen pengenalan diri. Anak-anak sukar untuk mendaftar sekolah dan tercicir	Tadbir Urus	Warga asing.	Kawasan rizab sungai Kubang Kerian.	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.9** Menjelang 2030, menyediakan pengenalan yang sah untuk semua, termasuk pendaftaran kelahiran.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		daripada akses pendidikan rasmi.				
12.	Kelemahan penyelenggaraan agensi	Tindak balas agensi (cth: KADA/MPKB) yang perlahan terhadap aduan kerosakan infrastruktur. Tali air tersumbat; lampu jalan mati bertahun-tahun; sampah penuh tidak dikutip secara berkala.	Tadbir Urus	Penduduk awam dan pesawah.	Kg Kulim, Kg Tembusu, Taman Rekreasi Gong Dermin.	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.6** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog bersama Komuniti Kg. Cina Chepa (Kaum Tionghua) **Tarikh**: 11 Februari 2026 (Rabu) **Bilangan peserta**: 19 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Rumah Mr Tan, Kg. Cina Chepa			• Jabatan Kerja Raya (JKR) • Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) • Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) • Jabatan Pertanian • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) • Sektor Pembangunan Sumber Manusia (SKPD) / Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
1.	Keadaan laluan jalan sempit dan rosak	Laluan jalan kampung di Kg. Cina Chepa terlalu sempit dan hanya memuatkan sebuah kenderaan dalam satu-satu masa. Kewujudan jalan persendirian yang tidak diwartakan (gazet) sejak 2012 memaksa penduduk mengumpul dana sendiri sebanyak RM3,000 untuk membaiki jalan sepanjang 1.5 km	**JKR:** Tiada aduan rasmi diterima berhubung lokasi spesifik setakat ini. Permohonan pelebaran/penurapan laluan kampung perlu dikemukakan secara rasmi kepada

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dengan lebar 12 kaki, yang turut rosak akibat lori muatan berat projek perumahan	JKR bagi penilaian teknikal dan peruntukan.
		Kerja pengorekan jalan oleh pihak TNB bagi penanaman kabel sepanjang 1.5 km hanya ditampal secara ala kadar dan kecil-kecilan, menyebabkan kerosakan berlarutan sejak tahun 2012 serta meningkatkan kadar kemalangan di simpang masuk.	Pelebaran jalan berdepan kesukaran berkaitan status tanah persendirian dan rizab. Bagi permohonan bonggol/keselamatan, JKR tidak membenarkan bonggol di jalan utama tetapi garisan pemecah kelajuan (*speed breaker*) boleh dipertimbangkan.
2.	Ketiadaan saliran longkang dan perparitan sempurna	Ketiadaan sistem longkang yang sempurna menyebabkan air hujan bertakung kerana tidak dapat disalurkan ke sungai. Longkang sedia ada turut tertimbus disebabkan pembinaan kawasan perumahan baharu	*Tiada maklum balas diterima*
		Penduduk tempatan menyatakan kesediaan untuk menyerahkan sebahagian tanah peribadi bagi pembinaan longkang di laluan utama dan laluan belakang yang menghala ke Sungai Pangkalan Datu	
3.	Kelambatan tindakan pembaikan perkhidmatan utiliti awam	Laporan kerosakan yang dikemukakan kepada pihak TNB dan Telekom mengambil masa berhari-hari sebelum sebarang tindakan pembaikan diambil	**MPKB-BRI:** Pemantauan dan tindakan pembersihan/pemangkasan di bawah zon pentadbiran PBT diambil maklum untuk tindakan seliaan
		Pokok buluh yang tinggi tidak ditebang kerap tumbang menimpa kabel dan memutuskan wayar, sekali gus menyebabkan rangkaian talian internet menjadi sangat lemah dan terputus	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
4.	Risiko hakisan tebing sungai dan semak	Pokok buluh yang terbiar tidak diselenggara kerap tumbang dan menjadikan kawasan persekitaran semak samun. Terdapat risiko hakisan tebing yang amat serius di Sungai Pangkalan Datu terutamanya semasa musim banjir, di samping ketiadaan sebarang kawasan rekreasi untuk penduduk tempatan.	**AKSB:** Pembinaan lagun di LRA Chicha telah dilaksanakan dengan pemantauan pengoperasian yang lebih teliti bagi memastikan insiden pencemaran/enapcemar di Pengkalan Datu tidak berulang. **LKIM:** Pihak JPS sedang menjalankan kajian teknikal berhubung isu muara cetek dan hakisan tebing. **Jabatan Pertanian:** Sentiasa melakukan pemantauan isu air di Kg. Chepa terutamanya semasa musim kemarau.
5.	Gangguan akses air terawat	Penduduk terpaksa bergantung kepada sumber air bawah tanah (*boring*) dan telaga akibat tiada bekalan air terawat yang konsisten. Pemasangan meter air oleh AKSB didakwa sekadar memerlukan penduduk "membayar angin" tanpa bekalan air, selain berdepan kualiti air yang teruk berkarat di Kg. Chepa dan Kg. Kebun Raja.	**AKSB:** Gangguan bekalan di kawasan Kubang Kerian diatasi secara berperingkat menerusi Pembinaan LRA Chicha 2 (Ogos 2026: 8 JLH, Disember 2027: 20 JLH), Pembinaan LRA Tanjung Mas (25 JLH, 2029) dan LRA Tok Jaafar (30 JLH, 2029).

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Projek Penggantian Paip Lama di Kubang Kerian di mana pakej pembinaan melibatkan sebahagian Kuala Besar dijangka akan ditender pada tahun 2026.
6.	Ancaman gangguan haiwan perosak pertanian	Kawasan pertanian penduduk sering diserang oleh haiwan perosak seperti tupai dan babi liar. Tetapi, penduduk tidak memiliki lesen atau kuasa untuk memiliki senapang bagi kawalan haiwan perosak.	**Jabatan Pertanian:** Bagi kawasan pertanian/fertigasi, amalan memelihara anjing pengawal didapati berkesan menangani ancaman kera dan babi hutan. Pemantauan berterusan dijalankan oleh Pegawai Pembangunan Tani (APT). **PERHILITAN:** Tindakan diambil berdasarkan aduan rasmi. Sebanyak 20 aduan diterima dari Kg. Salor.
7.	Peluang pekerjaan bersesuaian yang terhad	Ramai belia berhijrah bekerja di luar negeri Kelantan demi mendapatkan kadar gaji yang lebih tinggi, akibat ketiadaan peluang pekerjaan tempatan yang sepadan dengan kelulusan akademik mereka.	**UMK:** Kadar kebolehpasaran graduan UMK mencatatkan 70% hingga 95% dalam tempoh 6 bulan selepas pengijazahan. Peluang pekerjaan berkualiti di peringkat tempatan agak terhad tetapi graduan dipersiapkan untuk pasaran kerja yang lebih luas.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg. Wakaf Stan (Kawasan Risiko Bencana Banjir) **Tarikh**: 11 Februari 2026 (Rabu) **Bilangan peserta**: 16 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Rumah Peserta Kg Wakaf Stan			• MPKB-BRI • Jabatan Belia dan Sukan (JBS)
1.	Kejadian bencana banjir termenung berpanjangan	Banjir yang mula melanda sejak 2022 menjadi semakin teruk pada 2024, di mana air bertakung sebulan sehingga paras dada/leher. Banjir teruk di hadapan Sekolah Wakaf Stan memaksa sekolah ditutup, merosakkan harta benda, serta mengurung petugas kesihatan daripada keluar bekerja.	**MPKB-BRI** Pihak PBT memerlukan maklumat terperinci berkaitan isu ini.
		Penduduk terpaksa mengeluarkan modal sendiri sekitar RM12,000 untuk membeli enjin pam air dan paip bagi mengurangkan tempoh takungan banjir dari sebulan kepada tiga minggu.	
2.	Sistem saliran perparitan yang bermasalah	Ketiadaan sistem perparitan sempurna dan bentuk muka bumi berbukit menyukarkan air mengalir ke Sungai Wakaf Stan, di samping isu kebenaran tuan tanah yang enggan menyerahkan tanah bagi pembinaan longkang.	**MPKB-BRI:** Kajian teknikal dan sistem saliran perparitan berada di bawah perancangan teknikal JPS/PBT. Penyaluran air menerusi tanah persendirian tertakluk kepada kelulusan dan kebenaran pemilik tanah.
		Permohonan pembinaan saliran kepada JPP memerlukan kos RM2 juta, manakala longkang sepanjang 3 km di Taman 13 melimpah akibat tiada pembersihan. Perlu saliran air banjir terus ke Sungai Wakaf Stan sepanjang 250m–300m.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Tindakan susulan agensi tidak berhasil	Walaupun pelbagai agensi teknikal seperti JPS, MPKB, YB, dan wakil Parlimen telah mengadakan lawatan tapak dan mengumpul maklumat isu di lapangan, sehingga kini tiada sebarang tindakan susulan atau pelaksanaan fizikal dilakukan untuk menyelesaikan krisis banjir tersebut.	*Tiada maklum balas diterima*
4.	Kemudahan rekreasi awam jauh	Kemudahan kawasan rekreasi awam terdekat yang sempurna berada di Taman Tengku Anis Pengkalan Chepa, yang jaraknya amat jauh dari penempatan penduduk Wakaf Stan. Keadaan ini menuntut mewujudkan tapak rekreasi baharu di peringkat tempatan bagi kegunaan riadah keluarga dan aktiviti kanak-kanak.	**MPKB-BRI:** Pengambilan tanah bagi membina taman awam memerlukan peruntukan kewangan yang sangat tinggi (pampasan, pembangunan dan penyelenggaraan). Setiap pemaju perumahan baharu diwajibkan menyediakan 10% kawasan lapang. **JBS:** Pertubuhan belia berdaftar boleh mengemukakan permohonan dana (Dana Rakan Muda, Dana Sukan Komuniti, GPS) dari KBS.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Belia **Tarikh**: 11 Februari 2026 (Rabu) **Bilangan peserta:** 10 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Perkarangan Surau Pasar Tok Kenali, Binjai			• Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) • MPKB-BRI • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) • Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) • Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) • JKR • AKSB
1.	Ketiadaan peluang pekerjaan berkualiti	Belia tempatan berdepan ketiadaan peluang pekerjaan yang berkualiti serta kadar tawaran gaji yang terlampau rendah di dalam negeri. Walaupun ramai belia tidak menganggur, kebanyakannya tidak mempunyai pekerjaan tetap bernilai gaji bulanan dan terpaksa bekerja sendiri secara kecil-kecilan seperti mengusahakan gerai makanan, pertanian, atau penternakan.	**UMK:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 7 (Kajian Pengesanan Graduan menunjukkan kebolehpasaran graduan UMK mencapai 90%-95% dalam tempoh 6 bulan. Peluang pekerjaan di dalam negeri Kelantan agak terhad).
2.	Penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan pelajar	Murid Tahun 5 mula menggunakan vape dan *e-pump*, manakala pelajar sekolah menengah terlibat dengan penyalahgunaan air ketum yang diperolehi dari premis vape di Kedai Lalat, Pasir Tumboh, dan Kg. Panjang.	**AADK:** Vape sintetik cannabinoid dibeli dalam talian (Tiktok/Shopee). Kekangan tahanan reman (14 hari)

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kurangnya pemantauan ibu bapa memudahkan pelajar memesan bahan terlarang secara dalam talian di TikTok dan Shopee, berserta peningkatan penggunaan dadah jenis *mushroom* yang menyebabkan halusinasi dan menjejaskan kesihatan mental.	berbanding laporan makmal Jabatan Kimia (3 minggu - 3 bulan). PBT Kelantan tidak mengeluarkan lesen perniagaan vape. **MPKB-BRI:** Operasi sitaan dan saman ke atas premis vape/shisha sentiasa dijalankan. **MCMC:** Penyekatan akaun media sosial/e-dagang terlarang dilaksanakan atas aduan KKM & PDRM. **JKM:** Penagihan dadah ketua keluarga memang menjejaskan institusi keluarga. JKM menyediakan program intervensi awal setelah mengenalpasti keluarga yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			JIM: Penguatkuasaan yang kerap telah dijalankan di laluan laut/transit Badang dan PCB terhadap penyeludupan PATI/dadah.
3.	Kekurangan kemudahan awam dan padang sukan	Tiada padang khusus belia (hanya taman permainan Gong Dermin dengan ruangan terhad), manakala persatuan belia yang aktif berdepan kesukaran menjalankan aktiviti akibat kekurangan dana. Ketiadaan dewan komuniti memaksa program dijalankan secara terbuka di Dataran Pasar Tok Kenali, manakala orang ramai kurang sedia maklum mengenai kebenaran akses trek sukan di kampus USM.	**JBS:** Sama seperti maklum balas FGD 2 Isu 4 (Kelab/persatuan belia berdaftar layak memohon Bantuan Pertubuhan Belia, Dana Belia Antarabangsa, Dana Rakan Muda, Dana Sukan Komuniti, E-Sukan dan Geran Padanan Sukan (GPS)). **MPKB-BRI:** Sama seperti maklum balas FGD 2 Isu 4 (PBT menguatkuasakan syarat 10% kawasan lapang bagi projek perumahan baharu).
4.	Penyelenggaraan jalan raya tidak menurut piawaian	Kontraktor membaiki jalan tidak rosak demi bukti gambar penyiapan kerja, manakala kertas kerja cadangan pembaikan jalan terbiar tanpa maklum balas selama dua tahun. Kerja pengorekan berulang di Jalan Pasir Hor mengganggu trafik, manakala lorong sempit dan rosak di Kg. Jejulok menghalang kelancaran kenderaan bertembung.	**JKR:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 1 (Tiada aduan rasmi diterima berhubung lokasi spesifik. Permohonan rasmi perlu

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kontraktor gagal menyediakan laluan sementara yang selamat di Kampung Pulau, manakala proses baik pulih jalan-jalan tidak digazet mengambil masa yang terlalu lama.	dikemukakan kepada JKR untuk penilaian teknikal & peruntukan).
		Laluan jalan kubur tidak diselenggara/digazet serta tiada lampu jalan dari Bandar Baru Kota Bharu ke HUSM dan Binjai ke Bukit Marak, menyebabkan kerap berlaku kemalangan maut.	
5.	Kerosakan sistem saliran longkang lama	Longkang simen lama tidak mampu menampung air, termasuk kejadian longkang simen pecah di kawasan USM akibat masalah pasir jerlus.	*Tiada maklum balas diterima*
		Ketiadaan saliran di SMU (A) Al-Yunusiah, Kg. Kebun Raja, dan Padang Bonggor menyebabkan air melimpah masuk ke rumah penduduk dan merosakkan jalan raya semasa tengkujuh.	
6.	Gangguan akses air terawat	Gangguan bekalan air terawat AKSB yang kerap berserta tekanan air yang sangat rendah memaksa penduduk mengeluarkan modal tambahan untuk memasang sistem penapisan air *boring* atau telaga akibat kualiti air tempatan yang berbau, berkarat, dan berminyak.	**AKSB:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 5 (Pelaksanaan Projek LRA Chicha 2 (Ogos 2026), LRA Tanjung Mas (2029), LRA Tok Jaafar (2029) & Projek Penggantian Paip Lama di kawasan terjejas secara berperingkat).
7.	Ancaman hakisan tebing sungai akibat arus	Hakisan tebing sungai yang serius dikenal pasti berlaku di lokasi kritikal seperti Pulau Hilir, Sungai Gong Dermin, dan Taman Sungai Binjai akibat lonjakan arus deras (air teba). Ditambah pula dengan pembinaan kediaman tanpa kawalan di rizab sungai yang mengancam keselamatan struktur bangunan berhampiran.	**LKIM:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 4 (Pihak JPS sedang menjalankan kajian teknikal berhubung isu muara cetek dan hakisan tebing sungai).

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Petani (Pengusaha Tanaman Padi) **Tarikh**: 12 Februari 2026 (Khamis) **Bilangan peserta**: 12 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam dua kumpulan **Lokasi**: Warung depan bendang Kg Langgut, Beta Hilir			• Jabatan Pertanian • Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) • JKM
1.	Kekurangan bekalan air pengairan sawah padi	Pesawah padi mengalami kegagalan tuaian hasil secara penuh selama lima musim berturut-turut di mana purata hasil merosot sehingga 50% daripada keluasan 40 ekar akibat krisis air yang kronik.	**Jabatan Pertanian:** Projek pam telaga tiub dibina di Kg. Kemubu. Petani turut mengambil air dari tali air KADA semasa musim kemarau. **KADA**: Bekalan air pengairan sentiasa dipantau. Bantuan pam bergerak, *shallow well* (telaga tiub cetek) & *tube well* (*boring*) disediakan. Gangguan pam Kemubu berpunca daripada masalah teknikal pam terangkat semasa paras air sungai rendah.
		Operasi pam Kemubu yang hanya mempunyai empat unit bagi zon Kota Bharu Utara terjejas akibat paras air sungai yang rendah. Inisiatif sendiri menggunakan enjin pam tambahan menelan kos diesel RM50 sehari, namun bekalan tetap tidak mencukupi kerana perlu dikongsi.	
		Tindak balas KADA yang perlahan (mengambil masa satu hingga dua minggu) menyebabkan gangguan bekalan air yang serius. Walaupun pam beroperasi, bekalan air sering terputus selepas hanya empat hari sesi pengepaman dilakukan. Penyelenggaraan rumah pam bersifat reaktif (hanya dibaiki selepas berlaku kerosakan atau bencana)	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Peningkatan kos input pertanian	Kenaikan kos input pertanian kini membebankan pesawah apabila harga benih melambung tinggi mencecah RM56 berbanding harga kilang RM38 akibat rantaian bekalan yang terhad kepada penjual berlesen sahaja. Situasi ini mendorong petani mendesak penguatkuasaan mekanisme kawalan harga siling bagi mengekang manipulasi orang tengah. Kuantiti baja subsidi hanya memenuhi 50% hingga 60% daripada keperluan sebenar tanaman iaitu sekadar 4 daripada 8 beg bagi baja anak serta 3 daripada 5 beg bagi baja NPK. Manakala ketiadaan semula subsidi baja organik terus menyukarkan usaha pemulihan struktur serta pH tanah sawah. Lonjakan harga racun siput sebanyak 100% daripada RM400 kepada RM800. Justeru, petani mencadangkan penggunaan racun berkualiti dari China sebagai alternatif kos rendah.	**Jabatan Pertanian:** Benih, baja & racun dibekalkan terus menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) / BPP pada harga subsidi. **KADA:** Kos input pertanian merupakan isu nasional yang dialami di seluruh negara. **KPDN**: Kawalan dan pemantauan barangan keperluan asas harian dilaksanakan di bawah AKHAP (Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 / Act 723)
3.	Kelemahan dan ketirisan dalam pengagihan bantuan	Berlakunya ketirisan dan amalan pilih kasih dalam agihan bantuan peralatan dari KADA bagi sektor jahitan, masakan, dan ternakan. Petani menjelaskan terdapat individu yang tidak layak tetapi tetap menerima bantuan kerana kenalan rapat, mahupun kakitangan dalaman agensi (KADA) contoh: isteri staf KADA, suami bukan petani tetapi diberi kepada suami, bukannya petani sasaran yang benar-benar layak.	**KADA:** Agihan bantuan mengikut SOP ketat, pemilihan wajib dalam kawasan KADA dan pegawai pemantau menjalankan siasatan verifikasi tapak.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Tiada hebahan rasmi dan menyeluruh daripada pegawai bertanggungjawab mengenai bantuan, menyebabkan kebanyakan pesawah hanya menyedari kewujudan inisiatif tersebut selepas proses pengagihan selesai. Pada masa yang sama, proses permohonan yang mengambil masa terlalu lama turut membebankan pesawah sehingga memaksa mereka membuat permohonan berulang kali sebelum menerima sebarang maklum balas atau kelulusan rasmi.	**JKM:** Pihak JKM menerima kerjasama dari Penggawa dan penghulu kampung dalam mengenalpasti penerima bantuan yang layak. Penyelarasan senarai penerima bantuan sentiasa dikemaskini bagi mengelakkan pertindihan/ketirisan. **Jabatan Pertanian:** Syarat utama kelayakan bantuan mewajibkan pengemukaan Kad Pengenalan (IC) serta Surat Kebenaran Tuan Tanah yang sah bagi tanah sewaan untuk mengelakkan pertikaian perundangan
4.	Kadar potongan timbangan padi kilang tinggi	Pesawah terpaksa berhadapan dengan kadar potongan berat padi (padi basah dan hampa) yang sangat tinggi di kilang-kilang di bawah seliaan BERNAS, iaitu mencecah 50% hingga 80% per tan, satu kadar yang dianggap tidak munasabah dan menjejaskan pendapatan bersih mereka secara drastik. Selain itu, walaupun kenaikan harga padi diiringi peningkatan subsidi, faedah tersebut terhapus (*offset*) akibat lonjakan mendadak harga input pertanian seperti baja dan racun, sekali	**KADA:** Penjualan padi ke luar dari kawasan KADA dikawal dan tidak digalakkan bagi memastikan rekod serta data hasil tuaian tempatan dapat dicatatkan dengan tepat melalui BERNAS atau pusat belian berdaftar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		gus mengecilkan margin keuntungan petani. Keseluruhan potongan harga yang tinggi ini memaksa petani menanggung kerugian besar sehingga gagal melunaskan kos input, lalu terpaksa berhutang semula bagi memulakan musim penanaman baharu dan terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan yang kronik.	
		Wujud ketidakadilan dalam akses pasaran apabila petani di bawah seliaan KADA dilarang menjual hasil ke luar negeri seperti Kedah demi mendapatkan harga yang lebih kompetitif, sedangkan petani di bawah seliaan JPS/Tandak dibenarkan berbuat demikian dengan kadar potongan yang jauh lebih rendah sekitar 38% per tan.	

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Petani (Pengusaha Tanaman Fertigasi) **Tarikh**: 12 Februari 2026 (Khamis) **Bilangan peserta**: 13 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam dua kumpulan **Lokasi**: Warung berdekatan ladang fertigasi, Kg Chetok			• Jabatan Pertanian • KPDN • PERHILITAN • KADA
1.	Ketidakselarasan pembekalan dan syarat bantuan pertanian	Pembekalan barang tidak selaras dengan permohonan (seperti memohon baja AB atau *cocopeat* tetapi menerima input lain), menyebabkan pembaziran sumber kerana bantuan tidak dapat digunakan untuk tanaman spesifik yang diusahakan. Petani juga tidak dimaklumkan nilai sebenar peruntukan bantuan yang diterima, merugikan mereka kerana pemasangan papan tanda agensi (seperti KADA) menutup peluang memohon daripada agensi lain (seperti Jabatan Pertanian) walaupun bantuan sedia ada sangat kecil dan tidak mencukupi kos keseluruhan projek.	**Jabatan Pertanian:** Sama seperti maklum balas FGD 4 Isu 3 (Syarat utama kelayakan bantuan mewajibkan pengemukaan Kad Pengenalan (IC) serta Surat Kebenaran Tuan Tanah yang sah bagi tanah sewaan untuk mengelakkan pertikaian perundangan).
		Syarat wajib mengemukakan geran asal dan kad pengenalan pemilik tanah menjadi halangan kerana pemilik umumnya enggan berkongsi maklumat sulit tersebut, manakala bagi tanah tanpa pemilik jelas, petani hilang kelayakan memohon bantuan walaupun telah mengusahakannya bertahun-tahun.	
		Terdapat saluran penyampaian maklumat yang tidak berkesan sehingga ramai petani terpinggir daripada mengetahui bantuan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		tersedia, sekali gus menjejaskan akses saksama kepada sokongan kerajaan.	
2.	Peningkatan kos bahan input dan operasi	Terdapat kenaikan harga mendadak bagi bahan asas pertanian apabila harga sabut kelapa (*cocopeat*) meningkat daripada RM8.50 kepada RM12.00 hingga RM13.00 seguni, kos benih timun mencecah RM70.00 setin (peningkatan RM5.00), dan benih jagung naik sebanyak RM15.00/kg. Selain itu, kos sewa traktor (bajak) kini mencecah RM150.00 sejam, satu kadar yang membebankan penyediaan tanah berskala kecil dan sederhana.	**KPDN:** Sama seperti maklum balas FGD 4 Isu 2 (Pemantauan barangan keperluan di bawah pemantauan KPDN/AKHAP). **Jabatan Pertanian:** Khidmat nasihat dan pemantauan teknikal berterusan diberikan oleh Pegawai Pembangunan Tani (APT).
		Trend peningkatan harga baja dan racun setiap tahun pula memaksa petani mencari alternatif dalam talian demi harga lebih kompetitif, sementara kos bahan sokongan seperti tali, polibeg, serta peralatan operasi lain turut meningkat menambah beban modal pusingan. Walaupun bahan seperti sabut kelapa bertahan sehingga dua tahun, kos bahan sokongan (tali, polibeg) dan *upfront cost* yang tinggi menjejaskan aliran tunai.	
3.	Ancaman haiwan perosak dan penyakit tanaman	Serangan haiwan liar seperti babi hutan, kera, dan monyet kekal sebagai ancaman utama, dan walaupun pelbagai langkah mekanikal seperti pemasangan pagar kawat dan jaring hitam telah diusahakan, ia terbukti tidak berkesan sepenuhnya sehingga petani terpaksa bergantung kepada inisiatif sendiri, termasuk mendapatkan bantuan pemburu luar untuk mengurangkan populasi perosak tersebut.	**Jabatan Pertanian:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 6 (Amalan memelihara anjing pengawal berkesan bagi ancaman babi/kera. Bagi penyakit *whitefly*/mozek, petani dinasihatkan membuat laporan segera kepada

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Tanaman lada dan fertigasi sering diserang oleh *whitefly*, kulat akar (mozek), dan ulat, dengan kos kawalan kimia yang sangat membebankan kerana harga racun serangga mencecah ratusan ringgit sebotol (contoh: RM30/500ml bagi racun *whitefly* tertentu) namun keberkesanannya masih tidak terjamin. Maklum balas sampel makmal berkaitan penyakit tanaman dari agensi kerajaan sering lambat dan lewat daripada kitaran kerosakan tanaman.	pegawai projek/PPK supaya kawalan racun dan nasihat dapat diberikan). **PERHILITAN:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 6 (Tindakan penguatkuasaan dijalankan mengikut aduan rasmi).
4.	Kejatuhan harga dan lambakan hasil tanaman	Petani berdepan lambakan hasil yang kronik apabila harga pasaran merudum (contohnya timun RM4/6kg), memaksa hasil disedekahkan atau dijadikan makanan ternakan bagi mengelakkan pembaziran. Kebanjiran import dari Thailand yang murah, menyebabkan kerugian besar akibat kos input yang terus meningkat sedangkan harga jualan jatuh.	**Jabatan Pertanian:** Penyelarasan giliran tanaman dan penggunaan RTC digalakkan bagi jualan hasil kendiri.
		FAMA tidak mampu mengawal lambakan kerana hanya memilih gred A, menyebabkan baki hasil terpaksa dijual kepada orang tengah pada harga yang dimanipulasi. Bagi mengurangkan risiko, petani berinisiatif melaksanakan giliran tanaman secara kolektif (seperti penyelarasan timun dan cili) dan menggunakan RTC untuk jualan kendiri, walaupun harganya masih dikawal orang tengah.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Jurang latihan kemahiran dan modul moden	Kursus yang ditawarkan oleh agensi (seperti KADA) didakwa bersifat terlalu asas serta tidak selaras dengan keperluan spesifik di lapangan, sekali gus mewujudkan jurang besar antara modul teori yang diajar dengan kebolehlaksanaan aplikasi harian di kebun. Oleh itu, petani menyuarakan keperluan mendesak terhadap latihan lanjutan yang lebih mendalam, terutamanya mengenai formulasi baja kendiri dan teknologi produk berasaskan profil tanah setempat, berbanding sekadar silibus fertigasi asas. Ketiadaan bengkel berkualiti mendorong petani beralih kepada media sosial seperti TikTok serta rujukan rakan berpengalaman untuk mempelajari teknik moden dan pembuatan input organik secara kendiri.	**Jabatan Pertanian:** Pegawai pengembangan dan APT sedia memberikan bimbingan dan khidmat nasihat moden di lapangan.
		Dikhuatiri terdapat sistem penyampaian maklumat yang tidak efisien, menyebabkan hebahan latihan dan bantuan kerap gagal sampai kepada kumpulan sasar.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Veteran Angkatan Tentera **Tarikh**: 12 Februari 2026 (Khamis) **Bilangan peserta**: 10 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Masjid Mukim Salor			Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM)
1.	Jurang pelarasan skim pencen Veteran ATM	Wujud perbezaan pendapatan yang sangat ketara antara veteran yang bersara sebelum dan selepas 1 Januari 2013, dengan perbezaan mencecah RM800 berbanding RM4,000 bagi gred yang sama. Keadaan ini menunjukkan sistem pencen sedia ada sudah tidak relevan dengan kos sara hidup semasa. Isu ini berpunca daripada skim gaji pokok veteran terdahulu yang terlalu rendah semasa mereka bersara. Oleh itu, pengiraan peratusan pencen berasaskan gaji akhir tersebut menghasilkan jumlah yang sangat kecil dan tidak mencukupi untuk menampung kehidupan harian, sama ada di bandar mahupun di luar bandar.	**JHEV ATM:** Isu jurang pencen veteran masih dalam proses perundangan. Kerajaan melaksanakan penyelarasan SSPA (8% & 7%). Veteran berpencen pendapatan bawah PGK (RM1,236) terima BSH RM300/bulan, veteran tidak berpencen 60 tahun ke atas layak BSH RM500/bulan.
		Pemansuhan kenaikan tahunan 2% turut menjejaskan kuasa beli mereka. Walaupun ada pengumuman kenaikan gaji penjawat awam bagi 2024 dan 2026, golongan veteran masih berasa terpinggir kerana pelarasan pencen dilihat tidak adil, ditambah pula	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dengan ketidaktentuan status tuntutan tunggakan pencen yang kini masih di peringkat mahkamah.	
2.	Sumbangan elaun Pingat Jasa Malaysia Veteran	Veteran ATM era Insurgensi (1969–1989) memohon agar sumbangan pemegang Pingat Jasa Malaysia (PJM) ditukar daripada bayaran sekali beri (*one-off*) kepada elaun bulanan tetap. Langkah ini penting bagi memastikan kebajikan mereka terjamin dalam mendepani peningkatan kos sara hidup semasa. Pemberian RM500 secara *one-off* disifatkan tidak mencukupi untuk membalas jasa serta pengorbanan mereka semasa tempoh darurat. Jumlah tersebut tidak memadai untuk menampung kos sara hidup asas dan perbelanjaan rawatan kesihatan yang semakin meningkat pada usia warga emas.	**JHEV ATM:** PJM merupakan pingat penghargaan perkhidmatan era darurat/konfrontasi (berbeza dengan pingat keberanian). Penyaluran bantuan *one-off* RM500 disalurkan mengikut kelulusan Belanjawan Kerajaan.
		Ketiadaan maklumat jelas sama ada bantuan RM500 itu merupakan bayaran tahunan atau hanya sekali beri telah mencetuskan keresahan dalam kalangan veteran. Malah, cadangan menukar bantuan PJM kepada elaun bulanan yang pernah diutarakan semasa pentadbiran terdahulu di bawah pimpinan YB Mohamad Sabu masih belum direalisasikan sehingga kini.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Kerumitan Prosedur Permohonan Bantuan Kebajikan JHEV	Prosedur permohonan bantuan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) terlalu rumit (banyak dokumentasi/rekod). Bantuan antara RM 300 hingga RM 500 dianggap tidak cukup dan sama antara veteran biasa dengan yang cacat.	**JHEV ATM:** Menyediakan 7 skim bantuan utama. Permohonan dibuat secara dalam talian (online) diikuti siasatan tapak. Veteran OKU boleh memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) melalui JKM.
4.	Kekurangan sumber dana pengurusan persatuan veteran	Persatuan hanya menerima dana sebanyak RM4,000 bagi menggerakkan aktiviti kebajikan, gotong-royong, dan sukarelawan. Ketiadaan kutipan sempena Hari Pahlawan menyebabkan sumber kewangan persatuan semakin terhad dan bergantung kepada permohonan dana kerajaan negeri.	

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Penternak Ikan Sangkar **Tarikh**: 13 Februari 2026 (Jumaat) **Bilangan peserta**: Lapan orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Kedai Makan Kg Seterpa			• KPDN • KADA • PERHILITAN • LKIM • Jabatan Pertanian
1.	Lonjakan kos input sektor penternakan	Penternak berdepan tekanan kos apabila harga dedak naik mendadak daripada RM50 kepada RM70 sebeg, manakala harga pelet makanan ikan pula melonjak daripada RM65 kepada RM90 sebeg. Keadaan ini menyebabkan kos keseluruhan bagi satu sangkar kini mencecah RM2,000. Harga makanan ikan juga berbeza di setiap kedai memaksa mereka membeli di Wakaf Bharu demi mendapatkan harga yang lebih murah dan menjimatkan. Bagi mengurangkan kos, penternak terpaksa menghasilkan sendiri makanan tambahan berasaskan perut ayam sebagai alternatif, namun bahan tersebut kini semakin sukar diperoleh. Peniaga ayam mula mengenakan caj sebanyak RM200 sebulan kepada penternak ikan untuk membekalkan perut ayam, sedangkan sebelum ini bahan buangan tersebut boleh diperoleh secara percuma sahaja.	**KPDN:** Sama seperti maklum balas FGD 4 Isu 2 (Barangan keperluan harian di bawah pemantauan KPDN. Bagi isu pakatan menaikkan harga dedak, aduan boleh dikemukakan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)). **Jabatan Pertanian:** Penyaluran bantuan bekalan makanan ternakan (dedak) dilaksanakan. Kawalan harga dedak bukan di bawah bidang kuasa KADA/KPDN.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Penutupan struktur tali air KADA	Pihak KADA memaklumkan bahawa jalan akan dibesarkan dan kawasan parit bakal dikecilkan menjadi longkang. Cadangan pelaksanaan projek ini dijangka bermula pada tahun 2027, di mana para penternak diminta bersedia untuk mengosongkan kawasan tapak masing-masing. Projek ini mengancam bekalan air terutama pada musim kemarau, sekali gus meningkatkan risiko kematian ikan ternakan. Lebih membebankan, penternak tidak layak menuntut ganti rugi mahupun menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan kerana status mereka yang sekadar menumpang di tali air KADA.	**KADA:** Naik taraf tali air tanah (50-60 tahun) kepada struktur konkrit bertetulang yang lebih kecil dan efisien dilaksanakan sejak RMK-9. Tali air konkrit tidak sesuai untuk ternakan sangkar, sehubungan itu tiada lagi permohonan baharu diluluskan.
3.	Serangan haiwan liar dan wabak penyakit	Penternak berhadapan ancaman serangan haiwan pemangsa seperti biawak, memerang, dan burung putih, manakala kera pula mencuri makanan yang telah dimasak khas untuk ternakan. Kesihatan ternakan terjejas teruk akibat jangkitan penyakit khusus, iaitu penyakit kudis yang menyerang ikan keli dan bintik merah pada ikan patin. Pihak veterinar yang dirujuk didapati kurang memiliki kepakaran serta kemahiran teknikal yang mencukupi untuk mendiagnosis dan merawat penyakit berkaitan hidupan akuakultur ini secara berkesan.	**PERHILITAN:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 6 (Tindakan kawalan pemangsa diambil mengikut aduan rasmi). **Jabatan Perikanan:** Bimbingan teknikal dan kawalan penyakit ternakan diberikan menerusi pegawai lapangan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Terdapat ancaman sisa racun dari sawah padi yang mengalir terus ke sungai turut menjejaskan hidupan akuakultur, di mana penternak tidak mampu berbuat apa-apa memandangkan status mereka sekadar menumpang di kawasan sawah berkenaan.	
		Musim kemarau yang berpanjangan mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem tali air KADA, menyebabkan paras air menyusut dengan ketara dan menjadi terlalu cetek. Keadaan ini mengakibatkan suhu air meningkat panas secara mendadak serta kekurangan oksigen terlarut, yang akhirnya mencetuskan kadar kematian ikan yang tinggi dan kerugian besar kepada penternak	
4.	Manipulasi harga jualan hasil oleh peraih	Penternak terpaksa menjual hasil ternakan seperti ikan keli dan patin kepada peraih pada harga yang sangat rendah, sekitar RM5.30 sekilogram. Kekangan masa untuk menguruskan pemasaran dan jualan terus di pasar awam menyebabkan penternak tiada pilihan selain bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan peraih untuk mengalirkan hasil jualan mereka.	**KPDN:** Sama seperti maklum balas FGD 4 Isu 2 (Aduan salah guna harga/manipulasi pasaran boleh dikemukakan secara rasmi di bawah AKHAP).
		Persaingan sengit susulan pertambahan jumlah sangkar memberi kelebihan kepada peraih untuk menekan dan memanipulasi harga sesuka hati. Peraih cenderung memilih penternak yang sanggup melepaskan hasil pada harga paling murah, manakala	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		penternak yang enggan beralah terpaksa terus menanggung beban kos makanan harian yang tinggi selagi ikan belum terjual.	
5.	Ketiadaan bantuan modal dan mesin pemprosesan	Penternak berdepan kekangan modal yang besar untuk memulakan usaha ternakan serta memindahkan operasi ke atas darat kerana kos pembinaan bumbung dan sistem saliran yang sangat tinggi, selain ketiadaan mesin pemprosesan makanan ikan sendiri bagi membendung kos dedak. Situasi ini memaksa mereka bergantung sepenuhnya kepada modal pusingan sendiri berikutan tiadanya sebarang bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Ketiadaan sokongan ini berpunca daripada syarat kelayakan bantuan kerajaan yang menetapkan bahawa penternak wajib mengusahakan projek di atas tanah milik sendiri, sekali gus menafikan hak mereka yang sekadar menumpang di tanah milik individu lain atau kawasan rizab agensi.	**Jabatan Pertanian / KADA:** Sama seperti maklum balas FGD 4 Isu 3 (Syarat kelayakan bantuan kewangan/peralatan kerajaan menghendaki bukti pemilikan tanah atau surat kebenaran penggunaan tanah yang sah).

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog bersama Penghulu Mukim **Tarikh**: 13 Februari 2026 (Jumaat) **Bilangan peserta**: 11 orang peserta **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi**: Bilik Mesyuarat DUN Pasir Tumboh			• JKR • LKIM • MPKB-BRI • JBS • AKSB • JIM
1.	Keadaan jalan kampung tidak digazet, rosak dan gelap	Jalan kampung di Kampung Kubang Siput masih belum diturap sejak tahun 2022 atas kekangan status laluan yang tidak digazetkan. Walaupun proses penyerahan secara bertulis telah pun dibuat bagi menyelesaikan isu perundangan tanah tersebut, tiada sebarang tindakan penurapan fizikal dilaksanakan oleh mana-mana pihak. Projek penurapan jalan sedia ada tidak menepati keperluan rakyat ekoran kecuaian kontraktor yang tidak berhubung dengan penghulu untuk meneliti jajaran yang betul semasa kerja dilakukan. Akibatnya, turapan jalan siap di lokasi yang tidak sepatutnya dan gagal sampai ke sasaran asal. Ketiadaan infrastruktur keselamatan asas seperti bonggol jalan bagi mengawal kelajuan dan cermin keselamatan di persimpangan terlindung merbahayakan. Terdapat segelintir pemandu yang	**JKR:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 1 (Tiada aduan rasmi diterima. Pembinaan bonggol fizikal di jalan utama tidak dibenarkan, tetapi garisan pemecah kelajuan (*speed breaker*) boleh dipertimbangkan berdasarkan permohonan rasmi ke JKR). **MPKB-BRI:** Permohonan lampu jalan dan penurapan semula perlu diproses mengikut saluran PBT/JKR.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kerap melanggar lampu isyarat merah sehingga sering mengakibatkan kemalangan maut.	
		Masalah kegelapan jalan berada pada tahap membimbangkan apabila permohonan 60 unit lampu jalan sejak tahun 2022 langsung tidak diluluskan. Keadaan ini diburukkan lagi oleh lampu limpah (spotlight) di Taman Rekreasi Gong Dermin yang dibiarkan rosak selama dua tahun, deretan tiang JKR yang langsung tidak berlampu, serta lampu jalan solar yang kebanyakannya sudah rosak berbanding yang masih berfungsi.	
2.	Kewujudan laluan jambatan sempit membahayakan pengguna	Struktur jambatan sedia ada di Pulau Semut adalah sempit dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa. Walaupun terdapat laluan alternatif lain, penduduk bagi 100 buah rumah di kawasan tersebut masih memilih jambatan sempit berkenaan kerana jaraknya yang lebih dekat dan selesa.	*Tiada maklum balas diterima*
3.	Ketiadaan sistem saliran perparitan dan banjir	Kawasan Padang Kekabu berdepan ketiadaan sistem perparitan langsung, yang menyebabkan kejadian banjir termenung bertakung selama lima hingga enam hari selepas hujan lebat. Masalah ini diburukkan lagi oleh sikap sesetengah pihak yang menutup kawasan rizab perparitan untuk tujuan pembinaan kediaman peribadi.	**LKIM:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 4 / FGD 2 Isu 2 (Pemantauan dan kajian perparitan di bawah tindakan seliaan JPS/PBT).

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
4.	Kelemahan penyelenggaraan pungutan sampah dan perparitan	Kampung Kulim dan Kampung Tembusu tidak disediakan perkhidmatan tong sampah walaupun penduduk dikenakan cukai pintu. Selain itu, kutipan sampah tidak mempunyai jadual yang tetap, menyebabkan sampah yang penuh hanya diambil selepas aduan ditularkan oleh penduduk	**MPKB-BRI:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 3 (Kutipan sisa pepejal dan pemangkasan pokok berisiko dilaksanakan mengikut jadual zon perkhidmatan PBT).
		Permohonan tong sampah oleh penghulu sebanyak dua kali sebelum ini ditolak oleh penduduk kerana tidak mahu ia diletakkan berhampiran kediaman. Justeru, cadangan dibuat agar kemudahan tersebut ditempatkan di kawasan tanah rizab.	
		Saliran KADA tidak diselenggara sehingga tersumbat dan terdapat struktur pembetung (*culvert*) yang pecah, sekali gus menjejaskan kelancaran aliran air di kawasan berkenaan.	
		Pokok sena tua yang berisiko kerana tidak dipangkas membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. Pada masa yang sama, rimbunan pokok buluh yang menutup sebahagian jalan di kawasan jejambat (*flyover*) sekitar Wadi Sofia, Pasir Tumboh, dan Kampung Lating mengganggu laluan.	
5.	Kekurangan padang awam dan pusat belia	Kawasan tanah lapang di kebanyakan kawasan telah dipenuhi oleh pembangunan perumahan, menyebabkan belia tempatan tidak mempunyai padang	**MPKB-BRI:** Sama seperti maklum balas FGD 2 Isu 4 (Wajib 10% kawasan lapang bagi projek

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		bola atau pusat aktiviti khusus. Ketiadaan fasiliti tempat tumpuan riadah yang sihat ini menjadi antara punca utama belia terdedah kepada gejala lumba haram (merempit).	perumahan baharu. Pengambilan tanah PBT memerlukan peruntukan kewangan tinggi). **JBS:** Sama seperti maklum balas FGD 2 Isu 4 (Pendaftaran kelab belia membolehkan pendedahan dan permohonan Dana Rakan Muda/Sukan Komuniti).
6.	Gangguan akses air terawat	Penduduk mendakwa terpaksa membayar sewa meter bulanan AKSB walaupun tidak menerima bekalan air terawat yang konsisten. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati sehingga mendorong tindakan memboikot pembayaran bil serta desakan untuk memulangkan meter air.	**AKSB:** Sama seperti maklum balas FGD 1 Isu 5 (Pelaksanaan Projek LRA Chicha 2, LRA Tanjung Mas, LRA Tok Jaafar dan Penggantian Paip Lama mengatasi gangguan air secara berperingkat).
		Gangguan bekalan utiliti memaksa penduduk beralih kepada telaga dan air bawah tanah (*boring*) bagi kegunaan harian. Selain itu, pesawah turut memohon bantuan enjin penyedut air bagi mengatasi masalah kegagalan sistem pengairan di kawasan sawah mereka.	
7.	Halangan dokumentasi kad pengenalan diri penduduk	Segelintir penduduk keturunan Kemboja yang telah lama menetap di kawasan rizab sungai Kubang Kerian tidak mempunyai dokumen pengenalan diri (IC) yang sah. Keadaan ini menyukarkan pendaftaran dan akses persekolahan rasmi bagi anak-anak mereka sehingga tercicir daripada sistem pendidikan.	**JIM:** Sama seperti maklum balas FGD 3 Isu 2 (Operasi penguatkuasaan berkala dijalankan di penempatan Kemboja (24 tangkapan warga Kemboja direkodkan, pelarian UNHCR 8,914 orang)).

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kemudahan Rekreasi Terhad

Ketiadaan dan kekurangan kawasan rekreasi serta padang awam yang sesuai merupakan salah satu isu utama yang dihadapi oleh penduduk di sekitar Kubang Kerian, khususnya golongan belia dan kanak-kanak. Pertambahan pembangunan perumahan telah menyebabkan kawasan lapang semakin berkurangan, manakala taman yang sedia ada seperti di Gong Dermin mempunyai ruang yang sangat terhad serta kemudahan lampu yang rosak. Kekangan jarak ke taman rekreasi utama (seperti Taman Tengku Anis di Pengkalan Chepa) dan kekeliruan akses penggunaan fasiliti sukan di dalam kampus USM telah mengehadkan aktiviti riadah komuniti, sekali gus mendorong kepada peningkatan gejala sosial dan aktiviti lumba haram (merempit) dalam kalangan anak muda.

Kekurangan padang awam dan ruang riadah untuk belia

Isu utama yang melanda kawasan Kubang Kerian ialah ketiadaan dan kekurangan padang awam serta kemudahan rekreasi khusus untuk kegunaan belia dan kanak-kanak. Perkembangan pesat kawasan perumahan telah mengecilkan ruang rekreasi yang ada, menyebabkan anak-anak muda tiada tempat yang elok untuk bersukan. Keadaan ini turut menyumbang kepada masalah sosial seperti aktiviti merempit kerana ketiadaan tempat tumpuan yang sihat untuk mereka beriadah.

Kekangan dan masalah keselamatan di taman rekreasi sedia ada

Ruang rekreasi terdekat yang ada di kawasan sekitar pula tidak dapat menampung keperluan penduduk setempat. Contohnya, taman awam di Gong Dermin bersaiz terlalu kecil untuk kepadatan penduduk dan mempunyai hakisan tebing sungai yang membahayakan pengunjung. Tambahan pula, kemudahan di taman ini kurang diselenggara dengan baik, termasuklah masalah lampu limpah yang rosak selama dua tahun sehingga menyukarkan aktiviti pada waktu malam. Sementara itu, taman yang lebih lengkap seperti Taman Tengku Anis di Pengkalan Chepa dianggap terlalu jauh untuk kegunaan harian penduduk, khususnya bagi keluarga dari kawasan seperti Kampung Wakaf Stan.

Keterbatasan akses kemudahan USM dan ketiadaan dewan komuniti

Komuniti setempat juga berdepan kekangan untuk menggunakan alternatif kemudahan lain yang berada berhampiran mereka. Walaupun Kampus Kesihatan USM mempunyai trek larian dan kemudahan sukan yang baik, orang awam masih ragu-ragu dan kurang maklumat tentang syarat serta kebenaran untuk menggunakannya. Selain itu, kawasan ini tidak mempunyai dewan komuniti berbumbung, menyebabkan persatuan belia dan penganjur aktiviti kemasyarakatan terpaksa berkumpul di kawasan terbuka seperti Dataran Pasar Tok Kenali untuk menjalankan program mereka.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan padang awam dan ruang riadah untuk belia 2. Kekangan dan masalah keselamatan di taman rekreasi sedia ada 3. Keterbatasan akses kemudahan USM dan ketiadaan dewan komuniti
Cadangan	1. Membina dan mewartakan taman rekreasi awam atau padang bola baharu mengikut zon mukim/komuniti. 2. Menyelaraskan kebenaran dan hebahan akses fasiliti sukan sedia ada (seperti trek USM) untuk komuniti setempat. 3. Menyelenggara dan menaik taraf fasiliti lampu limpah serta peralatan riadah di taman sedia ada.
Kumpulan Terjejas	Golongan belia, kanak-kanak, masyarakat setempat, dan persatuan belia/komuniti.
Kawasan	Kg. Cina Chepa, Kg. Wakaf Stan, Gong Dermin, Dataran Pasar Tok Kenali.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Sasaran 3.4: Menjelang 2030, mengurangkan satu pertiga kematian pramatang akibat penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan mental.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari	Sasaran 11.7: Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat kepada ruang awam dan hijau yang selamat, inklusif dan mudah diakses, terutamanya untuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Akses dan Kualiti Bekalan Air Terawat

Majoriti komuniti di Kubang Kerian berdepan masalah gangguan bekalan air bersih yang kronik dan tekanan air yang sangat rendah daripada pihak AKSB. Keadaan ini memaksa sebahagian besar penduduk beralih kepada penggunaan air bawah tanah (*boring*) atau telaga yang memerlukan kos penapisan tambahan akibat kualiti air yang keruh, berkarat, dan berbau. Ketidakpuasan hati penduduk semakin meruncing apabila mereka mendakwa terpaksa membayar bil sewa meter bulanan untuk bekalan yang tidak

konsisten ("membayar angin"), sehingga mencetuskan tindakan memboikot pembayaran bil dan desakan memulangkan meter.

Gangguan bekalan air berterusan termasuk tekanan air rendah

Majoriti penduduk di kawasan Kubang Kerian berdepan dengan krisis gangguan bekalan air bersih yang berlaku secara kronik dan berpanjangan daripada pihak Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Keadaan ini menjejaskan kelancaran aktiviti harian di kediaman domestik, peniaga kecil, pengusaha makanan, serta institusi awam di kawasan terjejas. Selain gangguan bekalan, masalah tekanan air yang sangat rendah menyebabkan air paip AKSB sukar mengalir naik ke tangki rumah atau premis tanpa bantuan pam. Situasi ini menyukarkan penduduk mendapat bekalan air yang stabil terutamanya pada waktu puncak.

Kualiti air telaga/boring yang berkarat dan berminyak

Akibat masalah bekalan air AKSB yang tidak stabil, penduduk terpaksa beralih kepada alternatif air bawah tanah (*boring*) atau telaga. Walau bagaimanapun, kualiti air *boring* yang diperoleh didapati keruh, berkarat, dan berminyak, sekali gus memerlukan penduduk mengeluarkan kos tambahan bagi memasang dan menyelenggara sistem penapisan air.

Bayaran sewa meter tanpa bekalan air yang konsisten ("bayar angin")

Ketidakpuasan hati penduduk semakin meruncing berikutan tindakan AKSB mengenakan caj sewa meter bulanan walaupun bekalan air tidak disalurkan secara konsisten. Keadaan ini mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang mendakwa terpaksa "membayar angin", sehingga mendorong tindakan memboikot pembayaran bil, tunggakan bil secara sengaja, dan desakan untuk memulangkan meter air.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan bekalan air berterusan termasuk tekanan air rendah 2. Kualiti air telaga/boring yang berkarat dan berminyak 3. Bayaran sewa meter tanpa bekalan air yang konsisten ("bayar angin").
Cadangan	1. Menaik taraf loji rawatan air dan menukar paip retikulasi usang bagi menstabilkan tekanan bekalan AKSB.

	2. Menyediakan subsidi atau bantuan pemasangan sistem penapisan air komuniti di kawasan terjejas. 3. Menilai semula caj meter air bagi kawasan yang kerap terputus bekalan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk isi rumah, peniaga kecil, pengusaha makanan, dan institusi setempat (seperti SMU dan klinik).
Kawasan	Kg. Cina Chepa, Kg. Kebun Raja, Wakaf Stan, Pasir Tumboh, dan sekitar Kubang Kerian.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.1: Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Pertanian dan Penternakan

Sektor pertanian dan penternakan di Kubang Kerian dibebani pelbagai kekangan struktur termasuk krisis pengairan air KADA yang menyebabkan kegagalan tuaian padi sehingga lima musim, kenaikan kos input ladang (baja, racun, benih, dan dedak makanan ikan), serta kadar potongan timbangan padi kilang yang mencecah 50% hingga 80%. Selain itu, petani fertigasi dan penternak ikan sangkar turut berdepan kerugian akibat lambakan hasil pasaran, manipulasi harga oleh orang tengah, ancaman perosak/penyakit, kekangan syarat pemilikan tanah untuk mendapatkan bantuan kerajaan, serta risiko penutupan tali air KADA bagi tujuan pelebaran jalan.

Masalah saliran air dan gangguan perosak di kawasan pertanian

Petani dan penternak di kawasan ini berdepan cabaran awal apabila bekalan air daripada pam KADA tidak mencukupi untuk mengairi sawah. Keadaan ini menyebabkan pesawah tidak dapat menuai hasil dengan baik selama lima musim berturut-turut. Selain masalah air, mereka juga perlu berdepan dengan gangguan haiwan liar seperti babi dan kera, serangga perosak, serta penyakit pokok dan ikan yang mengurangkan hasil keluaran mereka.

Kenaikan harga modal dan barang keperluan pertanian

Masalah di kebun dan sawah ini ditambah pula dengan kos sara hidup dan operasi yang semakin meningkat bagi komuniti yang sama. Harga barangan asas seperti benih, baja, racun, dan makanan ikan kini semakin mahal. Kenaikan harga barang modal ini

menyebabkan pesawah, pengusaha fertigasi, dan penternak terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar, sekali gus mengurangkan baki keuntungan yang mereka peroleh.

Kesukaran menjual hasil dan masalah potongan harga

Apabila tiba masa untuk menjual hasil, komuniti ini sekali lagi berdepan kesukaran untuk mendapatkan pulangan yang setimpal. Pengusaha sayur fertigasi dan ikan sangkar sering terpaksa menjual pada harga murah kepada orang tengah, lebih-lebih lagi jika hasil terlalu banyak di pasaran. Bagi pesawah pula, bayaran yang diterima berkurang dengan banyak kerana kilang padi di bawah BERNAS membuat potongan berat padi basah dan hampa yang tinggi, iaitu antara 50% hingga 80% bagi setiap tan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Masalah saliran air dan gangguan perosak di kawasan pertanian 2. Kenaikan harga modal dan barang keperluan pertanian 3. Kesukaran menjual hasil dan masalah potongan harga
Cadangan	1. Membaik pulih serta menyelenggara rumah pam KADA secara proaktif bagi menjamin bekalan air sawah. 2. Menguatkuasakan kawalan harga siling input pertanian serta memperluas peranan FAMA dalam menyerap lambakan hasil. 3. Melonggarkan syarat pemilikan tanah bagi bantuan modal/mesin serta menyediakan pelan tapak ganti bagi penternak sangkar di tali air KADA.
Kumpulan Terjejas	Pesawah padi, pengusaha tanaman fertigasi, dan penternak ikan air tawar/sangkar.
Kawasan	Kawasan jelapang/pertanian Kota Bharu Utara/Kubang Kerian, laluan tali air KADA, dan kawasan kebun fertigasi.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 2: Sifar Kebuluran	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita,

	orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan..

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Infrastruktur Jalan Raya dan Keselamatan Awam

Kualiti jalan perhubungan di mukim Kubang Kerian kini berdepan kekangan serius apabila sebahagian besar laluan kampung berada dalam keadaan sempit serta belum diwartakan secara rasmi. Ketiadaan status gazet ini menyukarkan agensi kerajaan menyalurkan peruntukan rasmi bagi kerja-kerja penurapan jalan mahupun pemasangan lampu jalan. Akibatnya, penduduk setempat terpaksa berkorban menggunakan wang poket sendiri demi membaiki kerosakan laluan asas demi kemudahan komuniti.

Kerosakan permukaan jalan akibat kenderaan berat dan kerja utiliti

Kualiti jalan raya di kawasan ini semakin terjejas berikutan kekerapan lori muatan berat keluar dan masuk bagi projek perumahan setempat. Keadaan permukaan jalan menjadi lebih teruk apabila kerja-kerja pengorekan tanah terutamanya di kawasan Kg Chepa oleh syarikat utiliti untuk menanam paip dan kabel tidak dibaiki dengan sempurna. Tampalan jalan yang dibuat secara ala kadar dan tidak mengikut piawaian yang betul ini menyebabkan struktur jalan beralun serta mudah rosak semula, sekali gus mengganggu keselesaan pengguna harian.

Kekurangan ciri keselamatan jalan raya dan lampu penerangan

Keadaan jalan yang rosak ini menjadi semakin bahaya kepada komuniti setempat disebabkan kekurangan kemudahan asas keselamatan jalan raya. Kawasan laluan utama dan simpang yang berisiko kemalangan (titik hitam) masih kekurangan lampu isyarat, bonggol jalan, dan cermin simpang untuk membantu penglihatan pemandu. Masalah pencahayaan juga amat ketara apabila banyak lampu jalan tidak mencukupi dan beberapa tiang lampu solar mengalami kerosakan, menyebabkan laluan menjadi gelap dan meningkatkan risiko kemalangan, terutamanya pada waktu malam.

Keadaan jambatan sempit yang menjejaskan aliran trafik

Masalah keselamatan jalan raya ini bertambah rumit dengan kewujudan struktur jambatan yang terlalu sempit di laluan harian penduduk, seperti di Pulau Semut berhampiran kawasan Kubang Kerian. Jambatan tersebut hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan sahaja pada satu-satu masa. Situasi ini bukan sahaja membahayakan nyawa pengguna yang terpaksa bergilir-gilir melintas, malah sering menyebabkan kesesakan teruk serta melambatkan pergerakan rutin harian penduduk di kawasan berkenaan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kerosakan permukaan jalan akibat kenderaan berat dan kerja utiliti 2. Kekurangan ciri keselamatan jalan raya dan lampu penerangan 3. Keadaan jambatan sempit yang menjejaskan aliran trafik
Cadangan	1. Mempercepatkan proses pewartaan (gazet) jalan-jalan kampung untuk melayakkan peruntukan MARRIS/JKR. 2. Memasang lampu jalan (LED/solar berfungsi) dan peralatan keselamatan (bonggol/cermin simpang) di laluan titik hitam (*blackspot*). 3. Mewajibkan kontraktor utiliti dan perumahan membaiki jalan rosak mengikut piawaian keselamatan yang ketat
Kumpulan Terjejas	Pengguna jalan raya harian, penduduk kampung pedalaman, dan penunggang motosikal.
Kawasan	Jalan Pasir Hor, Kg. Kubang Siput, Kg. Jejulok, Pulau Semut, Kg. Pulau, dan laluan Binjai - Bukit Marak.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Sasaran 3.6**:** Menjelang 2030, mengurangkan separuh daripada jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya global.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Kubang Kerian bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Akademi Bola Sepak Bandar Satelit (*Satellite City Football Academy*)	Kebersihan dan Keceriaan Pasar Tok Kenali Binjai	Projek Pemerkasaan Jati Diri Beliawanis Dun Salor Sebagai Aktivis Komuniti Lestari
SDG Berkaitan	SDG 3, SDG 4, SDG 8	SDG 3, SDG 11, SDG 12	SDG 4, SDG 5, SDG 8, SDG 12
Objektif	1. Melahirkan pemain yang berdisiplin, berkemahiran tinggi, dan berpotensi untuk bersaing di peringkat lebih tinggi. 2. Memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan belia. 3. Menyediakan latihan sukan yang sistematik kepada golongan muda bagi membangunkan bakat dan kemahiran mereka.	1. Menjadikan Pasar Tok Kenali Binjai lebih ceria, terjaga, serta menarik kehadiran pengunjung awam. 2. Menjadikan Pasar Tok Kenali sebagai sumber pendapatan peniaga kecil setempat dan ruang riadah awam. 3. Mewujudkan pusat kitar semula serta rumah sampah yang lebih kemas dan ceria.	1. Memperkasa beliawanis sebagai aktivis masyarakat yang berilmu, berkemahiran, dan berdaya saing. 2. Memperkasa beliawanis menerusi latihan kepimpinan, jati diri, dan pengurusan projek komuniti. 3. Mempromosi warisan dan potensi tempatan sebagai elemen sokongan pelancongan komuniti.
Hasil Jangkaan	1. Peningkatan kemahiran, disiplin, dan tahap kecergasan	1. Pasar Tok Kenali menjadi pasar contoh dari segi kebersihan dan	1. Melahirkan beliawanis yang mampu menjadi

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	dalam kalangan pelajar. 2. Menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti sukan. 3. Melahirkan pemain muda yang mampu bersaing di peringkat lebih tinggi serta membentuk gaya hidup sihat dalam masyarakat.	keceriaan berterusan. 2. Pasar Tok Kenali menjadi hab pelbagai aktiviti komuniti yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.	ejen perubahan komuniti. 2. Melahirkan beliawanis yang memperkukuh kesejahteraan masyarakat. 3. Melahirkan beliawanis yang menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di DUN Salor.
Organisasi	Kelab Jalinan Prihatin Kelantan (Jalinan)	Kelab Prihatin Zafir Kelantan	Pertubuhan Ilmuan Wanita Negeri Kelantan (Ilwan)
Aktiviti	1. Taklimat konsep SDG dan peranan APPGM-SDG. 2. Pendaftaran dan pemilihan pelajar bagi mengenal pasti tahap kemahiran. 3. Latihan asas (kawalan bola, hantaran, dan teknik menendang). 4. Latihan kecergasan fizikal untuk meningkatkan stamina dan kekuatan. 5. Latihan taktikal secara	1. Taklimat konsep SDG dan peranan APPGM-SDG. 2. Lawatan tapak dan sesi penerangan projek. 3. Gotong-royong membersihkan kawasan tingkat atas Pasar Tok Kenali. 4. Program gotong-royong mengutip sampah sekitar pasar dan tebing sungai. 5. Kempen kitar semula (kertas, plastik, dan kaca).	1. Taklimat konsep SDG dan peranan APPGM-SDG. 2. Modul Jati Diri. 3. Bengkel Aktivisme dan Kepimpinan Komuniti. 4. Dokumentasi Warisan dan Potensi Tempatan. 5. Pemetaan Aset Komuniti (Community Mapping). 6. Bengkel Literasi Digital. 7. Bengkel Keusahawanan Sosial.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	berkumpulan bagi membina kefahaman permainan. 6. Sesi perlawanan persahabatan bagi pendedahan situasi sebenar. 7. Program motivasi dan pembinaan disiplin. 8. Klinik bola sepak bersama jurulatih bertauliah (contohnya daripada Football Association of Malaysia / FAM). 9. Penilaian prestasi pemain secara berkala. 10. Bengkel keselamatan dan pencegahan kecederaan. 11. Program penglibatan komuniti (seperti hari sukan). 12. Kejohanan mini sebagai penilaian akhir pencapaian pemain.	6. Program Lestari Alam menerusi penanaman pokok di sekitar kawasan. 7. Ceramah kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar. 8. Gotong-royong membina trek briskwalk sepanjang kawasan pasar. 9. Kempen menjaga kebersihan tandas awam dan surau. 10. Projek menceriakan rumah sampah. 11. Projek pengumpulan minyak masak terpakai dan penyediaan kiosk pengumpulan minyak. 12. Majlis keraian peserta dan penutup.	8. Pendedahan potensi perusahaan serta pengurusan perakaunan dan hasil perniagaan. 9. Bengkel Pengurusan Projek Komuniti. 10. Pelaksanaan Projek Komuniti. 11. *Beliawanis Salor Summit:* Showcase Beliawanis Aktivis Komuniti Lestari. *12.* Penilaian impak projek, penubuhan rangkaian beliawanis lestari, dan majlis penutup.
Jumlah (RM)	RM 40,000.00	RM 40,000.00	RM 40,000.00
Lokasi	Desa Darul Naim 2, Bandar Satelit Pasir Tumboh	Kampung Binjai, Kubang Kerian	Kampung Lubok Jambu, Kedai Mulong
Tempoh	3 bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

Berita Harian. (2022, November 20). *Keputusan Rasmi PRU15: Kelantan*. Dicapai daripada https://www.bharian.com.my

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2023). *MyLocalStats: Parlimen P.024 Kubang Kerian*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). (2022). *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15)*. Putrajaya: Unit Urus Setia SPR.

Universiti Sains Malaysia (USM). (2024). *Impak Sosio-Ekonomi Kampus Kesihatan USM Terhadap Pembangunan Kubang Kerian*. Kelantan: USM Press.

Jabatan Pengairan dan Saliran. (2022). *Profil Lembangan Sungai dan Hidrologi Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Unit Hidrologi JPS.

PLANMalaysia. (2020). *Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2035 (Penggantian)*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. (2023). *Laporan Pentadbiran dan Sempadan Daerah Jajahan Kota Bharu*. Kelantan: Percetakan Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **159 – 169**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **173 – 177**

1.1 Geografi/Topografi 173

1.2 Komposisi Penduduk 174

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 174

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 176

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **178 – 181**

2.1 Pendekatan Kajian 178

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 179

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 180

2.4 Keterbatasan Kajian 180

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **182 – 189**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **190 – 259**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 190

4.2 Pengutamaan Isu 247

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **259**

6.0 RUJUKAN **261**

P.036
Kuala Terengganu

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.036 Kuala Terengganu

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - KUALA TERENGGANU

22 - 24 MEI 2026
(JUMAAT - AHAD)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN KUALA TERENGGANU, YB DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 22 MEI 2026

1. Sesi Temubual secara Mendalam: Penggiat Seni
2. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai
3. Lawatan Tapak 1: Jeti LKIM Chendering


HARI 2 | 23 MEI 2026

4. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Operator Pelancongan
5. Lawatan Tapak 2: Tempat Membuat Sarung Keris
6. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina
7. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Belia

HARI 3 | 24 MEI 2026

8. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Kurang Upaya
9. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Pusat Bandar
10. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Penjaja Kuala Terengganu
11. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

PASUKAN PENYELIDIK



Nur Syadhira Mohd Razali
Ketua Penyelidik



Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin



Dr. Teo Lee Ken



Nur Farah Ezzaty Abd Aziz



Atikah Nor Binti Yahaya

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU KUALA TERENGGANU



20/01/2026 MESYUARAT AWALAN



Pasukan APPGM-SDG telah bertemu dengan YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu bersama bersama-sama Pegawai Khas, En Izzat. Dalam pertemuan ini, agenda yang dibincangkan termasuk gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan pemetaan isu dan pelaksanaan projek, keadaan sosial di parlimen Kuala Terengganu, serta kumpulan sasar yang utama di Kuala Terengganu.

02/03/2026 KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA TERENGGANU (PDTKT)



APPGM-SDG telah mengadakan satu sesi kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu (PDTKT) bersama Encik Che Wan Mohd Zulkifli bin Che Wan Jalil, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) Kuala Terengganu. Kunjungan ini bertujuan mendapatkan kerjasama pihak PDTKT dan penghulu mukim bagi pelaksanaan gerak kerja pemetaan isu di Parlimen Kuala Terengganu. Sesi perbincangan turut memberi fokus kepada penentuan kumpulan sasaran serta isu awalan yang dikenal pasti di Parlimen Kuala Terengganu. Pihak PDTKT yang terdiri daripada Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah serta penghulu mukim telah berkongsi pandangan dan maklumat berkaitan isu setempat serta persediaan gerak kerja pemetaan isu yang akan dilaksanakan.

22/05/2026 SESI TEMUBUAL SECARA MENDALAM: PENGGIAT SENI





Sesi Temubual secara Mendalam bersama Penggiat seni telah diadakan di Rumoh Kayu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Kurangnya sokongan berterusan terhadap seni warisan tradisional seperti Mak Yong dan Wayang Kulit serta penggiat seni hanya diberi perhatian ketika program tertentu sahaja, **(2)** Wujud persepsi negatif terhadap seni tradisional apabila ada pihak melabel sesetengah warisan budaya sebagai syirik sehingga mempengaruhi pandangan masyarakat, **(3)** Tiada platform khusus untuk penggiat seni dan budaya berhubung secara terus dengan pihak kerajaan berkaitan pembangunan seni warisan tempatan, **(4)** Warisan budaya komuniti seperti tradisi berkumpul selepas musim menuai padi, pembinaan pondok buluh dan persembahan Wayang Kulit semakin hilang dan kurang diamalkan oleh generasi muda, **(5)** Kesukaran meneruskan warisan seni batik tradisional apabila penggiat seni berdepan isu penempatan, kekangan ruang berkarya dan ketiadaan pelapis untuk meneruskan kemahiran tersebut selepas pemergian pengusaha lama seperti Pak Ya.

22/05/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI NELAYAN PANTAI





FGD 1 bersama Komuniti Nelayan Pantai telah pun dijalankan bersama 20 orang wakil komuniti nelayan di Pengkalan Nelayan Rajawali, Chendering. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Bot A dan B hanya boleh letak satu penama, **(2)** Bilangan kru yang boleh dibawa di atas bot, **(3)** Kekurangan sumber perikanan disebabkan oleh pukat tunda, **(4)** Pergerakan pasir pantai ke pengkalan nelayan Chendering menyebabkan kekurangan kawasan parking bot, **(5)** Kuantiti petrol subsidi yang tidak mencukupi.

22/05/2026 LAWATAN TAPAK 1: JETI LKIM CHENDERING





Pasukan APPGM-SDG telah dibawa ke Jeti LKIM Chendering oleh Persatuan Nelayan Kawasan. Kami di maklumkan bahawa jeti ini merupakan jeti LKIM terbesar di Terengganu. Namun begitu, oleh kerana faktor-faktor luar seperti bencana alam telah menyebabkan jeti ini tidak boleh digunakan sebaik mungkin. Sebagai contoh, keadaan ombak yang kuat dan air pasang telah menolak pasir daripada pantai dan menyebabkan pasir tersebut berpindah ke kawasan parking bot di jeti nelayan menyebabkan yang dahulunya 100 buah bot A&B boleh parking disana, namun sekarang kurang daripada 50 buah bot sahaja. Menurut persatuan juga, peruntukan sebanyak 192 juta telahpun diluluskan untuk menaiktaraf dan membaiki jeti bagi kerja-kerja pengorekan pasir, wavebreaker dan sebagainya, namun projek tersebut masih belum berjalan.

23/05/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI OPERATOR PELANCONGAN





FGD 2 bersama komuniti operator pelancongan telah pun dijalankan bersama 4 orang wakil Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu dan juga merupakan tour guide di Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Kekurangan parking bagi bas pelancongan menyukarkan operator pelancongan untuk parking di sekitar bandar Kuala Terengganu, **(2)** Tempat menurunkan penumpang di Pasar Payang disekat dengan palang menyebabkan penumpang yang terdiri daripada pelancong terpaksa berjalan jauh dari tempat parking, **(3)** Sekatan bagi persembahan budaya kaum cina (perlukan permit persembahan).

23/05/2026 LAWATAN TAPAK 2: TEMPAT MEMBUAT SARUNG KERIS





Pasukan APPGM-SDG telah dibawa ke tempat membuat sarung keris di sekitar Kuala Terengganu oleh Setiusaha Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu, En Azahar. Pembuat sarung keris menyatakan bahawa penggiat seni warisan ini menghadapi masalah dari segi minat anak muda yang semakin berkurang dan menyebabkan tiada pelapis bagi menyambung tradisi warisan yang ada.

23/05/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI CINA





FGD 3 bersama komuniti cina telah pun dijalankan bersama 9 orang wakil komuniti cina di Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Tanah perkuburan cina diduduki oleh rumah setinggan, **(2)** Pintu gerbang Kg. Cina yang hampir roboh, **(3)** Infrastruktur seperti jalan dan mesin parking tiket yang tidak dibaiki atau diselenggara, **(4)** Paip air yang telah uzur.

23/05/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI BELIA





FGD 4 bersama komuniti belia telah pun dijalankan bersama 6 orang wakil belia di Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Peluang pekerjaan bagi belia di Kuala Terengganu, **(2)** Tiada tempat berkumpul bagi menjalankan aktiviti belia, **(3)** Kurang program bagi membina kepimpinan jika dibandingkan dengan dahulu (sekarang lebih kepada sukan sahaja), **(4)** Belia mencadangkan untuk mengembalikan PLKN bagi membina jati diri dan sifat kewarganegaraan dalam diri belia.

24/05/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA



FGD 5 bersama orang kurang upaya telah pun dijalankan bersama 21 wakil orang kurang upaya yang terdiri daripada orang cacat penglihatan, orang cacat anggota dan orang pekak bisu di Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Peluang kerja yang terhad kerana sukar untuk berkomunikasi dengan baik, **(2)** Sukar untuk berkomunikasi dengan agensi setempat seperti jururawat, pegawai polis dan sebagainya, **(3)** Siren kecemasan di mall tidak mesra OKU kerana hanya mengeluatkan bunyi dan tiada lampu kecemasan bagi komuniti pekak, **(4)** Infrastruktur di Pasar Payang tidak diselenggara seperti laluan pejalan kaki bagi orang cacat penglihatan.

24/05/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PUSAT BANDAR



FGD 6 bersama komuniti pusat bandar telah pun dijalankan bersama 12 wakil JPKK komuniti bandar Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Isu perparitan yang menyebabkan banjir kilat, **(2)** Vandalisme di PPR disebabkan oleh kanak-kanak terbiar (keluarga tidak cakna), **(3)** Fasiliti seperti air dan tempat membuabg sampah tidak cukup terutamanya musim perayaan, **(4)** Pendatang Rohinya dan Bangladesh minum arak di kawasan kampung dan meninggalkan botol merata-rata, **(5)** Usia paip air yang sudah uzur (70-80 tahun usia paip).

24/05/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PENJAJA KUALA TERENGGANU





FGD 7 bersama komuniti penjaja Kuala Terengganu telah pun dijalankan bersama 7 orang wakil penjaja Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Parking di Pasar Payang yang tidak mencukupi terutamanya musim cuti, **(2)** Jalan masuk ke Pasar Payang yang terhad (hanya ada satu jalan masuk dan dua jalan keluar), **(3)** Kos barang meningkat menyebabkan kuasa membeli berkurang, **(4)** Perbezaan hasil jualan yang ketara antara penjual (penjual yang menjual di sekitar tangga mendapat hasil yang tinggi berbanding penjual yang menjual di bahagian belakang dan berhadapan kawasan parking).

24/05/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI IBU TUNGGAL





FGD 8 bersama komuniti ibu tunggal telah pun dijalankan bersama 12 orang wakil ibu tunggal Kuala Terengganu. Antara isu yang dibangkitkan adalah: **(1)** Kerap berlakunya kecurian di sekitar Flat Gelong Bilal, **(2)** Kurang rondaan polis dilakukan disekitar flat, **(3)** Tidak mendapat bantuan JKM dengan alasan telah memperoleh SOCSO, **(4)** Jumlah bantuan JKM sebanyak RM 200 sebulan tidak mencukupi, **(5)** Kewajiban untuk menggunakan app mysejahtera membebankan penduduk.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.036 Kuala Terengganu

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Kuala Terengganu (P.036) ...174
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Terengganu 179
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....182
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam.....190
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 1.....192
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 2.....201
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 3.....205
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 4.....213
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 5.....220
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6.....230
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7.....237
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8.....241
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 248
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 253
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 257

Senarai Singkatan

AGM	*Annual General Meeting*
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
CCTV	*Closed-Circuit Television*
DUN	Dewan Undangan Negeri
GPS	*Global Positioning System*
HQ	*Headquarters*
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KTCC	*Kuala Terengganu City Centre*
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LSK	Lesen Sampan Khas
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PLB	*Personal Locator Beacon*
SDG	*Sustainable Development Goals*
SME Corp	*Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia*
SOCSO	*Social Security Organisation*
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UPDI	Urus Setia Penerangan Darul Iman

1.0 PENGENALAN

Parlimen Kuala Terengganu terletak di negeri Terengganu yang merangkumi empat (4) DUN, iaitu DUN Wakaf Mempelam, DUN Bandar, DUN Ladang dan DUN Batu Buruk. Keluasan kawasan parlimen ini adalah 57 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 129,031 orang. Parlimen Kuala Terengganu mempunyai kepadatan penduduk 2,264 orang per satu kilometer persegi.[9]



YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim

Pada tahun 2022, YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim daripada parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Kuala Terengganu. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Kuala Terengganu ini dijalankan dengan usahasama daripada YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Kuala Terengganu terletak di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. Ia merupakan pusat pentadbiran, ekonomi dan pelancongan utama negeri Terengganu. Parlimen yang bersempadan dengan Parlimen Kuala Terengganu adalah Parlimen Kuala Nerus di bahagian utara dan Parlimen Marang di bahagian selatan. Kawasan ini mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan terdiri daripada pelbagai kaum dengan majoriti penduduk etnik Melayu. Secara umumnya, Parlimen Kuala Terengganu merupakan kawasan bandar dan pesisir pantai yang berkembang pesat dengan pelbagai aktiviti perdagangan, perkhidmatan dan pelancongan. Kuala Terengganu juga memiliki sumber semula jadi penting, iaitu Sungai Terengganu, yang memainkan peranan menyokong sistem saliran, sumber dan ekosistem marin dan aktiviti ekonomi setempat. Kedudukan geografinya yang menghadap Laut China Selatan turut menyokong sektor perikanan, pelancongan dan rekreasi pantai. Sebagai ibu negeri Terengganu, Kuala Terengganu menjadi pusat tumpuan pelbagai kemudahan awam utama, institusi pendidikan dan aktiviti perniagaan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi kawasan tersebut.

[9] Department of Statistics Malaysia, "P.036 Kuala Terengganu Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Terengganu/parlimen/P.036%20Kuala%20Terengganu

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Kuala Terengganu (P.036) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Kuala Terengganu (P.036)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	122,064	94.6
2.	Cina	6,193	4.8
3.	India	516	0.4
4.	Lain-lain	258	0.2
	Jumlah Keseluruhan	**129,031**	**100**

Parlimen Kuala Terengganu mempunyai jumlah penduduk seramai 129,031 orang. Komuniti etnik Bumiputera merupakan kumpulan majoriti dengan jumlah 122,064 orang, iaitu 94.6 peratus daripada keseluruhan penduduk. Komposisi ini menunjukkan bahawa komuniti Bumiputera mempunyai kedudukan yang dominan dalam membentuk kehidupan sosial, budaya dan ekonomi setempat. Sementara itu, etnik Cina merupakan kumpulan kedua terbesar dengan 6,193 orang atau 4.8 peratus, yang sebahagian besarnya terlibat dalam sektor perdagangan dan perniagaan. Etnik India pula mencatatkan seramai 516 orang atau 0.4 peratus, manakala kumpulan etnik lain berjumlah 258 orang, bersamaan 0.2 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Secara umum, komposisi demografi Parlimen Kuala Terengganu menunjukkan kehadiran majoriti Bumiputera yang ketara, di samping kewujudan komuniti Cina sebagai kumpulan etnik kedua terbesar. Walaupun jumlahnya lebih kecil berbanding komuniti Bumiputera, masyarakat Cina masih mempunyai kehadiran yang tersendiri melalui beberapa perkampungan dan kawasan penempatan yang terus aktif di sekitar Parlimen Kuala Terengganu. Kepelbagaian komposisi penduduk ini bukan sahaja mencerminkan variasi latar belakang masyarakat, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan identiti sosial, budaya dan warisan yang tersendiri di kawasan Parlimen Kuala Terengganu.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Kuala Terengganu merupakan pusat pentadbiran, perdagangan dan perkhidmatan utama di negeri Terengganu. Kedudukannya yang strategik di pesisir pantai Laut China Selatan serta peranannya sebagai ibu negeri telah menjadikan kawasan ini sebagai tumpuan pelbagai aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi setempat. Berdasarkan pemerhatian dan data semasa, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

Perdagangan dan Perniagaan

Sektor perdagangan dan perniagaan merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Parlimen Kuala Terengganu. Kawasan bandar seperti pusat perniagaan, pasar tradisional, pasar raya, kompleks membeli-belah dan premis peruncitan menjadi pusat aktiviti ekonomi harian penduduk. Kehadiran usahawan tempatan serta perniagaan kecil dan sederhana (PKS) turut merancakkan aktiviti perdagangan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Pelancongan dan Perikanan

Kuala Terengganu terkenal sebagai destinasi pelancongan yang menawarkan keunikan warisan budaya, seni bina tradisional, makanan tempatan serta tarikan pantai. Kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa menyokong pertumbuhan sektor penginapan, restoran, pengangkutan pelancong, kraftangan dan pelbagai perkhidmatan berkaitan. Industri pelancongan terus menjadi pemangkin penting kepada ekonomi tempatan.

Perikanan dan Industri Berasaskan Marin

Sebagai kawasan pesisir pantai, aktiviti perikanan memainkan peranan penting dalam ekonomi Kuala Terengganu. Industri ini melibatkan penangkapan ikan laut, pendaratan hasil laut, pemprosesan makanan laut serta pemasaran produk perikanan. Sektor ini bukan sahaja menyediakan sumber pendapatan kepada komuniti nelayan, malah menyumbang kepada bekalan makanan dan aktiviti perdagangan negeri.

Perkhidmatan dan Pentadbiran Awam

Sebagai ibu negeri Terengganu, Kuala Terengganu menempatkan pelbagai jabatan kerajaan, institusi pendidikan, kemudahan kesihatan dan agensi awam. Sektor perkhidmatan dan pentadbiran awam menyediakan peluang pekerjaan yang besar kepada penduduk serta menyokong pertumbuhan ekonomi melalui penyediaan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta Khazanah Seni Warisan

Kuala Terengganu turut terkenal dengan pengeluaran produk kraftangan tradisional seperti batik, songket, ukiran kayu dan produk berasaskan budaya tempatan. Industri kecil dan sederhana memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan komuniti setempat, memelihara warisan budaya serta menyumbang kepada sektor pelancongan dan perdagangan.

Secara keseluruhannya, sektor perdagangan, perkhidmatan, pelancongan, perikanan serta industri kecil dan sederhana merupakan bidang-bidang utama dalam struktur ekonomi Parlimen Kuala Terengganu. Kepelbagaian aktiviti ekonomi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan peluang

pekerjaan dan mengukuhkan kedudukan Kuala Terengganu sebagai pusat pembangunan utama di negeri Terengganu.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Kuala Terengganu merupakan pusat pentadbiran, perdagangan, pelancongan dan perkhidmatan utama di negeri Terengganu. Kedudukannya yang strategik di pesisir pantai Laut China Selatan serta peranannya sebagai ibu negeri menjadikan kawasan ini sebagai pemacu utama pembangunan ekonomi negeri. Aktiviti ekonomi tempatan banyak tertumpu kepada sektor perdagangan, pelancongan, perkhidmatan, perikanan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Aktiviti-aktiviti ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian ***Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi,*** khususnya:

> **Sasaran 8.2**: Meningkatkan produktiviti ekonomi melalui kepelbagaian sektor, pengiktirafan potensi tempatan, dan inovasi teknologi dalam pertanian dan perusahaan kecil.
>
> **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar pembangunan yang menyokong pekerjaan yang baik, kreativiti, keusahawanan, dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana, termasuk akses kepada perkhidmatan kewangan.

Selain itu, Kuala Terengganu kaya dengan warisan budaya dan sejarah yang menjadi identiti utama negeri Terengganu. Keunikan seni bina tradisional, penghasilan batik dan songket, seni ukiran kayu, makanan tradisional serta pelbagai produk warisan menjadikan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan budaya yang penting. Pemeliharaan dan pemerkasaan warisan budaya ini menyumbang kepada ***Matlamat SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan***, iaitu:

> **Sasaran 11.4**: Memperkasakan usaha untuk melindungi warisan budaya dan semula jadi.
>
> **Sasaran 11.7**: Menyediakan akses kepada ruang awam yang selamat, inklusif, dan mesra komuniti, terutamanya untuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Daripada perspektif alam sekitar, kedudukan Kuala Terengganu di kawasan pesisir pantai menjadikannya terdedah kepada cabaran seperti hakisan pantai, banjir monsun, pencemaran marin dan impak perubahan iklim. Oleh itu, pengurusan sumber marin dan kawasan pesisir secara mampan penting untuk menjamin kesejahteraan komuniti serta kelestarian ekosistem. Perkara ini berkait rapat dengan ***Matlamat SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim*** dan ***Matlamat SDG 14: Hidupan di Bawah Air.***

> **Sasaran 13.1**: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
>
> **Sasaran 14.2**: Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara lestari untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh daya tahan ekosistem, dan bertindak ke arah pemulihannya demi lautan yang sihat dan produktif.

Daripada aspek infrastruktur, Kuala Terengganu memerlukan sistem pengangkutan bandar, kemudahan awam dan jaringan utiliti yang cekap bagi menyokong pertumbuhan ekonomi serta peningkatan jumlah penduduk dan pelancong. Penambahbaikan jalan raya, pengangkutan awam, kemudahan pejalan kaki dan sistem saliran bandar adalah penting bagi memastikan pembangunan yang mampan. Perkara ini berkait dengan ***Matlamat SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur***.

> **Sasaran 9.1**: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

Secara keseluruhannya, penelitian hubungan antara konteks tempatan Parlimen Kuala Terengganu dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menunjukkan beberapa fokus dan peringatan penting. Umpamanya, bahawa pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial, pemeliharaan warisan budaya, perlindungan alam sekitar serta pembangunan infrastruktur adalah saling berkait. Kesemua unsur ini diperlukan untuk melaksanakan pembangunan yang seimbang. Ini untuk menjamin pembangunan bandar yang mampan dan berdaya tahan pada masa hadapan bagi masyarakat di Kuala Terengganu.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Sebagai langkah awal kajian, penyelidik telah menjalankan kajian awalan bagi memahami latar belakang Parlimen Kuala Terengganu serta mengenal pasti isu-isu utama yang wujud di kawasan tersebut. Kajian ini dilaksanakan melalui rujukan kepada pelbagai sumber data sekunder, termasuk Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu (Pengubahan 1) 2035, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, carian internet, keratan akhbar berkaitan serta aplikasi *Google Earth*. Penggunaan *Google Earth* membantu penyelidik meneliti kedudukan dan sempadan kawasan parlimen, guna tanah, taburan penempatan, ciri-ciri fizikal, keunikan kawasan serta mengenal pasti isu-isu semasa yang berpotensi mempengaruhi pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat.

Mesyuarat awalan bersama YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim telah diadakan pada 19 Januari 2026 di Parlimen Malaysia. Mesyuarat tersebut bertujuan memberikan penerangan berhubung gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG, di samping membincangkan profil Parlimen Kuala Terengganu. Melalui perbincangan tersebut, pihak YB telah menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam pelaksanaan kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Terengganu. Susulan daripada mesyuarat tersebut, Ketua Penyelidik telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu pada 2 Mac 2026 bagi memberi penjelasan lanjut mengenai gerak kerja serta metodologi kajian APPGM-SDG.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai isu-isu di lapangan, kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Terengganu telah dilaksanakan seperti yang dirancang bersama oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu serta APPGM-SDG pada 22 hingga 24 Mei 2026. Sepanjang tempoh kajian lapangan tersebut, pasukan penyelidik telah menjalankan 1 sesi temu bual mendalam, 8 sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama komuniti dan 2 lawatan tapak di beberapa lokasi terpilih dalam Parlimen Kuala Terengganu. Senarai pasukan kajian yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Nur Syadhira Razali : Ketua Penyelidik
2. Dr Siti Nur Ain Zakinuddin : Ketua Zon Pantai Timur
3. Dr Teo Lee Ken :Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen
4. Nur Farah Ezzaty Abd Aziz : Pengarah Jabatan Pengurusan Projek

Proses gerak kerja ini berlangsung selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Kuala Terengganu. Tentatif ringkas lawatan tapak adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Terengganu

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
22 Mei 2026 (Jumaat)	• **Sesi Temubual secara Mendalam 1**: Penggiat Seni • **Sesi Dialog 1**: Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai • **Lawatan Tapak 1**: Jeti Nelayan Chendering
23 Mei 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Wakil Operator Pelancongan • **Lawatan Tapak 2**: Bengkel Membuat Sarung Keris • **Sesi Dialog 3**: Dialog Bersama Komuniti Cina • **Sesi Dialog 4**: Dialog Bersama Komuniti Belia
24 Mei 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 5**: Dialog Bersama Komuniti Komuniti Orang Kurang Upaya • **Sesi Dialog 6**: Dialog Bersama Komuniti Pusat Bandar • **Sesi Dialog 7**: Dialog Bersama Komuniti Peniaga • **Sesi Dialog 8**: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Sebelum sesi FGD dijalankan, Ketua Penyelidik terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada setiap peserta untuk tujuan rakaman suara, rakaman video dan pengambilan gambar. Sekiranya terdapat peserta FGD yang tidak memberikan persetujuan terhadap mana-mana bentuk dokumentasi tersebut, segala maklumat yang disampaikan oleh peserta berkenaan tidak akan direkodkan, manakala rakaman video atau gambar juga tidak akan diambil. Selain itu, maklumat yang tidak mendapat persetujuan peserta tidak akan dimasukkan dalam laporan kajian atau dikongsikan melalui mana-mana platform. Walau bagaimanapun, sepanjang pelaksanaan kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Terengganu, semua peserta telah memberikan kerjasama yang baik dan tiada sebarang halangan berkaitan proses mendapatkan persetujuan.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Kuala Terengganu. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

Kekangan mendapatkan peserta bagi sesi FGD

Penyelidik telah menghubungi pegawai penyelaras (PIC) yang dicadangkan bagi membantu urusan menjemput peserta. Namun begitu, selepas itu penyelidik diminta untuk berhubung dengan individu lain bagi menguruskan perkara yang sama. Keadaan ini menyebabkan proses penyelarasan menjadi kurang lancar dan mengambil masa yang lebih lama. Selain itu, maklumat mengenai tarikh dan masa program tidak dimaklumkan lebih awal kepada peserta. Kebanyakan peserta mempunyai komitmen kerja pada waktu yang dicadangkan, menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri sesi yang telah dirancang. Akibatnya, jumlah kehadiran peserta adalah lebih rendah daripada yang disasarkan.

Cabaran komunikasi dengan peserta pekak dan bisu

Pemilihan peserta daripada komuniti pekak dan bisu dibuat pada peringkat akhir perancangan kajian. Oleh itu, persediaan yang mencukupi untuk menjalankan sesi secara inklusif tidak dapat dilakukan lebih awal. Penyelidik perlu mendapatkan khidmat jurubahasa isyarat dalam tempoh yang singkat dan akhirnya menjalankan sesi dengan bantuan jurubahasa secara dalam talian. Selain itu, sesi hanya menggunakan komputer riba tanpa kemudahan LCD atau projektor, yang menyukarkan proses komunikasi dan perkongsian maklumat secara visual. Kekangan ini telah mengehadkan kelancaran interaksi antara penyelidik dan peserta sepanjang sesi berlangsung.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian ini adalah berkaitan dengan penyertaan daripada beberapa komuniti sasaran yang kurang memberangsangkan. Terdapat beberapa sesi FGD yang hanya melibatkan kehadiran seramai 4 orang peserta, menyebabkan hasil dapatan yang diperoleh kurang menyeluruh dan tidak dapat menggambarkan keseluruhan isu yang dihadapi oleh komuniti. Selain itu, terdapat juga keadaan di mana perbincangan yang pada awalnya dijalankan dalam satu kumpulan menjadi kurang tersusun apabila peserta mula berbincang dalam kumpulan kecil secara berasingan, seolah-olah membentuk dua atau tiga kumpulan perbincangan.

Selain itu, kualiti rakaman audio yang diperoleh turut menjadi salah satu cabaran dalam kajian ini. Hal ini disebabkan oleh lokasi pelaksanaan FGD yang berada di kawasan terbuka seperti di jeti dan Pasar Payang, berbanding lokasi tertutup yang lebih sesuai untuk rakaman. Keadaan ini menyebabkan terdapat beberapa pernyataan peserta yang

kurang jelas semasa proses transkripsi dijalankan. Oleh itu, sebahagian maklumat atau isu yang dibangkitkan tidak dapat disokong sepenuhnya melalui transkrip yang lengkap. Bagi mengatasi kekangan tersebut, penyelidik telah membuat rujukan silang dengan menggunakan catatan lapangan yang disediakan oleh Ketua Penyelidik dan pembantu penyelidik sepanjang sesi perbincangan bersama peserta FGD. Catatan ini membantu melengkapkan maklumat yang kurang jelas dalam rakaman audio serta memastikan dapatan kajian dapat dihuraikan dengan lebih tepat.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Pemeliharaan kelestarian sektor perikanan dan kesejahteraan nelayan	Sektor perikanan merupakan antara sumber ekonomi utama di Parlimen Kuala Terengganu, khususnya di kawasan Chendering. Walau bagaimanapun, komuniti nelayan berhadapan pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada kelangsungan mata pencarian mereka. Antaranya ialah kuota petrol subsidi yang tidak lagi mencukupi, kemerosotan hasil tangkapan akibat penggunaan pukat tunda, serta peraturan berkaitan bot A dan B yang disifatkan membebankan operasi nelayan. Pada masa yang	Ekonomi & Tadbir Urus	Nelayan	Chendering	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.5** Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air** **Sasaran 14.4** Menjelang 2020, mengawal selia aktiviti penangkapan dengan berkesan dan menghentikan tangkapan ikan secara berlebihan, perikanan haram, tidak

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sama, pemendapan pasir di Pelabuhan Chendering telah mengurangkan kapasiti pelabuhan sehingga menyukarkan aktiviti keluar masuk bot. Nelayan turut membangkitkan isu keberkesanan alat kecemasan Personal Locator Beacon (PLB), kelewatan proses penggantungan lesen dan pertindihan bidang kuasa antara agensi penguat kuasa yang menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Keadaan ini meningkatkan kos operasi, mengurangkan pendapatan serta menjejaskan kesejahteraan komuniti nelayan.				dilaporkan dan tidak dikawal selia serta amalan perikanan yang bersifat merosak, dan melaksanakan rancangan pengurusan berasaskan sains untuk memulihkan bekalan ikan dalam masa yang singkat dan munasabah, sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan pengeluaran hasil maksimum yang lestari seperti yang ditentukan menurut ciri biologi ikan. **SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.6** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Keterangkuman komuniti OKU dalam pembangunan dan penyampaian perkhidmatan	Komuniti OKU, khususnya komuniti pekak, masih berdepan pelbagai halangan untuk menikmati akses yang sama rata terhadap kemudahan awam, peluang pekerjaan dan perkhidmatan kerajaan. Antara isu yang dikenal pasti ialah tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah, kekurangan kemudahan mesra OKU yang memenuhi standard, peluang pekerjaan yang terhad serta kelemahan penggunaan bahasa isyarat dalam urusan rasmi. Selain itu, akses kepada maklumat kerajaan masih kurang inklusif kerana kebanyakan hebahan	Sosial & Tadbir Urus	Komuniti OKU	Sekitar Kuala Terengganu	**SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.5** Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		disampaikan secara lisan tanpa sokongan jurubahasa bahasa isyarat. Peserta turut mencadangkan penubuhan pusat latihan dan pengeluaran peralatan OKU bagi meningkatkan kemahiran, mengurangkan kos peralatan bantuan serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan tersebut.				**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.7** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.
3.	Tekanan ekonomi terhadap peniaga kecil dan usahawan tempatan	Peniaga kecil di Parlimen Kuala Terengganu berhadapan cabaran ekonomi yang semakin ketara akibat perubahan landskap perniagaan dan peningkatan kos sara hidup. Penurunan kuasa beli pengguna, persaingan daripada pasar raya, platform e-dagang serta peniaga tanpa lesen telah memberi kesan kepada	Ekonomi	Peniaga kecil, penjaja, belia	Pasar Payang, KTCC, sekitar Kuala Terengganu	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pendapatan peniaga tempatan, khususnya di Pasar Payang. Selain itu, kedudukan gerai yang tidak strategik, kadar sewaan yang tidak mengambil kira lokasi gerai serta kesesakan di laluan masuk Pasar Payang turut menjejaskan aktiviti perniagaan. Golongan belia juga berdepan kesukaran mendapatkan geran dan sokongan bagi mengembangkan perniagaan, seterusnya menjejaskan usaha melahirkan lebih ramai usahawan tempatan.				termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan erbandaran yang menyeluruhan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Kekurangan dan kelemahan kemudahan awam serta infrastruktur bandar	Kemudahan awam dan infrastruktur di beberapa kawasan Parlimen Kuala Terengganu masih memerlukan penambahbaikan bagi memenuhi keperluan penduduk. Antara isu yang dibangkitkan ialah bekalan air yang tidak stabil dan tekanan air rendah, sistem saliran yang kurang berkesan sehingga menyebabkan banjir kilat, kekurangan tong sampah serta ketidakcekapan perkhidmatan bas awam. Selain itu, kekurangan parkir di kawasan tumpuan seperti Pasar Payang, masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Pasir Panjang serta	Sosial	Penduduk	Kuala Terengganu, Pasar Payang, Jalan Pasir Panjang, Paya Keladi, Cerong Lanjut, Pulau Kambing	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kekurangan kemudahan riadah di kawasan PPR turut menjejaskan keselesaan dan kesejahteraan penduduk. Keadaan ini memberi kesan kepada kualiti hidup masyarakat serta pembangunan bandar yang lebih mampan.				**Sasaran 11.2** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanakkanak, orang kurang upaya dan warga emas.
5.	Kelemahan tadbir urus dan penyelarasan penyampaian perkhidmatan	Keberkesanan tadbir urus menjadi antara isu yang sering dibangkitkan oleh komuniti di Parlimen Kuala Terengganu. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah kurangnya libat urus antara agensi kerajaan dengan komuniti, pertindihan bidang kuasa antara agensi penguat	Tadbir Urus	Nelayan, OKU, ibu tunggal	Chendering, Sri Tunjong, sekitar Kuala Terengganu	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.6** Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat. **Sasaran 16.7** Memastikan pembuatan keputusan yang responsif, menyeluruh,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kuasa, kelewatan proses pentadbiran serta ketelusan agihan bantuan yang dipersoalkan oleh peserta. Di samping itu, kelemahan penyampaian maklumat kepada komuniti pekak dan isu pembangunan yang kurang terancang di beberapa kawasan turut menunjukkan keperluan kepada penyelarasan yang lebih berkesan. Penambahbaikan daripada aspek tadbir urus amat penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam lebih cekap, telus dan responsif terhadap keperluan masyarakat.				berpenyertaan dan berwakilan pada semua peringkat.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
Temubual secara Mendalam 1: Temubual bersama Penggiat Seni **Tarikh:** 22 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 1 orang			• Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu • Jabatan Pendidikan Negeri
1.	Ketiadaan libat urus antara penggiat seni dan pihak kerajaan	Peserta menyatakan bahawa tiada libat urus yang mencukupi antara penggiat seni dan pihak kerajaan berkaitan isu kesenian dan kebudayaan setempat. Penggiat seni tidak diberikan ruang untuk duduk berbincang dan menyuarakan pandangan mengenai usaha mempertahankan serta memelihara seni budaya tempatan. Keadaan ini menyebabkan beberapa bentuk kesenian dan budaya terus disekat tanpa perbincangan yang menyeluruh apabila dilabel sebagai syirik. Ketiadaan platform dialog antara pihak berkepentingan menyukarkan usaha untuk mencapai persefahaman berhubung	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pemeliharaan seni dan budaya warisan setempat.	
2.	Kurangnya minat generasi muda terhadap seni warisan tradisional	Peserta menyatakan bahawa minat generasi muda terhadap seni warisan tradisional semakin berkurangan. Sebagai contoh Pak Ya, seorang seniman batik, telah menimba ilmu pembuatan batik di Indonesia selama lima tahun dalam usaha mengusahakan seni tersebut. Namun, anak beliau tidak berminat untuk meneruskan kemahiran yang dimiliki. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap kelangsungan seni warisan. Apabila penggiat seni tersebut meninggal dunia, tiada pewaris yang akan meneruskan pengetahuan dan kemahiran yang telah dikumpul dan dipupuk selama bertahun-tahun.	**Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu** menyatakan bahawa isu berkaitan pembangunan dan latihan dalam bidang kraftangan lebih sesuai dirujuk kepada Kraftangan Terengganu kerana agensi tersebut bertanggungjawab menyediakan latihan dan pembangunan kraftangan. Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu lebih berperanan dalam aspek promosi dan boleh menyediakan platform melalui program yang dianjurkan untuk pihak Kraftangan. **Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu** menyatakan bahawa Terengganu, Kelantan, Pahang dan kawasan selatan Thailand mempunyai kekayaan warisan Nusantara, termasuk industri batik. Penyelesaian isu perlu diberi perhatian dan tidak hanya tertumpu kepada pengumpulan data melalui sesi dialog. Agensi berkaitan perlu hadir bersama bagi mengenal pasti penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Industri batik perlu diperkasakan semula melalui usaha promosi dan mengembalikan minat masyarakat terhadap industri tersebut. Perhatian dan sokongan yang lebih kepada pembangunan industri warisan di Zon Timur turut diperlukan.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog bersama Nelayan Pantai **Tarikh**: 22 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 20 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 3 kumpulan			• Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) • Jabatan Perikanan • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
1.	Kurangnya libat urus antara nelayan dan agensi kerajaan	Peserta menyatakan bahawa libat urus antara nelayan dan agensi kerajaan semakin berkurangan. Menurut peserta, sesi dialog dan soal jawab yang pernah diadakan bersama nelayan pada tahun 2024 tidak lagi dilaksanakan secara konsisten. Peserta turut menyatakan bahawa walaupun isu dan usul nelayan dibawa melalui AGM di peringkat persatuan kawasan dan negeri, status serta maklum balas terhadap usul tersebut sering tidak diketahui. Pada tahun 2024, tiada maklum balas diterima bagi usul yang dihantar, manakala pada tahun 2025 hanya dua maklum balas diterima, masing-masing daripada LKIM dan Jabatan Perikanan.	**APMM** memaklumkan bahawa sesi libat urus bersama komuniti telah dilaksanakan sebanyak empat kali pada tahun 2025 dan dua kali pada tahun 2026 oleh IPMN Terengganu dan IPMZ Kemaman. Sesi tersebut melibatkan komuniti maritim, nelayan, penduduk kampung dan komuniti bot pelancong melalui Program Sahabat Maritim (PSM), Sembang Teh Tarik dan Hari Kesedaran Keselamatan Maritim (HKKM). **Jabatan Perikanan Malaysia** memaklumkan bahawa isu yang dibangkitkan oleh nelayan telah diambil maklum dan beberapa Sesi Libat Urus (SLU) telah dilaksanakan bersama pihak berkepentingan. Antaranya ialah SLU pindaan Akta Perikanan 1985 (Akta A1780) pada 14 Mei 2026 di Akademi Perikanan Malaysia,

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Chendering serta SLU bersama komuniti nelayan Besut pada 23 Julai 2026 berkaitan pelaksanaan Projek Kajian Seismik 3D Blok PM448 oleh Petronas yang melibatkan kawasan penangkapan ikan.
2.	Keperluan memperbaharui garis panduan untuk nelayan ke laut	Peserta menyatakan bahawa peraturan berkaitan status bot berlesen Zon A & B yang tidak membenarkan adanya penama kedua telah memberi kesan kepada nelayan. Sebagai contoh, peserta tidak memiliki bot sendiri dan hanya menggunakan bot milik pak saudara. Namun, dasar kerajaan menetapkan bahawa pemilik bot perlu berada di atas bot ketika aktiviti penangkapan ikan dijalankan. Keadaan ini menimbulkan kesukaran kerana pak saudara yang merupakan pemilik bot sudah berusia dan tidak lagi mampu turun ke laut akibat masalah kesihatan. Peserta turut mempersoalkan perbezaan peraturan antara kategori bot, apabila bot berlesen Zon C dibenarkan beroperasi walaupun pemilik tidak berada di atas bot, sedangkan bot berlesen Zon A dan B tidak mempunyai kelonggaran yang sama.	**Jabatan Perikanan** memaklumkan bahawa syarat pelesenan di bawah Seksyen 11, Akta Perikanan 1985 bertujuan melindungi nelayan tulen dan mengelakkan penyalahgunaan lesen. Pemilikan bersama bagi vesel Zon A dan B tidak dibenarkan, namun pertukaran hak milik kepada waris boleh dipohon bagi meneruskan operasi keluarga. Pemilik vesel Zon A dan B diwajibkan berada di atas bot bagi memastikan subsidi seperti Subsidi Minyak Diesel dan Elaun Sara Hidup Nelayan diterima oleh nelayan yang aktif. Bagi pemilik yang uzur atau lanjut usia, permohonan khas berserta dokumen sokongan boleh dikemukakan untuk pertimbangan Jabatan. Perbezaan syarat antara Zon A/B dan Zon C adalah berdasarkan skala operasi, iaitu Zon A/B melibatkan nelayan berskala kecil manakala Zon C melibatkan operasi komersial laut dalam. Nelayan yang mempunyai kes

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			khas boleh mendapatkan rundingan di Pejabat Perikanan Daerah.
3.	Kemerosotan hasil tangkapan	Peserta menyatakan bahawa hasil tangkapan ikan semakin berkurang. Keadaan ini disebabkan oleh aktiviti penggunaan pukat tunda. Penggunaan pukat tunda dilihat telah menghapuskan kawasan pembiakan ikan. Perkara ini menjejaskan sumber ikan di perairan. Peserta turut memberi contoh bahawa pada tahun 1980 hingga 1990, apabila unjang dipasang, ikan aji-aji mudah diperoleh. Namun, bermula hujung tahun 1990-an hingga kini, ikan tersebut semakin hilang dan tidak lagi dijumpai, dengan peningkatan penggunaan pukat tunda pada tempoh tersebut. Selain itu, peserta menjelaskan bahawa walaupun pukat tunda menggunakan mata pukat yang besar, ia menjadi lebih kecil ketika proses penundaan, menyebabkan anak ikan turut terperangkap.	**Jabatan Perikanan** memaklumkan bahawa langkah berterusan dilaksanakan bagi memastikan kelestarian sumber perikanan. Zon A, iaitu kurang 5 batu nautika dari pantai, dikhususkan kepada nelayan tradisional dan pukat tunda komersial dilarang beroperasi di zon tersebut. Penguatkuasaan dilaksanakan melalui Pemantauan, Pengawalan dan Pengawasan (MCS), termasuk kawalan saiz mata pukat minimum 38 mm pada bahagian pundi. Bagi menangani pengurangan spesies sasaran seperti ikan aji-aji, Jabatan Perikanan melaksanakan program penempatan tukun tiruan di perairan pesisir Terengganu bagi memulihkan habitat dan kawasan pembiakan serta menjadi penghalang fizikal kepada pencerobohan pukat tunda.
4.	Hakisan pantai dan kedalaman air di pelabuhan semakin cetek	Peserta memaklumkan bahawa Pelabuhan Chendering telah menjadi semakin cetek akibat hakisan pantai, dengan sekitar 650 kaki kawasan pantai terjejas. Keadaan ini berlaku disebabkan pergerakan arus ombak yang membawa pasir dari pantai ke kawasan pelabuhan.	**LKIM** memaklumkan bahawa LKIM berperanan sebagai penyedia peruntukan bagi pembangunan Pelabuhan LKIM Chendering (PLC), manakala kerja-kerja pemecah ombak (*breakwater*) akan dilaksanakan oleh JPS dan kerja-kerja atas

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kesan daripada keadaan ini, ruang pelabuhan bot semakin berkurangan. Kawasan parkir bot A dan B turut terjejas sehingga bot terpaksa diparkir di lokasi yang lebih jauh. Dahulunya, pelabuhan tersebut mampu menampung sekitar 100 buah bot. Kini kapasiti menurun kepada kurang daripada 50 buah bot. Peserta turut menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM192 juta bagi kerja-kerja penambahbaikan darat dan laut telah diluluskan. Namun sehingga kini projek tersebut masih dalam proses untuk bermula.	tanah oleh JKR. Bagi JKR, pembangunan tersebut melibatkan dua pakej tender. Pakej pertama telah dimulakan dengan taklimat dan lawatan tapak telah dilaksanakan, manakala pakej kedua masih dalam proses penyediaan perolehan dan penetapan skop. Bagi JPS pula, kajian alam sekitar dan hidrolik (EIA) sedang dijalankan dan dijangka siap pada Ogos sebelum proses tender diteruskan.
5.	Syarat subsidi petrol nelayan terlalu ketat	Peserta menyatakan bahawa syarat untuk nelayan pemegang Lesen Sampan Khas (LSK) mendapatkan subsidi petrol sebanyak RM1.65 sukar dipenuhi. Antara syarat yang ditetapkan ialah nelayan perlu mempunyai rekod sekurang-kurangnya 120 hari turun ke laut. Peserta memohon agar syarat tersebut dikaji semula dan tempoh rekod hari ke laut dipendekkan bagi memudahkan nelayan mendapatkan subsidi serta membantu mengurangkan beban kos operasi.	**LKIM** memaklumkan bahawa LKIM dan Jabatan Perikanan bersetuju menetapkan tempoh 120 hari sebagai syarat bagi nelayan mengisytiharkan pendaratan hasil tangkapan. Dalam tempoh lapan bulan, nelayan perlu turun ke laut sekurang-kurangnya 15 hari. Ketetapan 120 hari tersebut merupakan syarat bagi mengisytiharkan seseorang sebagai nelayan tulen di bawah Akta Persatuan Nelayan. LKIM tidak mempunyai kuasa untuk mengubah dasar tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
6.	Kuota petrol subsidi tidak mencukupi	Peserta menyatakan bahawa nelayan yang berdaftar di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dibenarkan membeli petrol bersubsidi sehingga kuota maksimum 50 liter sehari. Untuk mendapatkan subsidi tersebut, nelayan perlu berdaftar dengan SSM, memiliki bot serta mendapatkan surat sokongan daripada stesen minyak. Namun, peserta berpendapat bahawa kuota 50 liter sehari adalah tidak mencukupi kerana penggunaan genset sahaja memerlukan sekitar 30 liter bagi satu malam untuk aktiviti mencandat sotong. Keadaan ini menyebabkan bekalan petrol subsidi yang diperuntukkan tidak dapat menampung keperluan operasi nelayan.	**LKIM** menyatakan bahawa kuota petrol ditetapkan berdasarkan kuasa kuda enjin melalui dasar yang telah ditetapkan. LKIM mengakui bahawa kuota 50 liter tidak mencukupi bagi nelayan yang perlu pergi ke kawasan penangkapan ikan yang lebih jauh, namun LKIM tidak mempunyai autoriti untuk mengubah ketetapan tersebut.
7.	Ketidakseimbangan agihan bantuan nelayan	Peserta menyatakan bahawa bantuan yang diberikan kepada nelayan tidak menyeluruh dan berlaku masalah dalam agihan bantuan. Sebagai contoh, terdapat pemberian beras kepada nelayan tetapi hanya sebahagian sahaja yang menerima, manakala sebahagian lagi tidak mendapat bantuan tersebut. Selain itu, peserta menyatakan bahawa bantuan seperti GPS yang diberikan oleh LKIM berlaku secara berulang	**Jabatan Perikanan** memaklumkan bahawa penerima bantuan dipilih berdasarkan kelayakan dan permohonan. Bantuan seperti GPS dan echosounder disediakan untuk kegunaan bersama komuniti perikanan. Rekod penerima diselenggara bagi mengelakkan pertindihan bantuan dan diselaraskan bersama Ketua Jaringan Perikanan dan Komuniti Perikanan (myKP).

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kepada individu yang sama selama dua tahun berturut-turut. Keadaan yang sama turut berlaku bagi bantuan *ecosounder*. Peserta turut menyatakan bahawa ketua jaringan didapati hanya memberikan bantuan kepada kumpulan tertentu sahaja. Cadangan turut dikemukakan supaya senarai bantuan direkodkan dan nama penerima dihantar melalui Persatuan Nelayan Kawasan.	Syarat asas pemohon ialah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan aktif dalam rantaian nilai perikanan, dengan keutamaan diberikan kepada nelayan tulen, peserta myKP, myAP dan kumpulan sasar perikanan. Pemohon turut digalakkan mengikuti latihan, kursus dan bimbingan teknikal yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
8.	Pertindihan kuasa agensi	Peserta menyatakan berlaku pertindihan kuasa antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan, Polis Marin dan Jabatan Laut. Oleh itu, berlaku fungsi penguatkuasaan yang hampir sama, pemeriksaan berulang terhadap nelayan serta kekeliruan tentang agensi yang bertanggungjawab dalam sesuatu isu. Peserta turut memberi contoh apabila berlaku pencerobohan, laporan yang dibuat kepada satu agensi akan dirujuk kepada agensi lain sehingga menimbulkan keadaan saling menuding jari antara pihak berkaitan.	**APMM** memaklumkan bahawa penguatkuasaan di Zon Maritim Malaysia melibatkan beberapa agensi berdasarkan bidang kuasa masing-masing. APMM meliputi perairan pantai hingga Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan pelantar benua sehingga 200 batu nautika, manakala Pasukan Polis Marin (PPM) berfokus kepada perairan pesisir, pulau berpenduduk, pelabuhan, tasik, sungai, empangan dan perairan wilayah sehingga 12 batu nautika. Jabatan Perikanan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 terhadap vesel nelayan, manakala Jabatan Laut berfokus kepada pematuhan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bagi bot

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			penumpang, kargo dan feri. Pemeriksaan berulang boleh berlaku disebabkan maklumat daripada pelbagai sumber, keperluan pematuhan undang-undang dan KPI agensi masing-masing.
9.	Proses gantung lesen lambat	Peserta menyatakan bahawa proses pergantungan lesen yang mengambil masa lama telah menjejaskan pendapatan nelayan. Nelayan yang menggunakan bot orang lain tanpa kehadiran pemilik bot dikenakan saman dan lesen digantung. Apabila lesen digantung, nelayan tidak dapat menjalankan sebarang aktiviti perikanan. Proses penyelesaian pula melibatkan beberapa peringkat, iaitu daripada Maritim ke Jabatan Perikanan, kemudian ke peringkat Ibu Pejabat untuk mendapatkan nilai saman. Sekiranya nelayan tidak berpuas hati dengan kadar bayaran, proses penilaian semula perlu melalui langkah yang sama. Peserta memohon agar proses ini dipercepatkan bagi mengurangkan kesan terhadap pendapatan nelayan.	**Jabatan Perikanan** memaklumkan bahawa proses penguatkuasaan mengambil masa kerana melibatkan pelbagai agensi seperti APMM dan Polis Marin. Proses turut menjadi lebih lama apabila nelayan membuat rayuan terhadap kompaun yang dikenakan kerana kes tersebut perlu dibawa semula kepada jawatankuasa untuk pertimbangan pengurangan kompaun. Bagi kesalahan besar, jumlah kompaun boleh mencecah RM100,000, manakala kesalahan kecil seperti pelanggaran zon A dan B biasanya dikenakan sekitar RM800 hingga RM1,000, dengan jumlah yang meningkat bagi kesalahan berulang. Jabatan turut menjelaskan bahawa istilah yang tepat bukan penggantungan lesen, sebaliknya lesen nelayan dipegang sementara menunggu keputusan hukuman dan nelayan tidak dibenarkan turun ke laut dalam tempoh tersebut. Proses ini biasanya

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			mengambil masa sekitar empat hingga enam minggu kerana kes perlu dirujuk kepada pendakwa raya di ibu pejabat yang mengendalikan kes di seluruh Malaysia. Bagi negeri-negeri, penguatkuasaan boleh menggunakan enakmen negeri, manakala kes di bawah Akta Perikanan 1985 perlu dikendalikan di peringkat Persekutuan.
10.	Kekurangan kemudahan asas di pangkalan nelayan	Peserta menyatakan bahawa pos atau pangkalan nelayan telah dibina dengan bantuan daripada LKIM. Namun, kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik masih belum disediakan di pangkalan tersebut. Peserta memohon agar kemudahan air dan elektrik dapat disalurkan ke pangkalan yang sedia ada bagi memudahkan urusan dan operasi nelayan.	**LKIM** menyatakan bahawa Pengkalan Nelayan Rajawali dibina oleh komuniti dan LKIM hanya berperanan menaik taraf kemudahan sedia ada. LKIM hanya menyediakan kemudahan jeti untuk tujuan baik pulih, manakala utiliti perlu didaftarkan sendiri oleh nelayan.
11.	Digitalisasi Urusan Permohonan Nelayan	Semua urusan pendaftaran dan permohonan perlu dilakukan melalui aplikasi seperti Isytihar atau MYISYTHAR. Walau bagaimanapun, pengguna berdepan pelbagai masalah teknikal, termasuk aplikasi yang sering mengalami gangguan dan prestasi yang perlahan. Selain itu, sistem pada telefon bimbit tidak sentiasa dikemas kini, manakala resit yang dijana melalui aplikasi juga kurang jelas dan sukar dibaca.	**LKIM** menyatakan bahawa MyIsytihar merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh LKIM bagi membolehkan nelayan mengisytiharkan peralatan untuk mendapatkan insentif. Namun, aplikasi tersebut kini memerlukan peranti Android 10 ke atas, sedangkan sebahagian nelayan masih menggunakan telefon dengan sistem operasi yang lebih rendah. Bagi mengatasi kekangan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menyebabkan penggunaan aplikasi secara keseluruhannya tidak berjalan dengan lancar serta menimbulkan kesukaran kepada nelayan dalam menguruskan urusan berkaitan. Tambahan pula, sebahagian nelayan tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membeli telefon bimbit baharu yang lebih sesuai bagi menyokong penggunaan aplikasi tersebut.	tersebut, LKIM masih mengekalkan perkhidmatan juruisytihar di kompleks-kompleks pendaratan supaya nelayan boleh mendapatkan bantuan untuk membuat pengisytiharan. LKIM turut memaklumkan bahawa nelayan yang telah berdaftar lebih cenderung membuat pengisytiharan kerana ia diperlukan untuk mendapatkan subsidi.
12.	Keberkesanan Alat Kecemasan *Personal Locator Beacon* (PLB)	Nelayan membangkitkan kebimbangan terhadap tahap keberkesanan alat kecemasan *Personal Locator Beacon* (PLB) yang didapati tidak berfungsi dengan baik ketika diperlukan. Terdapat laporan bahawa isyarat kecemasan yang dihantar melalui alat tersebut tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh yang lama. Sebagai contoh, pernah berlaku keadaan di mana panggilan kecemasan dibuat selama hampir dua jam tanpa sebarang respons daripada pihak berkaitan. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan nelayan di laut, terutamanya ketika berdepan kecemasan yang memerlukan tindakan dan bantuan segera.	**APMM** memaklumkan bahawa peranti yang digunakan oleh Encik Zamri merupakan *Search and Rescue Transponder* (SART) dan bukannya *Personal Locator Beacon* (PLB). Sistem Cospas-Sarsat hanya menerima isyarat daripada beacon berdaftar seperti PLB, EPIRB dan ELT. Oleh itu, isyarat daripada peranti SART tidak dapat dikesan melalui sistem Cospas-Sarsat.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog bersama Komuniti Operator Pelancongan **Tarikh**: 23 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 4 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			• Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) • Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
1.	Keberkesanan pejabat promosi pelancongan luar negara	Peserta menyatakan bahawa terdapat pejabat promosi di luar negara yang ditugaskan untuk mempromosikan pelancongan di Malaysia. Namun, peserta mempersoalkan keberkesanan dan pelaksanaan tugas oleh staf di pejabat tersebut serta bagaimana kerja promosi tersebut dijalankan. Peserta turut mendesak agar MOTAC mempergiatkan usaha promosi pelancongan di Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*
2.	Kepupusan seni ukiran dan keris	Peserta menyatakan bahawa seni ukiran kayu dan pembuatan keris semakin pupus. Keadaan ini berlaku kerana golongan muda kurang berminat terhadap kesenian dan kebudayaan tradisional. Peserta turut menyatakan bahawa tiada pelapis yang akan mewarisi kemahiran tersebut kerana generasi muda tidak berminat untuk meneruskan seni warisan ini.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Sekatan aktiviti kesenian	Peserta menyatakan terdapat sekatan terhadap sektor kebudayaan dan kesenian. Sebagai contoh, program komuniti Cina seperti persembahan pentas dihadkan dengan pelbagai syarat, termasuk larangan pakaian yang dianggap tidak sesuai. Peserta turut menyatakan bahawa pada awalnya terdapat peraturan seperti larangan perempuan membuat persembahan bersama lelaki dan hanya dibenarkan persembahan oleh perempuan sahaja. Namun, kemudian berlaku perubahan arahan yang menyebabkan persembahan tidak dibenarkan di atas pentas dan hanya boleh dilakukan di bawah pentas.	**MBKT** menyatakan bahawa permit persembahan dilaksanakan mengikut ketetapan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan tidak boleh diubah oleh pihak majlis sesuka hati. Permit tersebut tertakluk kepada Enakmen Hiburan Negeri, termasuk larangan mengadakan sebarang persembahan pada malam Jumaat dan sebelum solat Jumaat.
4.	Sekatan perarakan kebudayaan	Peserta menyatakan bahawa selepas pertukaran pentadbiran di Terengganu, terdapat sekatan terhadap aktiviti membawa patung atau tokong ke dalam negeri tersebut. Perarakan juga dihadkan hanya dalam jarak satu kilometer di Jalan Ayer Jernih sahaja. Peserta berpendapat bahawa pengehadan aktiviti ini memberi kesan kepada sektor pelancongan kerana mengurangkan kehadiran pengunjung yang ingin melihat aktiviti budaya masyarakat berbilang kaum.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Kekurangan kemudahan tandas pelancong	Peserta menyatakan bahawa kedudukan tandas awam yang terlalu jauh di kawasan Batu Buruk dan Syahbandar menyukarkan pelancong yang datang. Selain itu, keadaan tandas tersebut juga dilaporkan tidak bersih dan berbau busuk. Keadaan ini memberi kesan kepada keselesaan pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*
6.	Kesesakan lalu lintas di Pasar Payang	Peserta menyatakan bahawa kesesakan lalu lintas yang sangat ketara berlaku di kawasan Pasar Payang sehingga menjejaskan pergerakan pelancong untuk datang melawat. Keadaan ini dilihat lebih serius terutama pada waktu puncak. Peserta turut memaklumkan bahawa tiada pemantauan yang mencukupi dilakukan pada waktu tersebut, sehingga menyebabkan kesesakan boleh berlaku sehingga kira-kira 1 kilometer.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*
7.	Kekurangan tempat parkir bas pelancong	Peserta menyatakan bahawa terdapat kekurangan tempat parkir, khususnya bagi pemandu bas yang membawa pelancong. Keadaan ini menyukarkan proses menurunkan pelancong di kawasan Pasar Payang. Keadaan menjadi lebih rumit apabila kawasan yang sebelum ini digunakan untuk menurunkan penumpang telah diletakkan penghadang dan tidak lagi boleh digunakan.	**MBKT** menyatakan bahawa parkir bas tidak disediakan di Pasar Payang dan bas pelancong ditempatkan di kawasan Syahbandar. Bas juga tidak dibenarkan masuk ke Pasar Payang bagi mengurangkan gangguan terhadap lalu lintas kerana ruang yang terhad dan kapasiti parkir kereta yang tidak mencukupi. Bagi memudahkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Akibatnya, pelancong perlu berjalan jauh dari kawasan parkir untuk ke Pasar Payang. Peserta turut menyatakan bahawa beberapa lokasi lain seperti Kedai Nasi Dagang Atas Tol juga memerlukan penambahan kawasan parkir.	pergerakan pengunjung dari kawasan parkir bas, MBKT bercadang mempromosikan penggunaan beca serta mencadangkan penyediaan *buggy* sebagai pengangkutan alternatif.
8.	Kekurangan parkir OKU	Peserta menyatakan bahawa tiada kemudahan parkir khas untuk orang kurang upaya (OKU) di Pasar Payang baru. Walaupun terdapat parkir OKU, ia terletak di kawasan Pasar Payang lama yang sudah tidak digunakan. Selain itu, lokasi parkir tersebut berada di seberang jalan, menyebabkan pengguna OKU perlu melintas jalan untuk ke kawasan Pasar Payang.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi dialog*
9.	Ketiadaan perlindungan sosial pemandu pelancong	Peserta menyatakan bahawa pemandu pelancong tidak dilindungi oleh insurans dan PERKESO. Keadaan ini berlaku kerana pekerjaan mereka tidak bersifat harian, dan terdapat tempoh sehingga tiga bulan tanpa pekerjaan. Peserta turut menyatakan bahawa walaupun sektor gig telah mempunyai bentuk perlindungan sosial tertentu, pemandu pelancong juga perlu diberikan perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan kebajikan mereka terjamin.	**JTK** menyatakan bahawa perlindungan pemandu pelancong bergantung kepada status pekerjaan mereka. Pemandu pelancong yang bekerja dengan syarikat dianggap sebagai pekerja syarikat dan perlindungan di bawah PERKESO adalah tanggungjawab majikan. Bagi pemandu pelancong yang bekerja sendiri, mereka boleh mendapatkan perlindungan melalui skim caruman Lindung Kendiri yang disediakan untuk pekerja sendiri.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog bersama Komuniti Cina **Tarikh**: 23/05/2026 **Bilangan peserta**: 9 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			• MBKT • Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT) • Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) • Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN)
1.	Keusangan Gerbang Kampung Cina	Peserta menyatakan bahawa gerbang Kampung Cina menunjukkan tanda-tanda keusangan seperti kemasan yang pudar, kerosakan pada panel struktur, serta sistem pencahayaan yang tidak lagi efisien. Peserta turut memaklumkan bahawa pernah berlaku runtuhan kecil pada struktur tersebut yang terkena kenderaan yang melalui kawasan itu pada tahun 2024, ketika musim monsun.	**MBKT** menyatakan bahawa pintu gerbang tersebut bukan dibina atau diuruskan oleh MBKT, sebaliknya berada di bawah persatuan. Persatuan pernah mengemukakan cadangan untuk menambah baik pintu gerbang di Kampung Tiong, namun sehingga kini tiada tindakan lanjut dilaksanakan.
2.	Tekanan air rendah	Peserta menyatakan berlaku tekanan air yang rendah di sekitar Kuala Terengganu yang menjejaskan keperluan air harian penduduk serta aktiviti perniagaan. Kesannya, ianya memberi kesan kepada daya tarikan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Tekanan air rendah ini disebabkan oleh keadaan paip yang telah uzur. Penduduk terpaksa memasang pam air untuk mendapatkan bekalan air, namun tindakan tersebut tidak dibenarkan kerana boleh menjejaskan bekalan air di kawasan lain. Peserta turut memaklumkan bahawa cadangan untuk menukar paip lama telah dihantar ke Pejabat Menteri pada tahun 2023, namun masih belum menerima sebarang maklum balas. Selain itu, paip air bawah laut di Pulau Redang turut dikatakan bocor, dan isu ini telah diketahui pihak berkuasa tetapi masih belum dapat diselesaikan.	
3.	Pemeliharaan kawasan pelancongan terhad	Peserta mencadangkan supaya kawasan pelancongan dipelihara dan ditambah baik. Sebagai contoh, di Kampung Cina terdapat tujuh jalan yang sebelum ini menjadi tarikan pelancong kerana pelancong datang untuk melawat keseluruhan kawasan tersebut. Namun pada masa kini, hanya dua jalan sahaja yang dijaga dan dipelihara iaitu Jalan Penyu dan Jalan Payang kerana kedua-duanya dijadikan jalan angkat. Keadaan ini menyebabkan pelancong hanya tertumpu kepada dua jalan tersebut, sedangkan sebelum ini mereka melawat lebih banyak kawasan di Kampung Cina.	**Pegawai Daerah** menyatakan bahawa pembangunan di kawasan tersebut pada asalnya merupakan inisiatif daripada wakil kawasan berkenaan. Kampung Cina turut menerima pengiktirafan warisan daripada UNESCO dan pembangunan di kawasan tersebut semakin pesat, termasuk pembinaan dua buah hotel baharu. Kerosakan jalan yang berlaku dipercayai berkaitan dengan kerja pembinaan dan menjadi tanggungjawab pemaju untuk dibaiki. Manakala, pembangunan lorong tersebut merupakan inisiatif komuniti sendiri.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
4.	Anjing liar berkeliaran	Peserta menyatakan bahawa terdapat banyak anjing berkeliaran di sekitar Kuala Terengganu. Keadaan ini menimbulkan cabaran dalam pengurusan haiwan liar di kawasan tersebut. Peserta turut menyatakan bahawa tindakan menangkap anjing tersebut boleh menimbulkan reaksi daripada persatuan pencinta haiwan, manakala proses untuk memandulkan anjing pula memerlukan kos dan usaha yang tinggi. Hal ini menyebabkan pengurusan anjing liar menjadi sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh.	**MBKT** memaklumkan bahawa aktiviti penangkapan anjing liar dilaksanakan secara berterusan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2026, sebanyak 178 ekor anjing liar telah ditangkap. MBKT turut menerima banyak aduan berkaitan anjing liar, namun tindakan lanjut masih terhad kerana kemudahan pengangkutan yang diperlukan belum tersedia.
5.	Permit hiburan yang membebankan persatuan	Peserta menyatakan bahawa sejak tahun lepas, persatuan perlu memohon serta membayar permit hiburan kepada PBT untuk menjalankan aktiviti persatuan. Hal ini termasuk program makan malam tahunan Persatuan Hainan yang turut melibatkan persembahan. Peserta menyatakan bahawa walaupun program tersebut hanya melibatkan ahli persatuan, dijalankan secara tertutup di dalam dewan, serta persembahan dilakukan dengan pakaian yang sopan, permohonan permit masih diperlukan.	**MBKT** menyatakan bahawa permit persembahan dilaksanakan mengikut ketetapan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan tidak boleh diubah oleh pihak majlis sesuka hati. Permit tersebut tertakluk kepada Enakmen Hiburan Negeri, termasuk larangan mengadakan sebarang persembahan pada malam Jumaat dan sebelum solat Jumaat.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta memohon agar diberikan pengecualian untuk program kebudayaan, sembahyang dan aktiviti dalaman persatuan daripada keperluan permit tersebut.	
6.	Saliran tidak berkesan	Peserta menyatakan bahawa saliran dan perparitan yang kurang berkesan telah menyebabkan berlakunya banjir kilat, terutamanya di sekitar Paya Keladi dan Cerong Lanjut. Keadaan ini menjejaskan kawasan sekitar apabila berlaku hujan lebat. Peserta turut memaklumkan bahawa masalah tersebut berpunca daripada saliran dan parit yang tersumbat akibat sampah sarap.	**MBKT** memaklumkan bahawa kawasan Paya Keladi dan Cerong Lanjut biasanya tidak mengalami banjir kilat ketika hujan biasa. Banjir kilat berlaku apabila hujan bertembung dengan keadaan air pasang yang menghalang proses pelepasan air. Aliran air dari kawasan Padang Bola dan Paya Keladi disalurkan melalui Pasar Payang, menyebabkan kapasiti saliran tidak mencukupi ketika air pasang dan seterusnya berlaku banjir kilat.
7.	Kekurangan parkir	Peserta menyatakan bahawa terdapat kekurangan ruang parkir di Kuala Terengganu disebabkan oleh keterbatasan tanah. Walaupun terdapat parkir satelit (*satellite parking*) lot disediakan, lokasinya tidak mesra pejalan kaki. Peserta turut memaklumkan bahawa kawasan tersebut tiada teduhan seperti pokok atau kemudahan berteduh, menyebabkan ia tidak selesa digunakan. Peserta mencadangkan agar usaha memperkasa penggunaan parkir tersebut perlu disertai dengan	**MBKT** menyatakan bahawa isu kekurangan parkir di Pasar Payang telah berlaku sejak dahulu. Kapasiti parkir telah diambil kira semasa peringkat awal pembangunan Pasar Payang, namun keperluan parkir meningkat terutama ketika penganjuran sesuatu acara. MBKT turut menggalakkan penggunaan beca sebagai alternatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada parkir. Bagi parkir satelit di bawah Program Bandar Selamat, penyediaan parkir berbumbung turut

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		penambahbaikan kemudahan agar sesuai dengan keadaan cuaca di Terengganu yang panas.	dipertimbangkan dengan mengambil kira imej dan kesesuaian visual bandar.
8.	Kekerapan dan laluan bas awam tidak cekap	Peserta menyatakan bahawa bas awam berwarna merah jambu sangat membantu komuniti, namun penggunaannya masih rendah kerana kekerapan perkhidmatan hanya satu jam sekali. Keadaan ini menyebabkan orang ramai kurang menggunakan pengangkutan tersebut. Peserta memberi contoh perjalanan ke Bukit Kecil yang mengambil masa sekitar 10 minit dengan kereta, tetapi menjadi sekitar satu jam dengan bas kerana laluan sedia ada yang melalui banyak hentian seperti dari Pasar Payang ke bank dan kawasan lain. Peserta mencadangkan supaya laluan bas diasingkan kepada laluan bandar *city route* dan laluan jarak jauh *long route*, serta setiap laluan perlu lebih efisien agar tidak mengambil masa terlalu lama.	**APAD** menyatakan bahawa kekerapan perkhidmatan bas adalah setiap 30 minit dan 60 minit pada waktu puncak, serta 90 minit pada waktu bukan puncak, tertakluk kepada kontrak sedia ada bagi laluan MyBAS. Cadangan perubahan laluan ke KTCC dan Mayang Mall masih dalam perancangan. Bagi laluan antara bandar, masa menunggu adalah sekitar 30 minit dengan jumlah hentian yang banyak. Pergerakan bas dipantau melalui sistem GPS bagi memastikan perkhidmatan mengikut laluan yang ditetapkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
9.	Persaingan e-dagang tidak seimbang	Peserta menyatakan bahawa terdapat gangguan terhadap ekonomi perniagaan setempat akibat kehadiran platform pembelian atas talian seperti *Pinduoduo*. Keadaan ini memberi kesan kepada peniaga tempatan kerana barangan yang dijual melalui platform tersebut ditawarkan pada harga yang lebih murah. Peserta turut menyatakan bahawa faktor seperti pengeluaran secara besar-besaran di China serta ketiadaan cukai yang setara menyebabkan harga barangan menjadi lebih rendah berbanding pasaran tempatan. Peserta juga mencadangkan agar Malaysia mencontohi Thailand yang mengenakan cukai bagi melindungi peniaga tempatan, kerana peniaga tempatan perlu melalui pelbagai proses dan keperluan pematuhan.	**KPDN Negeri Terengganu** memaklumkan bahawa beberapa inisiatif dilaksanakan bagi membantu peniaga di Pasar Payang dan KTCC menghadapi peningkatan kos operasi serta penurunan hasil jualan. Inisiatif tersebut merangkumi Program Pasar Tumpuan Pelancongan dan Pasar Patuh, Program Jualan Rahmah, bantuan permohonan Fleet Card SKDS dan SKPS serta khidmat berkaitan permit jualan murah kepada peniaga yang layak.
10.	Penempatan haram dan setinggan	Terdapat penempatan penduduk dalam kawasan tanah perkuburan Cina yang didiami oleh warganegara Malaysia dalam keadaan serba kekurangan dan menyerupai kawasan setinggan. Majoriti penduduk yang menetap di kawasan tersebut bekerja sebagai penggali kubur dan telah mendiami lokasi berkenaan sejak lebih 20 tahun yang lalu.	**Pejabat Daerah Kuala Terengganu** menyatakan bahawa data berkaitan kawasan tersebut yang digunakan sejak lebih 20 tahun lalu didapati tidak tepat, termasuk maklumat mengenai 18 buah rumah yang dihuni oleh penduduk Melayu kerana lokasi lot berkenaan tidak dapat dikenal pasti. Perbincangan telah diadakan bersama Persatuan Chinese

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Kawasan penempatan tersebut dianggarkan merangkumi sekitar 18 buah rumah dan turut dihuni oleh penduduk Melayu. Selain itu, terdapat isu berkaitan sempadan tanah apabila pagar milik Yayasan Islam Terengganu didapati termasuk ke dalam sebahagian kawasan tanah perkuburan Cina. Perkara ini memerlukan penelitian lanjut terhadap status dan sempadan tanah di kawasan berkenaan.	Hokkien yang telah menjalankan pengukuran bagi mengenal pasti penempatan asal di kawasan tanah perkuburan. Isu tersebut telah berlarutan lebih 30 tahun dan menyukarkan tindakan penguatkuasaan untuk mengosongkan kawasan berkenaan. Persatuan bersetuju supaya kawasan penempatan tidak diperluaskan, namun masih terdapat penduduk yang terus menambah kawasan penempatan sehingga melibatkan tiga generasi. Pihak Pejabat Daerah berharap sempadan kawasan tersebut dapat ditandakan dengan jelas melalui proses demarkasi.
11.	Pembangunan dan penggunaan ruang terbiar	Kawasan pasar penjaja masyarakat Cina sebelum ini telah tidak lagi beroperasi berikutan kelulusan projek pembinaan kondominium oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) kira-kira dua tahun yang lalu. Keadaan ini menyebabkan kekurangan ruang perniagaan bagi penjaja yang sebelum ini bergantung kepada kawasan tersebut sebagai sumber pendapatan. Selain itu, terdapat sebuah tapak projek pembinaan di belakang tokong yang telah terbiar selama lebih kurang 15 tahun tanpa sebarang pembangunan.	**MBKT** menyatakan bahawa peniaga di tapak tersebut berniaga di atas tanah milik MBKT dan telah diberikan pilihan untuk berpindah ke kawasan *Waterfront*. Bagi projek terbengkalai milik YTL, permohonan telah dikemukakan namun masih berkemungkinan menghadapi sekatan daripada agensi teknikal.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Oleh itu, tapak berkenaan dicadangkan untuk dibangunkan semula sebagai lot gerai penjaja (*hawker stalls*) bagi menyediakan ruang perniagaan yang lebih tersusun dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog bersama Komuniti Belia **Tarikh**: 23/05/2026 **Bilangan peserta**: 6 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			• Jabatan Belia Sukan Negeri Terengganu (JBSNT) • JTK • Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) • Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) • JKM • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)
1.	Kekurangan pusat aktiviti belia di Kuala Terengganu	Peserta menyatakan bahawa tiada pusat aktiviti belia khusus untuk persatuan dan golongan belia di Kuala Terengganu. Permohonan untuk mewujudkan pusat tersebut telah dikemukakan sejak tahun 2023 melalui Majlis Perunding Belia, namun sehingga kini masih belum direalisasikan. Peserta turut menyatakan bahawa walaupun terdapat kemudahan seperti Pejabat Belia, penggunaannya adalah terhad. Penganjuran aktiviti sukan seperti badminton juga memerlukan kos sewaan stadium yang tinggi. Kos sewaan ini membebankan persatuan belia.	**JBSNT** menyatakan bahawa isu tempat berkumpul belia telah dibangkitkan dalam Majlis Persatuan Belia peringkat Daerah Kuala Terengganu. Kompleks Sukan Air boleh digunakan untuk perjumpaan komuniti kerana terdapat ruang yang masih kosong dan fasiliti tersebut sememangnya disediakan untuk kegunaan komuniti. Namun, aspek keselamatan perlu diberi perhatian sekiranya terdapat akses melalui pintu lain. Perkara tersebut masih boleh dibincangkan. JPSNT turut memaklumkan mengenai program MYHUB sebagai program perkumpulan belia yang dilaksanakan secara berkala dan boleh diselaraskan melalui Jabatan Belia dan Sukan Daerah. Fasiliti Jabatan Belia dan Sukan juga boleh disewa untuk kegunaan komuniti, manakala Stadium Sultan Ismail

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, lokasi yang sebelum ini menjadi tempat berkumpul belia seperti Pulau Duyung telah dibangunkan, menyebabkan belia kehilangan ruang sosial untuk aktiviti komuniti.	Nasiruddin Shah berada di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri.
2.	Keterhadan geran perniagaan	Peserta menyatakan bahawa peluang geran perniagaan yang disediakan tidak mencukupi untuk golongan belia. Ramai belia mempunyai perniagaan sendiri namun tidak mempunyai platform yang luas untuk memperluaskan pemasaran dan perniagaan mereka. Peserta memberi contoh geran yang disediakan oleh SME Corp sebanyak RM15,000, namun bantuan tersebut dilihat terhad dan tidak meluas. Selain itu, terdapat juga belia yang kurang mendapat pendedahan mengenai kewujudan geran-geran yang ditawarkan.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*
3.	Kurang minat belia dalam keusahawanan	Peserta menyatakan bahawa terdapat kurang kesedaran dalam kalangan belia untuk mengusahakan perniagaan. Belia masa kini didapati lebih cenderung kepada bidang lain seperti menjadi *influencer* berbanding menceburi bidang keusahawanan.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta turut menyatakan bahawa pihak Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ada menjalankan program turun ke sekolah bagi memberi motivasi kepada pelajar untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia.	
4.	Kurang peluang pekerjaan belia	Peserta menyatakan bahawa terdapat kekurangan peluang pekerjaan bagi golongan belia. Keadaan ini menyebabkan ramai remaja Cina memilih untuk keluar dari negeri bagi mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. Peserta turut menyatakan bahawa tahap gaji yang ditawarkan di Kuala Terengganu adalah rendah. Walaupun terdapat gaji minimum sekitar RM1,900, kebanyakan majikan hanya menawarkan kadar tersebut sahaja kepada pekerja.	**JTK** menyatakan bahawa fungsi berkaitan peluang pekerjaan telah dipindahkan kepada PERKESO sejak tahun 2021. Peluang pekerjaan di sektor swasta kini ditawarkan melalui program MYFutureJobs di bawah PERKESO.
5.	Amalan kronisme dalam pemilihan kerja	Peserta menyatakan bahawa terdapat amalan kronisme dalam proses pemilihan kerja, khususnya dalam sektor kerajaan. Menurut peserta, terdapat keadaan di mana pihak tertentu sudah mempunyai individu yang telah dipilih terlebih dahulu sebelum proses	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		temuduga dijalankan, walaupun temuduga tetap diadakan. Peserta turut menyatakan bahawa kebanyakan individu yang dipilih mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pihak tertentu. Keadaan ini menyebabkan ramai belia lebih memilih untuk bekerja di sektor swasta berbanding sektor kerajaan.	
6.	Kesihatan mental belia membimbangkan	Peserta menyatakan bahawa tahap kesihatan mental dalam kalangan belia semakin membimbangkan. Terdapat persepsi masyarakat dan keluarga yang melabelkan individu bermasalah mental sebagai "gila", menyebabkan isu ini tidak ditangani secara berkesan dari segi rawatan dan pencegahan. Peserta turut berkongsi bahawa semasa sesi ceramah di sekolah, dianggarkan sekitar 70 peratus pelajar mengalami masalah *anxiety*. Selain itu, terdapat juga kes pelajar yang menunjukkan gambar berkaitan *self-harm*, yang	**PKD** menyatakan bahawa beberapa inisiatif berkaitan kesihatan mental telah diperkenalkan untuk masyarakat Terengganu, termasuk golongan belia berumur 15 hingga 30 tahun. Sehingga Jun 2026, sebanyak 523 kes baharu penyakit mental direkodkan, merangkumi kes daripada tahap ringan hingga teruk. Daripada jumlah tersebut, 72 kes melibatkan individu bawah 10 tahun, 104 kes berumur 10 hingga 15 tahun, 275 kes berumur 20 hingga 59 tahun dan 72 kes berumur lebih 60 tahun. Seramai 221 lelaki dan 302 perempuan direkodkan, manakala jumlah kes kumulatif di Terengganu adalah sekitar 22,000 kes. PKD turut memaklumkan bahawa faktor yang boleh mendorong kepada masalah kesihatan mental termasuk tekanan akademik, masalah keluarga, media

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menggambarkan isu ini berada pada tahap yang serius dalam kalangan remaja.	sosial, kurang tidur, tekanan rakan sebaya, perubahan hormon, trauma dan pengalaman buruk, penyalahgunaan bahan serta masalah kesihatan fizikal. **Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu** menyatakan bahawa semua golongan terdedah kepada isu kesihatan mental dan pendedahan berkaitan kesihatan serta penyakit mental diberikan kepada guru dan murid. Selepas pandemik COVID-19, peningkatan kecenderungan kemurungan dapat dilihat berdasarkan data, di samping isu buli dan amang seksual yang turut diberi perhatian. Saringan Minda Sihat dilaksanakan sebagai inisiatif pengesanan awal masalah emosi melibatkan murid Tahun 5 hingga Tingkatan 6. Saringan menggunakan PHQ-2 (*Patient Health Questionnaire-2*) dan GAD-2 (*Generalized Anxiety Disorder-2*) dilaksanakan sekali setahun kepada semua murid dan dua kali setahun bagi murid yang dikenal pasti cenderung mengalami masalah kesihatan mental.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Penggunaan media sosial tidak terkawal	Peserta menyatakan bahawa penggunaan media sosial yang tidak terkawal telah menyumbang kepada peningkatan kes perceraian. Menurut peserta, terdapat banyak kes perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat, termasuk melibatkan golongan belia. Peserta turut menyatakan bahawa terdapat individu yang menceritakan keburukan pasangan mereka di media sosial seperti *Threads*, yang boleh menjejaskan hubungan dan meningkatkan konflik dalam rumah tangga.	**JKM** menyatakan bahawa pihaknya tidak mempunyai akses secara langsung kepada platform media sosial seperti SKMM yang mempunyai fungsi penapisan kandungan. JKM menerima aduan berkaitan keganasan rumah tangga, termasuk kes yang melibatkan media sosial, namun data khusus berkaitan kes tersebut tidak dapat diberikan. Perkhidmatan yang disediakan JKM merangkumi advokasi, perundangan serta kerjasama dengan pihak sekolah dan kesihatan bagi isu seperti perceraian dan kanak-kanak. Bagi kes yang melibatkan perceraian, JKM akan merujuk kepada Majlis Agama Islam.
8.	Penggunaan *vape* tidak terkawal	Peserta menyatakan bahawa penggunaan *vape* dalam kalangan belia semakin tidak terkawal. Terdapat satu kes yang dikongsikan di mana seorang belia yang menggunakan *vape* jenis "*mushroom*" telah terlibat dalam insiden melanggar kedai dengan kenderaan. Peserta turut menyatakan bahawa keadaan ini dikaitkan dengan tekanan mental dan kemurungan, di mana sesetengah belia mencuba bahan baharu sebagai cara untuk mengatasi tekanan yang dihadapi.	**PDRM** menyatakan bahawa penggunaan *vape* yang mengandungi cecair disyaki dadah sintetik seperti "*mushroom*" merupakan trend baharu yang semakin popular. Di Terengganu, sebanyak tujuh kes direkodkan pada tahun 2024 dan lima kes pada tahun 2025, manakala setakat tahun 2026 sebanyak 21.6 ml cecair yang disyaki mengandungi "*mushroom*" telah dirampas. Harga pasaran dianggarkan sekitar RM100 hingga RM200 bagi 10 ml. PDRM memaklumkan bahawa bahan tersebut disyaki mengandungi dadah sintetik seperti methamphetamine atau MDMB-4-EN-PINACA dan kes boleh melibatkan pertuduhan di bawah Seksyen 12(2), Akta Dadah Berbahaya 1952.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
9.	Keperluan sekatan kandungan media sosial	Peserta mempersoalkan mengenai keberkesanan sekatan internet dan media sosial, serta kawalan terhadap kandungan yang disiarkan. Peserta menyatakan terdapat kandungan di platform seperti TikTok yang banyak memaparkan aktiviti seperti lumba haram, pelajar bercium-ciuman, dan guru yang membuat siaran langsung mengajar. Peserta turut menyatakan bahawa keadaan ini dilihat memberi kesan kepada integriti serta menjadi contoh yang tidak baik kepada pengguna, khususnya kanak-kanak bawah umur yang menggunakan TikTok.	**SKMM** menyatakan bahawa penyalahgunaan media sosial merupakan cabaran yang memerlukan peranan bersama, khususnya dari aspek penggunaan teknologi kerana SKMM tidak dapat mengawal penggunaan peranti oleh individu di rumah. Dari aspek penapisan dan kandungan yang melanggar undang-undang, SKMM mengambil tindakan perundangan berdasarkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mengenal pasti punca penyalahgunaan internet dan media sosial yang berkait dengan jenayah. SKMM turut melaksanakan Kempen Internet Selamat bersama pihak sekolah di lebih 600 buah sekolah di Terengganu pada tahun lalu. Selain itu, kempen yang sama turut dijalankan bersama PAWE di seluruh negeri Terengganu dan telah selesai dilaksanakan.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog bersama Komuniti Orang Kurang Upaya **Tarikh**: 24 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 21 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			• PDKT • Jabatan Perikanan • APAD • MBKT • PKD • Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu (SPNT) • JTK • Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Akses maklumat komuniti pekak terhad	Peserta menyatakan bahawa komuniti pekak menghadapi kesukaran untuk memahami promosi dan hebahan yang disampaikan. Sebagai contoh, program UPDI di bawah SUK Kerajaan Negeri Terengganu kebanyakannya disampaikan secara verbal, menyebabkan golongan pekak sukar memahami maklumat yang disebarkan. Keadaan yang sama turut berlaku dalam hebahan berkaitan pemotongan lesen dan cukai tanah. Peserta memohon agar Terengganu mencontohi pendekatan Selangor dengan menyediakan jurubahasa bahasa isyarat dalam setiap iklan atau hebahan.	**Pejabat Daerah Kuala Terengganu** menyatakan bahawa bahan promosi berkaitan pembayaran cukai tanah dan urusan lain belum menyediakan video dalam bahasa isyarat. Perkara tersebut diakui sebagai satu kekurangan kerana pihak pejabat daerah tidak mempunyai kemahiran berkaitan bahasa isyarat. **Jabatan Perikanan** menyatakan bahawa pihak jabatan juga belum menyediakan bahan atau video dalam bahasa isyarat. Perkara ini boleh dibawa ke peringkat pembuat dasar untuk dipertimbangkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain itu, golongan pekak juga sering terlepas peluang seperti lesen penjaja kerana kekurangan akses maklumat yang mencukupi. Peserta turut menyatakan bahawa di bawah Akta OKU 2008, golongan OKU mempunyai hak kepada akses maklumat, namun pelaksanaannya di Terengganu masih belum setanding dengan negeri lain.	sebagai keperluan di setiap jabatan. Sekiranya terdapat arahan daripada pihak atasan untuk menyediakan video dalam bahasa isyarat, Jabatan Perikanan bersedia untuk melaksanakannya.
2.	Pemerkasaan bahasa isyarat lemah	Peserta menyatakan bahawa tahap pemerkasaan bahasa isyarat masih lemah dalam kalangan agensi kerajaan. Peserta mencadangkan agar petugas di kaunter pertanyaan mempunyai pengetahuan asas bahasa isyarat bagi memudahkan komunikasi dengan golongan pekak. Peserta turut berkongsi pengalaman di mana komunikasi di SUK tidak dapat difahami, serta di klinik apabila doktor dan jururawat tidak dapat memahami keadaan kesihatan pesakit pekak. Dalam keadaan tersebut, pesakit terpaksa menulis untuk menyampaikan masalah kesihatan. Peserta mencadangkan agar setiap jabatan mempunyai sekurang-kurangnya seorang petugas yang boleh menggunakan bahasa isyarat bagi memudahkan urusan golongan pekak, terutama dalam keadaan kecemasan atau kesihatan.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Penerimaan masyarakat terhadap komuniti pekak	Peserta menyatakan bahawa penerimaan masyarakat terhadap komuniti pekak masih kurang memuaskan. Peserta memberi contoh satu program di stadium yang telah menyediakan jurubahasa untuk menterjemahkan apa yang disampaikan oleh penceramah. Namun, terdapat keadaan di mana orang awam berjalan melintas di hadapan jurubahasa tersebut. Keadaan ini menghalang proses terjemahan dan menyukarkan komuniti pekak untuk memahami kandungan program.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
4.	Ketiadaan paparan jadual bas digital	Peserta menyatakan terdapat keperluan untuk meletakkan skrin paparan bagi menunjukkan jadual pergerakan bas, seperti yang digunakan di lapangan terbang. Kemudahan ini dilihat dapat memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat pergerakan bas dengan lebih jelas. Peserta turut menyatakan bahawa beliau pernah dipanggil untuk berbincang bersama pihak ECRL berkaitan keperluan golongan OKU, termasuk penambahbaikan kemudahan yang lebih mesra pengguna.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Isyarat kecemasan tidak mesra OKU pekak	Peserta menyatakan bahawa sistem loceng kecemasan kebakaran hanya berbunyi tanpa disertakan isyarat cahaya. Keadaan ini menyebabkan golongan pekak tidak dapat mengetahui apabila berlaku kecemasan kerana mereka tidak boleh mendengar bunyi kecemasan (*alarm*) tersebut. Peserta menegaskan keperluan untuk menambah baik sistem keselamatan dengan menyediakan isyarat visual seperti lampu kecemasan bagi memastikan semua golongan dapat menerima maklumat kecemasan dengan jelas.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
6.	Kekurangan tempat duduk khas bas awam	Peserta menyatakan bahawa bas awam di Terengganu tidak mempunyai tempat duduk khas bagi golongan yang memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan ibu mengandung. Keadaan ini menyebabkan golongan tersebut tidak mendapat keutamaan tempat duduk ketika menggunakan pengangkutan awam. Peserta turut berkongsi pengalaman melihat keadaan di stesen bas di mana ibu mengandung tidak diberikan	**APAD** menyatakan bahawa perkhidmatan BUSMY adalah mesra OKU kerana bas dilengkapi kemudahan untuk pengguna kerusi roda, termasuk ruang khas dan kemudahan untuk menaikkan kerusi roda. Kenyataan bahawa perkhidmatan BUSMY tidak mesra OKU adalah tidak tepat.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		tempat duduk walaupun memerlukan, menunjukkan kurangnya kesedaran dalam kalangan pengguna bas.	
7.	Kekurangan projek OKU	Peserta menyatakan bahawa terdapat kekurangan projek yang khusus untuk membantu golongan orang kurang upaya (OKU). Peserta memberi contoh sebelum ini UMT menerima geran daripada MOSTI dan melaksanakan projek penanaman cendawan yang melibatkan golongan pekak. Namun, selepas projek tersebut tamat dalam tempoh sekitar setahun, tiada lagi projek susulan yang diteruskan. Peserta memohon agar lebih banyak projek seperti ini diwujudkan kerana ia sangat membantu golongan OKU dari segi peluang ekonomi.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
8.	Kemudahan OKU tidak mengikut piawaian dan tidak mencukupi	Peserta menyatakan bahawa kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) tidak disediakan mengikut standard yang sepatutnya. Sebagai contoh, parkir OKU mempunyai pemisah (*divider*) sedangkan mengikut piawaian, keadaan tersebut tidak diperlukan. Peserta turut menyatakan bahawa laluan pejalan kaki untuk orang buta tidak diselenggara dengan baik, termasuk keadaan brek yang rosak serta laluan yang terlalu curam.	**MBKT** menyatakan bahawa laluan OKU di sekitar Pasar Payang masih dalam keadaan baik kerana laluan tersebut masih baharu. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan kerosakan kecil di beberapa bahagian.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menyukarkan penggunaan dan menjejaskan keselamatan pengguna OKU. Bagi komuniti OKU penglihatan, kemudahan laluan juga tidak memadai atau cukup. Ada pandangan bahawa perkara ini sudah banyak kali disuarakan. Peserta menyampaikan bahawasanya banyak tempat yang tidak ada laluan untuk OKU penglihatan. Laluan yang ada kerap kali melalui atau dihalang tempat letak kenderaan atau laluan yang ada juga dihalang oleh gerai-gerai. Terdapat juga laluan untuk OKU penglihatan ke perhentian bas yang rosak. Mengikut peserta, *tile* yang digunakan oleh OKU penglihatan juga tidak wujud di institusi kerajaan seperti agensi. Ada permohonan supaya lif yang mempunyai fungsi suara juga dapat disediakan. Selain itu, trafik perlu dilengkapi siren untuk OKU penglihatan. Dan juga ada permohonan untuk satu bas dan laluan khas untuk tempat-tempat yang kerap dilalui atau dilawati komuniti OKU. Contohnya di kawasan seperti dari Jalan Fikri ke Jalan Teluk Ketapang.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
9.	Ketidakseimbangan kemudahan tandas OKU	Peserta menyatakan bahawa kemudahan tandas OKU di KTCC adalah dalam keadaan baik, namun tandas OKU di hentian bas didapati sempit dan tidak bersih. Keadaan ini menyebabkan kesukaran kepada pengguna OKU untuk menggunakannya dengan selesa. Peserta turut menyatakan bahawa tandas OKU di stesen minyak adalah lebih baik dan memenuhi keperluan pengguna berbanding kemudahan di hentian bas.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
10.	Kekurangan perkhidmatan bahasa isyarat dalam perkhidmatan kesihatan	Peserta menyatakan bahawa komuniti pekak di Malaysia ada menyediakan perkhidmatan *video call* untuk membantu komunikasi. Namun, peserta berpendapat perkhidmatan seperti ini sepatutnya turut disediakan secara rasmi oleh pihak hospital dan tidak terhad kepada inisiatif komuniti sahaja. Peserta menegaskan bahawa keperluan ini amat penting terutama dalam keadaan kecemasan yang melibatkan nyawa. Selain itu, peserta turut mencadangkan penggunaan skala tahap kesakitan berbentuk visual seperti emoji atau skala 1 hingga 10 bagi membantu pesakit, termasuk ibu	**PKD** menyatakan bahawa latihan bahasa isyarat untuk kakitangan perlu dilihat dari aspek keperluan dan keberbaloiannya memandangkan jumlah kehadiran pesakit sekitar 1,000 orang sehari, manakala pesakit pekak dan bisu yang hadir mungkin hanya seorang atau sekitar dua hingga tiga orang seminggu. Kemahiran bahasa isyarat juga berisiko hilang sekiranya tidak digunakan secara berterusan. Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, pengiring pesakit dicadangkan mempunyai kemahiran komunikasi dua hala serta kebolehan menulis atau menaip. Walau bagaimanapun, keperluan latihan khusus kepada kakitangan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mengandung, menyampaikan tahap kesakitan dengan lebih jelas kepada doktor.	masih boleh dikaji semula. Dari aspek penilaian kesakitan dan kes kecemasan, tiada isu kerana skala kesakitan dan pemeriksaan tanda vital telah digunakan. Pesakit yang tidak dapat berkomunikasi secara lisan masih boleh dinilai dan dirawat berdasarkan tanda vital seperti tekanan darah.
11.	Peluang pekerjaan yang terbatas	Kuota 1 peratus pengambilan OKU masih belum tercapai dan pelaksanaannya dilihat lebih kepada galakan berbanding dasar mandatori. Terdapat cadangan supaya ia dijadikan dasar wajib bagi memastikan peluang pekerjaan OKU lebih terjamin. Selain itu, terdapat kes di mana seorang calon OKU yang pada awalnya lulus temu duga jawatan guru telah dibatalkan, dipercayai berkaitan status OKU. Proses temu duga di Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) juga dilaksanakan bersama calon bukan OKU, walaupun terdapat pandangan bahawa OKU sepatutnya bersaing dalam kumpulan mereka sendiri.	**Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu (SPNT)** memaklumkan bahawa kekurangan pengambilan OKU berpunca daripada kurangnya permohonan daripada golongan OKU serta terdapat pemohon yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam iklan jawatan. SPNT menyarankan agar OKU yang memenuhi syarat dibantu dan digalakkan untuk memohon jawatan yang diiklankan. **Jabatan Tenaga Kerja (JTK)** menyatakan bahawa Akta Kerja 1955 tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan pengambilan pekerja OKU kerana takrif pekerja dalam akta tersebut merangkumi semua individu yang memasuki sektor pekerjaan, sama ada

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			OKU atau bukan OKU. Oleh itu, tiada ketetapan khusus yang mewajibkan majikan mengambil atau menggaji pekerja OKU. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan berkaitan diskriminasi yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Peruntukan tersebut melibatkan larangan diskriminasi dalam pekerjaan, termasuk antara pekerja biasa dengan pekerja OKU.
12.	Keperluan pusat latihan dan pengeluaran peralatan OKU	Terdapat cadangan untuk mewujudkan pusat latihan dan pengeluaran peralatan OKU bagi memenuhi keperluan komuniti tersebut. Hal ini kerana peralatan bantuan fizikal untuk OKU didapati sukar diperoleh serta mahal, dan kebanyakannya masih diimport dari luar negara. Melalui penubuhan pusat ini, komuniti OKU berpeluang untuk menerima latihan dalam pembuatan dan pembaikan peralatan bantuan tersebut. Pada masa yang sama, inisiatif ini juga dapat membuka peluang pekerjaan baharu kepada golongan OKU serta meningkatkan tahap berdikari dalam kalangan mereka.	**JKM** menyatakan bahawa di Kuala Terengganu tiada kemudahan untuk menghasilkan peralatan tiruan. Di peringkat JKM, kemudahan berkaitan prostetik terdapat di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, namun tidak meliputi alat seperti kerusi roda. HUSM Kubang Kerian pula menyediakan perkhidmatan menghasilkan kerusi roda melalui Pusat Transformasi OKU USM-MAIK. JKM lebih memberi tumpuan kepada penyediaan alat prostetik, manakala peralatan seperti alat bantu pendengaran melibatkan teknologi yang lebih kompleks. Cadangan untuk menyediakan kemudahan tersebut adalah baik, tetapi memerlukan pertimbangan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			lanjut dari aspek lokasi dan keperluan tenaga kerja kerana peralatan yang diserahkan kepada pengguna masih perlu diperiksa dan dipantau.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Pusat Bandar **Tarikh**: 24 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 12 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			• MBKT • Jabatan Kerja Raya (JKR) • Polis Diraja Malaysia (PDRM)
1.	Vandalisme berulang di PPR	Peserta menyatakan bahawa kejadian vandalisme sering berlaku di kawasan PPR Hitam dan laporan telah pun dibuat kepada pihak berwajib. Namun, aktiviti ini didapati masih berulang dari semasa ke semasa. Peserta turut menyatakan bahawa kegiatan tersebut melibatkan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan mempersoalkan keberkesanan tindakan yang diambil. Antara faktor yang dikaitkan ialah kurang perhatian keluarga, pergaulan bebas dalam kalangan kanak-kanak serta keberkesanan tindakan pencegahan oleh pihak berkuasa yang dianggap kurang berkesan.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*
2.	Kekurangan kemudahan riadah di PPR	Peserta menyatakan bahawa terdapat kekurangan kemudahan riadah di kawasan PPR Hitam, termasuk ketiadaan padang bola dan tempat aktiviti untuk penduduk. Keadaan ini disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan kolam takungan air yang tidak sesuai untuk pembangunan padang.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta turut membandingkan dengan PPR di Melaka yang didapati mempunyai kemudahan yang lebih lengkap. Keadaan ini menunjukkan jurang dalam penyediaan kemudahan antara kawasan perumahan awam yang berbeza.	
3.	Kekurangan bekalan air	Peserta menyatakan bahawa bekalan air di kawasan Masjid Tokku tidak mencukupi, terutama apabila berlaku peningkatan jumlah pengunjung seperti kedatangan pelancong dan musim perayaan. Keadaan ini menyebabkan bekalan air tidak dapat menampung keperluan penduduk dan pengunjung di kawasan tersebut. Peserta turut memaklumkan bahawa sistem catuan air terpaksa dilaksanakan bagi memastikan agihan air mencukupi untuk semua. Selain itu, peningkatan bilangan individu di kawasan tersebut turut menyebabkan masalah sampah tidak dapat ditampung serta kerap berlaku kemalangan di kawasan rumah berhampiran jalan raya.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*
4.	Kemerosotan aktiviti seni budaya	Peserta menyatakan bahawa Tanjong Pantai dahulu merupakan tempat tumpuan pelancong dan terkenal dengan aktiviti membuat tembaga. Namun selepas adanya penempatan baharu, aktiviti tersebut didapati semakin berkurang dan tidak lagi aktif seperti dahulu. Keadaan ini menyebabkan berlaku kemerosotan dalam seni budaya tempatan yang sebelum ini menjadi tarikan utama kawasan tersebut..	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Kekurangan tong sampah	Peserta menyatakan bahawa kawasan Pulau Kambing/Bandar Baru mempunyai masalah sampah yang banyak tetapi kekurangan tempat meletakkan tong sampah. Keadaan ini menyebabkan penduduk tidak mempunyai lokasi yang sesuai untuk meletakkan tong sampah. Peserta turut memaklumkan bahawa terdapat kekangan untuk meletakkan tong sampah di hadapan rumah atau kedai kerana isu bau dan ketidakselesaan kepada pemilik premis. Akibatnya, hanya terdapat satu lokasi tong sampah digunakan oleh semua, menyebabkan ia sering penuh dan tidak mampu menampung jumlah sampah.	**MBKT** menyatakan bahawa bagi kawasan penempatan atau perumahan yang mengalami kekurangan tong sampah, penduduk boleh memohon tong sampah individu secara dalam talian. Permohonan tersebut perlu mendapat persetujuan penduduk terlebih dahulu.
6.	Sistem perparitan tidak berkesan	Peserta menyatakan bahawa di kawasan Pulau Kambing/Bandar Baru, sistem perparitan di setiap lorong mempunyai longkang, namun apabila berlaku monsun dan longkang tersumbat, sistem tersebut tidak mampu menampung air dengan baik. Peserta menyatakan bahawa sebahagian besar kawasan bandar mengalami kegagalan saliran *drainage failure*, terutamanya ketika banjir besar.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta turut memaklumkan bahawa kawasan rumah di tanah rendah lebih terkesan kerana kekurangan sistem longkang yang baik pada asalnya. Sebagai perbandingan, peserta memberi contoh di Kampung Losong yang mengalami penambahbaikan saliran yang lebih baik selepas sistem perparitan dinaik taraf.	
7.	Paip air uzur	Peserta menyatakan bahawa paip air bawah tanah yang digunakan kini sudah uzur dengan usia sekitar 70 hingga 80 tahun. Pada bulan April, berlaku kebocoran paip sehingga dua kali dalam seminggu. Peserta turut menyatakan bahawa tempoh hayat paip sepatutnya sekitar 20 tahun sahaja, namun paip yang sedia ada telah melebihi tempoh tersebut. Selain itu, kerja-kerja pembaikan paip juga didapati tidak sempurna kerana jalan yang dikorek tidak dibaiki semula dengan baik, seperti yang berlaku di kawasan Simpang 4 Shell.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*
8.	Pembangunan tidak terancang	Peserta menyatakan bahawa di kawasan Sri Tanjong, pembangunan rumah didapati tidak tersusun dengan baik. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap risiko kawasan perumahan yang boleh terkurung akibat banjir. Peserta turut menyatakan bahawa pembangunan rumah di sekitar kawasan tersebut	**MBKT** memaklumkan bahawa kawasan tanah hak milik persendirian di bandar banyak dibangunkan secara tidak tersusun. Perancangan perumahan yang lebih teratur lebih mudah dilaksanakan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		boleh memberi kesan kepada aliran air dan keadaan persekitaran jika tidak dirancang dengan betul.	bagi pembangunan baharu. Sebelum ini, Jabatan Perancang Bandar bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membawa cadangan berkaitan pembaharuan semula bandar untuk dibentangkan di Parlimen melalui Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar. Namun, rang undang-undang tersebut telah ditarik balik untuk penelitian semula berikutan pertikaian daripada beberapa pihak. Pada peringkat pihak berkuasa tempatan, penstrukturan kawasan sedia ada adalah sukar dan lebih mudah dilaksanakan melalui projek pembangunan baharu.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
9.	Kesesakan dan keselamatan jalan Pasir Panjang	Peserta menyatakan bahawa Jalan Pasir Panjang adalah sempit dan sering mengalami kesesakan terutamanya pada waktu puncak seperti waktu pulang sekolah. Keadaan ini menjadi lebih serius kerana terdapat sekitar lima buah sekolah di sepanjang jalan tersebut. Peserta turut memaklumkan bahawa jalan tersebut tidak dapat dilebarkan kerana sebahagian kawasan adalah milik persendirian. Peserta mencadangkan pembinaan *flyover* memandangkan Kuala Terengganu mempunyai kekurangan struktur tersebut. Selain itu, peserta menyatakan tempoh lampu pejalan kaki yang singkat turut membahayakan pengguna jalan raya. Terdapat juga beberapa kes kemalangan melibatkan pelajar sekolah yang berlaku di kawasan tersebut dalam tempoh sekitar setahun.	**JKR** memaklumkan bahawa pembinaan KT-Bypass akan menjadi laluan alternatif bagi mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Pasir Panjang.
10.	Tekanan air rendah	Peserta menyatakan bahawa di Kampung Sungai Derhaka, kawasan tersebut sering mengalami tekanan air yang rendah. Keadaan ini menyebabkan bekalan air menjadi perlahan dan tidak mencukupi untuk kegunaan harian penduduk. Peserta turut memaklumkan bahawa akibat tekanan air yang rendah, penduduk terpaksa menggunakan pam air untuk memastikan bekalan air dapat digunakan dengan lebih baik.	*Agensi terlibat tidak hadir sesi libat urus*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
11.	Sosial dan keselamatan komuniti setempat	Kebanyakan golongan muda dilaporkan berhijrah ke bandar untuk bekerja, menyebabkan sebahagian kawasan kampung hanya didiami oleh golongan warga emas. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan penduduk yang tinggal, khususnya golongan tua yang lebih terdedah kepada risiko. Selain itu, terdapat isu penagihan dadah yang dilaporkan berlaku di kawasan Lorong Lima, yang menimbulkan suasana tidak selamat dan membimbangkan penduduk setempat. Beberapa kes pecah masuk rumah juga pernah berlaku ketika tuan rumah keluar bekerja. Perkara ini meningkatkan keresahan dalam kalangan komuniti. Walaupun begitu, terdapat usaha kawalan keselamatan melalui rondaan pihak polis bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman kawasan terus terpelihara.	**PDRM** menyatakan bahawa tiada laporan berkaitan kes pecah rumah di kawasan tersebut. Rondaan menggunakan MPV dan motosikal turut dijalankan secara berkala. PDRM mencadangkan agar Skim Rondaan Sukarela (SRS) Rukun Tetangga diaktifkan semula sekiranya pernah diwujudkan di kawasan berkenaan.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Peniaga **Tarikh**: 24 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 7 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 1 kumpulan			• MBKT • PDKT • APAD
1.	Kesesakan dan akses masuk Pasar Payang	Peserta menyatakan bahawa akses masuk ke Pasar Payang hanya melalui satu laluan utama iaitu berhampiran Hotel Seri Malaysia, manakala terdapat dua laluan keluar. Keadaan ini menyebabkan kesesakan terutama pada waktu puncak. Peserta mencadangkan supaya dibuka laluan tambahan dengan menukar salah satu laluan keluar menjadi laluan masuk bagi menjadikan aliran trafik dua hala. Peserta turut memaklumkan bahawa perkara ini pernah dibincangkan secara tidak rasmi dengan pegawai bandaraya dan masih dalam perbincangan.	**MBKT** menyatakan bahawa bagi menambah baik aliran trafik di sekitar Pasar Payang, terdapat cadangan untuk mewujudkan laluan sehala dari Syahbandar menghala ke Pasar Payang. Pada masa ini, kenderaan yang tidak mendapat tempat letak kereta perlu melalui Kampung Cina untuk membuat pusingan U sebelum kembali ke Pasar Payang. Cadangan laluan sehala ini membolehkan kenderaan menggunakan jalan di belakang majlis untuk kembali ke Pasar Payang tanpa perlu melalui Kampung Cina. Selain itu, terdapat satu lagi laluan masuk ke Pasar Payang melalui Jalan Sultan Zainal Abidin. Cadangan laluan sehala adalah bagi melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Kekurangan parkir semasa musim cuti	Peserta menyatakan bahawa pada musim cuti, kemudahan parkir di kawasan bandar tidak mencukupi. Walaupun terdapat parkir satelit, lokasinya jauh dan lebih kerap digunakan oleh peniaga berbanding pengunjung. Peserta turut menyatakan bahawa kawasan parkir yang dahulu lebih mudah diakses telah digantikan dengan pembangunan seperti Paya Bunga Square dan UTC, yang memberi kesan kepada kapasiti parkir sedia ada. Peserta berpendapat pembangunan berskala besar tidak semestinya memenuhi keperluan komuniti jika aspek parkir tidak diambil kira.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
3.	Penurunan pendapatan peniaga kecil	Peserta menyatakan bahawa hasil jualan peniaga semakin berkurang disebabkan peningkatan kos operasi, yang menyebabkan kuasa membeli turut menurun. Dianggarkan sekitar 50 peratus kuasa membeli masyarakat berkurang. Peserta turut menyatakan terdapat aktiviti jualan tanpa lesen yang menawarkan harga lebih murah, menyebabkan pembeli beralih kepada penjual tersebut. Selain itu, kewujudan pasar raya seperti Econsave juga memberi kesan kepada peniaga kecil apabila berlaku persaingan harga antara pasar dan pasar raya.	**MBKT** menyatakan bahawa Pasar Payang merupakan antara kawasan yang mencatatkan hasil jualan dan pendapatan peniaga yang tinggi. Isu peniaga tanpa lesen juga telah berkurang selepas tindakan diambil oleh pihak majlis, walaupun masih terdapat sebilangan kecil yang beroperasi. Sebelum ini terdapat gerai buah-buahan di kawasan sekitar Pasar Payang, namun peniaga tersebut kini telah ditempatkan di dalam Pasar Payang.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta menambah bahawa perubahan corak perniagaan juga berlaku, di mana peniaga kini tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada jualan fizikal dan perlu beralih kepada platform dalam talian, dengan kebergantungan sekitar 80% kepada jualan atas talian,	
4.	Ketidakseimbangan lokasi dan sewaan peniaga Pasar Payang	Peserta menyatakan bahawa kedudukan gerai di Pasar Payang mempengaruhi hasil jualan peniaga. Peniaga yang berada di lokasi hadapan seperti di kawasan tumpuan utama mendapat jualan yang lebih tinggi, manakala peniaga di bahagian hujung atau berhadapan kawasan parkir kadangkala mengalami tempoh jualan yang sangat perlahan. Peserta mencadangkan agar dibuat analisis semula terhadap struktur sewaan, termasuk kemungkinan menetapkan kadar sewa yang berbeza berdasarkan lokasi gerai dan bukan hanya berdasarkan jenis jualan.	**MBKT** menyatakan bahawa kadar sewa di Pasar Payang ditetapkan mengikut keluasan dan lokasi gerai, dengan kadar antara RM100 hingga RM1,000. Kadar tersebut dianggap rendah dan tidak termasuk premis yang disewakan melalui proses bidaan, yang mempunyai kadar lebih tinggi. **Pejabat Daerah Kuala Terengganu** menyatakan bahawa sesi libat urus dengan peniaga pasar sering dijalankan. Berdasarkan keadaan semasa, apabila seseorang peniaga keluar dari premis, kekosongan tersebut biasanya akan diisi oleh peniaga lain dalam tempoh yang singkat kerana terdapat senarai menunggu.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Lambakan peniaga tanpa lesen di tepi jalan	Peserta menyatakan terdapat lambakan peniaga buah di tepi jalan yang beroperasi di luar kawasan pasar. Perbezaan harga juga ketara, contohnya buah dijual sekitar RM12 sekilo di pasar, manakala di luar hanya sekitar RM7 sekilo. Peserta turut menyatakan bahawa peniaga luar tidak perlu membayar tapak jualan dan kos berkaitan, menyebabkan mereka mampu menjual dengan harga lebih rendah dan memberi kesan kepada peniaga berlesen di dalam pasar.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
6.	Ketidakcekapan perkhidmatan bas awam	Peserta menyatakan bahawa penggunaan bas awam masih rendah kerana masa menunggu yang lama, iaitu sekitar 30 minit. Keadaan ini menyebabkan orang ramai kurang berminat untuk menggunakan pengangkutan awam. Peserta turut menyatakan bahawa kebanyakan penumpang bas terdiri daripada warga asing. Sebagai perbandingan, peserta memberi contoh di United Kingdom yang mempunyai kekerapan bas sekitar 15 minit, yang dilihat lebih berkesan dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta mengurangkan kesesakan lalu lintas.	**APAD** menyatakan bahawa kekerapan perkhidmatan bas adalah setiap 30 minit dan 60 minit pada waktu puncak, serta 90 minit pada waktu bukan puncak, tertakluk kepada kontrak sedia ada bagi laluan MyBAS. Cadangan perubahan laluan ke KTCC dan Mayang Mall masih dalam perancangan. Bagi laluan antara bandar, masa menunggu adalah sekitar 30 minit dengan jumlah hentian yang banyak. Pergerakan bas dipantau melalui sistem GPS bagi memastikan perkhidmatan mengikut laluan yang ditetapkan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal **Tarikh**: 24 Mei 2026 **Bilangan peserta**: 13 orang **Kaedah FGD**: Perbincangan dalam 2 kumpulan			• PDRM • MBKT • PKD • SKMM
1.	Kes kecurian di Flat Gelong Bilal	Peserta menyatakan bahawa sering berlaku kes kecurian di Flat Gelong Bilal, termasuk kehilangan *side mirror* motosikal dan kes minyak motosikal disedut. Kejadian ini kerap dimaklumkan melalui kumpulan penduduk. Peserta turut menyatakan bahawa kawasan tersebut tidak mempunyai CCTV dan tidak dapat dipastikan sama ada pelaku adalah dari dalam kawasan flat atau orang luar. Selain itu, rondaan polis didapati tidak kerap, dan walaupun terdapat cadangan Rukun Tetangga, pelaksanaannya dilihat kurang aktif.	**PDRM** menyatakan bahawa semakan bagi tempoh tiga tahun mendapati tiada laporan berkaitan kes kecurian di Flat Gelong Bilal. Kejadian yang berlaku mungkin tidak dilaporkan dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan komuniti. Kawasan tersebut juga tidak mempunyai CCTV, walaupun rondaan menggunakan MPV dan motosikal dijalankan oleh PDRM. PDRM mencadangkan pemasangan CCTV bagi membantu mendapatkan bukti sekiranya berlaku kejadian, khususnya kerana kejadian mungkin melibatkan kanak-kanak atau penduduk setempat. PDRM turut mencadangkan agar Rukun Tetangga diaktifkan di kawasan flat tersebut. Sebagai perbandingan, Flat Gemilang di Ladang menunjukkan pengurangan kes selepas Rukun Tetangga diaktifkan. **MBKT** menyatakan bahawa pemasangan CCTV boleh dipohon melalui Program Bandar Selamat di bawah PLANMalaysia yang menyediakan peruntukan bagi tujuan tersebut. Di Terengganu, terdapat 17 CCTV, iaitu tujuh di

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			pusat bandar dan 10 di lokasi tumpuan pelancong. Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan hanya dibuka setiap dua tahun. Sistem CCTV sedia ada juga mempunyai kapasiti penyimpanan yang terhad dan hanya mampu menyimpan rakaman selama kira-kira seminggu. Penambahan CCTV tanpa menaik taraf sistem akan memendekkan tempoh penyimpanan rakaman, justeru sistem ICT perlu dinaik taraf terlebih dahulu.
2.	Kelayakan bantuan JKM bagi penerima SOCSO	Peserta menyatakan terdapat kes ibu tunggal berumur 71 tahun yang tidak layak menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana sudah menerima bantuan SOCSO sebanyak RM400 sebulan. Walaupun permohonan telah dibuat, pihak JKM memaklumkan bahawa beliau tidak memenuhi syarat kelayakan bantuan. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai keperluan semakan semula kriteria bantuan bagi memastikan golongan warga emas dan ibu tunggal yang berpendapatan rendah tidak terpinggir.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Bantuan JKM tidak mencukupi	Peserta menyatakan terdapat ibu tunggal yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM200 sebulan. Namun, jumlah tersebut tidak mencukupi kerana hampir keseluruhannya digunakan untuk membayar sewa rumah. Keadaan ini menunjukkan bahawa kadar bantuan sedia ada tidak lagi selari dengan kos sara hidup semasa, terutama bagi golongan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan kewangan asas.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*
4.	Ketelusan agihan bantuan	Peserta menyatakan terdapat dakwaan bahawa pihak MPKK dan penghulu memilih individu tertentu untuk menerima bantuan. Keadaan ini menimbulkan persepsi bahawa agihan bantuan tidak dibuat secara adil dan menyeluruh kepada semua yang layak.	*Tiada maklum balas bagi isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Peserta mempersoalkan ketelusan proses pemilihan penerima bantuan dan mencadangkan agar sistem agihan dibuat dengan lebih terbuka dan berasaskan kriteria yang jelas.	
5.	Kesukaran penggunaan aplikasi MySejahtera dan akses kesihatan	Peserta menyatakan bahawa undang-undang atau keperluan baharu yang mewajibkan penggunaan aplikasi MySejahtera menyukarkan sebahagian ibu tunggal, khususnya mereka yang kurang mahir teknologi. Peserta turut mencadangkan supaya Klinik 1 Malaysia diwujudkan semula kerana lokasi yang lebih dekat dan mudah diakses dan seterusnya memudahkan urusan kesihatan harian golongan berpendapatan rendah.	**PKD** menyatakan bahawa pihak kesihatan menyediakan kakitangan di barisan hadapan untuk membantu warga emas dan golongan yang memerlukan dalam urusan janji temu, pendaftaran digital dan penggunaan aplikasi berkaitan. Pendigitalan kini dilaksanakan oleh pelbagai agensi, bukan hanya sektor kesihatan. JPKK boleh membantu mengenal pasti golongan yang memerlukan bimbingan serta mengadakan pengajaran penggunaan aplikasi di lokasi seperti perpustakaan atau balai raya, khususnya bagi aplikasi yang kerap digunakan. Bagi Klinik 1Malaysia di Kuala Terengganu, perkhidmatan tersebut telah dihentikan kerana memerlukan tenaga kerja, yang kini lebih difokuskan kepada lokasi yang mempunyai keperluan lebih tinggi. Selain itu, pesakit di Klinik 1Malaysia akhirnya masih perlu dirujuk kepada doktor bagi mendapatkan rawatan atau ubat yang lebih sesuai kerana klinik tersebut hanya mempunyai Penolong Pegawai Perubatan. Klinik hiliran juga sedang dalam proses pembinaan dan dijangka menyediakan dua klinik besar di Kuala Terengganu.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Pendaftaran secara digital turut membantu mengurangkan masa menunggu bagi pesakit yang mempunyai janji temu. **SKMM** menyatakan bahawa terdapat Pusat NADI di Terengganu yang boleh digunakan untuk membantu masyarakat meningkatkan literasi digital. Setiap NADI mempunyai 10 hingga 20 komputer dengan kelajuan internet 100 Mbps serta dua petugas tetap, iaitu pengurus dan penolong pengurus. Bagi Kuala Terengganu, terdapat enam NADI baharu. SKMM memerlukan kerjasama untuk mengenal pasti orang awam yang boleh dibawa ke NADI bagi mengikuti program literasi digital. SKMM turut memaklumkan bahawa pendaftaran akaun media sosial bagi kanak-kanak berumur 16 tahun ke bawah akan ditapis dan dilarang. Antara mekanisme yang sedang dipertimbangkan ialah penggunaan MyDigital ID atau pasport bagi membolehkan pengesanan pengguna. SKMM turut bercadang melibatkan influencer, khususnya yang mempunyai sehingga 8 juta pengikut, untuk membantu menapis pengikut berumur 19 tahun ke bawah. Tindakan boleh diambil sekiranya influencer gagal melaksanakan penapisan tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
6.	Penyalahgunaan dadah di Flat PPR Hiliran	Terdapat laporan aktiviti penagihan dadah di Flat PPR Hiliran, khususnya di Blok B. Penduduk turut memaklumkan kewujudan individu yang dipercayai sebagai pengedar dadah, yang pernah ditangkap tetapi didakwa kembali aktif selepas itu. Keadaan ini memberi kesan negatif kepada anak muda yang mudah terpengaruh. Isu ini melibatkan keseluruhan kawasan Flat PPR Hiliran yang merangkumi Blok A, Blok B dan Blok C, serta menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat.	**PDRM** menyatakan bahawa bagi Flat PPR Hiliran, sebanyak empat kes direkodkan dari Januari hingga Julai 2026, melibatkan empat tangkapan dengan jumlah rampasan sebanyak 13.27 gram. Bagi laporan berkaitan kes kecurian, maklumat lanjut belum dinyatakan.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan Program Pengukuhan Ekonomi bagi Golongan OKU

Isu kekurangan program yang khusus bagi memperkukuh ekonomi golongan orang kurang upaya (OKU) di Parlimen Kuala Terengganu menjadi antara cabaran utama dalam usaha meningkatkan peluang ekonomi dan kemandirian golongan tersebut. Peserta menyatakan bahawa projek yang melibatkan golongan OKU masih terhad dan tidak dilaksanakan secara berterusan. Sebagai contoh, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebelum ini pernah menerima geran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk melaksanakan projek penanaman cendawan yang melibatkan golongan pekak. Namun, selepas projek tersebut tamat dalam tempoh sekitar setahun, tiada projek susulan yang diteruskan. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperbanyakkan projek ekonomi yang dirancang khusus untuk golongan OKU serta memastikan kesinambungan projek selepas tempoh pembiayaan berakhir. Program yang berterusan dan berasaskan potensi komuniti dapat membantu golongan OKU memperoleh kemahiran, menjana pendapatan dan meningkatkan tahap kemandirian ekonomi mereka.

Kekurangan Projek Ekonomi yang Khusus untuk Golongan OKU

Komuniti di Parlimen Kuala Terengganu menyatakan bahawa peluang untuk golongan OKU menyertai projek ekonomi yang khusus dan bersesuaian dengan keupayaan mereka masih terhad. Projek penanaman cendawan yang pernah dilaksanakan dengan penglibatan golongan pekak dilihat sebagai contoh inisiatif yang dapat memberikan peluang ekonomi kepada golongan OKU. Namun, projek tersebut tidak diteruskan selepas tamat tempoh pelaksanaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa projek ekonomi untuk golongan OKU memerlukan perancangan jangka panjang, termasuk sokongan dari segi pembiayaan, latihan, pemantauan dan pemasaran bagi memastikan manfaat projek dapat dikekalkan. Menurut laporan World Bank (2022), individu OKU sering menghadapi halangan dalam mengakses pendidikan, latihan kemahiran, pekerjaan dan peluang ekonomi. Kekangan ini boleh menjadi lebih ketara apabila program pembangunan tidak mengambil kira keperluan khusus golongan OKU. Oleh itu, penyediaan projek ekonomi yang direka bentuk secara inklusif dan berdasarkan keupayaan peserta adalah penting bagi meningkatkan peluang mereka untuk menjana pendapatan dan mencapai kemandirian ekonomi (World Bank, 2022).

Cabaran Peluang Pekerjaan dan Pelaksanaan Kuota Pengambilan OKU

Selain peluang keusahawanan dan projek ekonomi, komuniti turut membangkitkan isu berkaitan peluang pekerjaan bagi golongan OKU. Kuota 1 peratus pengambilan OKU dalam sektor pekerjaan masih dilihat belum mencapai sasaran dan pelaksanaannya

dianggap lebih berbentuk galakan berbanding dasar yang benar-benar mandatori. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap peluang golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan bersesuaian dengan kelayakan mereka. Cabaran ini selari dengan trend global. Menurut ILO (2022), golongan OKU secara global mempunyai kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih rendah dan kadar pengangguran yang lebih tinggi berbanding individu tanpa OKU. ILO turut menekankan bahawa diskriminasi, halangan dalam proses pengambilan pekerja dan kekurangan penyesuaian yang munasabah di tempat kerja antara faktor yang mengehadkan penyertaan golongan OKU dalam pasaran buruh. Oleh itu, usaha meningkatkan peluang pekerjaan OKU memerlukan pelaksanaan dasar yang lebih berkesan serta mekanisme sokongan yang dapat memastikan golongan ini mempunyai akses yang sama kepada pekerjaan.

Cabaran Akses OKU dalam Proses Pengambilan Pekerjaan

Komuniti turut berkongsi pengalaman berkaitan cabaran yang dihadapi oleh calon OKU dalam proses pengambilan pekerjaan. Antaranya ialah kes seorang calon OKU yang pada awalnya lulus temu duga bagi jawatan guru tetapi kemudiannya dibatalkan, yang dipercayai berkaitan dengan status OKU calon tersebut. Selain itu, proses temu duga yang melibatkan calon OKU bersama calon bukan OKU turut dilihat sebagai satu cabaran, khususnya apabila terdapat keperluan yang berbeza dari segi keupayaan dan bentuk penilaian. Isu ini turut memberi kesan kepada calon OKU penglihatan kategori B2 dalam mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian. Menurut *World Health Organization* (2022), golongan OKU sering menghadapi halangan dalam mendapatkan pekerjaan akibat stigma, diskriminasi dan persekitaran yang tidak inklusif. Pada peringkat global, Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya turut menekankan hak golongan OKU untuk mendapatkan peluang pekerjaan secara sama rata serta bebas daripada diskriminasi. Oleh itu, proses pengambilan pekerja perlu memastikan penilaian dibuat secara adil berdasarkan keupayaan, kemahiran dan kelayakan calon, di samping menyediakan penyesuaian yang munasabah mengikut keperluan individu OKU.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan projek ekonomi yang khusus dan bersesuaian dengan keupayaan golongan OKU. 2. Program dan projek ekonomi untuk golongan OKU tidak dilaksanakan secara berterusan selepas tamat tempoh geran atau pembiayaan. 3. Kekurangan projek susulan yang dapat memastikan kesinambungan kemahiran dan sumber pendapatan golongan OKU.

	4. Pelaksanaan kuota 1 peratus pengambilan OKU yang masih belum mencapai sasaran dan dilihat lebih berbentuk galakan berbanding mandatori. 5. Cabaran yang dihadapi oleh calon OKU dalam proses pengambilan pekerjaan, termasuk kebimbangan berkaitan diskriminasi berdasarkan status OKU. 6. Proses pengambilan dan temu duga pekerjaan yang kurang mengambil kira keperluan serta bentuk penilaian yang bersesuaian dengan calon OKU. 7. Cabaran akses kepada peluang pekerjaan dalam kalangan OKU penglihatan, termasuk kategori B2, yang mengehadkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.
Cadangan Penyelesaian	1. Mewujudkan lebih banyak projek ekonomi inklusif yang dirancang khusus berdasarkan keupayaan, kemahiran dan potensi golongan OKU. 2. Menyediakan mekanisme kesinambungan projek selepas tamat tempoh geran melalui pembiayaan susulan, pemantauan dan bimbingan berterusan. 3. Mewujudkan program pembangunan ekonomi OKU yang menggabungkan latihan kemahiran, keusahawanan, pemasaran dan akses kepada pasaran. 4. Memperkukuh pelaksanaan kuota 1 peratus pengambilan OKU melalui pemantauan dan mekanisme pelaksanaan yang lebih berkesan. 5. Memastikan proses pengambilan pekerjaan dilaksanakan secara adil dan bebas daripada diskriminasi berdasarkan status OKU. 6. Menambah baik proses temu duga dan penilaian pekerjaan dengan menyediakan penyesuaian yang munasabah mengikut keperluan calon OKU. 7. Memperluas peluang pekerjaan yang bersesuaian untuk golongan OKU penglihatan serta meningkatkan akses kepada latihan dan pembangunan kemahiran.

Kumpulan Sasaran	Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)
Kawasan	Wakaf Beruas, Kuala Terengganu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	**SASARAN SDG BERKAITAN**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.5: Menjelang 2030, menghapuskan jurang perbezaan gender dalam pendidikan serta memastikan akses sama rata bagi semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk kumpulan berisiko, termasuk orang kurang upaya, orang asli, dan kanak-kanak berisiko.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kekurangan Peluang Pekerjaan dan Aktiviti Belia

Isu kekurangan peluang pekerjaan dan aktiviti belia di Parlimen Kuala Terengganu menjadi antara cabaran utama dalam usaha meningkatkan pembangunan belia dan ekonomi setempat. Berdasarkan dapatan perbincangan bersama komuniti, golongan belia berdepan dengan kekurangan peluang pekerjaan yang bersesuaian, kadar gaji yang rendah serta peluang yang terhad untuk mengembangkan perniagaan. Keadaan ini turut mendorong sebahagian belia untuk berhijrah ke luar negeri bagi mendapatkan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik. Pada masa yang sama, kekurangan ruang dan pusat aktiviti belia yang khusus menyebabkan persatuan dan golongan belia mempunyai keterbatasan untuk menjalankan aktiviti sosial, sukan dan pembangunan komuniti.

Walaupun kadar pengangguran keseluruhan di Terengganu menunjukkan penurunan daripada 3.4 peratus pada tahun 2023 kepada 3.1 peratus pada tahun 2024, isu berkaitan kualiti pekerjaan, kadar upah dan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan keperluan golongan muda masih perlu diberi perhatian. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut menjadikan kadar pengangguran, gaji dan upah serta kadar belia yang tidak

bekerja, tidak mengikuti pendidikan atau latihan (NEET) sebagai antara indikator penting dalam menilai pencapaian pekerjaan yang produktif dan pekerjaan yang baik. Oleh itu, isu ini secara langsung memberi kesan kepada peluang pembangunan potensi belia, penyertaan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan serta pertumbuhan ekonomi setempat di Kuala Terengganu.

Kekurangan Pusat Aktiviti dan Ruang untuk Golongan Belia

Komuniti di Parlimen Kuala Terengganu menyatakan bahawa masih belum terdapat pusat aktiviti belia khusus yang boleh digunakan oleh persatuan dan golongan belia untuk menjalankan aktiviti sosial, sukan dan pembangunan komuniti. Permohonan untuk mewujudkan pusat tersebut telah dikemukakan sejak tahun 2023 melalui Majlis Perunding Belia, namun sehingga kini masih belum direalisasikan. Walaupun terdapat kemudahan seperti Pejabat Belia, penggunaannya dilihat masih terhad dan tidak dapat memenuhi keseluruhan keperluan golongan belia. Selain itu, kos sewaan fasiliti sukan seperti stadium bagi menjalankan aktiviti badminton turut menjadi beban kepada persatuan belia. Pembangunan kawasan yang sebelum ini menjadi tempat berkumpul golongan belia seperti Pulau Duyung juga menyebabkan belia kehilangan ruang sosial untuk menjalankan aktiviti bersama.

Keperluan terhadap ruang dan platform aktiviti belia turut diberi perhatian di peringkat nasional. Sebagai contoh, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui inisiatif Rakan Muda telah mempergiat pelaksanaan program di setiap daerah bagi memperkukuh penyertaan belia dalam aktiviti sosial dan pembangunan komuniti. Pada tahun 2024, tambahan dana sebanyak RM3 juta turut diumumkan bagi memperluas pelaksanaan program berkaitan belia. Hal ini menunjukkan bahawa penyediaan ruang dan platform yang sesuai merupakan salah satu komponen penting dalam menggalakkan penglibatan belia. Dalam konteks Kuala Terengganu, kekurangan ruang aktiviti khusus boleh mengehadkan penyertaan belia dalam aktiviti sosial, sukan dan kemasyarakatan serta mengurangkan peluang untuk membentuk jaringan dan kepimpinan belia di peringkat komuniti.

Kekurangan Akses kepada Geran dan Platform Pemasaran Perniagaan Belia

Komuniti turut menyuarakan bahawa peluang geran perniagaan yang tersedia masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan golongan belia yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan. Walaupun terdapat belia yang telah menjalankan perniagaan sendiri, mereka masih berdepan dengan kekangan untuk mendapatkan platform pemasaran yang lebih luas bagi meningkatkan pasaran dan mengembangkan perniagaan. Peserta turut memberikan contoh bantuan geran yang disediakan oleh SME Corp Malaysia, termasuk geran permulaan sehingga RM15,000 melalui program tertentu,

namun bantuan tersebut dilihat masih terhad berbanding keperluan sesetengah usahawan belia. Selain kekangan dari segi jumlah bantuan, terdapat juga belia yang kurang mendapat pendedahan mengenai kewujudan geran dan skim bantuan yang ditawarkan oleh agensi berkaitan.

Keperluan untuk memperluas sokongan kepada usahawan muda turut dapat dilihat melalui pelaksanaan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp Malaysia. Sehingga tahun 2024, program tersebut dilaporkan telah melatih 8,543 belia dengan jumlah geran perniagaan sebanyak RM125.84 juta. Program TUBE juga menunjukkan bahawa sokongan dalam bentuk latihan dan bantuan kewangan merupakan antara mekanisme yang digunakan untuk menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, dapatan komuniti di Kuala Terengganu menunjukkan bahawa cabaran bukan hanya berkaitan dengan akses kepada bantuan kewangan, tetapi turut melibatkan akses kepada maklumat, peluang pemasaran dan platform untuk mengembangkan perniagaan. Oleh itu, sokongan keusahawanan yang lebih menyeluruh dan mudah dicapai oleh belia tempatan diperlukan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan secara berterusan.

Kurangnya Kesedaran dan Minat Belia terhadap Keusahawanan

Perbincangan bersama komuniti turut mengenal pasti kurangnya kesedaran dan minat dalam kalangan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Peserta menyatakan bahawa sebahagian belia kini lebih cenderung kepada bidang lain yang dilihat lebih menarik, termasuk kerjaya sebagai influencer, berbanding membangunkan perniagaan sendiri. Keadaan ini boleh mengehadkan penyertaan belia dalam aktiviti keusahawanan dan mengurangkan potensi mereka untuk menjana pendapatan secara kendiri. Peserta turut menyatakan bahawa Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah menjalankan program turun ke sekolah bagi memberikan motivasi dan meningkatkan kesedaran pelajar terhadap peluang pembangunan diri dan kerjaya.

Usaha untuk meningkatkan minat dan kesedaran belia terhadap keusahawanan turut dilaksanakan melalui program pembangunan belia di peringkat nasional. Sebagai contoh, Program Youth Summer Camp 2024 yang melibatkan kerjasama beberapa organisasi memberi penekanan kepada aspek kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan dalam pembangunan golongan muda. Selain itu, Program TUBE yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia dilaporkan telah menghasilkan 13,866 peluang pekerjaan dan RM154.38 juta dalam jualan terkumpul bagi tempoh 2014 hingga 2023, menunjukkan bahawa program keusahawanan yang disertai dengan latihan dan sokongan berstruktur berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi belia. Dalam konteks Kuala Terengganu, pendekatan yang lebih dekat dengan golongan belia, termasuk pendedahan sejak di bangku sekolah, bimbingan berterusan dan pendedahan kepada kisah kejayaan

usahawan muda, boleh dipertingkatkan bagi meningkatkan minat terhadap bidang keusahawanan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Ketiadaan pusat aktiviti belia khusus yang boleh digunakan oleh persatuan dan golongan belia untuk menjalankan aktiviti sosial, sukan, pembangunan komuniti dan program kepimpinan belia. 2. Kos sewaan kemudahan sukan yang tinggi, termasuk penggunaan stadium bagi aktiviti seperti badminton, membebankan persatuan belia dan mengehadkan penganjuran aktiviti secara berterusan. 3. Akses kepada geran dan bantuan perniagaan bagi golongan belia masih dilihat terhad, manakala sebahagian belia yang telah menjalankan perniagaan menghadapi kesukaran mendapatkan platform pemasaran yang lebih luas. 4. Kurangnya kesedaran dan minat sebahagian golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai salah satu sumber pendapatan dan peluang kerjaya.
Cadangan Penyelesaian	1. Mewujudkan sebuah pusat aktiviti belia khusus di Parlimen Kuala Terengganu yang boleh digunakan oleh persatuan dan golongan belia untuk aktiviti sosial, sukan, keusahawanan, kepimpinan dan pembangunan komuniti. 2. Memperluas dan menaik taraf kemudahan belia sedia ada agar dapat digunakan secara lebih optimum oleh persatuan dan golongan belia. 3. Menyediakan kemudahan sukan yang lebih mudah diakses dan berpatutan, termasuk kadar sewaan khas atau subsidi penggunaan kemudahan bagi persatuan belia. 4. Mewujudkan semula atau menyediakan ruang sosial alternatif yang selamat dan sesuai sebagai tempat pertemuan serta aktiviti komuniti belia.

	5. Memperluas akses kepada geran dan pembiayaan perniagaan khusus untuk usahawan belia serta memudahkan proses permohonan bantuan melalui hebahan dan saluran yang lebih mudah dicapai. 6. Menyediakan program bimbingan keusahawanan secara berterusan yang merangkumi pengurusan perniagaan, pemasaran digital, penjenamaan, akses kepada pembiayaan dan pengembangan pasaran.
Kumpulan Sasaran	Belia
Kawasan	Kampung Ladang, Kuala Terengganu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	**SASARAN SDG BERKAITAN**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kemerosotan Sumber Perikanan dan Cabaran Operasi Nelayan

Isu kemerosotan sumber perikanan dan cabaran operasi nelayan di Parlimen Kuala Terengganu menjadi antara cabaran utama yang memberi kesan kepada kelangsungan aktiviti perikanan dan pendapatan komuniti nelayan setempat. Peserta menyatakan bahawa hasil tangkapan ikan semakin berkurang dan kawasan tangkapan kini semakin jauh dari pesisir pantai berbanding sebelumnya. Keadaan ini dikaitkan oleh peserta dengan penggunaan pukat tunda yang dipercayai menjejaskan kawasan pembiakan ikan serta menyebabkan anak ikan turut terperangkap ketika proses penundaan. Kebimbangan terhadap kelestarian sumber perikanan turut mendapat perhatian di peringkat negeri apabila Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan program

penempatan tukun tiruan penghalang pukat tunda juvenil di perairan Kuala Terengganu dan kawasan sekitarnya sebagai salah satu usaha pemuliharaan dan pengayaan sumber perikanan marin. Pada tahun 2023, sebanyak 12 unit tukun tiruan penghalang pukat tunda juvenil telah dilabuhkan di perairan Batu Buruk dan Pulau Kapas, manakala kerajaan negeri turut memperuntukkan RM1 juta bagi penempatan tukun tiruan di perairan Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Setiu (Jabatan Perikanan Malaysia, 2023).

Selain cabaran berkaitan sumber perikanan, komuniti nelayan turut berdepan dengan kekurangan kemudahan asas di pangkalan nelayan serta masalah teknikal dalam penggunaan aplikasi bagi urusan pendaftaran dan permohonan. Walaupun terdapat pangkalan nelayan yang telah dibina dengan bantuan daripada LKIM, kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik masih belum disediakan. Pada masa yang sama, penggunaan aplikasi digital bagi urusan rasmi turut menimbulkan kesukaran kepada sebahagian nelayan akibat gangguan teknikal, prestasi sistem yang perlahan dan kekangan pemilikan peranti yang sesuai. Kesemua cabaran ini menunjukkan bahawa isu perikanan di Parlimen Kuala Terengganu bukan sahaja berkaitan dengan sumber ikan, tetapi turut melibatkan aspek pengurusan sumber, kemudahan infrastruktur dan akses kepada perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh komuniti nelayan. Jabatan Perikanan Malaysia sendiri menyatakan bahawa pengurusan sumber perikanan secara mapan penting bagi menjamin bekalan makanan negara serta meningkatkan pendapatan nelayan.

Kemerosotan Hasil Tangkapan dan Penggunaan Pukat Tunda

Komuniti nelayan di Parlimen Kuala Terengganu menyatakan bahawa hasil tangkapan ikan semakin berkurang berbanding dahulu. Keadaan ini dikaitkan dengan peningkatan penggunaan pukat tunda yang dilihat telah menjejaskan kawasan pembiakan ikan dan sumber perikanan di perairan sekitar. Peserta turut memberikan contoh bahawa sekitar tahun 1980-an hingga 1990-an, ikan aji-aji lebih mudah diperoleh apabila unjang dipasang. Namun, bermula pada hujung tahun 1990-an sehingga kini, ikan tersebut semakin sukar ditemui. Perubahan ini dilihat berlaku seiring dengan peningkatan penggunaan pukat tunda dalam tempoh tersebut. Kebimbangan komuniti terhadap kesan aktiviti pukat tunda turut disokong oleh tindakan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia di perairan Terengganu. Pada tahun 2024, sebanyak 12 unit tukun tiruan jenis kuboid juvenil penghalang pukat tunda telah dilabuhkan di perairan Taman Laut Pulau Kapas dan Pulau Redang. Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, program tersebut bertujuan memulihara dan meningkatkan sumber perikanan marin serta mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan peralatan yang tidak mesra sumber di kawasan perairan pantai.

Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia menetapkan bahawa penggunaan mata pukat pada bahagian keroncong pukat tunda yang kurang daripada 38 milimeter merupakan satu kesalahan kerana berpotensi menjejaskan pengurusan sumber perikanan. Keperluan untuk mengawal saiz mata pukat menunjukkan bahawa pengurusan peralatan penangkapan ikan merupakan salah satu aspek penting dalam memastikan kelestarian sumber perikanan.

Peningkatan Jarak Kawasan Tangkapan dan Kos Operasi Nelayan

Perubahan lokasi kawasan tangkapan ikan turut menjadi cabaran kepada komuniti nelayan di Parlimen Kuala Terengganu. Peserta memaklumkan bahawa kawasan tangkapan ikan kini semakin jauh dari pesisir pantai berbanding sebelumnya. Jika dahulu hasil tangkapan yang memuaskan boleh diperoleh pada jarak sekitar 5 kilometer dari pantai, kini nelayan perlu bergerak sehingga kira-kira 15 kilometer ke tengah laut untuk mendapatkan hasil yang lebih baik. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada operasi harian nelayan kerana perjalanan yang lebih jauh memerlukan penggunaan bahan api yang lebih tinggi, masa operasi yang lebih panjang serta peningkatan kos penyelenggaraan bot dan peralatan. Peningkatan jarak kawasan tangkapan juga boleh meningkatkan kebergantungan nelayan terhadap kos operasi, khususnya bahan api. Perkara ini turut mendapat perhatian dalam sektor perikanan semasa apabila isu harga diesel dan kos operasi dibincangkan sebagai antara faktor yang mempengaruhi produktiviti nelayan. Dalam konteks Kuala Terengganu, Pengerusi LKIM pada Jun 2026 menyatakan bahawa penyeragaman harga diesel dijangka dapat meningkatkan produktiviti nelayan, khususnya bot laut dalam, serta memberi kesan positif terhadap hasil tangkapan dan pendapatan mereka.

Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan kawasan tangkapan yang dialami oleh komuniti setempat perlu dilihat bersama isu kos operasi. Sekiranya nelayan perlu bergerak lebih jauh untuk mendapatkan hasil tangkapan yang mencukupi, peningkatan kos bahan api dan masa operasi boleh memberi tekanan kepada pendapatan bersih mereka. Oleh itu, sokongan terhadap kecekapan operasi, pengurusan sumber perikanan dan pengurangan kos operasi perlu diberi perhatian bagi memastikan komuniti nelayan dapat terus menjalankan aktiviti perikanan secara berdaya tahan.

Kekurangan Kemudahan Asas di Pangkalan Nelayan

Komuniti nelayan turut menyuarakan isu kekurangan kemudahan asas di pangkalan nelayan yang telah dibina dengan bantuan daripada LKIM. Walaupun kemudahan pangkalan telah disediakan bagi menyokong aktiviti komuniti nelayan, bekalan air dan elektrik masih belum disalurkan ke kawasan tersebut. Kekurangan kemudahan asas ini

menyukarkan urusan harian dan operasi nelayan, termasuk aktiviti persediaan sebelum turun ke laut serta urusan selepas kembali daripada aktiviti penangkapan ikan.

Keperluan terhadap infrastruktur sokongan yang mencukupi adalah penting memandangkan pelabuhan dan kompleks LKIM berperanan sebagai kemudahan sokongan kepada aktiviti pendaratan dan pengurusan hasil perikanan. Di Kuala Terengganu, Pelabuhan LKIM Chendering merupakan antara kemudahan yang berkaitan dengan komuniti perikanan setempat dan menjadi lokasi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu.

Sehubungan itu, komuniti memohon agar kemudahan bekalan air dan elektrik dapat disediakan di pangkalan nelayan yang sedia ada. Penyediaan kemudahan asas yang mencukupi dilihat penting bagi memastikan pangkalan dapat digunakan secara optimum serta meningkatkan keselesaan dan kecekapan operasi komuniti nelayan. Penambahbaikan kemudahan ini juga dapat menyokong usaha memperkukuh infrastruktur perikanan setempat dan meningkatkan kebajikan komuniti nelayan.

Cabaran Penggunaan Aplikasi Digital dalam Urusan Nelayan

Penggunaan aplikasi digital bagi urusan pendaftaran dan permohonan turut menjadi cabaran kepada sebahagian komuniti nelayan di Parlimen Kuala Terengganu. Peserta memaklumkan bahawa urusan tertentu perlu dilakukan melalui aplikasi seperti Isytihar atau MYISYTHAR. Walau bagaimanapun, pengguna berdepan dengan beberapa masalah teknikal, termasuk aplikasi yang kerap mengalami gangguan, prestasi sistem yang perlahan dan sistem pada telefon bimbit yang tidak sentiasa dikemas kini. Resit yang dijana melalui aplikasi juga didapati kurang jelas dan sukar dibaca. Keadaan ini menyukarkan pengguna untuk menyimpan dan merujuk dokumen berkaitan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kemerosotan sumber perikanan dan hasil tangkapan 2. Peningkatan jarak kawasan tangkapan dan kos operasi nelayan 3. Cabaran penggunaan aplikasi digital dalam urusan nelayan
Cadangan	1. Memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan pukat tunda serta melindungi kawasan pembiakan ikan

	2. Menambah baik kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik di pengkalan nelayan 3. Menambah baik sistem aplikasi digital bagi urusan pendaftaran dan permohonan serta menyediakan bantuan teknikal kepada nelayan 4. Memperkukuh sokongan terhadap nelayan bagi mengurangkan beban kos operasi dan meningkatkan keberdaya tahan sektor perikanan
Kumpulan Terjejas	Komuniti Nelayan
Kawasan	Chendering, Kuala Terengganu
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	**SASARAN SDG BERKAITAN**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem perlindungan sosial untuk semua, termasuk liputan terhadap golongan miskin dan terpinggir
SDG 2: Sifat Kebuluran	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.
SDG 14: Kehidupan di Bawah Air	Sasaran 14.4: Menjelang 2020, mengawal selia aktiviti penangkapan dengan berkesan dan menghentikan tangkapan ikan secara berlebihan, perikanan haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia serta amalan perikanan yang bersifat merosak, dan melaksanakan rancangan pengurusan berasaskan sains untuk memulihkan bekalan ikan dalam masa yang singkat dan munasabah, sekurang-kurangnya pada tahap yang membolehkan pengeluaran hasil maksimum yang lestari seperti yang ditentukan menurut ciri biologi ikan.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Kuala Terengganu bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Ternakan Lebah Kelulut Berkelompok bagi Komuniti Orang Kurang Upaya anggota Fizikal	Program Belia DigitalPreneur Kuala Terengganu 2026	Program Pemerkasaan Ekonomi, Peningkatan Kemahiran Perikanan dan Pembaikan Kemudahan Jeti Nelayan
SDG Berkaitan	SDG 8,10,4	SDG 8,4,9	SDG 1,8,14
Objektif	Projek Lebah Kelulut Berkelompok dicadangkan bagi menangani isu pendapatan isi rumah yang rendah, peluang ekonomi yang terhad, serta kurangnya kesedaran mengenai pemuliharaan biodiversiti dan kepentingan pendebungaan.	Pelaksanaan projek ini dijangka memberi impak positif kepada golongan belia dengan meningkatkan kemahiran, keyakinan dan keupayaan mereka dalam bidang pemasaran digital, keusahawanan serta penggunaan teknologi bagi menjana pendapatan.	Projek ini dijangka akan mengurangkan kos operasi nelayan, meningkatkan keselamatan penggunaan jeti dan mengukuhkan kerjasama komuniti.
Hasil Jangkaan	Output utama yang disasarkan ialah penubuhan ternakan kelulut berkelompok yang berfungsi sepenuhnya, peningkatan kemahiran dan kapasiti peserta, penghasilan madu kelulut berkualiti secara konsisten, serta peningkatan	Output utama projek adalah melahirkan peserta yang mempunyai kemahiran digital yang lebih baik, mampu menghasilkan kandungan pemasaran sendiri, mengurus kempen pengiklanan berbayar serta mengaplikasikan strategi pemasaran digital bagi membantu meningkatkan jualan dan menjana pendapatan melalui ekonomi digital.	10 orang nelayan berjaya mengikuti kursus dan peningkatan kemahiran menghasilkan unjam daun kelapa, bubu sotong serta perambut dengan cara yang betul dan kemas.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	pendapatan komuniti melalui jualan madu dan produk hiliran.		
Organisasi	Persatuan Pembangunan Orang Kurang Upaya Anggota Terengganu	Majlis Belia Daerah Kuala Terengganu	Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Selatan
Aktiviti	Projek ini melibatkan penternakan lebah kelulut secara mampan melalui penyediaan koloni, latihan teknikal, pemantauan, pemprosesan madu, dan pemasaran hasil kepada komuniti sasaran.	Projek ini akan melaksanakan sebanyak 12 sesi latihan intensif sepanjang tempoh program selama 3 bulan dengan sasaran seramai 120 orang peserta belia. Peserta akan diberikan latihan praktikal berkaitan pemasaran digital, penghasilan kandungan kreatif, pengurusan media sosial, strategi Facebook Ads, TikTok Marketing, penggunaan AI dalam pemasaran serta teknik jualan dan closing pelanggan.	Projek ini melibatkan kelas secara teori dan praktikal bagi teknik membuat unjam dan bubu
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Kampung Wakaf Berus, Kuala Terengganu	Kampung Ladang, Kuala Terengganu	Kampung Rajawali Chendering, Kuala Terengganu
Tempoh	12 Minggu	12 Minggu	12 Minggu

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia. “P.036 Kuala Terengganu Kawasanku | OpenDOSM.” Dosm.gov.my. OpenDOSM, 2020. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Terengganu/parlimen/P.036%20Kuala%20Terengganu

Department of Fisheries Malaysia. “Program Melabuh Tukun Tiruan Konservasi di Perairan Negeri Terengganu.” 2024. Jabatan Perikanan Malaysia

Department of Fisheries Malaysia. “Siaran Media: 12 Tukun Tiruan Dilabuhkan di Perairan Negeri Terengganu.” 2024. Jabatan Perikanan Malaysia

Department of Fisheries Malaysia. “Siaran Media: Program Tukun Tiruan Penghalang Pukat Tunda Juvenil di Kuala Terengganu dan Pulau Kapas.” 2023. Jabatan Perikanan Malaysia

International Labour Organization. “Disability and Work.” Accessed July 31, 2026. International Labour Organization

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. “Data Pendaratan Ikan di Kompleks/Labuhan Perikanan LKIM.” Accessed July 31, 2026. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. “Kompleks atau Labuhan Perikanan LKIM.” Accessed July 31, 2026. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. “LKIM Negeri Terengganu.” Accessed July 31, 2026. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

Majlis Belia Malaysia. “KBS Percepat Program Rakan Muda di Setiap Daerah.” Accessed July 31, 2026. Majlis Belia Malaysia

Majlis Belia Malaysia. “Majlis Penutup Program Youth Summer Camp 2024.” 2024. Majlis Belia Malaysia

Organisation for Economic Co-operation and Development. “Disability Inclusion.” Accessed July 31, 2026. OECD

SME Corporation Malaysia. “Geran RM435,000 Beri Manfaat kepada 29 Usahawan Asnaf MAIM.” Accessed July 31, 2026. SME Corporation Malaysia

SME Corporation Malaysia. “Peruntukan RM2 Juta di bawah Program TUBE Lahirkan Usahawan Belia TVET.” Accessed July 31, 2026. SME Corporation Malaysia

SME Corporation Malaysia. “TUBE Berjaya Wujudkan 13,866 Peluang Pekerjaan dan RM154.38 Juta Nilai Jualan.” Accessed July 31, 2026. SME Corporation Malaysia

SME Corporation Malaysia. “TUBE Programme Generates Over 13,000 Jobs, RM154.38m in Sales.” Accessed July 31, 2026. SME Corporation Malaysia

United Nations. “Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD).” Accessed July 31, 2026. United Nations – CRPD

World Bank. “Disability Inclusion.” 2022. World Bank – Disability Inclusion

World Health Organization. “Disability and Health.” Accessed July 31, 2026. World Health Organization

Radio Televisyen Malaysia. “Penyeragaman Harga Diesel Dijangka Tingkat Produktiviti Nelayan.” June 29, 2026. RTM

Department of Statistics Malaysia and Ministry of Economy. *SDG Indicators, Terengganu 2024.* 2024. Department of Statistics Malaysia

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **264 – 274**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **278 – 282**

1.1 Geografi/Topografi 278

1.2 Komposisi Penduduk 279

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 279

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 280

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **283 – 285**

2.1 Pendekatan Kajian 283

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 284

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 285

2.4 Keterbatasan Kajian 285

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **286 – 291**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **292 – 329**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 292

4.2 Pengutamaan Isu 321

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **330**

6.0 RUJUKAN **333**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.081 Jerantut

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - JERANTUT

3 - 5 FEBRUARI 2026
(SELASA - KHAMIS)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN JERANTUT, YB IR. TS. HJ. KHAIRIL NIZAM KHIRUDIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Lawatan Tapak 1: Gua Kota Gelanggi
2. Sesi Temubual secara Mendalam bersama komuniti Kg Pulau Tawar
3. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli Kampung Sungai Koi

HARI 2

4. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sempadan
5. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Perlok
6. Lawatan Tapak 2: Kampung Perlok
7. Lawatan Tapak 3: Kolam Ikan Atas Tanah
8. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Bukit Genting
9. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti FELDA Jengka 24

HARI 3

10. Lawatan Tapak 4: Bukit Awan
11. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Kuala Sat
12. Lawatan Tapak 5: Santuari Ikan
13. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Kuala Tahan dan Kampung Padang
14. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Labu

PASUKAN PENYELIDIK



Nur Syadhira Mohd Razali
Ketua Penyelidik



Siti Noraiysah Rahim



Muhammad Noraiman Hakim Ahmad Zaki



Zurratul Aina Mohd Zahidin

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU JERANTUT

01

30 Januari 2026
Mesyuarat Pra - Lawatan & Kunjungan Hormat

02

3 Februari 2026
Lawatan Tapak 1: Gua Kota Gelanggi

03

3 Februari 2026
Sesi Temubual secara Mendalam bersama Komuniti Kg Tawar

04

4 Februari 2026
FGD 1:
Komuniti Orang Asli Sungai Koi

05

4 Februari 2026
FGD 2: Komuniti Kg Sempadan

06

4 Februari 2026
FGD 3: Komuniti Kg Perlok

07

4 Februari 2026
Lawatan Tapak 2: Kg Perlok

08

4 Februari 2026
Lawatan Tapak 3:
Kolam Ikan atas Tanah

09


4 Februari 2026
FGD 4: Komuniti Kg Bukit Genting

10

4 Februari 2026
FGD 5: Komuniti Kg Felda Jengka 24

11


5 Februari 2026
Lawatan Tapak 4: Kg Bukit Awan

12

5 Februari 2026
FGD 6: Komuniti Kg Kuala Sat

13

5 Februari 2026
Lawatan Tapak 5: Santuari Ikan

14

5 Februari 2026
FGD 7: Komuniti Kg. Kuala Tahan & Kg. Padang

15


5 Februari 2026
FGD 8: Komuniti Kg Labu

30/01/2026 KUNJUNGAN HORMAT & MESYUARAT PRA-LAWATAN





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan satu kunjungan hormat dan lawatan awal ke Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut. Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk memberikan taklimat terperinci mengenai gerak kerja APPGM-SDG serta membincangkan persiapan bagi kajian lapangan di Parlimen Jerantut yang dijadualkan berlangsung pada 3 hingga 5 Februari 2026. Selain daripada penyelarasan gerak kerja, agenda mesyuarat turut memfokuskan kepada pengumpulan maklumat strategik merangkumi profil demografi kawasan Parlimen Jerantut, isu-isu semasa, serta mengenal pasti lokasi-lokasi yang unik dan berpotensi untuk dijadikan tapak lawatan kajian. Pihak APPGM-SDG juga memberi tumpuan khusus kepada usaha mengenal pasti komuniti yang memerlukan perhatian serta memohon sokongan berterusan daripada Pejabat Daerah dan Tok Empat bagi memastikan kelancaran program-program susulan di kawasan tersebut pada masa hadapan. Sesi ini dihadiri oleh Tn. Sulaiman Husin selaku Pegawai Daerah yang mewakili Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut, dengan iringan En. Rauf dari Bahagian Pembangunan. Manakala, pihak APPGM-SDG pula diwakili oleh Nur Syadhira Mohd Razali, Dr. Teo Lee Ken, Siti Noraiysah, dan Hirzawati Atikah.

03/02/2026 LAWATAN TAPAK 1: GUA KOTA GELANGGI



Pasukan APPGM-SDG telah melawat Gua Kota Gelanggi, sebuah tapak warisan bersejarah di Jerantut yang kini diselia oleh Pok Chat (peneroka Felda Kota Gelanggi 01) dengan mandat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Gua ini menyimpan nilai sejarah tinggi sebagai lokasi persembunyian pahlawan Mat Kilau dan Tok Gajah daripada penjajah British. Dalam sesi dialog bersama Setiausaha Majlis Daerah Jerantut, beliau menjelaskan bahawa PBT kini memberi tumpuan kepada mekanisme Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) bagi menyelaraskan insentif kewangan dengan matlamat konservasi alam sekitar. Selain itu, perancangan sedang diatur untuk menaik taraf kemudahan prasarana di sekitar gua bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan setempat.

03/02/2026 SESI TEMUBUAL SECARA MENDALAM BERSAMA KOMUNITI KG PULAU TAWAR





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan sesi temubual mendalam bersama dua orang Tok Empat dari Kampung Pulau Tawar bagi membincangkan isu-isu setempat. Kampung Pulau Tawar termasuklah Kampung Kedondong dan Kampung Perian ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana menempatkan bekas tapak rumah serta makam pahlawan Mat Kilau, menjadikannya antara tarikan pelancongan utama di daerah Jerantut. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti, terutamanya **(1)** isu banjir besar yang kerap berlaku akibat kedudukan geografi Kampung Kedondong di antara Sungai Pahang dan paya. Keadaan ini telah memaksa sebahagian besar penduduk berpindah ke Kampung Bukit Ram, meninggalkan hanya kira-kira 20 buah rumah di kawasan asal. Selain itu, terdapat isu **(2)** tanah terbiar seluas 200 ekar di Paya Kangsar yang dahulunya merupakan kawasan sawah produktif namun kini tidak lagi diuruskan selepas dilanda banjir besar. Dari aspek infrastruktur, **(3)** masalah paip uzur yang berusia hampir 40 tahun sering mengakibatkan kerosakan berulang setiap minggu, meskipun pihak berwajib sentiasa memberikan maklum balas yang pantas dalam menangani masalah tersebut.

03/02/2026 FGD 1 : SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI SUNGAI KOI





FGD 1 bersama 12 penduduk Kampung Orang Asli Sungai Koi bagi membincangkan isu setempat yang kritikal. Antara kebimbangan utama yang dibangkitkan adalah **(1)** status tanah yang tidak diwartakan, sehingga mengakibatkan risiko pengusiran dan kehilangan hasil tanaman kepada pihak luar. Selain itu, komuniti turut menyuarakan **(2)** kerisauan terhadap isu sosial pergaulan bebas dalam kalangan remaja perempuan serta **(3)** kepupusan warisan budaya ukiran patung dan topeng akibat ketiadaan generasi pelapis.

04/02/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG SEMPADAN





FGD 2 bersama 18 orang penduduk Kampung Sempadan bagi membincangkan isu-isu setempat. Antara kekuatan utama komuniti ini adalah semangat toleransi dan penglibatan aktif penduduk dalam setiap program yang dianjurkan. Selain itu, kawasan ini memiliki potensi besar dalam sektor pelancongan alam semula jadi, terutamanya menerusi keindahan air terjun yang terdapat di kawasan sekitar. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran signifikan telah dibangkitkan, termasuklah **(1)** kekeliruan masyarakat mengenai sistem pentadbiran setempat memandangkan kedudukan kampung yang terletak di sempadan antara daerah Kuala Lipis dan Jerantut. Dari aspek infrastruktur, **(2)** penduduk masih belum menerima bekalan air terawat dan bergantung sepenuhnya kepada sumber air gunung untuk kegunaan harian. Selain itu, masyarakat juga bimbang mengenai **(3)** status tanah rumah dan kebun mereka yang dikatakan berada di kawasan rizab Perhilitan.

04/02/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG PERLOK





FGD 3 bersama 14 orang penduduk Kampung Perlok bagi membincangkan isu-isu setempat. Antara permasalahan utama yang dibangkitkan adalah **(1)** keadaan infrastruktur jalan raya yang rosak serta **(2)** kekurangan penyelenggaraan berkala. Selain itu, komuniti turut menyuarakan **(3)** ketiadaan ruang khusus atau platform bagi golongan wanita untuk mengikuti bengkel dan latihan kemahiran berikutan ketiadaan persatuan wanita yang aktif di kawasan tersebut buat masa ini. Dari aspek ekonomi setempat, **(4)** para penternak ikan menghadapi cabaran besar akibat ancaman haiwan perosak seperti memerang yang menjejaskan hasil ternakan mereka.

04/02/2026 LAWATAN TAPAK 2: KAMPUNG PERLOK





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan tinjauan fizikal ke laluan di sekitar Kampung Perlok menuju ke Temerloh bagi melihat sendiri keadaan jalan raya yang rosak dan berlubang sepertimana yang dibangkitkan dalam sesi dialog bersama komuniti. Keadaan jalan tersebut didapati agak berbahaya kerana faktor kelebaran yang terhad, di mana hanya satu kenderaan sahaja yang boleh melaluinya pada satu-satu masa. Walaupun keadaan infrastruktur tersebut membimbangkan, setakat ini tiada sebarang laporan kemalangan jiwa yang melibatkan laluan tersebut.

04/02/2026 LAWATAN TAPAK 3: KOLAM IKAN ATAS TANAH





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke kolam ternakan ikan milik salah seorang peserta FGD di sekitar Kampung Perlok. Pengusaha tersebut menguruskan tiga buah kolam yang dibina secara manual tanpa bantuan luar, di mana setiap kolam mampu menampung kapasiti melebihi 1,000 ekor ikan. Antara spesies yang diternak termasuklah ikan Patin, Tilapia Hitam, Tilapia Merah, dan Baung. Antara kekangan bagi penternak adalah, sumber bekalan air yang tidak menentu; Situasi ini berlaku kerana kolam ikan atas tanah ini bergantung sepenuhnya air daripada bukit dan ianya akan memberikan impak yang teruk kepada penternak apabila tiba musim kemarau dan banjir.

04/02/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG BUKIT GENTING





FGD 4 bersama 16 orang penduduk Kampung Bukit Genting, sebuah penempatan tersusun yang asalnya merupakan kawasan perpindahan banjir dari Kampung Tebing Tinggi. Kampung ini memiliki nilai sejarah yang unik kerana pernah menjadi kawasan aktiviti komunis, di mana kesan peninggalan kubu mereka masih boleh dilihat sehingga kini. Walau bagaimanapun, komuniti membangkitkan beberapa isu kritikal berkaitan infrastruktur, terutamanya **(1)** ketiadaan lampu jalan di laluan utama sepanjang 3 kilometer serta kemudahan riadah yang rosak dan tidak diselenggara. Selain itu, **(2)** ketiadaan sistem pengurusan sampah yang teratur dan **(3)** ketiadaan sistem kutipan sampah yang berkala menyumbang kepada pembuangan sampah di tanah haram. Hal ini kerana, kampung ini tidak termasuk dalam cukai pintu dan penduduk enggan membayar servis perkhidmatan tersebut.

04/02/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI FELDA JENGKA 24





FGD 5 bersama 13 orang penduduk FELDA Jengka 24 bagi membincangkan isu-isu setempat. Antara cabaran utama yang dibangkitkan adalah **(1)** kemerosotan hasil sawit dan isu kualiti benih yang mengakibatkan berat buah berkurang dengan ketara berbanding dahulu. Selain itu, komuniti turut menyuarakan **(2)** masalah perumahan bagi generasi kedua di mana pelan tapak yang diluluskan didapati tidak praktikal kerana terletak di kawasan berbatu dan lereng bukit; sekali gus memerlukan kos penyediaan tapak yang sangat tinggi.

05/02/2026 LAWATAN TAPAK 4: BUKIT AWAN





Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan awal pagi ke Bukit Awan, sebuah destinasi pelancongan di Jerantut yang terkenal dengan keindahan pemandangan berkabus, sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Kuala Sat. Di sebalik potensi pelancongan yang tinggi, pengunjung berhadapan dengan cabaran infrastruktur seperti keadaan jalan raya yang rosak serta ketiadaan lampu jalan yang mencukupi. Selain itu, faktor keselamatan turut menjadi perhatian berikutan ancaman kehadiran gajah liar di sepanjang laluan ke lokasi tersebut yang meningkatkan risiko kepada pengunjung.

05/02/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG. KUALA SAT





FGD 6 bersama 12 penduduk Kampung Kuala Sat, sebuah pusat ekopelancongan berasaskan komuniti (CBET) yang menawarkan aktiviti seperti santuari ikan, berkayak, dan perkhemahan. Walau bagaimanapun, komuniti membangkitkan **(1)** isu infrastruktur kritikal seperti keadaan jalan raya yang rosak serta kekurangan lampu jalan. Selain itu, **(2)** penduduk masih bergantung kepada sumber air bukit sementara menunggu pelantikan perunding bagi sistem air terawat, manakala **(3)** pengurusan sisa pepejal pula didapati tidak efisien kerana penduduk masih mengamalkan pembakaran terbuka untuk pelupusan sampah.

05/02/2026 LAWATAN TAPAK 5: SANTUARI IKAN





Lawatan Tapak di Santuari Ikan di Kuala Sat, sebuah produk ekopelancongan yang diuruskan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Destinasi yang boleh diakses melalui pengangkutan bot ini menempatkan pelbagai spesies ikan sungai seperti Lampam, Kerai, Tengalan, dan Kelah. Lawatan ini memperlihatkan potensi komersial sumber alam semula jadi di bawah Peta Pelancongan Kuala Sat yang menawarkan pengalaman interaktif memberi makan ikan kepada para pengunjung.

05/02/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG. KUALA TAHAN DAN KG. PADANG





FGD 7 bersama 10 penduduk dari Kampung Kuala Tahan dan Kampung Padang. Sebagai pintu masuk utama ke Taman Negara, kawasan ini mempunyai kepentingan strategik dalam sektor pelancongan. Namun, komuniti menyuarakan kebimbangan terhadap **(1)** sistem bekalan air yang tidak efisien akibat kekerapan paip pecah,dan **(2)** isu teknikal sempadan tanah Masjid Kampung Kuala Tahan yang memasuki tanah persendirian.

05/02/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG. LABU





FGD 8 bersama wakil penduduk Kampung Labu bagi membincangkan potensi dan isu setempat. Kampung ini kini mempunyai keunikan melalui Jeti Labu Sentral yang bakal menjadi hab penghubung utama ke Kuala Tahan yang justeru akan menghubung ke Taman Negara. Walau bagaimanapun, komuniti menyuarakan kebimbangan terhadap **(1)** penghijrahan belia akibat kekurangan peluang kerja mahir, **(2)** ancaman ikan invasif (Baung Ekor Merah) yang menjejaskan populasi ikan asli di Sungai Tembeling, serta **(3)** ketiadaan kawalan harga dalam industri pelancongan yang menjejaskan kestabilan pasaran setempat.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.081 Jerantut

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Jerantut (P.081) 279
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Jerantut.....284
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....286
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam.....292
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 1.....295
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 2.....298
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 3.....302
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 4.....305
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 5.....309
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6.....310
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7.....314
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8.....318
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 322
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 325
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 328

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADTEC	*Advanced Technology Training Centre*
APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
LPHP	Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
OA	Orang Asli
ORACO	Peneraju Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang
PAIP	Pengurusan Air Pahang Berhad
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDTJ	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PLB	Pembangunan Luar Bandar
SDG	*Sustainable Development Goals*
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

1.0 PENGENALAN

Parlimen Jerantut terletak di negeri Pahang yang merangkumi tiga (3) DUN iaitu DUN Pulau Tawar, DUN Damak dan DUN Tahan. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 7,273 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 104,771 orang. Parlimen Jerantut mempunyai kepadatan penduduk 14 orang per satu kilometer persegi.[10]



YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin

Pada tahun 2022, YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Jerantut. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Jerantut ini dijalankan dengan usahasama daripada YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Jerantut terletak di Daerah Jerantut, Pahang, Malaysia. Ia merupakan salah satu kawasan parlimen yang paling besar di Semenanjung Malaysia dengan liputan kawasan hutan yang padat. Kawasan Parlimen Jerantut kaya dengan biodiversiti semula jadi dan sumber alam. Di sini terletaknya Taman Negara. Parlimen yang bersempadan dengan Parlimen Jerantut adalah Parlimen Lipis, Raub, Temerloh, Maran dan Kuala Krau. Parlimen Jerantut mempunyai populasi yang rendah, terdiri daripada pelbagai etnik termasuk komuniti Melayu, Cina dan India. Secara umumnya, Parlimen Jerantut merupakan kawasan pedalaman yang dipenuhi dengan hutan, FELDA, dan beberapa tempat pelancongan dan rekreasi. Jerantut juga mempunyai elemen semula jadi utama iaitu Sungai Tembeling yang merupakan sungai utama yang mengalir ke Sungai Pahang dan memainkan peranan penting dalam sistem saliran dan bagi sektor perikanan di Parlimen Jerantut. Parlimen Jerantut di penuhi dengan hutan dan kawasan FELDA. Aktiviti penanaman sawit dan getah dilihat ketara di kawasan tersebut. Jerantut juga berfungsi sebagai pintu masuk utama ke Taman Negara, langsung merangsang aktiviti pelancongan, perkhidmatan dan perniagaan setempat.

[10] Department of Statistics Malaysia, "P.081 Jerantut Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Pahang/parlimen/P.081%20Jerantut

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Jerantut (P081) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Jerantut (P.081)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	89, 694	85.6
2.	Cina	11, 629	11.1
3.	India	2, 829	2.7
4.	Lain-lain	629	0.6
Jumlah Keseluruhan		**104,771**	**100**

Parlimen Jerantut mempunyai jumlah penduduk seramai 104,771 orang dengan kepadatan 14 orang/km^2, menjadikannya antara kawasan yang rendah kepadatan penduduknya di Semenanjung Malaysia. Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, komuniti etnik Bumiputera merupakan kumpulan majoriti dengan 85.6 peratus, mencerminkan kehadiran utama komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi tempatan. Komuniti etnik Cina merangkumi 11.1 peratus, menunjukkan kehadiran signifikan komuniti ini. Komuniti etnik India membentuk 2.7 peratus, menyumbang kepada kepelbagaian budaya di kawasan ini. Komuniti etnik yang lain berjumlah 0.6 peratus, menunjukkan bilangan kecil penduduk daripada komuniti lain. Kesimpulannya, Jerantut adalah kawasan luar bandar dengan komuniti berbilang kaum yang merangkumi komuniti Bumiputera, diikuti komuniti-komuniti Cina dan India. Kepelbagaian ini memperkayakan kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi kawasan tersebut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Jerantut, terletak di bahagian Tengah Utara Pahang, merupakan kawasan kampung dan pendalaman membangun dengan pelbagai aktiviti pertanian. Berdasarkan pemerhatian di tapak dan data sedia ada, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

Pertanian dan Perladangan

Sektor pertanian dan perladangan merupakan tulang belakang ekonomi di Parlimen Jerantut, khususnya bagi kawasan luar bandar. Perladangan kelapa sawit dan getah merupakan aktiviti pertanian utama di kawasan ini. Di samping itu, terdapat tanam lain seperti padi, buah-buahan tempatan, sayur-sayuran serta tanaman kontan yang diusahakan secara kecil-kecilan.

Selain itu, skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) turut memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial penduduk di Parlimen Jerantut. Kawasan penempatan FELDA bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor perladangan, malah menjadi sumber pendapatan tetap kepada peneroka dan generasi seterusnya. Kehadiran rancangan FELDA telah meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui penyediaan infrastruktur asas, kemudahan sosial serta pembangunan ekonomi setempat. Keadaan muka bumi yang terdiri daripada kawasan tanah pamah, lembah sungai dan kawasan separa berbukit telah mempengaruhi corak guna tanah dan menyokong aktiviti pertanian secara berterusan. Sektor pertanian dan perladangan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi tempatan serta berperanan sebagai asas kepada pembangunan sosioekonomi Parlimen Jerantut.

Perhutanan, Ekopelancongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Parlimen Jerantut juga dikenali sebagai pintu masuk utama ke Taman Negara Pahang, menjadikan sektor ekopelancongan sebagai pemangkin penting kepada pembangunan ekonomi setempat. Aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti pelancongan hutan, sungai dan kekayaan biodiversiti alam telah mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, penginapan, pemandu pelancongan serta perniagaan kecil. Selain itu, terdapat juga perusahaan kecil dan sederhana yang terlibat dalam pemprosesan hasil pertanian, kraftangan dan perkhidmatan sokongan yang menyokong keperluan komuniti tempatan dan sektor pelancongan.

Secara keseluruhannya, sektor pertanian dan perladangan menjadi tunjang utama ekonomi Parlimen Jerantut disokong oleh sektor perhutanan, ekopelancongan serta perusahaan kecil dan sederhana. Gabungan aktiviti ekonomi mengukuhkan ekonomi tempatan. Seterusnya juga menyumbang kepada pembangunan negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi yang utama. Keunikan khazanah hutan hujan tropika dan sumber semula jadi menjadikan Jerantut berpotensi besar untuk pembangunan mampan pada masa hadapan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Jerantut merupakan kawasan pedalaman yang kaya dengan sumber semula jadi, termasuk hutan simpan, sungai, dan kawasan pertanian seperti kelapa sawit dan getah. Aktiviti ekonomi tempatan banyak tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan, dan perniagaan kecil serta perusahaan mikro dan sederhana (PMKS) di sekitar Pekan Jerantut dan kampung-kampung berdekatan. Keusahawanan dan peluang pekerjaan dalam sektor ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian ***Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi*****,** khususnya:

> **Sasaran 8.2**: Meningkatkan produktiviti ekonomi melalui kepelbagaian sektor, pengiktirafan potensi tempatan, dan inovasi teknologi dalam pertanian dan perusahaan kecil.
>
> **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar pembangunan yang menyokong pekerjaan yang baik, kreativiti, keusahawanan, dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana, termasuk akses kepada perkhidmatan kewangan.

Daripada segi sosial, Jerantut mempunyai komuniti yang berbilang etnik dengan percampuran Melayu, Orang Asli, dan beberapa komuniti minoriti lain. Usaha untuk memperkukuh keterangkuman sosial melalui program komuniti, bantuan kepada golongan rentan seperti ibu tunggal, OKU, dan masyarakat Orang Asli, serta akses adil kepada kemudahan asas adalah penting. Ini berkait dengan ***Matlamat SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan***, iaitu

> **Sasaran 10.2**: Memperkasakan keterangkuman sosial, ekonomi, dan politik tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, etnik atau status ekonomi.
>
> **Sasaran 10.3**: Memastikan peluang sama rata dan menghapuskan amalan diskriminasi melalui dasar dan tindakan yang bersesuaian.

Selain ekonomi dan sosial, Jerantut kaya dengan warisan budaya dan ekopelancongan, termasuk seni tradisional Melayu dan persembahan kebudayaan Orang Asli. Tarikan alam semula jadi adalah seperti Taman Negara dan Sungai Tembeling. Pemeliharaan dan pemerkasaan warisan budaya serta ekopelancongan ini menyumbang kepada ***Matlamat SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan*** seperti berikut:

> **Sasaran 11.4**: Memperkasakan usaha untuk melindungi warisan budaya dan semula jadi.
>
> **Sasaran 11.7**: Menyediakan akses kepada ruang awam yang selamat, inklusif, dan mesra komuniti, terutamanya untuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Daripada perspektif infrastruktur, Parlimen Jerantut memerlukan penambahbaikan dalam jaringan jalan raya, pengangkutan awam, dan sistem logistik. Jalan utama seperti Jalan Jerantut–Kuala Lipis dan jalan-jalan kampung memerlukan penyelenggaraan untuk keselamatan, pencahayaan yang mencukupi, serta sistem pengangkutan yang lebih cekap. Ini berkait rapat dengan ***Matlamat SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur***, iaitu:

Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur berkualiti, mampan dan berdaya tahan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

Peningkatan kualiti jalan raya, sistem pengangkutan, dan keselamatan lalu lintas dapat meningkatkan mobiliti penduduk. Ianya juga menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan, terutama dalam sektor pertanian dan ekopelancongan yang bergantung kepada aksesibiliti kawasan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dilakukan oleh penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen serta mengenal pasti isu awalan yang terdapat di Parlimen Jerantut. Kajian awalan ini dilakukan dengan merujuk kepada data sekunder seperti Rancangan Tempatan Daerah Jerantut 2020, statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian sedia ada, carian internet dan keratan akhbar.

Mesyuarat Awalan bersama YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin telah dijalankan pada 15 Januari 2026 di Pusat Khidmat Parlimen Jerantut untuk memberi penjelasan berkenaan gerak kerja, metodologi kajian APPGM-SDG dan bagi membincangkan profil Parlimen Jerantut. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian pemetaan isu di Parlimen Jerantut. Ketua Penyelidik juga telah hadir ke Pejabat Daerah Jerantut bagi kunjungan hormat untuk memberi penjelasan berhubung gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG pada 30 Januari 2026.

Seterusnya, kajian lapangan pemetaan isu ke Parlimen Jerantut dijalankan dari 3 hingga 5 Februari 2026. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan kajian lapangan merangkumi sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Jerantut adalah seperti berikut:

1. Nur Syadhira Razali : Ketua Penyelidik
2. Noraiman Hakim Bin Ahmad Zaki : Pegawai Projek Zon Pantai Timur
3. Siti Noraiysah binti Rahim : Pegawai Penyelidik
4. Zurratul Aina binti Mohd Zahidin : Penyelaras Tempatan Parlimen Bera

Sejumlah lapan FGD dan empat lawatan tapak dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di sekitar kawasan Parlimen Jerantut. Tentatif ringkas kajian lapangan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Jerantut

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
3 Februari 2026 (Selasa)	• **Lawatan Tapak 1**: Gua Kota Gelanggi • **Sesi Temubual Mendalam 1**: Temubual secara mendalam bersama Komuniti Kg Pulau Tawar • **Sesi Dialog 1**: Dialog bersama Komuniti Orang Asli Kg Sungai Koi
4 Februari 2026 (Rabu)	• **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Komuniti Kg Sempadan • **Sesi Dialog 3**: Dialog bersama Komuniti Kg Perlok • **Lawatan Tapak 2**: Jalan berlubang, Kg Perlok • **Lawatan Tapak 3**: Kolam Ikan atas Tanah • **Sesi Dialog 4**: Kg Bukit Genting • **Sesi Dialog 5**: FELDA Jengka 24
5 Februari 2026 (Khamis)	• **Sesi Dialog 6**: Dialog bersama Penduduk Kuala Sat • **Lawatan Tapak 4**: Tempat Perlindungan Ikan Kuala Sat • **Sesi Dialog 7**: Dialog bersama Komuniti Kuala Tahan • **Sesi Dialog 8**: Dialog bersama Komuniti Kg Labu

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Sepanjang pelaksanaan kajian lapangan, beberapa pertimbangan etika telah dititikberatkan bagi memastikan proses pengumpulan data dijalankan secara berhemah dan menghormati hak peserta. Setiap sesi dimulakan dengan penerangan oleh ketua penyelidik berkenaan tujuan kajian serta pendekatan yang digunakan. Peserta turut dimaklumkan bahawa kajian ini bersifat kualitatif dan bertujuan untuk memahami isu sebenar yang dihadapi oleh komuniti. Persetujuan peserta diperoleh terlebih dahulu sebelum sesi dijalankan, khususnya berkaitan rakaman audio, pengambilan gambar dan video. Sekiranya terdapat peserta yang tidak bersetuju, maklumat tersebut tidak akan direkod atau digunakan dalam laporan. Pendekatan ini penting bagi memastikan kerahsiaan, keselamatan dan keselesaan peserta sentiasa terpelihara sepanjang kajian. Namun begitu, bagi kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Jerantut, tiada halangan yang berlaku daripada segi pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Jerantut. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

Jarak yang jauh antara satu tempat ke tempat lain

Ketua penyelidik mendapat maklumat atur cara kajian lapangan dan lokasi bagi FGD daripada pegawai parlimen pada tempoh waktu yang hampir dengan tarikh kajian. Hal ini menyebabkan susun atur perjalanan tidak dapat diatur dengan sempurna dan menyebabkan kelewatan ke FGD yang seterusnya.

Kekangan untuk mendapatkan peserta dan kerjasama Ketua Kampung

Semasa mesyuarat bersama Ahli Parlimen, ADUN dan pegawai mereka, pegawai ADUN ditugaskan untuk menyelaras perjumpaan dengan penduduk bagi FGD bagi setiap DUN mereka. Namun bagi satu DUN iaitu DUN Pulau Tawar, terdapat kekangan komunikasi di mana pegawai tersebut hanya memberikan nombor telefon penyelaras yang perlu dihubungi dan ianya menyebabkan interaksi dengan penyelaras tersebut tidak dapat dijalankan dengan baik lantas memberi kesan kepada proses perhimpunan peserta. Selain itu, satu sesi FGD telah dijalankan dalam bentuk temu bual mendalam berikutan kehadiran hanya dua orang peserta, yang tidak memenuhi keperluan pelaksanaan FGD. Oleh itu, satu sesi FGD tambahan bersama peneroka FELDA telah diadakan bagi menggantikan sesi tersebut dan memastikan sasaran bilangan FGD yang dirancang dapat dicapai.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian yang wujud adalah daripada segi bentuk penyertaan beberapa komuniti sasaran. Perbincangan tidak dapat berlangsung dengan baik apabila terdapat beberapa orang yang tidak bersuara. Maka, komen berkaitan isu yang dibincangkan atau isu di kawasan sekitar mereka tidak dapat diperolehi. Selain itu, berlaku pertindihan perbualan di mana pada awal perbincangan hanya terdapat satu kumpulan tetapi kemudiannya menjadi 2 atau 3 kumpulan.

Kualiti rakaman audio yang kurang memuaskan juga menjadi batasan kepada hasil kajian ini apabila terdapat beberapa penyataan yang kurang jelas dan oleh itu tidak dapat dicatat untuk diterjemahkan menjadi transkrip. Maka, terdapat penyataan isu yang tidak dapat dibuktikan dengan transkrip yang penuh. Namun, batasan ini ditangani dengan merujuk kepada catatan ketua penyelidik dan pembantu penyelidik yang menjalankan sesi perbincangan bersama peserta-peserta FGD.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Kekurangan dan ketidakstabilan akses kepada kemudahan awam	Keadaan kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas merupakan isu paling utama merentasi hampir semua kawasan seperti Kg Sempadan, Kg Perlok, Kg Bukit Genting, Kuala Sat dan Kuala Tahan. Antara masalah utama termasuk bekalan air yang tidak mencukupi dan tidak stabil (bergantung kepada air bukit), gangguan elektrik, lampu jalan yang tidak mencukupi, jalan rosak serta ketiadaan kemudahan awam seperti dewan, padang dan pusat komuniti. Dalam beberapa kes,	Sosial	Penduduk luar bandar, isi rumah, belia	Kg Sempadan, Kg Perlok, Kg Bukit Genting, Kuala Sat, Kuala Tahan	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** – Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** – Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		terdapat ketidakseragaman akses di mana hanya sebahagian penduduk mendapat bekalan air paip, manakala selebihnya terpaksa bergantung kepada sumber alternatif. Kekangan geografi seperti kawasan berbukit dan terpencil turut memburukkan keadaan.				
2.	Konflik manusia dan hidupan liar	Konflik antara manusia dan hidupan liar seperti monyet, gajah, beruang dan harimau dilaporkan di beberapa kawasan termasuk Pulau Tawar, Kg Sempadan, Kg Bukit Genting dan Kg Labu. Gangguan ini menyebabkan kerosakan tanaman, pencerobohan rumah dan ancaman keselamatan seperti kes monyet mengejar pelajar dan	Alam Sekitar & Sosial	Penduduk kampung, petani, pelajar	Pulau Tawar, Kg Sempadan, Kg Bukit Genting, Kg Labu	**SDG 15: Kehidupan Darat** **Sasaran 15.1** – Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		merosakkan makanan. Perubahan guna tanah, penebangan hutan dan gangguan habitat dikenal pasti sebagai faktor utama yang mendorong haiwan liar memasuki kawasan penempatan manusia.				**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.9** – Menjelang 2030, mengurangkan sejumlah besar kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah.
3.	Isu tanah dan ketidakjaminan hak milik	Isu tanah merupakan isu berulang di kawasan seperti Kg Sungai Koi, Kg Sempadan, Kg Perlok dan FELDA Jengka. Antara masalah termasuk tanah tidak diwartakan, permohonan hak milik yang mengambil masa terlalu lama, status geran sementara serta kekeliruan bidang kuasa antara agensi seperti JAKOA dan Pejabat Tanah. Terdapat beberapa kes di mana penduduk kehilangan	Tadbir Urus	Orang Asli, pekebun kecil, peneroka	Kg Sungai Koi, Kg Sempadan, Kg Perlok, FELDA Jengka	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.4** – Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		tanah yang telah diusahakan atau tidak layak menerima bantuan kerana ketiadaan dokumen rasmi.				**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.6** – Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.
4.	Penghijrahan belia dan kekurangan peluang ekonomi tempatan	Penghijrahan belia ke luar kawasan berlaku akibat kekurangan peluang pekerjaan, pendapatan tidak stabil serta ketiadaan perlindungan sosial dalam pekerjaan kampung. Di beberapa kawasan seperti Pulau Tawar dan Kg Bukit Genting, ketiadaan peluang pekerjaan menyebabkan belia berhijrah, manakala di kawasan pelancongan seperti Kuala Sat dan Kuala Tahan, kekangan kos dan syarat lesen turut menjadi halangan kepada	Sosial & Ekonomi	Belia luar bandar	Pulau Tawar, Kg Bukit Genting, Kuala Sat, Kuala Tahan	**SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.5** – Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.4** – Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		penyertaan belia. Keadaan ini menyebabkan kekurangan tenaga kerja tempatan dan melemahkan pembangunan ekonomi setempat.				kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.
5.	Kelemahan urus tadbir dan penyelarasan agensi	Kelemahan dalam urus tadbir dan penyelarasan antara agensi dikenal pasti di beberapa kawasan seperti Kg Sungai Koi, Kg Perlok, Kuala Sat dan Kuala Tahan. Isu yang dibangkitkan termasuk kelewatan proses permohonan, kekurangan maklum balas daripada agensi, ketidakjelasan bidang kuasa serta ketelusan yang dipersoalkan dalam pengurusan sumber. Selain itu, kekurangan penyelarasan antara agensi	Tadbir Urus	Penduduk kampung, komuniti Orang Asli, peneroka	Kg Sungai Koi, Kg Perlok, Kuala Sat, Kuala Tahan	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kuat** **Sasaran 16.6** – Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		seperti KKDW dan JKR menyebabkan projek infrastruktur tertangguh atau tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan.				

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
Temubual secara Mendalam 1: Temubual bersama Komuniti Kg Pulau Tawar **Tarikh:** 03/02/2026 **Bilangan peserta:** 2 orang			• JPS • Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • Advanced Technology Training Centre Jerantut (ADTEC-JERANTUT) • PERHILITAN
1.	Bencana alam sekitar dan iklim	Kg Kedondong sering mengalami banjir kerana kedudukannya antara Sungai Pahang dan Paya Kangsar, yang menyebabkan tanaman penduduk rosak. Peserta memaklumkan bahawa selepas banjir besar 2014, struktur sungai dan tanah berubah dengan ketara, termasuk kawasan yang sebelum ini bertanah keras menjadi berpasir.	**JPS** menyatakan bahawa kawasan yang dinyatakan terletak di dalam kawasan terdedah banjir (*flood prone area*) dan bersebelahan dengan sungai utama. **PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa kawasan ini memang kawasan banjir dan tiada tindakan yang boleh dibuat untuk menyelesaikan perkara ini buat masa ini.
2.	Penghijrahan anak muda	Penghijrahan anak muda dari Pulau Tawar akibat kekurangan peluang pekerjaan telah menyebabkan kemasukan pekerja asing untuk bekerja dalam sektor pertanian. Sebahagian penduduk tempatan terlibat dalam industri rumput, yang menjadi sumber utama bekalan rumput di kawasan tersebut.	**ADTEC Jerantut** mencadangkan program *outreach* yang lebih bersasar ke kampung terlibat, merangkumi promosi kerjaya *TVET*, taklimat kepada ibu bapa dan komuniti, program *Jom Masuk TVET*, lawatan bengkel serta kursus jangka pendek. Program ini

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			memberi pendedahan awal kepada bidang kemahiran bernilai ekonomi dengan fokus kepada peluang pekerjaan, persijilan, peningkatan pendapatan dan keusahawanan.
3.	Tanah yang terbiar	Kawasan Paya Kangsar seluas kira-kira 200 ekar dahulu merupakan sawah, namun selepas banjir besar ia menjadi terbiar. Peserta meluahkan kebimbangan kerana kawasan tersebut berpotensi menjadi tempat pembiakan haiwan berbisa yang boleh mengganggu penduduk sekitar.	**PDTJ** memaklumkan usaha Program Keterjaminan Makanan bersama FELCRA untuk membangunkan semula kawasan Paya Kangsar pada tahun 2025 tidak berjaya akibat isu pemilikan tanah, dengan 100 lot tanah milik individu dan kegagalan mendapatkan persetujuan semua pemilik. **JPS** turut mengadakan perbincangan bersama FELCRA, Penghulu dan PDTJ dengan isu yang sama, namun bersedia menyokong sekiranya keputusan dibuat untuk mengusahakan semula kawasan tersebut dengan mengangkat permohonan kepada agensi berkaitan.
4.	Konflik hidupan liar	Penduduk Pulau Tawar menyatakan masalah utama di kampung tersebut ialah serangan haiwan liar khususnya monyet yang semakin kritikal. Gangguan ini bukan sahaja merosakkan tanaman tetapi turut menceroboh rumah penduduk. Ketua kampung memaklumkan beliau sering	**PERHILITAN** mengambil maklum berkaitan aduan di lokasi yang dinyatakan. Pemasangan perangkap telah dilakukan dan perangkap masih aktif.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dihubungi apabila monyet masuk ke rumah, merosakkan makanan dan peralatan serta meninggalkan najis. Masalah ini telah lama berlaku dan semakin memburuk dari semasa ke semasa.	
5.	Usia paip air yang uzur	Paip yang berusia hampir 40 tahun sering mengalami kerosakan sehingga pecah dua hingga tiga kali seminggu, namun pembaikan oleh pihak berwajib dilakukan dengan cepat. Projek pemasangan paip baharu sedang dijalankan melibatkan jarak lebih 30 kilometer. Kerja-kerja ini dilaksanakan secara berperingkat bermula di kawasan kurang penduduk dan jalan utama bagi mengurangkan gangguan kepada penduduk.	**PAIP** *Tiada maklum balas mengenai isu ini*
6.	Hakisan tebing sungai	Sungai Pahang dikatakan dahulu tidak selebar sekarang. Dahulu boleh menyeberangi tanpa jambatan. Namun, sekarang diakibatkan hakisan kerana air pasang, sungai tersebut telahpun melebar.	**JPS** memaklumkan bahawa hakisan dan pelebaran sungai adalah proses semula jadi alam. Oleh itu, penyediaan dan pematuhan rizab sungai adalah perlu dan penting kerana ianya bertindak sebagai zon penampan banjir dan hakisan.
7.	Keselamatan pelajar sekolah	Monyet dilaporkan mengejar pelajar, terutamanya pelajar perempuan, serta mencuri dan merosakkan pakaian yang dijemur. Keadaan ini dianggap berbahaya dan memerlukan perhatian segera.	**PERHILITAN** mengambil maklum berkaitan aduan di lokasi yang dinyatakan. Pemasangan perangkap telah dilakukan dan perangkap masih aktif.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog bersama Komuniti Orang Asli Kg Sungai Koi **Tarikh:** 03/02/2026 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • JAKOA • Advanced Technology Training Centre JERANTUT (ADTEC-JERANTUT) • PDRM • AADK
1.	Tanah yang tidak diwartakan	Tanah di Kg Sungai Koi tidak diwartakan sebagai perkampungan Orang Asli, menyebabkan penduduk bimbang kehilangan tanah pertanian mereka pada bila-bila masa. Terdapat kes penduduk yang baru menanam kelapa sawit tetapi tanah tersebut kemudian dijual kepada pihak lain. Isu ini telah dibawa kepada JAKOA dan PDT, namun kedua-dua pihak saling menolak tanggungjawab antara satu sama lain.	**PDTJ** menyatakan JAKOA perlu membantu komuniti Orang Asli melantik juru ukur berlesen untuk membuat ukuran tanah sebelum permohonan pewartaan dilakukan. **JAKOA** memaklumkan kawasan yang dimaksudkan adalah lot antarabangsa dan di luar kawasan Orang Asli Sg. Koi, di mana penduduk mengusahakan tanah tanpa permohonan rasmi. JAKOA juga menjelaskan bahawa permohonan pewartaan bagi kawasan Orang Asli Sg. Kol telah dibuat dan masih menunggu kelulusan kewangan sebelum pelantikan juru ukur dilaksanakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Ketidaktentuan pekerjaan dan kemahiran	Anak muda tidak berminat untuk menyertai kemahiran dan *TVET*. Daripada segi pekerjaan, ada yang bekerja dan memperoleh pendapatan sekitar RM 2,000 hingga RM 3,000 sebulan dan pekerjaan sering bertukar-tukar dan tidak stabil.	**ADTEC Jerantut** mencadangkan pelan tindakan bersama di peringkat daerah yang melibatkan ADTEC, penghulu, sekolah, agensi berkaitan dan industri tempatan bagi mengenal pasti kumpulan sasaran, kursus sesuai, insentif penyertaan serta laluan kerjaya selepas latihan. Pendekatan *Train and Place* digunakan bagi memastikan latihan kemahiran menjadi asas pembinaan kerjaya, penstabilan pendapatan dan pengekalan belia dalam pembangunan ekonomi tempatan.
3.	Ketidaktelusan pengurusan hasil dan agihan dividen sawit	Hasil sawit diuruskan oleh ORACO dengan bayaran sekitar RM200 sebulan sebagai dividen kepada penduduk. Namun, jumlah ini dianggap tidak mencukupi. Isu utama ialah kekurangan ketelusan dalam pengurusan, termasuk tiada maklumat jelas tentang jualan, hasil sebenar dan kaedah pengagihan. Ini menimbulkan kekeliruan serta ketidakpuasan hati penduduk.	**ORACO** *Agensi tidak hadir sesi dialog antara agensi*
4.	Kekeliruan bidang kuasa pengurusan JAKOA dan ORACO	Pengurusan ladang diberikan kepada ORACO yang dikaitkan dengan pihak kerajaan negeri. Namun, penduduk mempersoalkan hak pengurusan yang lebih memihak kepada syarikat tersebut walaupun mereka adalah pemilik asal tanah. Sebelum ini projek di bawah	**ORACO** *Agensi tidak hadir sesi dialog antara agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		JAKOA, kemudian diambil alih ORACO sekitar 2019–2020. Penduduk mendakwa wujud isu ketelusan seperti perjanjian tertutup dan rasa dipinggirkan dalam keputusan berkaitan tanah sendiri. JAKOA pula dilihat lebih fokus kepada kebajikan, manakala isu tanah dan ladang di bawah pihak lain. Namun pengurusan serta agihan hasil oleh ORACO masih dipersoalkan.	
5.	Kemerosotan potensi pelancongan dan warisan kraf	Pada sekitar 1980-an, kampung ini terkenal sebagai pusat penghasilan kraf ukiran kayu Orang Asli kaum Jahut yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Namun kini, industri tersebut hampir pupus kerana generasi lama yang mahir telah tiada dan tiada pewaris yang meneruskan kemahiran itu. Akibatnya, identiti budaya serta sumber ekonomi tradisional semakin terhakis.	**JAKOA** menyatakan kemerosotan hasil kraftangan berlaku kerana generasi muda kurang berminat dan lebih cenderung kepada pekerjaan perladangan. **PDTJ dan Penghulu** pula menjelaskan bahawa ukiran tradisional Orang Asli berkait dengan kepercayaan animisme, namun apabila masyarakat semakin terdedah kepada Islam, amalan tersebut semakin berkurang dan tidak lagi diteruskan secara meluas.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog bersama Komuniti Kg Sempadan **Tarikh:** 04/02/2026 **Bilangan peserta:** 18 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • TNB • PAIP • PDRM • PERHILITAN • SKMM
1.	Ketidaktentuan bidang kuasa pentadbiran	Kampung Sempadan terletak di sempadan Kuala Lipis dan Jerantut, menyebabkan kekaburan bidang kuasa agensi. Kebanyakan penduduk memiliki kebun di kawasan Kuala Lipis. Namun, keadaan ini menyebabkan mereka tidak menerima bantuan daripada kedua-dua pihak sama ada Kuala Lipis atau Jerantut.	**TNB** menyatakan bahawa Kampung Sempadan diuruskan di bawah oleh TNB Lipis **PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa mesyuarat telah dilakukan dan telah bersepakat bahawa penduduk yang berada di dalam sempadan Lipis diuruskan oleh pentadbiran Lipis.
2.	Tiada bekalan air bersih dan mencukupi	Penduduk Kg Sempadan bergantung kepada sumber air gunung sejak 1987. Dahulunya diselenggara oleh KKM, namun kini kos penyelenggaraan ditanggung sendiri. Hanya pemilik geran tanah layak mendapat bekalan air JBA, menyebabkan yang tiada geran terus bergantung kepada air bukit. Penduduk pernah mengalami kesukaran mendapatkan air bersih sehingga terpaksa menggunakan sumber tidak selamat.	**PAIP** memaklumkan bahawa, bagi isu bekalan air, projek baharu di bawah KKDW sedang dilaksanakan untuk menaik taraf sistem bekalan di kawasan Batu Balai dan dijangka menyalurkan air hingga ke sempadan Kuala Lipis. Di Kg Kuala Tahan pula, tender telah dibuat bagi pemasangan paip baharu dari loji air ke Kg Gong (kawasan MPOB) bagi mengatasi masalah gangguan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Bagi mendapatkan sambungan JBA, beberapa keluarga berkongsi geran melalui bantuan JKK dan menanggung kos pemasangan yang tinggi secara bersama. Kampung Sempadan mengalami masalah bekalan air tidak mencukupi kerana faktor kedudukan berbukit dan kekurangan infrastruktur tangki. Bekalan JBA hanya sampai ke beberapa rumah, menyebabkan akses air tidak menyeluruh terutama di kawasan tinggi.	bekalan air. **PKD** menyatakan berkaitan perkara ini, memang dulu pernah dibuat dan diserahkan. Sebenarnya untuk penyelenggaraan itu tidak pernah dibuat oleh pihak KKM. KKM hanya buat dahulu, kemudian serahkan kepada mereka untuk penyelenggaraan sendiri secara gotong-royong.
3.	Ketiadaan dokumen pengenalan diri	Terdapat kes melibatkan pasangan di mana isteri warganegara Malaysia berkahwin dengan individu dari Indonesia dan melahirkan anak tanpa status sah taraf. Anak tersebut tidak mempunyai sijil kelahiran, menyebabkan mereka tidak memiliki kad pengenalan dan tidak dapat bersekolah. Isu ini turut dilaporkan berlaku di beberapa kawasan termasuk Kampung Sempadan, Damak, Batu 58 dan Jerangsang.	**PAID** *Agensi tidak hadir sesi dialog antara agensi*
4.	Penyalahgunaan dadah	Terdapat aktiviti pengedaran dadah yang berterusan. Walaupun polis selalu membuat pemantauan di kawasan-kawasan 'merah', namun masih kelihatan aktiviti pengedaran dadah terutamanya di sekitar Bukit Tol dan kawasan Batu Sempadan.	**PDRM** menyatakan bahawa mereka tidak berkompromi dengan sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah termasuk ketum, serta terus memperkasakan risikan dan tindakan penguatkuasaan.
5.	Pertembungan dengan haiwan liar	Penduduk berdepan gangguan dan ancaman haiwan liar seperti monyet, beruang dan harimau. Kesan jejak haiwan tersebut sering ditemui di sekitar kampung. Monyet pula	**PERHILITAN** mengambil maklum berkaitan aduan di lokasi yang dinyatakan. Pemasangan perangkap telah dilakukan dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kerap merosakkan barangan rumah termasuk perkakasan elektrik dan makanan. Keadaan ini memberi kesan negatif kepada keselamatan serta ekonomi penduduk setempat.	perangkap masih aktif.
6.	Ketidakstabilan jaringan internet	Sambungan internet akan terhenti apabila bekalan elektrik terputus. Keadaan menjadi lebih teruk ketika banjir. Gangguan elektrik ini menyebabkan penduduk termasuk tok empat tidak dapat berhubung dengan pihak luar untuk mendapatkan bantuan.	**SKMM** menyatakan gangguan elektrik semasa banjir menjejaskan rangkaian telekomunikasi dan komunikasi kecemasan. Bagi mengurangkan kesan, langkah kesiapsiagaan dilaksanakan bersama penyedia perkhidmatan dan agensi berkaitan termasuk penggunaan bateri sokongan, genset serta menaikkan menara pemancar di kawasan berisiko banjir.
7.	Kekurangan infrastruktur asas	Kg Sempadan tidak mempunyai sekolah, dan balai raya dijadikan pusat penempatan sementara ketika banjir kerana lokasinya yang tinggi. Namun, ruangnya sempit dan tidak mencukupi untuk menampung jumlah mangsa yang semakin ramai. Ianya menyebabkan keperluan kepada kemudahan penempatan yang lebih besar.	**PDTJ** menyatakan bahawa perlu untuk membuat permohonan dewan Baharu **PDTJ** menyatakan bahawa permohonan lampu jalan telah diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, namun Pejabat Daerah Jerantut hanya mendapat 10 batang lampu jalan.
		Kebanyakan lampu jalan di Kg Sempadan menuju Kuala Lipis rosak. Penduduk lebih memilih lampu TNB berbanding lampu solar kerana prestasi lampu solar yang tidak stabil dan mudah rosak.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Kejadian banjir berterusan	Kg Sempadan seringkali dilanda banjir kerana kawasan kampungnya yang berbukit menyebabkan penduduk yang berada di bawah terpaksa berpindah ke tempat yang lebih tinggi. Banjir dikatakan sehingga paras dada dan dua kali setahun berlakunya banjir kilat.	**PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa mangsa-mangsa banjir ini ada penduduk yang tinggal di rizab sungai (menetap di tanah haram)
9.	Syarat kelayakan sijil penternakan yang tidak mesra pesara	Penduduk tidak layak mendapat sijil penternakan kerana syarat umur melebihi 50 tahun. Syarat ini dianggap perlu disemak semula kerana ramai yang memulakan penternakan selepas bersara pada usia tersebut.	**PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa isu ini perlu dibentangkan bersama MOFS untuk mengubah taraf kelayakan bagi penduduk yang berumur 50 tahun ke atas untuk memperoleh sijil tersebut.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog bersama Komuniti Kg Perlok **Tarikh:** 04/02/2026 **Bilangan peserta:** 14 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) • Jabatan Pembangunan Wanita • Jabatan Perikanan
1.	Kurang bengkel kemahiran bagi pembangunan komuniti	Komuniti wanita Kg Perlok kurang akses kepada program kemahiran penjanaan pendapatan. Projek lama seperti pembuatan sos cili di bawah KPWKM tidak diteruskan kerana tiada pewaris, manakala program KEMAS kini lebih tertumpu kepada motivasi dan kurang memberi latihan kemahiran menjana pendapatan.	**KEMAS** menyediakan kelas kemahiran seperti masakan dan jahitan yang dijalankan secara berjadual untuk wanita dan belia sehingga mampu menjana pendapatan. **PDTJ** mencadangkan penambahbaikan daripada segi pemasaran digital dan pembungkusan bagi produk tempatan seperti sos. **JPW** pula mengalu-alukan kerjasama agensi dalam pembangunan kemahiran wanita melalui pelbagai program seperti jahitan, makanan, pemasaran digital dan kemahiran lain, serta menyelaras pelaksanaan program di lapangan.
2.	Harga getah yang rendah	Harga getah menurun daripada RM8 kepada sekitar RM2 menyebabkan ramai pemilik kebun menukar kepada tanaman lain. Pokok getah juga terjejas oleh	**RISDA** *Agensi tidak hadir sesi dialog antara agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		cuaca panas yang menyebabkan daun gugur dan hasil pengeluaran berkurang.	
3.	Ketidakstabilan akses bekalan air	Bekalan air untuk ternakan ikan kolam atas tanah tidak mencukupi dan tidak menentu kerana bergantung kepada air bukit. Semasa musim kemarau, paras air menurun menyebabkan air kolam menjadi panas dan berbau, seterusnya mengakibatkan kematian ikan.	**Jabatan Perikanan** mencadangkan pembinaan kolam takungan sebelum ternakan ikan bagi memastikan bekalan air mencukupi. Alternatif lain ialah sistem RAS yang menjimatkan air, namun kos, elektrik dan kepakaran menjadi cabaran utama.
4.	Kos penternakan ikan yang semakin meningkat	Harga palet ikan meningkat sehingga membebankan penternak, dengan kos harian yang tinggi untuk makanan ikan. Tempoh ternakan yang mengambil masa 7 hingga 8 bulan turut menjadikan keseluruhan kos operasi semakin tinggi.	**Jabatan Perikanan** memaklumkan harga makanan ikan tidak dikawal kerana bergantung kepada pasaran global dan bahan mentah import, serta dipengaruhi kadar mata wang dan kos logistik. Jabatan hanya memastikan kualiti makanan ikan dan menyediakan bantuan input melalui SpeKS Akuakultur kepada pengusaha berdaftar yang layak.
5.	Kekurangan penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur	Jalan di Ulu Cheka mengalami hakisan dan runtuhan kecil sehingga menjadi sempit dan berisiko, terutama ketika hujan. Keadaan tanah dan cuaca meningkatkan risiko tanah runtuh. Hal ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan pengguna jalan.	**PDTJ** menyatakan bahawa PLB membina kemudahan dan seterusnya memberikan kemudahan tersebut kepada JPKK. Seterusnya, hak penjagaan dan pengurusan adalah dibawah tanggungjawab JPKK dan bukannya PLB.
		Kampung ini kekurangan padang permainan atau kawasan lapang untuk kanak-kanak, dengan hanya	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		satu padang lama yang digunakan secara bergilir oleh penduduk. Walaupun terdapat peruntukan RM100,000 untuk baik pulih, ia tidak mencukupi untuk menaik taraf kemudahan sedia ada.	
6.	Status tanah pertanian yang tidak jelas	Terdapat isu status dan permohonan hak milik tanah sawit yang mengambil masa lama. Tempoh melebihi 10 hingga 40 tahun berlalu tanpa keputusan jelas. Dalam tempoh tersebut, tanaman sawit sudah menjadi sumber ekonomi utama penduduk. Namun, permohonan hak milik masih tidak diselesaikan.	**PDTJ** menyatakan bahawa peserta ini meneroka tanah secara haram dan tidak mengikut peraturan dan Akta Kanun Tanah Negara. Bagi tempoh permohonan tanah, tiada tempoh yang tetap yang ditetapkan bagi proses ini kerana permohonan tanah di Pahang adalah terbuka dan bukan hanya kepada anak negeri sahaja. Beliau turut menceritakan bahawa setiap hari mereka menerima 100 permohonan setiap hari.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog bersama Komuniti Kg Bukit Genting **Tarikh:** 04/02/2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • JABATAN PERIKANAN • MUIP • Majlis Daerah Jerantut • PERHILITAN • Advanced Technology Training Centre JERANTUT (ADTEC-JERANTUT)
1.	Kekurangan infrastruktur asas	Kg Bukit Genting kekurangan kemudahan riadah untuk anak muda, dengan hanya satu gelanggang takraw yang tidak diselenggara dan rosak. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan pengguna.	**PDTJ** menyatakan bahawa PLB membina kemudahan dan seterusnya memberikan kemudahan tersebut kepada JPKK. Seterusnya, hak penjagaan dan pengurusan adalah dibawah tanggungjawab JPKK dan bukannya PLB. **PDTJ** menyatakan bahawa perlu untuk membuat permohonan dewan baharu
		Penduduk memerlukan dewan orang ramai atau dewan terbuka kerana ketiadaannya menyukarkan penganjuran majlis dan aktiviti komuniti. Dewan berserta padang parkir diperlukan bagi memudahkan urusan sosial serta mengatasi masalah akses jalan dan parkir.	
2.	Keperluan mendapatkan jeti	Kampung ini tidak mempunyai jeti nelayan darat walaupun terdapat kira-kira 30 bot. Ketiadaan jeti dan pusat jualan ikan menyebabkan nelayan terpaksa mencari sendiri orang tengah untuk menjual hasil tangkapan.	**Jabatan Perikanan** memaklumkan tiada peruntukan khusus untuk pembinaan jeti nelayan darat, namun beberapa jeti di Pahang telah disenarai untuk naik taraf di bawah RMK-13 dengan syarat kelulusan agensi berkaitan. Bagi pusat jualan ikan, dicadangkan lokasi di kawasan lebih strategik seperti Tebing Tinggi, manakala

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			nelayan digalakkan memohon kepada LKIM untuk penubuhan pusat pengumpulan ikan bagi mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.
3.	Gangguan spesies ikan invasif	Ikan ekor merah merupakan spesies invasif yang mengganggu ekosistem kerana membiak dengan cepat dan memakan ikan lain. Keadaan ini menyebabkan populasi ikan tempatan berkurangan. Walaupun boleh dimakan, ikan ini tidak dipasarkan secara meluas kerana hasil tangkapan yang tidak stabil.	**Jabatan Perikanan** melaksanakan program tahunan menangkap ikan ekor merah sebagai usaha mengawal spesies invasif melalui kempen dan pertandingan, termasuk kaedah *catch and kill*. Pada masa sama, program pengayaan stok ikan tempatan turut dijalankan dengan pelepasan benih ikan dan udang galah ke sungai-sungai utama.
4.	Keperluan penyelenggaraan infrastruktur awam	Kemudahan masjid tidak mencukupi dan kurang selesa, dengan sistem pendawaian elektrik yang sudah berusia hampir 48 tahun serta belum diganti. Masjid juga tidak berpagar menyebabkan haiwan seperti anjing boleh memasuki kawasan masjid. Permohonan pemasangan pagar telah dibuat kepada Jabatan Agama, namun ditangguhkan kerana kekangan bajet.	**MUIP** menyatakan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan masjid adalah di bawah Pejabat Agama Pahang.
5.	Ketiadaan sistem dan kesedaran pengurusan sisa	Kampung tidak mempunyai kemudahan tong sampah. Permohonan kepada Alam Flora memerlukan caj perkhidmatan. Namun, penduduk enggan membayar menyebabkan sampah dibuang secara tidak teratur	**SWCorp** *Agensi tidak hadir sesi dialog antara agensi* **MDJ** menyatakan bahawa Kg Bukit Genting tidak

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sehingga berlaku longgokan sampah di kawasan tidak sesuai.	termasuk di dalam kawasan yang dikenakan cukai taksiran. oleh yang demikian pengurusan sampah adalah dibawah tanggungjawab sendiri.
6.	Usia paip air yang lama	Paip air dikatakan selalu pecah sehingga 4 kali sebulan. Ketika perbincangan, penduduk menyatakan bahawa mereka telah 2 hari tidak mendapat bekalan air. Kejadian ini dikatakan berlaku akibat usia paip yang telah uzur. Usia paip dikatakan dari tahun 1971-1972 lagi.	**PAIP** *Tiada maklum balas mengenai isu ini*
7.	Konflik hidupan liar dengan manusia	Konflik manusia-hidupan liar di kampung tersebut semakin serius terutamanya melibatkan monyet yang populasinya sangat tinggi sehingga mengganggu keselamatan penduduk. Terdapat dakwaan pelepasan monyet secara tidak terkawal di kawasan kampung, serta kes monyet menyerang penduduk termasuk yang menunggang motosikal.	**PERHILITAN** mengambil maklum berkaitan aduan di lokasi yang dinyatakan. Pemasangan perangkap telah dilakukan dan perangkap masih aktif.
		Kera kerap memasuki rumah dan merosakkan makanan, dipercayai akibat penebangan hutan yang mengganggu habitat asal. Walaupun agensi menyediakan perangkap, penduduk mempersoalkan keberkesanannya kerana masalah tetap berulang dan populasi kera terus meningkat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Tiada peluang pekerjaan dalam kalangan belia	Kekurangan peluang pekerjaan menyebabkan ramai belia berhijrah keluar. Dahulu terdapat peluang pekerjaan di kilang Pusat Jengka. Namun, selepas kilang ditutup, peluang pekerjaan di kampung semakin terhad.	**ADTEC Jerantut** mencadangkan program *outreach* bersasar ke kampung melibatkan promosi *TVET*, taklimat komuniti, program *Jom Masuk TVET*, lawatan bengkel dan kursus jangka pendek. Pendekatan ini memberi fokus kepada peluang pekerjaan, persijilan dan peningkatan pendapatan. ADTEC juga menyokong latihan kemahiran belia melalui *reskilling* dan *upskilling* dalam pelbagai bidang teknikal dan pertanian.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog bersama Komuniti FELDA Jengka 24 **Tarikh:** 04/02/2026 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
1.	Kaedah penilaian hasil sawit tidak mengambil kira kandungan minyak	Pengiraan hasil berdasarkan berat semata-mata tidak lagi sesuai untuk diguna pakai, kerana peningkatan kualiti benih kini menghasilkan kandungan minyak yang lebih tinggi walaupun berat tandan berkurang. Keadaan ini secara tidak langsung menekan peneroka, kerana pendapatan yang diterima tidak mencerminkan nilai sebenar hasil yang diusahakan.	**MPOB** *Tiada maklum balas daripada agensi berkenaan*
2.	Akses, perancangan dan pengurusan tanah serta perumahan	Lot tanah generasi kedua FELDA yang diperuntukkan tidak sesuai untuk pembangunan kerana kedudukannya tidak strategik seperti di kawasan berbatu, berair dan cerun bukit. Walaupun pelan tanah telah diluluskan, keadaan fizikal tapak menyebabkan ia tidak dapat dibangunkan.	**FELDA** *Tiada maklum balas daripada agensi berkenaan*
3.	Kos input yang semakin meningkat	Kos input pertanian sangat tinggi, termasuk penggunaan baja dalam kuantiti besar beberapa kali setahun yang boleh mencecah sekitar RM10,000. Peneroka FELDA mendapat kemudahan potongan berperingkat, manakala pengusaha individu perlu menanggung kos secara tunai, menyebabkan beban kewangan lebih tinggi.	**FELDA** *Tiada maklum balas daripada agensi berkenaan*

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog bersama Komuniti Kuala Sat **Tarikh:** 05/02/2026 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • MOTAC • FRIM • PAIP • JKR • JPS • PERHILITAN
1.	Jarak perkhidmatan kesihatan yang jauh	Jarak kampung ke hospital utama adalah jauh dan memerlukan perjalanan sehingga lebih satu jam. Pesakit bersalin biasanya perlu tinggal di rumah transit lebih awal, dan kesemua urusan ke hospital bergantung kepada pengangkutan darat. Sokongan seperti rumah transit, kenderaan dan keperluan asas turut disediakan oleh wakil rakyat bagi memudahkan urusan rawatan.	**PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa penduduk daripada Kuala Sat yang mengandung akan diawalkan 2 minggu daripada tarikh bersalin untuk ke hospital. Terdapat juga helikopter disediakan bagi kes-kes kecemasan. Penghulu juga menyatakan bahawa tiada perkidmatan ambulans disediakan, beliau menyatakan bahawa tiada ambulans dan yang ada hanyalah Toyota Hilux pacuan empat roda (4x4).
2.	Halangan promosi dan operasi koperasi secara rasmi	Koperasi menghadapi kekangan untuk mempromosikan aktiviti pelancongan secara terbuka. Promosi melalui media sosial dibenarkan, promosi secara luaran tidak dapat dilakukan tanpa pendaftaran operator tempatan. Keadaan ini mengehadkan usaha koperasi untuk	**MOTAC** menyatakan CBET perlu lesen pelancongan melalui Akta Industri Pelancongan 1992. **FRIM** memaklumkan koperasi masih belum berlesen dan disaran bekerjasama dengan agensi pelancongan berlesen serta dibantu dari segi

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		memperluas pasaran dan menarik lebih ramai pelancong. Penggunaan agensi pelancongan dari kawasan lain juga tidak dibenarkan kerana operator perlu berdaftar di kawasan operasi berkenaan.	promosi dan sistem tempahan.
3.	Ketidakstabilan air bersih	Kampung masih bergantung kepada sistem air graviti yang tidak stabil ketika kemarau. Walaupun projek RMK-12 telah diluluskan dan lawatan tapak dibuat, ia masih di peringkat pelantikan perunding.	**PAIP** mencadangkan pembinaan sistem bekalan air baharu untuk Kampung Sat melalui pembinaan tangki simpanan yang menghubungkan bekalan dari Kampung Bantal, termasuk proses rizab tapak tangki. Projek di bawah KKDW telah diluluskan. **PDTJ** memaklumkan ia bertindih dengan projek jalan dan jambatan, dan dicadangkan supaya pelaksanaan diselaraskan bagi mengelakkan pertindihan kerja.
4.	Kekurangan penyelarasan antara agensi	Terdapat kekurangan penyelarasan antara KKDW dan JKR dalam pembinaan jalan, menyebabkan spesifikasi tidak memenuhi piawaian JKR dan proses penyerahan tertangguh. Kerjasama kini diperbaiki termasuk kerja cerun, namun proses mengambil masa lama sehingga 3–4 tahun. Sementara itu, kerosakan jalan terus berlaku setiap musim hujan walaupun pembaikan sementara dibuat.	**JKR** memaklumkan jalan masih di bawah seliaan KKDW dan sedang dalam proses penyerahan kepada JKR. Beberapa kerja pembaikan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum penyerahan diterima. Kerja pembaikan sedang dilaksanakan secara berfasa oleh CFHJ, dan JKR daerah masih menunggu kelulusan untuk mengambil alih penyelenggaraan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Kekurangan fasiliti asas	Kampung ini menghadapi kekurangan fasiliti asas untuk belia seperti padang bola, dewan dan pusat komuniti yang lengkap, dengan hanya balai raya dan masjid sebagai kemudahan utama. Cadangan pembangunan di atas tanah rizab telah dikemukakan, namun terbatas oleh isu ketiadaan tanah sesuai serta proses kelulusan tanah yang rumit.	**PDTJ** menyatakan bahawa perlu untuk membuat permohonan dewan baharu **PDTJ** menyatakan bahawa permohonan lampu jalan telah diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, namun Daerah Jerantut hanya mendapat 10 batang lampu jalan. Bagi isu lampu jalan di Kg Beneh, penduduk telah berbincang bersama TNB namun, TNB meminta RM10 sebulan bagi meletakkan lampu jalan di sana (di hadapan kedainya) dan penduduk tersebut enggan. Lampu jalan di setiap simpang ada, Cuma kes di Kg Beneh adalah jalan lurus dan jalan tersebut menuju ke rumah peserta tersebut.
		Kawasan jalan utama menuju Kampung Beneh mengalami kekurangan lampu jalan, dengan sebahagian laluan tidak diterangi dan membahayakan pengguna. Keadaan ini turut menyumbang kepada kemalangan seperti perlanggaran dengan haiwan ternakan di jalan tersebut.	
6.	Sumber air yang tidak menentu	Sumber air yang selalu terputus. Penduduk kampung dikatakan bergantung kepada air rawatan bukit (bawah gunung melon). Paip air yang menghubungkan air ini dikatakan selalu terputus akibat gangguan gajah dan menyukarkan penduduk untuk membaiki paip tersebut.	**PERHILITAN** memaklumkan bahawa dua operasi tangkapan gajah telah dijalankan di sekitar Kg Kuala Sat dengan jumlah empat ekor gajah ditangkap. Tiada rekod aduan gangguan gajah bagi tahun 2025, dan kehadiran kumpulan gajah dilaporkan tidak konsisten. Sebagai langkah pencegahan, dicadangkan pembinaan sistem paip yang lebih selamat seperti paip ditanam atau kaedah lain yang tahan gangguan hidupan liar.
		Tekanan air yang rendah dikatakan turut berlaku apabila penduduk tidak mendapat air disebabkan kawasan yang berbukit. Isu ini dikatakan berlaku di Kampung Baru.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Perkhidmatan asas kesihatan yang tidak mencukupi	Kuala Sat hanya mempunyai Klinik Desa dengan bekalan ubat yang terhad seperti ubat demam dan selsema. Penduduk perlu ke Klinik Kesihatan di Kg Bantal dengan menaiki bot, yang menyukarkan terutama bagi ibu mengandung kerana perlu melalui jeti yang tinggi dan perjalanan yang mencabar.	**PKD** *Tiada maklum balas daripada agensi berkenaan*

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog bersama Komuniti Kuala Tahan **Tarikh:** 05/02/2026 **Bilangan peserta:** 10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • Majlis Ugama Islam Pahang • Lembaga Perumahan Hartanah Pahang • Majlis Daerah Jerantut
1.	Keperluan mendesak bagi permohonan masjid baharu	Keperluan pembinaan masjid baharu di Kampung Kuala Tahan semakin mendesak kerana peningkatan jemaah dan aktiviti komuniti. Namun, lokasi sedia ada menghadapi masalah akses kerana hanya mempunyai satu laluan sempit yang melalui tanah persendirian. Perkara ini menyukarkan pergerakan dan pembangunan. Kawasan hadapan masjid mengalami mendapan tanah akibat banjir besar 2014, dan keadaan tapak yang sempit menyukarkan kerja pembaikan. Anggaran kos pembaikan yang tinggi menjadikan pembinaan masjid baharu lebih munasabah. Namun, permohonan yang telah dibuat masih belum mendapat maklum balas jelas daripada pihak berkenaan di peringkat negeri dan Persekutuan.	**MUIP** menyatakan bahawa permohonan bagi pembinaan masjid baharu telah dibuat dan kawasan tanah bagi pembinaan juga telah dikenalpasti.
2.	Gangguan bekalan air dan sistem air masyarakat	Masalah bekalan air utama (PAIP), khususnya gangguan bekalan air bersih yang kerap berlaku akibat paip pecah, dengan gangguan dilaporkan berlaku dua hingga tiga kali seminggu.	**PAIP** *Tiada maklum balas mengenai isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Komuniti bergantung kepada sistem air bukit lama sebagai bekalan sokongan selain air utama, termasuk untuk sekolah, masjid dan surau. Sistem ini memerlukan baik pulih paip yang panjang dan sering rosak semula akibat kerja pembaikan yang tidak menyeluruh serta keadaan tanah bermasalah. Walaupun bekalan sekunder, ia sangat penting ketika gangguan air utama berlaku.	
3.	Bekalan elektrik yang tidak menentu	Gangguan bekalan elektrik biasanya mengambil masa 2–3 jam untuk dipulihkan dan memberi kesan kepada kehidupan harian serta kemudahan awam, terutamanya akibat kejadian seperti pokok tumbang. Cadangan pembinaan generator sokongan pernah dibuat, namun tapak yang diperuntukkan telah digunakan untuk tujuan lain dan projek tersebut masih belum dilaksanakan sepenuhnya.	**TNB** *Tiada maklum balas daripada agensi berkaitan*
4.	Kekurangan infrastruktur bagi sektor pelancongan yang pesat	Laluan dari jambatan ke jeti yang hanya mempunyai satu jalan dua hala menyebabkan kesesakan teruk terutama pada musim pelancongan. Cadangan penukaran kepada sistem sehala telah dikemukakan, namun pelaksanaannya memerlukan perancangan dan kemungkinan pengambilan tanah untuk laluan alternatif. Isu ini telah dibawa kepada wakil rakyat tetapi masih belum ada tindakan susulan.	**PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa isu yang berkaitan penambahbaikan infrastruktur seperti menambah jalan perlu dirujuk dan dikemukakan kepada KKDW kerana ia memerlukan kos yang tinggi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kesukaran dalam memasarkan hasil tanaman	Petani menghadapi kesukaran memasarkan hasil kerana tiada kawalan terhadap harga pasaran. Harga hanya diketahui selepas hasil dijual, menyebabkan pendapatan tidak menentu. Apabila harga terlalu rendah, kos pengangkutan tidak berbaloi dan hasil terpaksa dijadikan makanan ternakan. Keadaan ini menjejaskan minat petani untuk terus mengusahakan tanaman.	**FAMA** menjelaskan bahawa harga komoditi ditentukan oleh permintaan dan penawaran, namun petani boleh mengawal harga melalui jualan terus kepada pengguna atau Program Ladang Kontrak. Program ini menetapkan harga lantai awal serta menjamin pasaran bagi pelbagai jenis hasil pertanian. FAMA juga berperanan sebagai penyelaras, pembeli dan perantara pasaran, contohnya harga lantai timun premium ditetapkan pada RM1.00/kg.
6.	Kebimbangan projek perumahan akan diberikan kepada orang luar	Projek perumahan sekitar 100 unit masih dalam proses dan tergolong sebagai projek “sakit” yang tertangguh. Walaupun semua rakyat layak memohon, penduduk menekankan keutamaan perlu diberi kepada penduduk asal bagi mengelakkan rumah dimiliki atau disewakan kepada orang luar. Projek di bawah Program TEDUH KPKT ini telah diambil alih oleh LPHP dengan peningkatan kos daripada sekitar RM35,000 kepada RM45,000 seunit.	**LPHP** memaklumkan bahawa Program Residensi Rakyat (PRR) Kuala Tahan di bawah KPKT dan Kerajaan Negeri Pahang akan diserahkan kepada kerajaan negeri selepas CCC diperoleh untuk proses pengisian. Permohonan dibuat melalui sistem eperumahan.pahang.gov.my dengan syarat kelayakan tertentu seperti pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000, warganegara Malaysia, tiada pemilikan rumah atau tanah, serta menetap di Pahang sekurang-kurangnya 5 tahun. Pemilihan peserta dibuat melalui tapisan JK2P dan diperakukan dalam MMK sebelum cabutan undi dilaksanakan secara telus dan berperingkat.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Keperluan menaiktaraf pondok polis kepada balai polis	Penduduk perlu ke balai polis di kawasan Tembeling yang mengambil masa kira-kira satu jam untuk membuat laporan kes kerana tiada balai polis berdekatan. Walaupun terdapat pondok polis masyarakat, ia hanya berfungsi sebagai kawalan asas. Dengan populasi sekitar 4,000 orang dan status Kuala Tahan sebagai kawasan pelancongan, penduduk merasakan kemudahan keselamatan sedia ada tidak mencukupi.	**PDRM** *Tiada maklum balas mengenai isu ini*
8.	Keperluan menambah kekerapan mengutip sampah	Kutipan sampah oleh Alam Flora di bawah SWCorp dijalankan sekitar tiga kali seminggu, namun tidak mencukupi ketika musim puncak pelancongan. Ketiadaan pusat pengumpulan sampah yang berfungsi menyebabkan sampah kadangkala tidak dikutip segera, hingga menimbulkan bau, kehadiran anjing liar dan gangguan haiwan seperti monyet. Penduduk mencadangkan kutipan harian semasa musim puncak bagi menjaga kebersihan dan kesihatan.	**MDJ** menyatakan bahawa perkhidmatan kutipan sisa pepejal di Kuala Tahan telah ditambah baik oleh pihak SWCrop dan Alam Flora iaitu dengan kekerapan kutipan 4 kali seminggu (Isnin, Selasa, Khamis dan Sabtu) melibatkan jalan Utama, PASDEC dan Pekan Kuala Tahan manakala bagi keseluruhan kawasan 3 kali seminggu (Selasa, khamis dan Sabtu.)
9.	Keperluan bengkel kereta, bot dan tayar	Peserta menyatakan bahawa bengkel kemahiran seperti bengkel kereta, bot dan tayar diperlukan bagi penduduk Kuala Tahan kerana kebanyakan belia bergantung kepada sektor pelancongan. Namun sektor tersebut dikatakan tidak stabil seperti contoh ketika pandemik Covid-19 melanda, seluruh sektor pelancongan terpaksa ditutup.	**PDTJ-Penghulu** menyatakan bahawa segala kemudahan dan bantuan seperti kursus dan bengkel telah dilakukan tetapi sikap penduduk yang tidak mahu melibatkan diri menyebabkan program ini kurang memberi impak. Malah setiap agensi akan memberi bantuan atau dana kepada peserta jika mereka berjaya tamatkan sesi kursus tersebut.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Kg Labu **Tarikh:** 05/02/2026 **Bilangan peserta:** 4 orang			• Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut • PERHILITAN • Jabatan Perikanan • JPS
1.	Kerosakan kemudahan di Taman Negara	Kerosakan kemudahan di kawasan Taman Negara, khususnya canopy walkways, masih belum dibaiki sepenuhnya walaupun telah berlarutan hampir setahun. Keadaan ini menyebabkan tempahan pengunjung terpaksa dibatalkan atas faktor keselamatan. Walaupun terdapat sokongan kerajaan negeri, kerja baik pulih masih tertangguh kerana kos tinggi sekitar RM40 juta.	**PERHILITAN** memaklumkan bahawa kerosakan titian kanopi di Seberang Ara berpunca daripada bencana alam seperti pokok tumbang dan dahan patah. Kerja-kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan bagi memastikan keselamatan dan pemulihan fasiliti. Selain itu, pembangunan fasiliti awam sedang dijalankan, dan PERHILITAN akan mendapatkan khidmat FRIM untuk penilaian risiko bagi menjamin keselamatan jangka panjang.
2.	Tiada penyelarasan bagi harga pakej dan perkhidmatan	Harga pakej dan perkhidmatan pelancongan tidak diselaraskan kerana tiada badan khusus yang menetapkan standard. Ini menyebabkan ketidakseragaman harga antara pengusaha bagi perkhidmatan seperti pemandu pelancong, penginapan dan aktiviti pelancongan. Keadaan ini berisiko menjejaskan imej kawasan sebagai destinasi pelancongan yang teratur dan profesional.	**PERHILITAN** menyatakan bahawa penetapan harga permit atau lesen seperti (permit masuk, lesen memancing, permit bermalam dan sewaan bumbun) adalah dibawah ketetapan Taman Negara Pahang. Walau bagaimanapun, harga berkaitan penginapan, tambang bot dan bayaran perkhidmatan pemandu pelancong bukan dibawah kuasa pihak Taman Negara Pahang.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kebimbangan mengenai keselamatan pelancong	Isu keselamatan pelancong meningkat terutama semasa musim Monsun Timur Laut (MTL) apabila keadaan cuaca dan paras air sungai menjadi berisiko. Terdapat kes bot membawa penumpang melebihi kapasiti dan tidak menggunakan jaket keselamatan. Walaupun teguran telah dibuat, pematuhan hanya berlaku selepas arahan dikeluarkan untuk berpatah balik.	**PERHILITAN** memaklumkan pemantauan kapasiti bot dijalankan dengan had maksimum empat orang bagi laluan tertentu serta pemeriksaan harian di Check Point Rakit Renjer. Namun, laluan crossing di luar kawasan Taman Negara tidak berada di bawah pemantauan jabatan. **PDTJ** menjelaskan terdapat kekeliruan bidang kuasa penguatkuasaan di sungai, dan walaupun rondaan bersama PDRM pernah dibuat, pemakaian jaket keselamatan hanya dipatuhi semasa rondaan sahaja.
4.	Species invasif menganggu ekosistem	Sebahagian penduduk bergantung kepada aktiviti menangkap ikan sebagai sumber pendapatan, namun kini berdepan peningkatan populasi ikan baung merah yang memberi kesan kepada ekosistem sungai. Walaupun ikan tersebut boleh dimakan, ia menjejaskan spesies ikan tempatan seperti patin sungai dan kelah yang semakin berkurangan. Cadangan seperti pertandingan menangkap ikan telah dibangkitkan bagi mengawal populasinya.	**Jabatan Perikanan** melaksanakan program tahunan menangkap baung ekor merah sebagai kempen kesedaran dan usaha mengawal populasi spesies invasif di sungai melalui pertandingan serta insentif wang tunai, dan menggalakkan penangkapan secara *catch and kill*. Pada tahun 2025, hampir 100,300 ekor benih ikan dan udang galah turut dilepaskan ke Sungai Tembeling dan Sungai Pahang bagi pengayaan stok ikan tempatan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Hakisan tebing sungai	Isu hakisan tebing Sungai Temerik membimbangkan penduduk terutama ketika musim tengkujuh. Cadangan pemasangan struktur seperti gabion, besi atau pallet dikemukakan bagi mengukuhkan tebing sungai. Struktur sementara yang dibina secara sendiri hanya bersifat sementara dan memerlukan sokongan yang lebih kukuh bagi mengelakkan runtuhan.	**JPS** menyatakan bahawa hakisan dan pelebaran sungai adalah proses semulajadi alam. Oleh itu, penyediaan dan pematuhan rizab sungai adalah perlu dan penting kerana ianya bertindak sebagai zon penampan banjir dan hakisan.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan Bengkel Kemahiran

Isu kekurangan bengkel kemahiran di Parlimen Jerantut menjadi antara cabaran utama dalam usaha membangunkan modal insan berkemahiran dalam kalangan komuniti setempat. Pada masa ini, kemudahan bengkel kemahiran yang tersedia adalah terhad dari segi bilangan, kelengkapan peralatan, serta kapasiti untuk menampung keperluan latihan praktikal secara berterusan. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan program latihan kemahiran tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan lebih banyak tertumpu kepada teori berbanding latihan hands-on. Kekurangan fasiliti ini juga menyukarkan komuniti, khususnya golongan belia, untuk memperoleh pendedahan kemahiran teknikal yang mencukupi bagi meningkatkan peluang pekerjaan atau menjana pendapatan sendiri. Oleh itu, isu ini secara langsung memberi kesan kepada keberkesanan pembangunan ekonomi berasaskan kemahiran di kawasan Jerantut.

Ketidakpadanan Program Kemahiran dengan Keperluan Komuniti

Komuniti di Parlimen Jerantut menyatakan bahawa sebahagian program yang dilaksanakan lebih tertumpu kepada aktiviti pembangunan sosial dan kemasyarakatan berbanding latihan kemahiran yang dapat meningkatkan pendapatan isi rumah. Penduduk mengharapkan lebih banyak latihan berbentuk praktikal seperti pemprosesan makanan, pemasaran digital, pembaikan bot, pembaikan kenderaan dan kemahiran teknikal yang selari dengan potensi ekonomi tempatan. Dapatan ini selaras dengan laporan oleh Unit Perancang Ekonomi (2023) yang mendapati bahawa program pembangunan komuniti luar bandar sering menghadapi isu ketidakpadanan antara bentuk latihan yang ditawarkan dengan keperluan sebenar masyarakat setempat. Kajian oleh World Bank (2023) turut menunjukkan bahawa latihan kemahiran yang disesuaikan dengan permintaan pasaran tempatan mempunyai kadar keberhasilan pekerjaan yang lebih tinggi berbanding program latihan umum (World Bank, 2023).

Kurangnya Minat Belia terhadap TVET dan Latihan Kemahiran

Perbincangan bersama komuniti turut mengenal pasti kurangnya minat golongan belia untuk menyertai program *TVET* dan latihan kemahiran walaupun pelbagai peluang telah disediakan. Situasi ini memberi kesan kepada pembentukan tenaga kerja mahir di kawasan luar bandar dan menjejaskan usaha pembangunan ekonomi setempat. Dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Kementerian Ekonomi (2024) yang mendapati persepsi negatif terhadap pendidikan teknikal dan kurangnya pendedahan kerjaya menyebabkan kadar penyertaan belia luar bandar dalam program *TVET* masih rendah berbanding sasaran nasional. Selain itu, Dasar *TVET* Negara 2030 turut mengakui bahawa cabaran utama pembangunan modal insan negara adalah menarik penyertaan generasi muda ke dalam bidang kemahiran dan teknikal (Kementerian Ekonomi, 2024).

Ketiadaan Pewaris dan Kelangsungan Kemahiran Komuniti

Beberapa projek ekonomi komuniti dan kemahiran tradisional didapati semakin sukar diteruskan akibat ketiadaan pewaris dalam kalangan generasi muda. Isu ini bukan sahaja menjejaskan kesinambungan aktiviti ekonomi komuniti, malah mengakibatkan kehilangan pengetahuan dan kemahiran yang diwariskan secara turun-temurun. Menurut laporan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (2022), kemahiran tradisional dan warisan tidak ketara berisiko pupus apabila proses pemindahan pengetahuan antara generasi tidak berlaku secara berterusan. Di Malaysia, fenomena penghijrahan belia ke bandar turut menyumbang kepada kekurangan pelapis dalam sektor ekonomi komuniti dan perusahaan kecil luar bandar (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, 2023).

Kekurangan Pendedahan kepada Peluang Keusahawanan dan Ekonomi Baharu

Komuniti turut menyuarakan keperluan untuk mendapatkan pendedahan yang lebih meluas mengenai peluang keusahawanan, bantuan kerajaan dan kemahiran yang mempunyai permintaan pasaran. Walaupun terdapat pelbagai skim bantuan dan program pembangunan usahawan yang disediakan oleh kerajaan, tahap kesedaran dan penglibatan komuniti masih rendah. Perkara ini turut dilaporkan oleh SME Corporation Malaysia (2024) yang mendapati bahawa kekurangan akses kepada maklumat, bimbingan dan jaringan perniagaan menjadi antara faktor utama yang mengehadkan penglibatan komuniti luar bandar dalam aktiviti keusahawanan. Kajian oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (2023) juga menunjukkan bahawa latihan keusahawanan yang disertakan dengan bimbingan berterusan dan akses kepada rangkaian pasaran mampu meningkatkan kadar kejayaan perusahaan mikro luar bandar secara signifikan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kurang ilmu dalam pemasaran dan penjenamaan dalam kalangan pengusaha komuniti 2. Kursus keusahawanan yang kurang mesra pengusaha serta tidak menepati keperluan praktikal 3. Kekurangan pusat sehenti (*one stop centre*) bagi sokongan produk IKS dan maklumat latihan 4. Kelemahan dalam pelaksanaan dana dan skim pembiayaan kepada komuniti luar bandar 5. Tiada pewaris dan penghijrahan belia ke bandar menyebabkan kemahiran tidak diteruskan

	6. Perubahan struktur ekonomi pertanian tempatan yang mengurangkan penglibatan generasi muda dalam sektor tradisional 7. Kemerosotan minat serta jumlah pelajar di sekolah luar bandar akibat faktor sosioekonomi dan migrasi keluarga
Cadangan Penyelesaian	1. Menganjurkan bengkel pemasaran, penjenamaan dan pemasaran digital secara praktikal kepada pengusaha 2. Menambah baik reka bentuk kursus keusahawanan agar lebih berasaskan latihan hands-on dan keperluan industri setempat 3. Penubuhan pusat sehenti IKS bersepadu yang menyediakan latihan, pemasaran dan bimbingan perniagaan 4. Penilaian semula serta penambahbaikan skim pembiayaan agar lebih inklusif dan mudah diakses oleh komuniti luar bandar 5. Program pewarisan kemahiran dan perniagaan yang melibatkan penglibatan aktif belia tempatan 6. Program transformasi ekonomi luar bandar yang menggalakkan inovasi dalam sektor pertanian dan ekonomi baharu 7. Program kesedaran pendidikan serta intervensi komuniti bagi mengurangkan keciciran pelajar luar bandar
Kumpulan Sasaran	Penduduk Luar Bandar dan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
Kawasan	Kampung Temin, Daerah Jerantut
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana melalui akses kepada perkhidmatan kewangan dan integrasi rantaian nilai.

SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses perusahaan kecil kepada perkhidmatan kewangan, termasuk pinjaman mampu milik.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.a: Menyokong perancangan pembangunan bersepadu yang menggalakkan hubungan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Hakisan Sungai

Isu hakisan tebing sungai di Parlimen Jerantut merupakan antara masalah alam sekitar yang semakin kritikal, khususnya di kawasan Sungai Temerik, Sungai Pahang dan penempatan seperti Kuala Sat. Hakisan tebing berlaku apabila tindakan aliran air secara berterusan menghakis struktur tanah di tebing sungai, seterusnya menyebabkan kehilangan tanah, perubahan bentuk sungai serta mengancam keselamatan penempatan manusia. Proses ini merupakan fenomena semula jadi geomorfologi, namun ia menjadi lebih serius apabila dipengaruhi oleh faktor hujan lebat, musim tengkujuh dan kelemahan struktur tanah (Zulkafli and Saadon 2025). Selain itu, hakisan tebing sungai juga boleh mengakibatkan perubahan morfologi sungai seperti pelebaran sungai yang ketara. Fenomena ini turut dilihat di Sungai Pahang, di mana kawasan yang dahulunya sempit telah menjadi semakin lebar akibat proses hakisan berterusan serta kejadian banjir besar yang mempercepatkan perubahan aliran sungai (Zainal Abidin, Sulaiman, and Yusoff 2017).

Hakisan Tebing di Sungai Temerik, Sungai Pahang dan Kuala Sat

Di Sungai Temerik, penduduk tempatan mencadangkan penggunaan struktur seperti gabion, besi dan palet sebagai langkah pengukuhan tebing sungai. Walau bagaimanapun, kebanyakan struktur ini dibina secara inisiatif komuniti dan hanya bersifat sementara serta tidak mampu menahan daya arus sungai yang kuat terutamanya ketika musim tengkujuh. Keadaan yang sama turut berlaku di Sungai Pahang, di mana proses hakisan telah mengubah bentuk sungai secara signifikan. Kajian menunjukkan bahawa perubahan aliran sungai dan tenaga arus yang tinggi merupakan faktor utama yang mempercepatkan hakisan tebing serta menyebabkan sungai menjadi lebih lebar dari masa ke masa (Roslan, Sulaiman, and Yusoff 2017).

Di kawasan Kuala Sat, kes hakisan tebing telah mencapai tahap kritikal apabila terdapat rumah penduduk yang runtuh akibat ketidakstabilan tanah di tebing sungai. Kejadian ini menunjukkan bahawa hakisan bukan sahaja isu alam sekitar tetapi juga isu keselamatan awam dan sosioekonomi. Walaupun laporan telah dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), namun tindakan susulan yang terhad menyebabkan masalah ini masih berterusan dan membimbangkan penduduk setempat.

Peranan Struktur Pengukuhan dan Teknologi Kawalan Hakisan

Pelbagai kaedah kejuruteraan telah digunakan untuk mengurangkan kesan hakisan tebing sungai, termasuk pembinaan struktur keras seperti tembok penahan, serta pendekatan lembut seperti penanaman vegetasi. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan struktur gabungan lebih berkesan dalam menstabilkan tebing sungai berbanding kaedah tunggal (See Too et al. 2023). Selain itu, pendekatan bio-kejuruteraan seperti penggunaan rumput vetiver (*Chrysopogon zizanioides*) telah terbukti berkesan dalam mengurangkan kadar hakisan melalui sistem akar yang dalam dan padat yang mampu mengikat tanah dengan lebih kukuh. Kajian eksperimen menunjukkan bahawa penggunaan vetiver dapat mengurangkan kadar hakisan sehingga lebih 90% berbanding kawasan tanpa perlindungan vegetasi (Azmi, Ibrahim, and Ibrahim 2025; Shi et al. 2026). Pendekatan ini juga dianggap lebih mesra alam dan kos efektif untuk jangka panjang.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Hakisan tebing sungai yang semakin kritikal di Sungai Temerik, Sungai Pahang dan Kuala Sat akibat arus sungai yang kuat terutama musim tengkujuh 2. Ketidakstabilan struktur tanah di tebing sungai menyebabkan risiko runtuhan tebing secara berterusan 3. Struktur sementara seperti gabion, palet dan penghadang besi yang dibina komuniti tidak mampu bertahan dalam jangka panjang 4. Ketiadaan sistem pengukuhan tebing sungai yang menyeluruh dan bersepadu oleh pihak berkuasa 5. Risiko kehilangan rumah dan harta benda penduduk akibat hakisan yang semakin hampir dengan kawasan penempatan (contoh di Kuala Sat) 6. Kelewatan tindakan susulan walaupun laporan telah dibuat kepada pihak JPKK 7. Perubahan morfologi Sungai Pahang yang semakin melebar akibat hakisan berterusan dan kejadian banjir
Cadangan Penyelesaian	1. Pembinaan struktur perlindungan tebing sungai yang lebih kukuh seperti gabion kekal, tembok penahan dan revetment batu

	2. Pelaksanaan pendekatan bio-kejuruteraan seperti penanaman rumput vetiver untuk menstabilkan tanah tebing sungai 3. Program penyelenggaraan dan pemantauan berkala kawasan hakisan oleh agensi berkaitan 4. Pembangunan pelan pengurusan risiko hakisan sungai secara bersepadu di peringkat daerah 5. Sistem amaran awal bagi kawasan berisiko tinggi hakisan dan runtuhan tebing 6. Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan sungai melalui program kesedaran dan gotong-royong 7. Penambahbaikan proses tindak balas laporan komuniti agar lebih cepat dan efektif
Kumpulan Sasaran	Penduduk Sekitar
Kawasan	Kampung Lada, Jerantut, Pahang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilanngan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko. Sasaran 11.b: Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai serta melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah keterangkuman, kecekapan sumber, pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim, daya tahan terhadap bencana, serta membangunkan dan melaksanakan pengurusan risiko bencana yang holistik pada semua peringkat seiring dengan Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030.

SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim	Sasaran 13.1: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Penghijrahan Belia dan Kekurangan Peluang Ekonomi Tempatan

Keterhadan peluang ekonomi di Parlimen Jerantut memberi kesan kepada kesejahteraan komuniti secara keseluruhan, khususnya di kawasan seperti Pulau Tawar, Kampung Bukit Genting, Kuala Sat dan Kuala Tahan. Berdasarkan maklum balas peserta FGD, kekurangan peluang pekerjaan, pendapatan yang tidak stabil serta cabaran dalam sektor pertanian dan pelancongan menyebabkan ramai penduduk berdepan kesukaran meningkatkan taraf ekonomi isi rumah. Kejatuhan harga getah turut menjejaskan pendapatan pekebun kecil, manakala kekurangan program pembangunan kemahiran mengehadkan peluang komuniti untuk menjana sumber pendapatan baharu. Keadaan ini turut mendorong penghijrahan belia ke luar kawasan bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik seterusnya mengurangkan tenaga kerja produktif dan menjejaskan pembangunan ekonomi setempat. Oleh itu, usaha memperkukuh peluang ekonomi, meningkatkan kemahiran komuniti serta memperluas aktiviti ekonomi tempatan adalah penting bagi memastikan pembangunan yang lebih mampan dan inklusif di Parlimen Jerantut.

Kekurangan Peluang Pekerjaan Tempatan

Peluang pekerjaan di kawasan luar bandar semakin terhad selepas penutupan kilang di kawasan Pusat Jengka yang sebelum ini menjadi sumber pekerjaan kepada penduduk setempat. Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk, khususnya golongan muda, berhijrah ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang lebih stabil, seterusnya mengurangkan tenaga kerja tempatan dan menjejaskan pembangunan ekonomi komuniti.

Kemerosotan Pendapatan Pekebun Kecil

Pendapatan pekebun kecil semakin terjejas akibat kejatuhan harga getah daripada sekitar RM8 kepada hanya sekitar RM2 sekilogram. Keadaan cuaca panas yang berpanjangan turut menyebabkan hasil pengeluaran getah berkurangan apabila pokok mengalami keguguran daun. Akibatnya, ramai pekebun memilih untuk beralih kepada tanaman lain, namun peralihan tersebut memerlukan modal dan tempoh yang panjang sebelum memperoleh pulangan yang mampan.

Kekurangan Program Kemahiran dan Pembangunan Ekonomi Komuniti

Peluang untuk meningkatkan pendapatan melalui latihan kemahiran dan keusahawanan masih terhad, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar. Di Kampung Perlok, projek ekonomi komuniti yang pernah dilaksanakan tidak diteruskan kerana ketiadaan pewaris, manakala program sedia ada lebih memberi tumpuan kepada aktiviti motivasi berbanding pembangunan kemahiran menjana pendapatan. Di samping itu, penduduk di kawasan pelancongan seperti Kuala Sat dan Kuala Tahan turut berdepan halangan untuk menceburi sektor pelancongan akibat kos permulaan yang tinggi dan syarat pelesenan yang ketat. Justeru, usaha memperkukuh latihan kemahiran, keusahawanan, akses pembiayaan dan sokongan kepada perusahaan kecil adalah penting bagi merancakkan ekonomi tempatan serta mengurangkan kebergantungan penduduk terhadap peluang pekerjaan di luar kawasan.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan peluang pekerjaan tempatan 2. Kemerosotan pendapatan pekebun kecil akibat kejatuhan harga getah 3. Kekurangan program kemahiran dan pembangunan ekonomi komuniti
Cadangan	1. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perusahaan tempatan melalui pembangunan ekonomi luar bandar. 2. Memperkukuh sokongan kepada pekebun kecil melalui program peningkatan produktiviti, kepelbagaian tanaman dan bantuan teknikal. 3. Memperluaskan program latihan kemahiran, keusahawanan, akses pembiayaan dan pemudahcaraan pelesenan bagi memperkukuh ekonomi komuniti.
Kumpulan Terjejas	Komuniti Tempatan
Kawasan	DUN Pulau Tawar
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan

	kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrasruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Jerantut bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Bengkel Kemahiran Pemasaran Digital bagi Produk IKS	Penanaman Rumput Vetiver sebagai Pencegahan Hakisan Sungai di Jerantut	Bengkel Keusahawanan Retort Makanan bagi Golongan Ibu Tunggal dan Wanita B40
SDG Berkaitan	SDG 4,8,9	SDG 6,11,13,15	SDG 1,5,8
Objektif	Projek Bengkel Kemahiran Pemasaran Digital di DUN Damak ini dirancang bagi menyediakan latihan praktikal kepada usahawan IKS yang merangkumi kemahiran pemasaran dalam talian, penggunaan platform e-dagang, serta pembinaan identiti jenama dalam talian. Matlamat keseluruhan projek ini adalah untuk melengkapkan usahawan IKS dengan kemahiran pemasaran digital yang relevan bagi meningkatkan daya saing produk mereka, memperluas jangkauan pasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah di kawasan DUN Damak.	Projek penanaman rumput vetiver di DUN Tahan dijangka memberi impak jangka panjang yang signifikan terhadap alam sekitar dan komuniti setempat. Dari sudut alam sekitar, penanaman vetiver secara berterusan akan mengukuhkan struktur tebing sungai, mengurangkan kadar enapan lumpur serta memulihara ekosistem sungai secara semula jadi. Penglibatan penduduk dan nelayan yang telah menerima latihan akan berupaya menguruskan dan menyelenggara tanaman vetiver secara berdikari tanpa pergantungan kepada pihak luar.	Projek Bengkel Keusahawanan Retort Makanan ini bertujuan untuk memperkasakan peserta melalui latihan praktikal berkaitan teknologi retort makanan, pembangunan produk dan pemasaran.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Hasil Jangkaan	Projek ini mensasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya satu siri bengkel digital dengan penyertaan minimum 20 peserta daripada kalangan usahawan IKS DUN Damak. Setiap peserta akan memperoleh sijil penyertaan sebagai pengiktirafan terhadap kemahiran yang diperoleh. Melalui bengkel ini, sekurang-kurangnya 70% daripada peserta dijangka berjaya mewujudkan atau menambah baik kehadiran digital perniagaan mereka. Selain itu, sebuah katalog produk IKS DUN Damak turut akan dihasilkan sebagai bahan promosi kawasan yang boleh dimanfaatkan secara berterusan. Laporan impak projek juga akan disediakan sebagai asas untuk kesinambungan dan penambahbaikan program pada masa hadapan.	Output utama projek ini menyasarkan penanaman rumput vetiver merangkumi sekurang-kurangnya 500 meter kawasan tebing sungai yang dikenal pasti berisiko tinggi. Selain itu, minimum 30 orang penduduk tempatan termasuk nelayan akan menerima latihan penyelenggaraan tanaman vetiver bagi memastikan kesinambungan projek selepas tempoh pelaksanaan tamat. Pemantauan berkala turut akan dijalankan sepanjang projek bagi mengukur keberkesanan penanaman dalam mengurangkan kadar hakisan di kawasan intervensi.	Projek ini mensasarkan penyertaan seramai 15 orang ibu tunggal dan wanita B40 dari DUN Pulau Tawar. Bilangan ini ditetapkan bagi memastikan kualiti pembelajaran yang optimum. Setiap peserta akan memperoleh sijil penyertaan dan modul rujukan berterusan sebagai panduan sepanjang program berlangsung. Sekurang-kurangnya 70% peserta disasarkan berjaya menghasilkan produk makanan retort dan memulakan aktiviti keusahawanan berskala kecil.
Organisasi	Persatuan Kebajikan, Dakwah dan Pendidikan Sejahtera	Persatuan Sahabat Sejahtera	Kelab Kebajikan Sakinah Jerantut

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Aktiviti	Peserta didedahkan kepada kemahiran ICT seperti penggunaan platform e-dagang dan pengurusan media sosial untuk perniagaan	Projek penanaman rumput vetiver akan dilaksanakan sepanjang kawasan tebing sungai yang terjejas.	Peserta akan didedahkan kepada aspek pengeluaran produk, serta pengurusan kewangan bagi meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran.
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Kampung Temin, Daerah Jerantut, Pahang	Kampung Lada, Jerantut, Pahang	DUN Pulau Tawar, Jerantut
Tempoh	12 Minggu	12 Minggu	12 Minggu

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia. "P.081 Jerantut Kawasanku | OpenDOSM." *OpenDOSM*. 2020. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Pahang/parlimen/P.081%20Jerantut.

Kementerian Ekonomi. *Dasar TVET Negara 2030*. Putrajaya: Kementerian Ekonomi, 2024.

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). *Strengthening SME and Entrepreneurship Ecosystems*. Paris: OECD Publishing, 2023.

SME Corp Malaysia. *SME Annual Report 2023/2024*. Kuala Lumpur: SME Corporation Malaysia, 2024.

UNESCO. *Basic Texts of the 2003 Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage*. Paris: UNESCO, 2022.

World Bank. *Skills Development and Employment Outcomes in Developing Economies*. Washington, DC: World Bank, 2023.

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **335 – 348**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **352 – 356**

1.1 Geografi/Topografi 352

1.2 Komposisi Penduduk 353

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 353

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 354

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **357 – 360**

2.1 Pendekatan Kajian 357

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 358

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 359

2.4 Keterbatasan Kajian 359

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **361 – 366**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **366 – 390**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 366

4.2 Pengutamaan Isu 384

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **391**

6.0 RUJUKAN **394**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.091 Rompin

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - ROMPIN

13 FEB - 15 FEB 2026
(JUMAAT - AHAD)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN ROMPIN, YB DATO' HAJI ABDUL KHALIB ABDULLAH



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 (13/02/2026)

1. FGD 1: Sesi Dialog Bersama Komuniti Kampung Tebu Hitam
2. Lawatan Tapak 1: Sawah Kampung Tebu Hitam
3. Lawatan Tapak 2: Rumah Rakit Kg Tebu Hitam
4. FGD 2: Sesi Dialog Bersama Komuniti Petani & Pesawah Kg Janglau
5. FGD 3: Sesi Dialog Bersama Nelayan Pantai Kg Janglau
6. Lawatan Tapak 3: Pantai Janglau
7. Lawatan Tapak 4: Kawasan Pertanian TKPN

HARI 2 (14/02/2026)

8. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli
9. Lawatan Tapak 5: Rumah Orang Asli Kg Tanam
10. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti FELDA Perantau Damai
11. Lawatan Tapak 6: Rumah Generasi Kedua Perantau Damai

HARI 3 (15/02/2026)

12. FGD 6: Sesi Dialog Bersama Komuniti FELDA Keratong
13. Lawatan Tapak 7: Pasar Pagi D'Sawit Keratong 3
14. Lawatan Tapak 8: FELDA Keratong 3
15. FGD 7: Sesi Dialog Bersama Persatuan Rompin Makmur
16. FGD 8: Sesi Dialog Bersama Wakil Tapak STR Perwira Jaya
17. Lawatan Tapak 9: Premis Jahitan
18. Lawatan Tapak 10: Tapak Skim Tanah Rakyat

PASUKAN PENYELIDIK



Nur Syadhira Mohd Razali
Ketua Penyelidik



Nur Fatihah Tajul Arifin



Muhammad Noraiman Hakim Ahmad Zaki



Hirzawati Atikah Mohd Tahir

13 FEB - 15 FEB 2026
(JUMAAT - AHAD)

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU ROMPIN

01

13 Januari 2026
Mesyuarat Awalan

02

13 Februari 2026
FGD 1: Sesi Dialog Bersama Komuniti Kg Tebu Hitam

03

13 Februari 2026
Lawatan Tapak 1: Sawah Kg Tebu Hitam

04

13 Februari 2026
Lawatan Tapak 2: Rumah Rakit Kg Tebu Hitam

05

13 Februari 2026
FGD 2: Sesi Dialog Bersama Komuniti Petani & Pesawah Kg Janglau

06

13 Februari 2026
FGD 3: Sesi Dialog Bersama Nelayan Pantai Kg Janglau

07

13 Februari 2026
Lawatan Tapak 3: Pantai Janglau

08

13 Februari 2026
Lawatan Tapak 4: Kawasan Pertanian TKPN

09

14 Februari 2026
FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli

10

14 Februari 2026
Lawatan Tapak 5: Rumah Orang Asli Kg Tanam

11

14 Februari 2026
FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Felda Perantau Damai

12

14 Februari 2026
Lawatan Tapak 6: Rumah Generasi Kedua FELDA

13

15 Februari 2026
FGD 6: Sesi Dialog Bersama Komuniti FELDA Keratong

14

15 Februari 2026
Lawatan Tapak 7: Pasar Pagi D'Sawit Keratong

15

15 Februari 2026
Lawatan Tapak 8: FELDA Keratong 3

16

15 Februari 2026
FGD 7: Sesi Dialog Bersama Persatuan Rompin Makmur

17

15 Februari 2026
FGD 8: Sesi Dialog Bersama Wakil Tapak STR Perwira Jaya

18

15 Februari 2026
Lawatan Tapak 9: Premis Jahitan

19

15 Februari 2026
Lawatan Tapak 10: Tapak Skim Tanah Rakyat

13/01/2026 MESYUARAT AWALAN DI PARLIMEN ROMPIN





Mesyuarat awalan antara pasukan APPGM-SDG bersama YB Dato' Abdul Khalib, Ahli Parlimen Rompin dan YB Ustaz Nazri, ADUN Bukit Ibam telah diadakan bagi membincangkan pemetaan isu kawasan Rompin. Perbincangan memberi tumpuan kepada cabaran pembangunan di Rompin, khususnya di Bandar Muadzam Shah. Walaupun bandar ini mempunyai kemudahan asas yang baik, ekonomi setempat yang banyak bergantung kepada sektor pertanian dan perikanan masih berdepan kekangan, terutama dari segi limpahan pelancongan dan perkembangan ekonomi selepas penutupan DARA. Dalam masa yang sama, terdapat juga perkembangan positif di kawasan ini. Antaranya ialah projek pertanian komuniti Orang Asli yang dibimbing oleh Tn. Kon Onn Sein, yang berjaya memasarkan hasil tanaman mereka ke rangkaian pasar raya Jaya Grocer. Inisiatif seperti ini menunjukkan potensi besar komuniti setempat sekiranya diberi sokongan dan akses pasaran yang berterusan.

13/02/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KG TEBU HITAM





FGD 1 yang dijalankan di Kg. Tebu Hitam bagi Kajian Pemetaan Isu Parlimen Rompin menyerlahkan kekangan besar akibat **(1)** status tanah TOL (Lesen Pendudukan Sementara) yang menyekat pembangunan pertanian, perusahaan, dan perumahan generasi kedua kerana ketiadaan geran serta kesukaran mendapatkan sokongan pihak berkuasa tempatan. **(2)** Isu infrastruktur di Blok Sawah turut kritikal, di mana pesawah terpaksa menanggung kos tinggi bagi membuang kayu dalam tanah yang menjejaskan pH air, selain menghadapi masalah sistem pengairan yang tidak cekap serta kekurangan bajet penyelenggaraan daripada IADA. Selain itu, **(3)** pengusaha rakit di kawasan tersebut turut terhimpit apabila ketiadaan kemudahan asas dan bantuan, ditambah pula dengan kemerosotan hasil udang akibat pencemaran sungai daripada sisa kilang sejak tiga tahun lalu.

13/02/2026 LAWATAN TAPAK 1: SAWAH KG TEBU HITAM





Pasukan APPGM-SDG telah melawat tapak sawah di Kampung Tebu Hitam, di mana isu utama yang dikenal pasti adalah masalah saliran air yang terlalu sempit. Keadaan ini menyebabkan sistem pengairan tidak mampu menyalurkan air ke tiga blok sawah di kawasan tersebut.

13/02/2026 LAWATAN TAPAK 2: RUMAH RAKIT KG TEBU HITAM









Pasukan APPGM-SDG telah melawat tapak rumah rakit Kampung Tebu Hitam, di mana isu utama yang dikenal pasti adalah ketiadaan bekalan elektrik kerana kedudukannya dalam zon rizab sungai. Sebagai jalan penyelesaian, penduduk mencadangkan agar kawasan ini dibangunkan sebagai destinasi pelancongan, memandangkan ia memiliki daya tarikan semula jadi seperti habitat kelip-kelip di sepanjang Sungai Tebu Hitam.

13/02/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PETANI & PESAWAH KG JANGLAU





FGD 2 bersama petani dan pesawah di Kg Janglau mendedahkan pelbagai isu sistemik, terutamanya **(1)** masalah status permohonan geran tanah yang didakwa berpunca daripada diskriminasi status tempat lahir (bukan anak negeri). Dalam sektor pertanian, **(2)** pesawah terhimpit oleh kadar pemotongan padi yang tinggi, **(3)** benih serta baja subsidi yang tidak berkualiti, serta **(4)** dakwaan penipuan pelabelan semula benih lama oleh pihak berkuasa. Selain itu, **(5)** isu agihan bantuan banjir yang tidak telus, **(6)** peningkatan mendadak kadar sewa tanah TKPN, serta **(7)** masalah alam sekitar seperti hakisan di pantai Janglau dan mendapan berbahaya di jambatan Kg. Janglau yang masih belum mendapat tindakan JKR, turut menjadi kegusaran utama penduduk.

13/02/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA NELAYAN PANTAI KG JANGLAU





FGD 3 bersama nelayan pantai di Kg Janglau. Antara isu yang dibangkitkan dalam sesi dialog ini adalah: **(1)** Muara (kuala) yang semakin cetek menghalang pergerakan bot, manakala ketiadaan benteng menyukarkan nelayan untuk melabuhkan bot di pantai akibat ombak dan angin kuat; **(2)** Isu pembekuan lesen nelayan serta **(3)** keperluan subsidi bagi menampung kos peralatan (bot fiber dan enjin) yang mahal; **(4)** Proses permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) yang terlalu lama dan penuh karenah birokrasi; dan **(5)** tekanan daripada penguatkuasaan terhadap isu kapasiti kru (awak-awak) yang melebihi had demi keperluan operasi pukat, serta larangan menangkap ikan di kawasan pelancongan (Pantai Hiburan).

13/02/2026 LAWATAN TAPAK 3: PANTAI JANGLAU





Pasukan APPGM-SDG telah dibawa melawat ke Pantai Janglau bagi meninjau masalah hakisan pesisir pantai yang semakin serius. Berdasarkan maklumat yang diterima, hakisan tersebut dilaporkan berlaku pada kadar purata sebanyak 3 kaki setiap tahun, yang kini mengancam kestabilan kawasan pinggir laut tersebut.

13/02/2026 LAWATAN TAPAK 4: KAWASAN PERTANIAN TKPN









Pasukan APPGM-SDG telah melawat kawasan pertanian di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Negara (TKPN), di mana para peserta menyuarakan kegusaran mendalam mengenai kenaikan mendadak kos sewaan tanah. Isu utama yang dibangkitkan adalah perubahan kadar bayaran daripada RM 500 setahun bagi setiap 5 ekar kepada RM 110 sebulan bagi setiap ekar, yang dilihat bakal membebankan pesertanya secara kewangan.

14/02/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN ORANG ASLI







FGD 4 yang melibatkan 21 wakil daripada pelbagai Persatuan Orang Asli (OA) mengetengahkan beberapa isu kritikal iaitu: **(1)** Akta 134, di mana komuniti menolak pindaan yang dijadualkan pada Jun kerana ketiadaan libat urus yang inklusif serta menuntut agar laporan pindaan diperincikan dan pengiktirafan tanah adat diselesaikan terlebih dahulu; **(2)** Pemilikan Tanah, yang menyaksikan wilayah adat semakin mengecil akibat diambil alih oleh syarikat atau individu luar untuk penanaman sawit sehingga menjejaskan kelangsungan hidup komuniti yang bergantung kepada hasil tanaman sendiri; **(3)** Pendidikan dan Adat Budaya, melibatkan kebimbangan terhadap silibus sekolah yang mengikis identiti OA, dakwaan diskriminasi agama dalam kenaikan pangkat agensi kerajaan, serta tuntutan pengiktirafan Hari Orang Asli sebagai cuti umum; **(4)** Percanggahan Peranan antara JAKOA dan Oraco, yang mencetuskan kekeliruan komuniti mengenai entiti mana yang lebih berkuasa dalam urusan tanah dan pelaksanaan projek perumahan; **(5)** Isu Manusia-Haiwan, khususnya gangguan gajah yang merosakkan kebun tanpa tindakan penyelesaian daripada pihak Perhilitan; **(6)** Sistem Pembalakan Tak Terkawal, di mana aktiviti pembalakan secara total memusnahkan anak pokok dan kawasan tersebut akhirnya ditukar menjadi ladang sawit; dan **(7)** Kemudahan Elektrik dan Air, melibatkan kegagalan penyambungan utiliti ke rumah-rumah tertentu kerana kekangan mendapatkan kelulusan daripada pihak JAKOA.

14/02/2026 LAWATAN TAPAK 5: RUMAH ORANG ASLI KG TANAM





Pasukan APPGM-SDG telah melawat sebuah rumah Orang Asli Suku Jakun di Kampung Tanam yang menghadapi masalah ketiadaan akses kepada bekalan elektrik diakibatkan oleh kawasan tanah tersebut sudah bukan di bawah tadbir urus JAKOA.

14/02/2026 FGD 5:SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI FELDA PERANTAU DAMAI









FGD 5 bersama enam peserta dari FELDA Perantau Damai (Keratong 8, 9, dan 10) di FELDA Keratong 9 telah mendedahkan beberapa isu kritikal; Antara kebimbangan utama adalah **(1)** kesukaran generasi kedua mendapatkan bekalan elektrik dan **(2)** air ekoran ketiadaan surat sokongan pengurus FELDA sejak 2020, sehingga ada penduduk terpaksa menanggung kos diesel RM 900 sebulan untuk generator. Selain itu, **(3)** infrastruktur sekolah yang daif kini bergantung sepenuhnya kepada dana PIBG, manakala **(4)** masalah banjir di simpang tiga Keratong 8 berpunca daripada pembinaan kedai di atas kawasan perparitan yang tidak mampu menampung kapasiti air. Isu sosial turut meruncing dengan **(5)** kewujudan premis judi yang terus beroperasi walaupun telah dilaporkan, serta **(6)** masalah penagihan dadah dalam kalangan peneroka dan anak mereka yang membawa kepada peningkatan kes kecurian buah sawit.

14/02/2026 LAWATAN TAPAK 6: RUMAH GENERASI KEDUA FELDA





Pasukan APPGM-SDG telah melawat sebuah kediaman generasi kedua FELDA yang dinafikan akses kepada kemudahan elektrik dan air ekoran ketiadaan surat sokongan daripada pihak pengurus FELDA. Walaupun rumah tersebut terletak strategik berhadapan jalan utama, ketiadaan utiliti asas ini memaksa penghuninya menanggung kos petrol sebanyak RM900 sebulan bagi menjana elektrik melalui penggunaan generator sendiri.

15/02/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI FELDA KERATONG





FGD 6 bersama komuniti FELDA Keratong 1-5 mengetengahkan beberapa isu penting seperti **(1)** keperluan menyokong ekonomi generasi kedua yang kini ramai berniaga di Pasar Pagi D'Sawit melalui pembinaan gerai yang lebih stabil; **(2)** Isu infrastruktur turut kritikal melibatkan proses baik pulih jalan yang lembap akibat masalah mendapan tanah, serta risiko **(3)** keselamatan di Jalan Kuantan-Segamat yang gelap tanpa lampu jalan. Selain itu, **(4)** pencemaran berkala di Sungai Pukin akibat sisa kilang sawit telah menjejaskan pendapatan nelayan darat dan melumpuhkan bekalan air bersih penduduk. Bagi menjamin kebajikan warga emas dan kelangsungan ekonomi setempat, **(5)** penduduk mencadangkan pembangunan kawasan industri di dalam FELDA bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia agar mereka tidak perlu berhijrah jauh.

15/02/2026 LAWATAN TAPAK 7: PASAR PAGI D'SAWIT KERATONG






Pasukan APPGM-SDG telah melawat Pasar Pagi D'sawit Keratong 4, sebuah kawasan terbiar yang berjaya ditukarkan menjadi tapak perniagaan melalui inisiatif ketua kampung dan penduduk setempat. Usaha kolektif ini bertujuan untuk mewujudkan peluang ekonomi serta menaik taraf taraf hidup generasi kedua FELDA Keratong 1-5 di kawasan berkenaan.

15/02/2026 LAWATAN TAPAK 8: FELDA KERATONG 3





Pasukan APPGM-SDG telah meninjau keadaan jalan runtuh di FELDA Keratong 3 yang berpunca daripada masalah mendapan tanah yang serius. Walaupun kerja-kerja pembaikan baru sahaja dijalankan, jalan tersebut runtuh semula sehingga menyebabkan laluan menjadi sangat sempit dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa.

15/02/2026 FGD 7: PERSATUAN ROMPIN MAKMUR





FGD 7 bersama Persatuan Rompin Makmur mendedahkan pelbagai isu sosial dan infrastruktur yang mendesak, termasuk **(1)** masalah fasiliti sukan dan riadah yang daif serta tidak diselenggarakan sehingga mendorong aktiviti merempit dalam kalangan belia akibat ketiadaan pengisian bermanfaat. **(2)** Kelemahan urus tadbir dan birokrasi turut dikesan dalam pengurusan bantuan JKM, di mana isu keciciran bantuan kepada ibu tunggal dan anak peneroka masih berlarutan. Selain itu, **(3)** komuniti terbeban dengan kelewatan renovasi klinik kesihatan serta **(4)** kegagalan projek perumahan generasi kedua yang menyebabkan kesesakan melampau di kediaman sedia ada. **(5)** Isu keselamatan juga berada pada tahap membimbangkan ekoran kes rompakan bersenjata oleh warga asing dan **(6)** aktiviti penyalahgunaan dadah yang berleluasa di kawasan belakang ladang kelapa sawit.

15/02/2026 FGD 8: WAKIL TAPAK STR PERWIRA JAYA





FGD 8 bersama wakil Tapak STR Perwira Jaya (penduduk Selancar 1, Selancar 6, dan Perwira Jaya) yang membincangkan beberapa isu antaranya: **(1)** kegagalan penyambungan utiliti elektrik dan air akibat struktur jalan tanah merah yang belum diratakan, sekali gus menghalang pihak TNB daripada memasang pencawang. Keadaan ini amat membebankan para pesara yang telah menggunakan wang tamat perkhidmatan dan KWSP untuk membina rumah di 322 lot yang telah bertuan, namun mereka tidak dapat berpindah keluar dari rumah asal kerana ketiadaan kemudahan asas, kekurangan simpanan, dan ketiadaan rumah sewa berdekatan. Selain itu, **(2)** rumah-rumah yang terbengkalai atau lambat disiapkan akibat kekangan bajet telah menjadi sarang penagihan dadah bagi golongan penganggur dan anak peneroka, yang turut membawa kepada kes-kes kecurian. **(3)** Masalah anjing liar yang menceroboh kawasan perumahan serta masjid juga menjadi kebimbangan serius setelah terdapat kes kanak-kanak digigit dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

15/02/2026 LAWATAN TAPAK 9: PREMIS JAHITAN





Pasukan APPGM-SDG telah melawat sebuah premis jahitan di mana pengusahanya bercadang untuk membesarkan ruang perniagaan tersebut. Langkah ini bertujuan untuk menambah bilangan pekerja serta membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat melalui peluang pekerjaan baharu.

15/02/2026 LAWATAN TAPAK 10: TAPAK SKIM TANAH RAKYAT





Pasukan APPGM-SDG telah melawat tapak Skim Tanah Rakyat (STR) yang dikhaskan untuk membantu generasi kedua FELDA melalui pemberian lot tanah. Walau bagaimanapun, kawasan ini masih belum dimajukan dan tidak dilengkapi kemudahan asas seperti elektrik dan air, malah permohonan kepada pihak TNB sebelum ini gagal kerana ketiadaan akses jalan yang sempurna untuk masuk ke kawasan tersebut.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.091 Rompin

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Rompin (P.091).....353
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Rompin 358
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....361
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1.....366
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2.....369
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3.....371
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4.....373
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5.....377
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6.....379
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7.....381
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8.....382
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 386
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 dan 3 389

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BERSATU	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
DOSM	*Department of Statistics Malaysia*
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FGD	*Focus Group Discussion*
HIV	*Human Immunodeficiency Virus*
IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LGBTQ	*Lesbian, gay, bisexual, transgender, and queer*
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LRA	Logi Rawatan Air
MPOB	*Malaysian Palm Oil Board*
ORACO	Peneraju Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang
pH	*Potential of Hydrogen*
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
SDG	*Sustainable Development Goals*
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STR	Skim Tanah Rakyat
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TNB	Tenaga Nasional Berhad
PPK	Persatuan Peladang Kawasan
CCUS	Projek Pemerangkapan Penggunaan dan Penyimpanan Karbon
TVET	*Technical and Vocational Education and Training*

1.0 PENGENALAN

Parlimen Rompin terletak di negeri Pahang yang merangkumi tiga (3) DUN iaitu DUN Bukit Ibam, DUN Muadzam Shah dan DUN Tioman. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 5,390 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 100,897 orang. Parlimen Rompin mempunyai kepadatan penduduk 19 orang per satu kilometer persegi.[11]



YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah

Pada tahun 2022, YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah daripada parti BERSATU telah memenangi kerusi bagi Parlimen Rompin.

Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Rompin ini dijalankan dengan usahasama daripada YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Rompin terletak di daerah Rompin, Pahang, Malaysia dan merupakan salah satu kawasan Parlimen yang mempunyai gabungan kawasan pesisir pantai dan pedalaman. Komuniti tempatan di kawasan Parlimen Rompin terdiri daripada kepelbagaian budaya dan etnik termasuk Melayu, Cina dan Orang Asli.. Parlimen yang bersempadan dengan Parlimen Rompin adalah Parlimen Pekan dan Parlimen Paya Besar, serta bersempadan dengan negeri Johor di bahagian selatan.

Secara umumnya, Parlimen Rompin merupakan kawasan luar bandar yang dipenuhi dengan kawasan pertanian, perikanan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi. Rompin juga mempunyai elemen semula jadi utama seperti Sungai Rompin dan Sungai Endau yang memainkan peranan penting dalam sistem saliran serta menyokong aktiviti pertanian dan perikanan tempatan. Parlimen Rompin dipenuhi dengan ladang kelapa sawit dan getah, terutamanya di kawasan pedalaman, manakala aktiviti perikanan dan pelancongan pantai lebih ketara di kawasan pesisir dan muara sungai.

[11] Department of Statistics Malaysia, "P.091 Rompin Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Pahang/parlimen/P.091%20Rompin

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Rompin (P.091) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Rompin (P.091)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	97,366	96.5
2.	Cina	1,715	1.7
3.	India	1,110	1.1
4.	Lain-lain	605	0.6
	Jumlah Keseluruhan	**100,897**	**100**

Parlimen Rompin mempunyai jumlah penduduk seramai 100,897 orang dengan kepadatan 19 orang/km^2, menjadikannya antara kawasan yang tidak ramai penduduk di Pahang. Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, komuniti etnik bumiputera merupakan kumpulan majoriti dengan 96.5 peratus, mencerminkan penonjolan komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi tempatan. Komuniti etnik Cina merangkumi 1.7 peratus, menunjukkan kehadiran kecil masyarakat Cina. Komuniti etnik India membentuk 1.1 peratus, menyumbang kepada kepelbagaian budaya di kawasan ini. Lain-lain etnik hanya 0.6 peratus, menunjukkan bilangan kecil penduduk daripada komuniti lain.

Kesimpulannya, Rompin adalah kawasan luar bandar dengan komuniti berbilang kaum yang merangkumi sebahagian besar masyarakat bumiputera, diikuti Cina dan India. Kepelbagaian ini memperkayakan kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi kawasan tersebut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Rompin terletak di bahagian tenggara negeri Pahang dan merangkumi kawasan luar bandar yang luas, terdiri daripada kampung tradisional, penempatan FELDA serta kawasan persisiran pantai. Berdasarkan pemerhatian di tapak dan data sedia ada, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

Pertanian dan Perladangan

Sektor pertanian dan perladangan merupakan tulang belakang ekonomi Parlimen Rompin. Kawasan ini diliputi oleh ladang kelapa sawit dan getah, terutamanya di kawasan penempatan FELDA seperti FELDA Keratong dan FELDA Selancar. Selain itu, terdapat juga aktiviti pertanian berskala kecil seperti tanaman pisang, kelapa, sayur-sayuran serta penanaman padi yang diusahakan oleh golongan pesawah tempatan, khususnya di

kawasan kampung yang mempunyai sistem pengairan sesuai. Aktiviti penternakan turut dijalankan oleh penduduk setempat sebagai sumber pendapatan sampingan. Bentuk muka bumi yang luas dan tanah yang subur menyokong perkembangan sektor ini. Keadaan geografi ini menyediakan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan utama kepada masyarakat tempatan. Aktiviti perladangan dan pertanian ini bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi setempat, malah memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan komoditi negeri Pahang.

Perikanan dan Industri Asas Tani

Kedudukan Parlimen Rompin yang berhampiran dengan kawasan persisiran pantai menjadikan sektor perikanan sebagai antara penyumbang utama ekonomi tempatan. Aktiviti penangkapan ikan, akuakultur serta pemprosesan hasil laut dijalankan oleh komuniti nelayan di kawasan pesisir. Di samping itu, industri asas tani seperti pemprosesan hasil pertanian dan makanan tradisional turut berkembang secara kecil dan sederhana, khususnya bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan daerah berhampiran.

Perindustrian Kecil dan Sederhana

Perindustrian kecil dan sederhana di Parlimen Rompin tertumpu kepada industri berasaskan pertanian dan sumber tempatan, termasuk bengkel, kilang pemprosesan sawit, getah serta perusahaan makanan. Aktiviti ini menyokong sektor pertanian dan perikanan dengan menambah nilai kepada hasil mentah. Di samping itu, ia membuka peluang keusahawanan kepada penduduk setempat.

Secara keseluruhannya, ekonomi Parlimen Rompin yang utama adalah sektor pertanian dan perladangan, disokong oleh perikanan serta perindustrian kecil dan sederhana. Gabungan aktiviti ekonomi ini menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi penduduk tempatan dan menggalakkan pembangunan luar bandar yang lebih seimbang. Selain itu, keindahan alam semula jadi serta potensi ekopelancongan di kawasan ini turut membuka ruang kepada pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Rompin merupakan sebuah kawasan yang mempunyai asas ekonomi yang kukuh berteraskan sektor pertanian, perladangan dan perikanan, di samping aktiviti perindustrian kecil dan sederhana yang semakin berkembang. Kawasan ini didorong oleh perkembangan industri ladang kelapa sawit dan getah, terutamanya di penempatan FELDA seperti FELDA Keratong, FELDA Selancar dan FELDA Bukit Ibam. Selain itu, terdapat juga aktiviti ekonomi sokongan seperti perniagaan kecil dan sederhana, peruncitan tempatan, bengkel serta perusahaan asas tani yang menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Keadaan ini secara langsung menyumbang kepada

pencapaian ***Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi***. Sasaran yang berkait adalah seperti berikut:

> **Sasaran 8.2**: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, pengiktirafan dan inovasi teknologi, termasuk tumpuan kepada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.
>
> **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Komposisi penduduk Parlimen Rompin yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan komuniti, termasuk masyarakat FELDA, penduduk luar bandar, nelayan serta pekerja sektor perladangan, memerlukan pendekatan pembangunan yang inklusif dan seimbang. Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan keterangkuman sosial melalui program komuniti merentas kaum, bantuan kepada golongan rentan seperti ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya dan golongan berpendapatan rendah, serta penyediaan akses yang saksama kepada pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas. Perkara ini berkait rapat dengan ***Matlamat SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan***, iaitu:

> **Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, agama atau status ekonomi.
>
> **Sasaran 10.3**: Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan hasil yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta menggalakkan pelaksanaan dasar yang bersesuaian.

Selain aspek ekonomi dan sosial, Parlimen Rompin juga memiliki sumber alam semula jadi dan warisan tempatan yang signifikan, khususnya ekosistem pantai dan marin, kawasan hutan serta aktiviti perikanan tradisional yang menjadi sumber pendapatan dan identiti komuniti setempat. Kawasan pantai seperti Teluk Gading dan Sepat berpotensi untuk dibangunkan secara lestari sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi. Pemeliharaan khazanah alam dan budaya ini penting dalam memperkukuhkan identiti komuniti, di samping membuka peluang kepada sektor pelancongan lestari dan ekonomi kreatif tempatan. Hal ini selari dengan ***Matlamat SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan***, seperti berikut:

Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.

Sasaran 11.7: Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat kepada ruang awam yang selamat, inklusif, mudah diakses dan hijau, khususnya untuk wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kelainan upaya.

Penglibatan komuniti setempat, khususnya golongan belia, dalam program pemuliharaan alam sekitar, kebudayaan dan aktiviti kesukarelawanan dapat menyumbang kepada pembangunan lestari, meningkatkan rasa tanggungjawab sosial serta memperkukuhkan daya tahan komuniti luar bandar.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dijalankan oleh penyelidik bagi mendapatkan gambaran awal berhubung latar belakang, profil sosioekonomi dan keadaan semasa kawasan Parlimen Rompin, di samping mengenal pasti isu-isu yang berpotensi untuk diberi perhatian dalam kajian. Kajian ini melibatkan penelitian terhadap pelbagai sumber sekunder, antaranya Draf Rancangan Tempatan Daerah Rompin, Pahang 2035, data dan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), laporan serta penerbitan agensi kerajaan dan kerajaan negeri, dokumen perancangan pembangunan, kajian akademik terdahulu, laporan teknikal, data geospatial, laman sesawang rasmi agensi berkaitan, portal berita serta keratan akhbar. Maklumat yang diperoleh daripada sumber-sumber tersebut digunakan sebagai rujukan awal dalam memahami konteks kawasan dan mengenal pasti isu yang kemudiannya diteliti dengan lebih lanjut melalui proses pengumpulan maklumat dan penglibatan bersama komuniti setempat.

Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah telah dijalankan pada 13 Januari 2025 di Pusat Khidmat Parlimen Rompin untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja, metodologi kajian APPGM-SDG dan membuat pemprofilan kawasan Parlimen. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian lapangan pemetaan isu di Parlimen Rompin. Ketua Penyelidik telah hadir ke Pejabat Daerah Rompin bagi kunjungan hormat untuk memberi penjelasan berkenaan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG pada 19 Jun 2026.

Seterusnya, kajian lapangan di Parlimen Rompin telah dijalankan pada 13 hingga 15 Februari 2026 sebagaimana yang telah dirangkakan bersama pihak pejabat daerah dan APPGM-SDG. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Rompin adalah seperti berikut:

1. Nur Syadhira Razali : Ketua Penyelidik
2. Noraiman Hakim Ahmad Zaki : Pembantu Penyelidik
3. Hirzawati Atikah Mohd Tahir : Pembantu Penyelidik
4. Nur Fatihah Tajul Arifin : Pembantu Penyelidik

Lapan FGD dan lapan lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Rompin. Tentatif ringkas kajian lapangan serta lawatan tapak adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Rompin

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
13 Februari 2026 (Jumaat)	• **Sesi Dialog 1**: Dialog bersama Komuniti Kampung Tebu Hitam • **Lawatan Tapak 1**: Sawah Kampung Tebu Hitam • **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Komuniti Pesawah dan Petani bertempat di Kg Janglau • **Sesi Dialog 3**: Dialog bersama Komuniti Nelayan Pantai bertempat di Kg Janglau • **Lawatan Tapak 2**: Kawasan hakisan pantai Kampung Janglau • **Lawatan Tapak 3**: Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
14 Februari 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 4**: Dialog bersama Komuniti Orang Asli bertempat di Kg Tanam • **Lawatan Tapak 4**: Kampung Orang Asli di Kg Tanam • **Sesi Dialog 5**: Dialog bersama Peneroka damaiPerantau Damai • **Lawatan Tapak 5**: FELDA Keratong 9
15 Februari 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 6**: Dialog bersama Peneroka FELDA Keratong 1-5 • **Lawatan Tapak 6**: Pasar Pagi D' Sawit, Keratong 4 • **Sesi Dialog 7**: Dialog bersama NGO Rompin Makmur • **Lawatan Tapak 7**: Bandar Tun Razak • **Sesi Dialog 8**: Dialog bersama Komuniti Tapak STR Perwira Jaya • **Lawatan Tapak 8**: Tapak Perwira Jaya

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada setiap peserta sebelum sesi FGD dimulakan, khususnya berkaitan rakaman suara, video dan pengambilan gambar. Peserta juga dimaklumkan bahawa sekiranya mereka tidak bersetuju untuk dirakam atau gambarnya diambil, maklumat atau pandangan yang disampaikan tidak akan digunakan dalam laporan mahupun dikongsikan di mana-mana platform. Bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Rompin, semua peserta yang terlibat telah

memberikan persetujuan dan tiada sebarang halangan berkaitan rakaman suara, video atau pengambilan gambar sepanjang sesi FGD dijalankan.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Rompin. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

Cabaran pelaksanaan FGD melibatkan komuniti setempat

FGD pertama di Kampung Tebu Hitam pada asalnya dirancang untuk diadakan di sebuah kedai makan. Walau bagaimanapun, lokasi tersebut terpaksa ditukar berikutan bantahan daripada Tok Empat yang tidak membenarkan perjumpaan bersama pesawah diadakan di lokasi berkenaan. Tok Empat mempersoalkan keperluan penyelidik untuk berjumpa secara terus dengan pesawah tanpa melalui beliau terlebih dahulu selaku ketua kampung atau mendapatkan penglibatan agensi berkaitan. Menurut beliau, pendekatan tersebut dilihat tidak mengikut protokol yang sepatutnya dalam mendapatkan maklumat daripada komuniti setempat. Susulan daripada perkara tersebut, pihak penyelidik mengambil langkah untuk menukar lokasi FGD bagi memastikan sesi perbincangan dapat diteruskan.

Kekangan untuk mendapatkan peserta

Semasa perbincangan antara pegawai Parlimen, wakil telah dikenal pasti untuk menyelaras program dan jemputan peserta bagi setiap DUN. Bagi DUN Tioman, berlaku salah faham antara Ahli Jawatankuasa Kampung Janglau dengan pegawai Parlimen berkaitan jemputan peserta FGD 3. Pada asalnya, Ahli Jawatankuasa Kampung Janglau sepatutnya menjemput penduduk Kampung Jawa untuk menyertai FGD tersebut. Disebabkan salah komunikasi, jemputan kepada penduduk Kampung Jawa tidak dapat dibuat seperti yang dirancang. Pasukan APPGM-SDG kemudian membahagikan peserta yang hadir dalam FGD 2 kepada dua kumpulan berdasarkan latar belakang pekerjaan, iaitu petani/pesawah dan nelayan laut. Dua sesi FGD kemudiannya dijalankan, iaitu FGD 2 bersama petani/pesawah dan FGD 3 bersama nelayan laut. Pendekatan ini membolehkan proses pengumpulan maklumat daripada komuniti DUN Tioman tetap diteruskan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Antara keterbatasan yang dikenal pasti sepanjang kajian ialah dari segi penyertaan komuniti sasaran. Dalam beberapa sesi FGD, terdapat peserta yang kurang bersuara dan tidak banyak memberikan pandangan sepanjang perbincangan. Keadaan ini menyebabkan pandangan mereka berkaitan isu yang dibincangkan atau masalah yang berlaku di kawasan sekitar tidak dapat diperoleh dengan lebih jelas. Selain itu, terdapat

juga situasi apabila peserta mula berbincang dalam kumpulan kecil. Pada awalnya, perbincangan hanya berlangsung dalam satu kumpulan, namun kemudiannya terbahagi kepada dua atau tiga kumpulan. Keadaan ini menyebabkan terdapat perbualan yang bertindih dan menyukarkan proses mengenal pasti pandangan setiap peserta.

Kualiti rakaman audio yang kurang jelas turut menjadi satu lagi keterbatasan kajian. Kebanyakan sesi FGD dijalankan di kawasan terbuka dan persekitaran kampung, menyebabkan terdapat bunyi latar yang mengganggu rakaman. Akibatnya, terdapat beberapa pernyataan peserta yang tidak dapat didengar atau dikenal pasti dengan jelas semasa proses transkripsi. Hal ini menyebabkan sebahagian isu yang dibangkitkan tidak dapat disokong sepenuhnya melalui transkrip. Walau bagaimanapun, catatan yang dibuat oleh ketua penyelidik dan pembantu penyelidik semasa sesi FGD turut dirujuk bagi membantu melengkapkan maklumat yang kurang jelas dalam rakaman audio.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Akses perkhidmatan asas dan infrastruktur sosial	Penduduk di beberapa kawasan seperti Kg Tebu Hitam dan FELDA Keratong 1–5 menghadapi kekurangan kemudahan asas yang serius. Jalan utama tidak mempunyai lampu jalan walaupun permohonan telah dibuat, menyebabkan kemalangan jalan raya termasuk melibatkan lori balak, lembu dan kenderaan penduduk. Selain itu, terdapat isu bekalan air bersih dan elektrik yang masih belum disalurkan walaupun rumah telah diduduki. Kekurangan ini memaksa penduduk bergantung kepada *generator* dan sumber air tidak terjamin. Infrastruktur lain seperti jambatan mendap di Kg Janglau turut membahayakan	Sosial	Penduduk Kampung	Kg Tebu Hitam, FELDA Keratong 1-5, Kg Janglau	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** – Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** – Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pengguna serta menjejaskan aktiviti ekonomi seperti perikanan.				
2.	Pendidikan dan pembangunan modal insan	Sistem pendidikan di kawasan Orang Asli seperti Kg Tanam dilihat tidak selari dengan budaya komuniti, menyebabkan keciciran pelajar dan penghakisan identiti tradisional. Selain itu, isu diskriminasi, kekurangan bantuan pendidikan serta kelewatan bantuan pakaian sekolah turut membebankan keluarga. Di kawasan FELDA, kemudahan sekolah daif dan pelajar kurang pendedahan kepada laluan kerjaya seperti *TVET*. Ini menjejaskan minat mereka untuk meneruskan pendidikan.	Sosial	Pelajar dan Penduduk Kampung	Kg Tanam, FELDA Keratong Perantau Damai	**SDG 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.5** – Menjelang 2030, menghapuskan jurang perbezaan gender dalam pendidikan serta memastikan akses sama rata bagi semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk kumpulan berisiko, termasuk orang kurang upaya, orang asli, dan kanak-kanak berisiko. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2** – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						atau status ekonomi atau status lain.
3.	Keterangkuman sosial dan keselamatan komuniti	Beberapa kawasan seperti Kg Tanam dan FELDA Keratong 1–5 berdepan isu sosial serius termasuk penyalahgunaan dadah, pengedaran air ketum, kegiatan judi dan peningkatan jenayah seperti rompakan bersenjata. Kawasan perumahan yang belum diduduki sepenuhnya turut menjadi lokasi aktiviti tidak sihat seperti vandalisme dan penyalahgunaan dadah. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk.	Sosial	Belia dan Penduduk Kampung	Kg Tanam, FELDA Keratong 1-5	**SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat Sasaran 16.1** – Mengurangkan secara signifikan semua bentuk keganasan dan kadar kematian yang berkaitan di seluruh dunia. **SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.5** – Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan.
4.	Ekosistem agro-makanan dan sumber pendapatan	Sektor pertanian dan perikanan di Rompin menghadapi pelbagai cabaran seperti kualiti benih padi yang rendah, sistem saliran tidak	Ekonomi	Petani dan Nelayan	Kg Tebu Hitam, Kg Janglau, Kg Tanam	**SDG 2: Sifar Kebuluran Sasaran 2.3** – Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		cekap serta kos operasi yang meningkat. Golongan pesawah terkesan dengan potongan hasil yang tinggi tanpa penjelasan jelas. Golongan nelayan berdepan kekangan lesen, kos peralatan tinggi dan hasil tangkapan tidak menentu akibat persaingan nelayan luar. Kebergantungan kepada orang tengah juga mengurangkan pendapatan sebenar pengusaha tempatan.				kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.5** – Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
5.	Pengurusan alam sekitar dan konflik sumber semula jadi	Kawasan Rompin menghadapi isu alam sekitar seperti pencemaran sungai akibat pelepasan sisa industri, hakisan pantai dan muara sungai yang semakin cetek menjejaskan aktiviti nelayan. Selain itu, penebangan hutan menyebabkan konflik manusia dan hidupan liar seperti gajah dan harimau kumbang yang memasuki kawasan kampung. Kehilangan kawasan hutan turut menjejaskan sumber makanan dan kehidupan komuniti Orang Asli.	Alam Sekitar	Nelayan dan Penduduk Kampung	Kg Janglau, Kg Tanam, FELDA Keratong 1-5	**SDG 14: Kehidupan di Bawah Air** **Sasaran 14.1** – Menjelang 2025, mencegah dan mengurangkan semua jenis pencemaran laut secara signifikan, khususnya daripada aktiviti darat, termasuk sisa marin dan pencemaran nutrien. **SDG 15: Kehidupan di Darat** **Sasaran 15.1** – Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 1: Dialog bersama Komuniti Kg Tebu Hitam **Tarikh:** 23 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Kemerosotan kesuburan tanah sawah	Tanah sawah dikatakan tidak subur kerana terdapat banyak sisa kayu dalam tanah. Keadaan ini dipercayai berlaku kerana semasa proses penandaan (*staking*) tanah pada masa lalu, kontraktor tidak membuang kayu-kayu tersebut. Sebaliknya menanamnya dalam tanah bagi menjimatkan kos. Akibatnya, tanah menjadi berasid, mengganggu keseimbangan *pH* tanah, serta menyebabkan hasil padi berkurangan dan kualitinya menurun.
2.	Kekurangan sokongan kepimpinan komuniti	Penduduk menyatakan kurang sokongan daripada ketua komuniti menyebabkan kesusahan penduduk mendapatkan kemudahan asas. Terdapat beberapa orang penduduk generasi kedua yang menetap di tanah tanpa geran dan menyebabkan sukar bagi mereka membawa masuk bekalan elektrik. Beberapa orang penduduk menyatakan bahawa mereka telah memohon surat sokongan daripada Tok Empat dan penghulu untuk membantu mereka memohon kemasukan elektrik ke rumah namun maklum balas mereka menyatakan bahawa surat salah.
3.	Ketidakpastian hak milik tanah generasi kedua	Penduduk mempertikaikan ketelusan pihak bertanggungjawab dalam pemberian tanah. Penduduk menyatakan bahawa generasi kedua tidak boleh menduduki atau memiliki tanah. Apabila generasi pertama meninggal dunia, generasi kedua perlu membuat permohonan semula. Justeru itu, mereka diberi sewa tanah untuk perumahan. Penduduk turut memaklumkan bahawa sebahagian besar pemilikan tanah di Kampung Tebu Hitam adalah di bawah nama individu dari luar kampung tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Sekatan pembangunan akibat status tanah	Pihak Jabatan Pertanian berhasrat menyalurkan bantuan kepada usahawan setempat. Namun, status pemilikan tanah menjadi kekangan utama kepada pembangunan di kawasan tersebut. Terdapat beberapa perusahaan yang telah diluluskan untuk menerima peruntukan, seperti kilang kerepek yang mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian. Walau bagaimanapun, kilang kerepek tersebut tidak dapat diusahakan berikutan ketiadaan geran tanah.
5.	Infrastruktur pertanian tidak mencukupi	Kemudahan sedia ada tidak digunakan dan dibangunkan. Terdapat satu blok sawah di Kg Tebu Hitam iaitu Blok J yang mana tidak dibangunkan dan tiada infrastruktur asas seperti palung. Saliran air juga turut menggunakan saliran yang berasaskan tanah.
6.	Sistem saliran air tidak cekap	Saliran air yang sempit menyebabkan air tidak dapat disalurkan ke semua blok tanah. Penduduk menyatakan bahawa 1 saliran air digunakan untuk menampung 3 blok sawah. Kesannya, blok sawah yang berada paling hujung mengalami kesukaran untuk mendapatkan air.
7.	Kekurangan infrastruktur dan kemudahan awam	Jalan Kg Tebu Hitam tidak mempunyai lampu jalan. Penduduk telah membuat permohonan. Agensi berkaitan menyatakan kawasan tidak strategik. Ketiadaan lampu jalan menyebabkan kemalangan berlaku. Kes melibatkan perlanggaran dengan lembu dan traktor dilaporkan. Kekerapan kejadian sekitar 2 hingga 3 kali setahun. Jalan raya rosak akibat kenderaan berat seperti lori.
8.	Kekangan pembangunan dan kemerosotan aktiviti ekonomi rakit	Pendapatan pengusaha rakit dan komuniti yang bergantung kepada hasil sungai terjejas akibat penurunan hasil udang serta kekurangan kemudahan asas. Penduduk memaklumkan hasil udang telah berkurangan sejak kira-kira tiga tahun, yang dipercayai berpunca daripada pencemaran air daripada aktiviti kilang sawit. Pada masa yang sama, pengusaha rakit tidak menerima kemudahan atau sokongan yang mencukupi daripada pihak berkaitan, walaupun kawasan tersebut berpotensi untuk aktiviti agro-pelancongan. Kekurangan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air turut menjadi kekangan kepada pembangunan aktiviti ekonomi setempat.

BIL.	ISU	PENERANGAN
9.	Kekangan peruntukan menjejaskan keberkesanan penyelenggaraan infrastruktur pertanian	Agensi kerajaan seperti IADA tidak mempunyai bajet yang mencukupi. Keadaan ini menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan terpaksa dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan yang tersedia. Pada musim lepas, hanya kerja penyelenggaraan pintu air telah dilaksanakan, manakala projek pembuangan bongkah kayu hanya tertumpu di Blok sawah I. Peserta memaklumkan bahawa blok sawah yang lain juga memerlukan penyelenggaraan dan memohon agar peruntukan ditambah.
10.	Kualiti benih padi yang diragui dan ketelusan rantaian bekalan benih	Benih yang dibekalkan didapati tidak berkualiti sehingga menyebabkan berlakunya banyak padi angin. Penduduk memaklumkan bahawa BERNAS mengambil padi beras untuk dijadikan benih. Namun, tidak melalui proses saringan atau pemilihan khusus untuk tujuan penghasilan benih. Mengikut kuota kilang, pihak tersebut tidak mempunyai kontrak untuk menghasilkan benih, namun masih menjual benih. Perkara ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penduduk.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 2: Dialog bersama Komuniti Petani/Pesawah bertempat di Kg Janglau **Tarikh:** 13 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 4 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Kekeliruan hak milik tanah	Penduduk tidak mempunyai geran tanah walaupun telah menetap lebih 40 tahun. Permohonan telah dibuat kepada agensi kerajaan. Permohonan masih tidak diluluskan. Penduduk memaklumkan individu dengan kod IC "06" lebih mudah mendapat kelulusan berbanding kod IC "02". Penduduk telah menjalankan proses pengukuran tanah dengan bayaran sekitar RM150 bagi setiap lot. Tiada maklum balas rasmi diterima sehingga kini. Penduduk mendakwa permohonan mereka ditolak dengan alasan tertentu. Tanah yang sama kemudiannya dimiliki oleh pihak lain termasuk syarikat luar. Sebahagian tanah dijual kepada syarikat kerana kadar cukai lebih tinggi berbanding individu.
2.	Peningkatan potongan hasil padi	Pesawah memaklumkan potongan hasil padi sebanyak 25 peratus pada tahun 2025. Tujuan potongan tidak dijelaskan. Kadar potongan boleh meningkat sehingga 30 peratus hingga 40 peratus selepas analisis.
3.	Kualiti benih rendah	Pesawah mendakwa bahawa kualiti benih padi tidak dikawal dengan baik. Benih yang diterima didapati berabuk serta bercampur dengan padi angin. Kesannya, kualiti tanaman terjejas. Selain itu, terdapat dakwaan bahawa tarikh pada label benih telah dipalsukan bagi menutup tempoh simpanan yang sebenar. Pesawah turut mempersoalkan ketelusan pihak Jabatan Pertanian Malaysia dalam pengurusan benih padi yang diterima. Antara perkara yang dibangkitkan ialah penggunaan tag atau kad label biru pada guni benih padi. Tag tersebut berfungsi sebagai penanda dan Sijil Pendaftaran Benih Sah bagi menunjukkan kesahihan benih serta menjadi rujukan sekiranya pesawah ingin membuat tuntutan ganti rugi terhadap benih yang rosak. Pesawah mendakwa bahawa tag atau kad label biru tersebut telah digantikan dengan label baharu, walaupun benih berkenaan dipercayai telah lama disimpan. Keadaan ini menimbulkan persoalan dalam kalangan pesawah mengenai tarikh, status dan kesahihan benih yang dibekalkan kepada mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Bekalan benih lewat	Penggunaan broker sebagai pihak perantara telah menyebabkan kelewatan dalam bekalan benih kepada pesawah. Aduan yang dikemukakan juga mengambil masa yang lama untuk ditangani. Oleh itu, jadual tanaman terjejas. Selain itu, bekalan benih yang diterima tidak selaras dengan musim penanaman. Sebagai contoh, benih hanya diterima sekitar bulan Disember, sedangkan keperluan sebenar adalah pada bulan November. Sebelum ini, pihak PPK bertanggungjawab mengurus tempahan dan pengedaran benih lebih awal bagi memastikan keselarasan dengan musim penanaman. Namun, apabila urusan ini dikendalikan oleh broker, tempahan hanya dibuat pada saat akhir. Ini menyebabkan bekalan telah habis ditempah dan pesawah terpaksa menerima benih yang kurang berkualiti dan berhabuk.
5.	Status tanah dan kos sewaan	Tanah Taman Kekal Pengeluaran Negara (TKPM) asalnya diteroka oleh penduduk tempatan. Kawasan kemudiannya digazetkan sebagai tanah persekutuan. Penduduk perlu menyewa tanah untuk meneruskan aktiviti pertanian. Kadar sewaan dicadangkan meningkat daripada RM500 kepada RM1,100 seekar setahun. Perkembangan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan petani terhadap peningkatan kos operasi.
6.	Pantai semakin terhakis	Hakisan pantai berlaku secara berterusan dan semakin menghampiri kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Menurut peserta, kawasan pantai dianggarkan mengalami hakisan sekitar 10 kaki setahun. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan peserta kerana kawasan TKPM berisiko terjejas sekiranya tiada langkah perlindungan seperti pembinaan penahan ombak atau penambakan pantai dilaksanakan. Hakisan pantai turut menyebabkan kemusnahan kemudahan pendaratan ikan. Peserta memaklumkan bahawa pusat pendaratan ikan yang dibina pada tahun 2013 telah musnah akibat hakisan, manakala bangsal ikan yang masih ada semakin terhakis dan sebahagiannya telah rosak. Peserta turut memaklumkan bahawa penduduk bersama JPKK telah mengemukakan permohonan projek perlindungan pantai pada tahun 2023 dan dimaklumkan terdapat peruntukan sebanyak RM19,000. Walau bagaimanapun, penduduk tidak mengetahui status pelaksanaan projek tersebut atau penggunaan peruntukan berkenaan. Permohonan baharu turut dibuat bagi menangani masalah hakisan yang masih berterusan.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 3: Dialog bersama Komuniti Nelayan Laut bertempat di Kg Janglau **Tarikh:** 13 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 3 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Laluan sungai dan pendaratan bot terjejas	Kuala sungai semakin cetek. Laluan bot keluar masuk terjejas. Bot tidak dapat keluar ke laut dalam keadaan tertentu. Aktiviti perikanan terganggu. Bot fiber tidak dapat berlabuh berhampiran pantai kerana keadaan angin kuat dan ombak tinggi menyukarkan proses parkir bot. Penduduk mencadangkan pembinaan benteng bagi melindungi kawasan pendaratan bot.
2.	Pembekuan lesen nelayan	Sebahagian nelayan tidak mempunyai lesen. Permohonan lesen bagi bot fiber telah dibekukan. Nelayan tidak dapat menjalankan aktiviti secara sah. Risiko tindakan penguatkuasaan meningkat.
3.	Kos peralatan tinggi	Nelayan memerlukan sokongan dalam bentuk subsidi bagi pembelian peralatan menangkap ikan berikutan kos yang semakin tinggi, khususnya bagi enjin dan bot. Kebanyakan nelayan menggunakan bot jenis fiber yang turut melibatkan kos penyelenggaraan yang agak tinggi. Sehubungan itu, penduduk mencadangkan agar pihak LKIM mempertimbangkan pemberian subsidi pembelian peralatan seperti yang dilaksanakan oleh Persatuan Peladang Kawasan (PPK), iaitu pada kadar 70 peratus subsidi dan 30 peratus bayaran oleh penerima. Sebagai contoh, bagi peralatan bernilai RM10,000, nelayan hanya perlu membayar sekitar RM3,000 sahaja.
4.	Kelewatan kelulusan bantuan	Permohonan Geran Agropreneur Muda telah dibuat oleh nelayan. Tempoh permohonan melebihi satu tahun. Status permohonan masih dalam proses walaupun telah kemaskini berkali-kali. Prosedur dianggap rumit dan mengambil masa yang lama.

BIL.	ISU	PENERANGAN
5.	Persaingan hasil dengan nelayan luar	Hasil tangkapan nelayan tempatan dilaporkan tidak menentu. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada kehadiran nelayan luar yang turut menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan pantai tersebut. Nelayan luar ini kebanyakannya berasal dari kampung berhampiran dan bukan dalam kalangan nelayan tempatan. Mereka datang memasang pukat di kawasan ini berikutan kekurangan sumber ikan di lokasi asal mereka. Selain itu, terdapat juga nelayan dari kawasan lain. Ini termasuk dari negeri Johor seperti Endau yang berhampiran sempadan. Mereka turut menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan ini.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 4: Dialog bersama Komuniti Orang Asli Kg Tanam **Tarikh:** 14 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 21 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan		
1.	Keluasan tanah adat semakin berkurang	Komuniti Orang Asli memaklumkan bahawa mereka telah menetap di kawasan tersebut secara turun-temurun, namun sehingga kini masih tidak mempunyai geran atau pengiktirafan rasmi terhadap tanah yang diduduki. Menurut komuniti, keluasan tanah yang dahulunya sekitar 800 ekar kini hanya berbaki kira-kira 8 ekar. Sebahagian tanah didakwa telah diambil alih oleh kerajaan dan agensi berkaitan, manakala sebahagian lagi telah diberikan kepada syarikat luar dan individu melalui pemberian geran individu. Keadaan ini turut menimbulkan isu berkaitan sempadan tanah komuniti. Menurut komuniti, seramai 12 orang penduduk, termasuk warga emas, pernah ditangkap atas dakwaan menceroboh tanah yang mereka anggap sebagai tanah sendiri. Sehubungan itu, komuniti menuntut agar kawasan tersebut diiktiraf dan diwartakan sebagai tanah adat. Komuniti turut memohon agar sempadan tanah mereka disahkan secara rasmi bagi melindungi kawasan tersebut daripada pencerobohan serta mengelakkan pertikaian hak tanah pada masa hadapan.
2.	Kurang libat urus dasar (Akta 134)	Komuniti menolak cadangan pindaan Akta 134. Komuniti tidak dilibatkan secara menyeluruh dalam sesi libat urus. Perbincangan hanya melibatkan JAKOA dan Tok Batin. Komuniti hanya diminta mendengar tanpa membuat keputusan. Memorandum cadangan pindaan telah dihantar oleh persatuan. Cadangan tersebut tidak diterima. Komuniti ingin mengetahui kandungan pindaan sebelum dibentangkan. Komuniti mempersoalkan kesan pindaan terhadap kebajikan mereka. Komuniti meminta pengiktirafan tanah adat diselesaikan terlebih dahulu.

BIL.	ISU	PENERANGAN
3.	Sekatan aktiviti hutan	Kawasan hutan semakin berkurangan. Aktiviti pembalakan menebang keseluruhan kawasan termasuk anak pokok. Kawasan hutan ditukar kepada ladang sawit. PERHILITAN telah mewartakan beberapa kawasan hutan. Komuniti tidak dibenarkan memasuki kawasan tersebut. Kawasan tersebut merupakan kawasan tradisi dan kebun nenek moyang. Komuniti memohon kelonggaran untuk memasuki hutan. Syarikat luar mewartakan kawasan untuk projek seperti Projek Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS). Kesannya, kawasan hutan semakin berkurangan. Komuniti bergantung kepada hutan untuk makanan, ubat-ubatan, herba dan sumber air. Kehilangan hutan menjejaskan kehidupan harian.
4.	Konflik manusia dan hidupan liar	Komuniti memaklumkan bahawa penebangan hutan di kawasan sekitar telah menyebabkan haiwan liar semakin memasuki kawasan penempatan penduduk. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk apabila harimau kumbang dilaporkan memasuki kawasan sekolah, manakala gajah turut memasuki kampung dan merosakkan tanaman penduduk. Situasi tersebut menyebabkan penduduk mengambil tindakan sendiri bagi mengawal gangguan haiwan liar, termasuk membunuh gajah yang merosakkan tanaman. Tindakan tersebut kemudiannya menyebabkan pihak penguatkuasa mengambil tindakan terhadap penduduk yang terlibat. Menurut komuniti, penduduk tidak berpuas hati kerana tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap mereka, sedangkan penyelesaian jangka panjang bagi menangani konflik antara penduduk dan hidupan liar masih belum dilakukan oleh agensi berkaitan.
5.	Ketidaksesuaian sistem pendidikan	Silibus pendidikan tidak selari dengan budaya komuniti Orang Asli. Sistem pendidikan dilihat menghakis identiti dan kepercayaan tradisional. Sebahagian individu yang mendapat pendidikan tidak kembali ke kampung. Amalan budaya semakin berkurangan.
6.	Diskriminasi dan keciciran pendidikan	Keadaan diskriminasi dilaporkan dalam kalangan pelajar. Murid menghadapi ejekan berkaitan keadaan fizikal dan pakaian. Keciciran pendidikan berlaku selepas sekolah rendah. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelewatan dalam penyampaian dan penerimaan bantuan pakaian sekolah. Selain itu, Pakaian yang diterima juga tidak sesuai dengan saiz yang diukur. Keadaan ini menyebabkan pelajar yang sebelum ini bersemangat untuk hadir ke sekolah menjadi kurang bersemangat akibat diejek oleh rakan sebaya.

BIL.	ISU	PENERANGAN
7.	Sekatan pemasaran hasil pertanian	Penduduk tidak dapat menjual hasil pertanian secara bebas. Lesen diperlukan untuk memunggah hasil seperti sawit. Pembaharuan lesen disekat bagi tanah tidak bergeran. Penduduk bergantung kepada orang tengah atau syarikat luar. Potongan komisen antara 20 peratus hingga 30 peratus dikenakan. Pendapatan penduduk berkurangan. Hasil tanaman dianggap tidak sah tanpa lesen. Penduduk terpaksa mengikut syarat pihak luar.
8.	Pencemaran sumber air	Pencemaran air sungai berlaku akibat pelepasan sisa kilang. Air sungai berubah warna dan berbau. Kematian ikan berlaku. Spesies ikan dan udang semakin berkurangan. Kesannya, aktiviti menangkap ikan terjejas akan menjadi terjejas.
9.	Birokrasi elaun sara hidup nelayan dan lesen menangkap ikan	Nelayan menerima bantuan sara hidup sekitar RM200. Namun, mereka perlu melalui proses sumpah tahunan di mahkamah bagi mendapatkan atau memperbaharui lesen. Proses tersebut dianggap rumit dan membebankan nelayan. Keadaan ini didakwa menyebabkan sebahagian nelayan kurang berminat untuk meneruskan aktiviti perikanan, seterusnya menyumbang kepada pengurangan bilangan nelayan.
10.	Penyalahgunaan dadah dan ketum	Pengedaran dadah dan air ketum berlaku dalam komuniti. Bekalan dibawa oleh orang tengah dengan harga sekitar RM4 hingga RM5 sebotol, manakala transaksi dilakukan secara tersembunyi. Golongan belia turut dilaporkan terlibat sebagai pengguna dan pengedar kecil dadah serta ketum. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap penglibatan belia dalam penyalahgunaan bahan serta berpotensi menjejaskan kesejahteraan sosial dan keselamatan komuniti.
11.	Bantuan pendidikan semakin berkurang	Bantuan pendidikan kepada pelajar dalam kalangan masyarakat Orang Asli dilaporkan semakin berkurangan. Sebelum ini, ibu bapa Orang Asli dikecualikan daripada pembayaran yuran PIBG bagi anak-anak mereka. Namun, sejak tahun 2020, mereka dikehendaki membayar yuran tersebut atas alasan caj pengurusan. Perubahan ini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan komuniti, khususnya berkaitan beban kewangan tambahan yang perlu ditanggung.

BIL.	ISU	PENERANGAN
12.	Kekangan pembaharuan lesen sawit	Sebelum ini, permohonan lesen kelapa sawit dibuat kepada MPOB melalui JAKOA. Namun, pembaharuan lesen kini tidak dibenarkan atas arahan kerajaan negeri. Sebarang permohonan pembaharuan perlu dilakukan melalui ORACO dan melibatkan prosedur *"tapping right",* iaitu permit atau kebenaran khas untuk menuai dan menjual hasil kelapa sawit yang ditanam di atas tanah kerajaan atau kawasan yang belum diwartakan secara rasmi sebagai tanah milik. Akibatnya, ramai pengusaha kini tidak memiliki lesen sah. Keadaan ini menyebabkan sebahagian daripada mereka terpaksa menggunakan khidmat pihak luar yang menuntut sehingga 30 peratus daripada hasil kelapa sawit.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 5: Dialog bersama Komuniti FELDA Keratong Perantau Damai **Tarikh**: 14 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Akses utiliti terhad	Komuniti generasi kedua FELDA menghadapi masalah mendapatkan bekalan air dan elektrik walaupun rumah mereka telah dibina di atas tanah FELDA. Permohonan penyambungan utiliti tidak mendapat surat sokongan daripada pihak HQ FELDA. Keadaan ini menyebabkan sebahagian penduduk terpaksa menggunakan *generator* sebagai sumber tenaga alternatif dengan kos sekitar RM900 sebulan. Keadaan ini meningkatkan beban kewangan penduduk dan menyukarkan mereka untuk menikmati kemudahan asas yang sepatutnya tersedia di kawasan kediaman mereka.
2.	Janji pemilikan tanah tidak ditunaikan	Penduduk generasi kedua telah dijanjikan tanah oleh FELDA. Namun, janji ini belum ditunaikan dan tanah yang dijanjikan kini dipajak untuk tanaman nanas. Terdapat penduduk yang berharap untuk membina rumah sendiri sekiranya hanya tanah disediakan oleh FELDA. Pegawai lama yang terlibat telah diberhentikan dan pegawai baru tidak mempunyai maklumat tentang permohonan terdahulu.
3.	Akses kemudahan awam tidak saksama	Penggunaan dewan orang ramai, Dewan Semarak Bakti, didakwa disekat bagi pihak yang dianggap tidak sehaluan secara politik. Ini menyebabkan sebahagian komuniti tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut.
4.	Infrastruktur sekolah daif	Infrastruktur sekolah di kawasan FELDA juga daif. Pintu tandas SMK Rantau Damai telah rosak dan SK Rantau Damai sukar mendapatkan dana bagi baik pulih kemudahan sekolah. Peruntukan RM70,000 bagi setiap sekolah tidak mencukupi disebabkan ketirisan pelaksanaan. Prosedur KPM yang ketat menyukarkan PIBG membawa masuk penyumbang luar untuk tindakan segera.

BIL.	ISU	PENERANGAN
5.	Kurang pendedahan pendidikan dan *TVET*	Pelajar sekolah menengah kurang berminat belajar dan tidak mendapat pendedahan tentang *TVET*. Penduduk menginginkan maklumat tentang hala tuju pelajar selepas tamat SPM.
6.	Masalah sosial komuniti	Isu sosial turut menjejaskan komuniti. Terdapat lima rumah judi yang beroperasi, walaupun diserbu polis, premis kembali beroperasi kerana denda rendah. Dadah turut berleluasa, melibatkan peneroka dan anak peneroka, termasuk kecurian buah sawit untuk mendapatkan bekalan dadah. Aktiviti perjudian dan dadah menjejaskan kesejahteraan belia dan struktur sosial komuniti.
7.	Sistem saliran lemah	Banjir berpunca daripada pembinaan kedai di laluan air utama. Air hujan bertakung kerana parit tidak sistematik. Cadangan penyelesaian termasuk merobohkan struktur yang menghalang aliran air atau memindahkan peniaga ke tapak bukan kawasan tadahan air
8.	Kebimbangan isu kesihatan dan sosial	Ancaman kesihatan awam meningkat melalui pendedahan gaya hidup LGBTQ dan HIV melalui aplikasi sosial, memberi kesan kepada modal insan FELDA masa depan.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 6: Dialog bersama Komuniti FELDA Keratong 1-5 **Tarikh:** 15 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Kekurangan peluang pekerjaan	Kekurangan peluang pekerjaan di perkampungan FELDA memberi kesan negatif kepada generasi ke-2 FELDA terutamanya selepas pandemik *Covid-19*. Sebagai contoh, mereka hanya bergantung kepada peniagaan iaitu penjualan di tapak jualan Pasar Pagi D'Sawit. Tapak jualan ini merupakan satu inisiatif pemimpin tempatan di sana bagi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Tok Empat bercadang untuk menukar status tapak perniagaan daripada tanah *reserve* FELDA bagi membantu ekonomi penduduk tempatan dan membina empat gerai dengan sistem syif (pagi, tengah hari, malam) supaya lebih ramai peniaga boleh menggunakan premis tersebut.
2.	Penyelenggaraan infrastruktur lemah	Tindakan agensi kerajaan yang acuh tak acuh menyebabkan kerosakan yang berlaku semakin teruk dan membahayakan pengguna dan penduduk. Penduduk turut bercerita mengenai jalan runtuh di sekitar Selanchar 5 dan Selanchar 3 yang mana pada awalnya jalan tersebut hanyalah runtuh sedikit. Namun, tindakan daripada JKR hanyalah dengan menutup kawasan tersebut menggunakan canvas dan dibiarkan sehinggalah menjadi teruk. Penduduk turut menyatakan bahawa jalan runtuh ini diakibatkan oleh tanah mendap yang berlaku di bawah jalan tersebut. Tanah menjadi mendap kerana adanya saliran air dibawah tanah dan diterukkan lagi dengan aktiviti pemandu lori yang sering parking di kawasan tersebut.
3.	Pencemaran sungai	Pencemaran sungai berlaku akibat kilang sawit yang mengalami kerosakan *treatment plant*. Air sungai bertukar hitam dan memerlukan seminggu untuk proses pembersihan. Nelayan sukar mendapatkan hasil ikan, manakala loji rawatan air terpaksa ditutup, menyebabkan kawasan FELDA bergantung kepada lori air. Penduduk mendakwa pihak kilang hanya membuang efluen terus ke sungai dan proses pembersihan kurang memuaskan.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Gangguan bekalan air	Gangguan bekalan air juga berlaku. Air disalurkan dari Rekoh ke Selancar, tetapi sepanjang saluran terdapat kebocoran yang menyebabkan hanya 60 peratus bekalan sampai ke penduduk. Tekanan air rendah dan perlahan menyukarkan penggunaan harian, lebih-lebih lagi semasa musim perayaan.
5.	Penguatkuasaan tidak seimbang	Penguatkuasaan JPJ dikritik kerana tidak seimbang. Lori sawit generasi kedua dikenakan saman berganda untuk kesalahan roadtax, insurans, dan muatan berlebihan, sedangkan lori balak jarang dikenakan tindakan. Kelewatan pelunasan bayaran kontrak sawit dan tiada bonus raya turut menjejaskan ekonomi komuniti.
6.	Isu status dan kelulusan tanah	Permohonan tanah dan geran di pejabat tanah mengambil masa lama dan kadang-kadang tiada jawapan. Terdapat kekeliruan antara status Tanah *Reserve* FELDA dan Tanah Kerajaan Negeri , menyebabkan penduduk keliru mengenai hak milik sebenar. Pembahagian lot rumah generasi kedua di Keratong 5 juga didakwa tidak telus.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 7: Dialog bersama NGO Rompin Makmur **Tarikh:** 15 Februari **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Kebimbangan persediaan pelajar menghadapi SPM	Remaja di kawasan FELDA menunjukkan peningkatan penglibatan dalam aktiviti lumba haram, melepak, dan pengambilan dadah. NGO telah mencadangkan program bimbingan akademik dan motivasi, khususnya berkaitan persediaan menghadapi SPM dan kemasukan ke IPT, bagi memberi input berguna kepada golongan ini.
2.	Institusi keluarga yang ramai dalam satu rumah	Ramai ibu tunggal berusia di bawah 40 tahun kembali menetap di rumah ibu bapa selepas bercerai atau kematian suami. Sesetengah rumah menampung lebih daripada satu keluarga, mengakibatkan risiko berlakunya zina, sumbang mahram, dan kes rogol. Penduduk menyatakan bahawa kos sewa rumah sekitar RM500–RM600 sebulan terlalu tinggi dan rumah sewa sukar diperoleh.
3.	Kemudahan rekreasi tidak mencukupi	Gelanggang badminton dan futsal tidak diselenggara dengan baik. Penduduk terpaksa menggunakan dewan FELDA untuk bermain badminton. Wanita muslimah memohon dewan tertutup untuk aktiviti fizikal seperti zumba dan aerobik.
4.	Ketidakadilan penyaluran bantuan	Komuniti melaporkan pegawai JKM menilai ibu tunggal secara tidak adil, termasuk berdasarkan pemakaian atau pemilikan kenderaan yang dipinjam. Terdapat insiden kritikal di mana pesakit kanser tahap empat ditolak bantuan dengan alasan penampilan fizikal. Kekurangan data bancian ibu tunggal yang dikemas kini menyukarkan penyaluran bantuan saksama.
5.	Keselamatan komuniti terjejas	Penduduk FELDA melaporkan kebimbangan yang serius terhadap jenayah rompakan bersenjata yang dilakukan oleh warga asing di kawasan itu. Kejadian tersebut menimbulkan rasa takut dalam kalangan penduduk dan mengganggu keselamatan harian.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN
FGD 8: Dialog bersama Komuniti Tapak STR Perwira Jaya **Tarikh:** 15 Februari 2026 **Bilangan peserta:** 6 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan		
1.	Ketiadaan bekalan air bersih dan kemudahan asas di kawasan Skim Tanah Rakyat (STR)	Penduduk di kawasan STR yang telah membina rumah masih tidak mempunyai bekalan air bersih, elektrik dan jalan yang sempurna. Mereka terpaksa bergantung kepada air tadahan hujan, tangki dan tenaga solar untuk keperluan harian. Penggunaan sumber air yang tidak diketahui status kebersihan dan keselamatannya turut menimbulkan risiko kesihatan kepada penduduk. Keadaan ini lebih membebankan penduduk yang mempunyai ahli keluarga uzur. Selain itu, pemasangan bekalan elektrik oleh TNB masih terhalang kerana kekurangan akses jalan dan pencawang elektrik yang sesuai. Kekurangan kemudahan asas ini menyebabkan sebahagian besar rumah yang telah dibina masih belum dapat diduduki.
2.	Kawasan STR menjadi lokasi tumpuan penganggur dan penagih dadah	Kawasan STR yang belum didiami sepenuhnya telah menjadi lokasi tumpuan penganggur dan penagih dadah berusia 20-40 tahun. Terdapat kecurian bateri jentera, vandalisme, dan penggunaan rumah terbengkalai untuk kegiatan dadah. Masalah ini menimbulkan rasa tidak selamat di kalangan penduduk yang telah menetap.
3.	Ancaman haiwan liar	Populasi anjing liar dari ladang KMT menyerang penduduk, mengejar kanak-kanak, dan memasuki kawasan masjid. Seorang kanak-kanak dilaporkan digigit pada tahun 2022, menimbulkan ketakutan dan gangguan kepada aktiviti harian penduduk.

BIL.	ISU	PENERANGAN
4.	Keselamatan jalan raya lemah	Jalan utama Kuantan-JB yang melalui STR masih gelap kerana tiada lampu jalan, menyebabkan kemalangan maut melibatkan lori balak, lembu melintas, dan kenderaan penduduk. Beberapa mangsa mengalami kecederaan serius atau meninggal dunia akibat ambulans lambat sampai. Keadaan ini memberi tekanan tambahan kepada komuniti dan menekankan keperluan infrastruktur jalan yang selamat.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan

Pendidikan dan pembangunan modal insan merupakan antara isu yang perlu diberi perhatian di Parlimen Rompin, khususnya melibatkan komuniti Orang Asli, pelajar di kawasan FELDA serta golongan belia. Berdasarkan perbincangan bersama komuniti dan pihak berkepentingan, cabaran pendidikan di Rompin bukan sahaja berkaitan akses kepada kemudahan pendidikan, tetapi turut melibatkan keciciran, diskriminasi dalam kalangan pelajar, ketidaksesuaian sistem pendidikan dengan konteks budaya Orang Asli serta kekurangan pendedahan kepada laluan pendidikan dan kerjaya selepas sekolah. Keadaan ini berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap peluang pendidikan, kebolehpasaran belia dan pembangunan sosioekonomi generasi muda di kawasan luar bandar.

Diskriminasi dan keciciran pendidikan

Isu diskriminasi dan keciciran pendidikan merupakan antara cabaran yang dibangkitkan dalam kalangan pelajar di Parlimen Rompin. Berdasarkan maklum balas komuniti, terdapat murid yang berhadapan dengan ejekan berkaitan keadaan fizikal dan pakaian, yang boleh menjejaskan keyakinan diri serta pengalaman mereka di sekolah. Selain itu, keciciran pendidikan turut berlaku selepas peringkat sekolah rendah, khususnya apabila pelajar berhadapan dengan kekangan sokongan keluarga dan pendidikan. Bantuan pendidikan seperti pakaian sekolah turut menjadi isu yang membebankan keluarga. Bantuan yang diterima dilaporkan mengalami kelewatan dan sebahagiannya tidak bersesuaian dengan saiz pelajar. Dalam keadaan tertentu, bantuan tersebut kemudiannya dihentikan dan ibu bapa terpaksa menanggung sendiri kos penyediaan pakaian sekolah. Bagi keluarga berpendapatan rendah, keadaan ini boleh menjadi beban tambahan dan berpotensi mempengaruhi keupayaan mereka menyediakan keperluan persekolahan anak-anak secara berterusan. Dapatan ini selari dengan kajian Mohd Nor, Sukimi dan Mohd Nor (2018) terhadap pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin yang mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam pendidikan dipengaruhi oleh faktor keluarga, jarak sekolah, kemudahan pengangkutan, peranan guru, rakan sebaya dan kemudahan pembelajaran. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa keciciran dan penyertaan pendidikan perlu dilihat daripada aspek sokongan pendidikan secara menyeluruh dan bukan hanya daripada minat pelajar.

Ketidaksesaian sistem pendidikan dengan konteks komuniti orang asli

Cabaran pendidikan turut lebih ketara dalam kalangan komuniti Orang Asli, khususnya di kawasan seperti Kampung Tanam. Sistem pendidikan yang dilihat kurang mengambil kira latar budaya, kepercayaan dan cara hidup komuniti Orang Asli boleh mewujudkan jurang antara pendidikan formal dengan kehidupan seharian pelajar. Keadaan ini bukan

sahaja berpotensi menyumbang kepada keciciran, malah menimbulkan kebimbangan terhadap penghakisan identiti dan amalan tradisional komuniti. Sebahagian individu yang memperoleh pendidikan formal juga dilaporkan tidak kembali ke kampung selepas melanjutkan pendidikan atau mendapatkan pekerjaan. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh menyebabkan semakin berkurangnya penglibatan generasi muda dalam aktiviti serta amalan budaya tradisional. Oleh itu, cabaran pendidikan bagi komuniti Orang Asli perlu dilihat secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira bukan sahaja pencapaian akademik, tetapi juga keperluan mengekalkan identiti budaya dan memastikan pendidikan dapat meningkatkan peluang kehidupan tanpa memutuskan hubungan generasi muda dengan komuniti asal. Kajian Mohd Nor et al. (2018) di Rompin turut menunjukkan bahawa pelajar Orang Asli Jakun semakin mempunyai pandangan positif terhadap pendidikan dan pemilihan kerjaya. Namun, penglibatan mereka dalam pendidikan masih dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti keluarga, guru, rakan sebaya, pengangkutan dan kemudahan pembelajaran. Dapatan ini menunjukkan kepentingan menyediakan sistem pendidikan yang mengambil kira konteks dan keperluan komuniti Orang Asli.

Kekurangan pendedahan kepada laluan pendidikan dan kerjaya

Di kawasan FELDA, isu pendidikan turut berkait dengan tahap pendedahan pelajar terhadap peluang pendidikan dan laluan kerjaya selepas tamat persekolahan. Pelajar dilaporkan kurang mendapat pendedahan yang mencukupi berkaitan laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*TVET*), institusi pengajian tinggi serta pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kemahiran dan keperluan pasaran pekerjaan. Kekurangan maklumat dan bimbingan kerjaya pada peringkat sekolah boleh menyebabkan pelajar kurang memahami pilihan yang tersedia selepas SPM. Dapatan ini disokong oleh kajian Risauddin dan Rozali (2025) yang dijalankan di Kuala Rompin. Kajian tersebut mendapati bahawa penglibatan pelajar luar bandar dalam *TVET* dipengaruhi oleh kekurangan pendedahan dan promosi, sokongan pendidikan yang terhad, kekangan ekonomi serta persepsi sosial terhadap laluan vokasional. Keadaan ini menjadi lebih penting dalam konteks kawasan luar bandar seperti FELDA kerana pilihan kerjaya dan pendidikan sering dilihat dari sudut pekerjaan tradisional atau peluang pekerjaan yang terdapat di kawasan setempat. Tanpa pendedahan awal kepada pelbagai laluan pendidikan dan kemahiran, sebahagian pelajar mungkin kurang terdorong untuk meneruskan pengajian atau mengikuti latihan kemahiran yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka. Oleh itu, bimbingan akademik, kerjaya dan pendedahan kepada *TVET* perlu diperkukuh sebagai sebahagian daripada usaha membangunkan modal insan belia di Rompin.

Masalah sosial dan pembangunan belia

Isu pendidikan di Rompin turut mempunyai kaitan dengan perkembangan masalah sosial dalam kalangan remaja, khususnya di kawasan FELDA. Berdasarkan maklum balas yang diterima, terdapat peningkatan penglibatan sebahagian remaja dalam aktiviti lumba haram (rempit), melepak dan pengambilan dadah. Kekurangan aktiviti pembangunan belia yang berterusan, bimbingan akademik serta ruang untuk aktiviti positif boleh meningkatkan risiko remaja terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat. Kajian sistematik terkini mengenai masalah disiplin dalam kalangan remaja FELDA turut mengenal pasti pengaruh keluarga dan rakan sebaya sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah tingkah laku. Kajian tersebut juga mencadangkan sokongan akademik, kaunseling berkumpulan dan intervensi berasaskan komuniti sebagai antara pendekatan perlindungan yang boleh membantu golongan remaja. Dalam konteks ini, intervensi terhadap masalah sosial belia tidak seharusnya hanya tertumpu kepada aspek penguatkuasaan, tetapi perlu disokong dengan program pembangunan dan pencegahan yang bersifat berterusan. NGO tempatan telah mencadangkan program bimbingan akademik dan motivasi, khususnya bagi membantu pelajar membuat persediaan menghadapi SPM serta memahami peluang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Program seperti ini berpotensi menyediakan sokongan yang lebih dekat dengan komuniti, di samping membantu remaja membina aspirasi pendidikan dan kerjaya yang lebih jelas.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Diskriminasi dan ejekan dalam kalangan pelajar berkaitankeadaan fizikal dan pakaian. 2. Keciciran pendidikan selepas peringkat sekolah rendah. 3. Kelewatan dan ketidaksesuaian bantuan pakaian sekolah, menyebabkan keluarga perlu menanggung kos sendiri. 4. Sistem pendidikan yang kurang selari dengan budaya, kepercayaan dan identiti komuniti Orang Asli. 5. Kurang pendedahan kepada laluan *TVET*, institusi pengajian tinggi dan pilihan kerjaya. 6. Penglibatan sebahagian remaja dalam aktiviti sosial berisiko seperti lumba haram (rempit), melepak dan pengambilan dadah.

	7. Kekurangan program bimbingan akademik, motivasi dan pembangunan belia secara berterusan.
Cadangan Penyelesaian	1. Memperkukuh program pencegahan keciciran dan sokongan pendidikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. 2. Menambah baik sistem penyampaian bantuan pendidikan supaya diberikan tepat pada masa dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. 3. Membangunkan pendekatan pendidikan yang lebih sensitif terhadap budaya dan identiti komuniti Orang Asli. 4. Memperluas program pendedahan *TVET*, institusi pengajian tinggi dan bimbingan kerjaya kepada pelajar luar bandar. 5. Menganjurkan program bimbingan akademik, motivasi dan pembangunan sahsiah secara berkala. 6. Memperkukuh aktiviti pembangunan belia dan aktiviti komuniti yang positif sebagai alternatif kepada penglibatan dalam aktiviti sosial berisiko.Menganjurkan bengkel pemasaran dan penjenamaan secara praktikal.
Kumpulan Sasaran	Pelajar sekolah
Kawasan	DUN Bukit Ibam
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapatkan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina

	ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat	Sasaran 16.2: Menghentikan penderaan, eksploitasi, pemerdagangan dan semua bentuk keganasan dan penyeksaan terhadap kanak-kanak

4.2.2 Pengutamaan Isu 2 dan 3: Pengukuhan Ekonomi Komuniti Luar Bandar

Parlimen Rompin mempunyai struktur ekonomi yang banyak bergantung kepada sektor pertanian dan aktiviti perniagaan kecil. Berdasarkan Banci Pertanian 2024, daerah Rompin merekodkan 30,976 orang yang bekerja dalam sektor pertanian pada tahun 2023, iaitu antara yang tertinggi di Pahang. Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama pekerjaan pertanian di negeri ini. Kebergantungan yang tinggi terhadap sektor ini menjadikan akses pasaran, peluang pekerjaan dan pengukuhan aktiviti ekonomi setempat penting kepada kesejahteraan komuniti

Sekatan pemasaran hasil pertanian

Penduduk berdepan kekangan untuk memasarkan hasil pertanian secara bebas, khususnya apabila melibatkan keperluan lesen dan status tanah yang tidak mempunyai geran. Keadaan ini menyebabkan sebahagian penduduk bergantung kepada orang tengah atau syarikat luar, dengan potongan komisen yang dilaporkan antara 20 peratus hingga 30 peratus. Situasi tersebut mengurangkan pendapatan bersih penduduk dan mengehadkan kuasa tawar-menawar mereka dalam menentukan harga hasil. Kebergantungan Rompin terhadap sektor pertanian turut disokong oleh data DOSM. Banci Pertanian 2024 merekodkan 3,262 pegangan pertanian individu bagi tanaman kelapa sawit di daerah Rompin pada tahun 2023, dengan 2,282 pemegang berstatus berkahwin dan 892 berstatus balu atau duda. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu akses pasaran dan rantaian pemasaran mempunyai implikasi yang besar terhadap pendapatan isi rumah yang bergantung kepada pertanian.

Kekurangan peluang pekerjaan bagi generasi kedua FELDA

Kekurangan peluang pekerjaan di kawasan perkampungan FELDA memberi kesan khusus kepada generasi kedua FELDA, terutamanya golongan muda yang tidak lagi melihat sektor pertanian tradisional sebagai satu-satunya sumber pekerjaan. Berdasarkan maklum balas komuniti, peluang pekerjaan setempat masih terhad selepas pandemik Covid-19, menyebabkan sebahagian penduduk bergantung kepada perniagaan kecil atau perlu mencari pekerjaan di luar kawasan. Sebagai alternatif, Pasar Pagi D'Sawit menjadi salah satu ruang yang menyediakan peluang pendapatan kepada penduduk melalui perniagaan kecil. Namun, kapasiti ruang perniagaan yang terhad menyebabkan tidak semua penduduk dapat menyertai aktiviti tersebut. Terdapat

cadangan untuk membangunkan empat buah gerai dengan sistem syif pagi, tengah hari dan malam. Ianya membolehkan lebih ramai peniaga menggunakan kemudahan yang sama. Keperluan untuk memperkukuh peluang pekerjaan setempat adalah selari dengan kepentingan sektor pertanian Rompin sebagai sumber ekonomi. Data DOSM menunjukkan bahawa Rompin menyumbang RM1.52 bilion dalam perbelanjaan sektor pertanian pada 2023, kedua tertinggi antara daerah di Pahang. Justeru, pembangunan peluang pekerjaan baharu perlu mengambil kira potensi sektor pertanian, pemprosesan hasil, perniagaan kecil dan aktiviti ekonomi hiliran.

Keterbatasan ruang perniagaan dan infrastruktur sokongan ekonomi

Keterbatasan ruang perniagaan turut mengehadkan peluang penduduk untuk menjana pendapatan secara lebih konsisten. Walaupun terdapat inisiatif seperti Pasar Pagi D'Sawit, kemudahan sedia ada masih memerlukan penambahbaikan dari segi kapasiti dan pengurusan. Cadangan pembangunan gerai secara sistem syif berpotensi mengoptimumkan penggunaan ruang dan membuka peluang kepada lebih ramai penduduk, khususnya generasi kedua FELDA, untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

Secara keseluruhannya, isu ekonomi komuniti di Parlimen Rompin berkait rapat dengan akses kepada pasaran pertanian, keterbatasan peluang pekerjaan dan kekurangan ruang perniagaan. Dengan kedudukan Rompin sebagai antara daerah utama Pahang dari segi pekerjaan dan aktiviti pertanian, pengukuhan rantaian ekonomi tempatan berpotensi meningkatkan pendapatan penduduk serta mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih dekat dengan komuniti.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2 dan 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan peluang pekerjaan di kawasan perkampungan FELDA, khususnya bagi generasi kedua FELDA 2. Keterbatasan peluang perniagaan dan aktiviti ekonomi setempat untuk menjaga pendapatan 3. Kekurangan ruang dan kemudahan perniagaan yang sesuai untuk penduduk menjalankan aktiviti keusahawanan 4. Kebergantungan kepada sektor pertanian tradisional dan penghijrahan golongan muda untuk mendapatkan peluang pekerjaan di luar kawasan

Cadangan	1. Mewujudkan program latihan kemahiran dan keusahawanan khusus untuk generasi kedua FELDA 2. Memperluas aktiviti ekonomi hiliran berasaskan pertanian pemprosesan dan pemasaran hasil tempatan 3. Menaik taraf Pasar Pagi D'Sawit sebagai pusat perniagaan komuniti yang lebih tersusun 4. Membina empat buat gerai dengan sistem syif bagi membolehkan lebih ramai penduduk menjalankan perniagaan 5. Menyediakan bimbingan keusahawanan dan akses pembiayaan kepada penduduk yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan
Kumpulan Terjejas	Penduduk berpendapatan rendah
Kawasan	Parlimen Rompin
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantaian nilai dan pasaran.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga (3) projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Rompin bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Pusat Celik Membaca	Projek Hab Komuniti Aloe Vera Garong: Nurseri, Latihan, Pemprosesan Asas dan Pemasaran Digital	Program Penjanaan Pendapatan Melalui Kraf tangan Kawat Bulu
SDG Berkaitan	SDG 1,3,4,10	SDG 5,8,12,15	SDG 1,5,8,12
Objektif	Projek ini bertujuan menangani isu keciciran pelajar dalam pendidikan di kawasan luar bandar, khususnya dalam kalangan mereka yang mengalami masalah buta huruf. Kelemahan penguasaan asas membaca dan menulis menyebabkan sebahagian pelajar sukar mengikuti pembelajaran di sekolah, seterusnya meningkatkan risiko keciciran akademik.	Projek Hab Komuniti Aloe Vera Garong bertujuan bagi mewujudkan nurseri bersama, petak demonstrasi, latihan pembiakan, pengendalian lepas tuai, pembangunan prototaip produk bukan ubat dan pemasaran digital. Matlamatnya ialah membina kemahiran, mewujudkan tugasan berbayar serta membuka saluran jualan anak pokok dan daun segar, sambil memastikan aset projek digunakan dan dipantau secara bersama.	Projek melibatkan perancangan 12 aktiviti latihan dalam tempoh 3 bulan kepada 10 orang peserta wanita dan komuniti B40. Input utama merangkumi jurulatih kraftangan berpengalaman, tempat latihan, modul praktikal, starter kit, bahan mentah *seperti pipe cleaner, glue gun, ribbon, frame*, pasu, bahan *packaging* serta latihan asas pemasaran digital dan pengurusan kewangan.
Hasil Jangkaan	Peningkatan tahap literasi peserta dalam tempoh 4 bulan. Pada akhir program, peserta dijangka mampu membaca perkataan tiga suku kata dengan lebih lancar serta memahami	Satu nurseri komuniti dan petak demonstrasi berfungsi; 15 peserta menamatkan sekurang-kurangnya 80 peratus latihan; 500 pokok direkodkan dengan sasaran kadar hidup 80 peratus	Peserta mampu menghasilkan produk *handmade* berkualiti seperti bunga hiasan, *bouquet* mini, *frame* bunga dan pasu hiasan. Peserta juga mampu mengira kos,

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	asas pembacaan mudah. Di samping itu, peserta juga berupaya menulis perkataanperkataan terpilih dengan betul dan konsisten.	pada bulan keenam; tiga prototaip/penawaran berkos dan berlabel tanpa tuntutan perubatan; dua saluran jualan fizikal dan digital; serta rekod pengeluaran, jualan, upah peserta dan penyelenggaraan aset yang disemak setiap bulan.	menetapkan harga jualan, membuat rekod jualan mudah, menyediakan pembungkusan yang menarik dan memasarkan produk melalui *WhatsApp, Facebook, TikTok* serta *showcase* jualan komuniti.
Organisasi	Pertubuhan Kebajikan Rompin Makmur	Alam Garong Enterprise	Nuha Solution Resources
Aktiviti	Projek ini akan memberi tumpuan kepada bimbingan asas literasi melalui sesi pembelajaran berstruktur yang dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dalam bidang pendidikan literasi. Selain itu, peserta turut diberikan latihan menulis perkataan terpilih sebagai pengukuhan kemahiran membaca dan menulis secara serentak.	Projek ini akan memberi tumpuan kepada penanaman aloe vera di ban tali air Blok B Paya Setajam sebelum dibangunkan sebagai ruang pembelajaran dan rantaian pendapatan komuniti yang tersusun.	Peserta akan mengikuti 12 aktiviti latihan praktikal bermula Julai hingga September 2026. Latihan merangkumi penghasilan produk kraftangan menggunakan pipe cleaner/kawat bulu, pembungkusan, pengiraan kos, rekod jualan dan pemasaran digital. Peserta turut dibekalkan bahan dan peralatan asas bagi membantu mereka memulakan penghasilan produk serta menjana pendapatan tambahan dari rumah.
Jumlah (RM)	RM 40,000	RM 40,000	RM 40,000

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Lokasi	DUN Bukit Ibam, Rompin	Kampung Garong, Sarang Tiong, Rompin	Kampung Mukim Endau, Tanjung Gemok, Rompin
Tempoh	12 Minggu	12 Minggu	12 Minggu

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia. “P.091 Rompin Kawasanku.” OpenDOSM. 2020. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Pahang/parlimen/P.091%20Rompin.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Agriculture Census 2024: Pahang – Employment and Salaries & Wages*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2026.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Pertanian 2024: Tanaman Kelapa Sawit, Pahang 2023*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Kawasanku: P.091 Rompin*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025.

Khalid, Nurul Fazzuan, Nor Shafrin Ahmad, Syed Mohamad Syed Abdullah, Akrimi Maswa Mohd Sahell, and Usman Isah. “Disciplinary Problems Among FELDA Adolescents: A Systematic Literature Review.” *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 40, no. 3 (2025): 707–732. https://doi.org/10.21315/apjee2025.40.3.27.

Mohd Nor, Mohd Muizzuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, and Mohd Nasaruddin Mohd Nor. “Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang.” *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 14, no. 1 (2018): 72–86. https://doi.org/10.17576/geo-2018-1401-06.

Risauddin, Wan Nurfariza Izzati Wan Ahmad, and Mohd Zulfadli Rozali. “Exploring the Factors Influencing School Students’ Involvement in TVET: A Case Study in Kuala Rompin.” *Research and Innovation in Technical and Vocational Education and Training* 5, no. 2 (2025): 154–162. https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.02.019.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) meneruskan usaha APPGM-SDG mendokumentasikan realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi melalui kajian lapangan yang tersusun. Pada tahun 2026, gerak kerja ini melibatkan 16 kawasan parlimen baru di seluruh Malaysia yang merangkumi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak.

Nilai utama kompilasi yang terdiri daripada 6 jilid ini terletak pada pendekatan berasaskan bukti dan penglibatan langsung bersama komuniti. Suara penduduk, pemimpin tempatan, agensi kerajaan, organisasi masyarakat dan pihak berkepentingan dihimpunkan untuk mengenal pasti keutamaan setempat, memahami punca dan kesan sesuatu isu, serta menyokong pembentukan cadangan intervensi yang lebih bersasar.

Kompilasi yang sedia ada merangkumi laporan-laporan kajian pemetaan isu yang menyusun dapatan kajian mengikut latar kawasan, metodologi, isu rentas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), maklum balas daripada pihak berkepentingan serta pengenalpastian awal cadangan penyelesaian. Bahan visual dan catatan hasil libat urus turut digunakan untuk memberikan konteks yang lebih jelas serta mengekalkan suara komuniti dalam keseluruhan analisis.

Terbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6)* ini diharapkan menjadi rujukan praktikal kepada pembuat dasar, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik dan pemimpin komuniti. Dengan berlandaskan realiti lapangan, hasil dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat menyokong tindakan yang lebih responsif, terukur dan berimpak kepada masyarakat di parlimen-parlimen di seluruh Malaysia.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-53-2